UNDANG-UNDANG MALAYSIA

AKTA KASTAM 1967 (AKTA 235),

PERATURAN-PERATURAN & PERINTAH TERPILIH

(HINGGA 5HB FEBRUARI 2022)



International Law Book Services

ILBS

Trusted Name In Law

AKTA KASTAM 1967 (AKTA 235),
PERATURAN-PERATURAN & PERINTAH TERPILIH

(HINGGA 5HB FEBRUARI 2022)

Disusun oleh:
Lembaga Penyelidikan Undang-Undang



International Law Book Services
[000542113-V]
WISMA ILBS,
No. 10, Jalan PJU 8/5G,
Bandar Damansara Perdana,
47820 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.
Tel: 03-77274121/77274122/77273890/77283890
Faks: 03-77273884
E-mel: ilbslaw@gmail.com
Laman web: www.malaysialawbooks.com

2022

Pengedar Tunggal

GOLDEN BOOKS CENTRE SDN. BHD., [142884-T]
WISMA ILBS,
No. 10, Jalan PJU 8/5G,
Bandar Damansara Perdana,
47820 Petaling Jaya,
Selangor Darul Ehsan.
Tel: 03-77273890/77283890/77274121/77274122
Faks: 03-77273884
E-mel: ilbslaw@gmail.com
Laman web: www.goldenbookscentre.com

Penterjemahan dalam Bahasa Malaysia dibuat oleh ILBS.

Anggota Persatuan Penerbit Buku Malaysia
Nombor Ahli: 8505

Kod: RV5-235(C)-10-220205

Dicetak oleh: SS Graphic Printers (M) Sdn. Bhd. [252774-K],
No. 7 & 8, Jalan TIB 3, Taman Industri Bolton,
68100 Batu Caves, Selangor D. E.

ISBN: 978-967-89-2920-2

KANDUNGAN

AKTA KASTAM 1967

(Akta 235)

SUSUNAN SEKSYEN

BAHAGIAN I

PERMULAAN

Seksyen

BAHAGIAN II

PELANTIKAN DAN KUASA PEGAWAI

BAHAGIAN IIA

KETETAPAN KASTAM DAN KETETAPAN AWAM

Bahagian III

MELEVI DUTI KASTAM

Seksyen

Bahagian IV

PENGIMPORTAN DAN PENGEKSPORTAN

BAHAGIAN IVA

TRANSIT DAN PINDAH KAPAL

Bahagian V

PELEPASAN PELABUHAN

Seksyen

36. Vesel yang tiba, hendaklah dilaporkan dan menunjukkan surat melainkan jika dikecualikan.

37. Tiada vesel boleh belayar tanpa pelepasan pelabuhan melainkan jika dikecualikan.

38. Pelepasan pelabuhan sebelum berlepas.

39. Vesel yang dikecualikan daripada mendapatkan pelepasan pelabuhan.

40. Nakhoda vesel yang tidak belayar dalam masa 48 jam selepas pelepasan pelabuhan dikeluarkan hendaklah melapor kepada pegawai kastam yang hak.

41. Bila pelepasan boleh ditolak.

42. Pemakaian kepada pesawat udara.

Bahagian VI

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN AM MELIBATKAN VESEL DALAM PERAIRAN WILAYAH

43. Nakhoda vesel hendaklah mematuhi isyarat daripada vesel pencegah dan arahan oleh seorang pegawai kastam.

44. Terapung-apung.

45. Barang-barang yang tidak dijelaskan hendaklah disifatkan sebagai tidak berkastam.

46. Barang-barang yang hilang hendaklah disifatkan sebagai telah didaratkan dengan menyalahi undang-undang.

47. Pegawai kastam yang hak boleh menaiki vesel di sesuatu pelabuhan kastam.

48. Kuasa untuk menutup rapat-rapat dan mengunci dengan rapi *hatchways*, barang-barang dsb., dan penggunaan storan kapal.

49. Larangan membawa barang-barang berduti dalam pesawat tempatan.

50. Pukal tidak boleh dipecah, dsb.

51. Pemakaian kepada pesawat udara.

Bahagian VII

MANIFES

52. Nakhoda atau ejen untuk vesel yang tiba hendaklah menyerahkan manifes yang lengkap.

53. (*Dipotong*).

54. Orang yang bertanggungjawab ke atas lancang tempatan hendaklah membuat perisytiharan apabila tiba.

BAHAGIAN VIIIA

PANGKALAN BEKALAN PETROLEUM

BAHAGIAN IX

PERISYTIHARAN TENTANG BARANG-BARANG

A—Barang-barang berduti

B—Barang-barang tidak berduti

Seksyen

C—Peruntukan am

BAHAGIAN X

BAYARAN BALIK DAN PULANG BALIK DUTI

*BAHAGIAN XA

TEMPAT ASAL BARANG-BARANG, DAN LAYANAN TARIF BERKEUTAMAAN DAN TARIF BUKAN BERKEUTAMAAN

---

* *Bahagian XA (seksyen 99B-99I) belum berkuat kuasa pada tarikh percetakan buku ini.*

BAHAGIAN XIV
KESALAHAN DAN PENALTI

BAHAGIAN XIVA

TRIBUNAL RAYUAN KASTAM

BAHAGIAN XV

PERATURAN-PERATURAN

Bahagian XVI

AM

Seksyen

Bahagian XVII

PERUNTUKAN KHAS BERHUBUNGAN DENGAN PULAU PINANG

Bahagian XVIII

PERUNTUKAN KHAS BERHUBUNGAN DENGAN LABUAN

Bahagian XIX

PERUNTUKAN KHAS BERHUBUNGAN DENGAN SABAH DAN SARAWAK

Seksyen

BAHAGIAN XIXA

PERUNTUKAN KHAS BERHUBUNGAN DENGAN LANGKAWI

BAHAGIAN XIXB

PERUNTUKAN KHAS BERHUBUNGAN DENGAN KAWASAN PEMBANGUNAN BERSAMA

BAHAGIAN XIXC

PERUNTUKAN KHAS BERHUBUNGAN DENGAN TIOMAN

AKTA KASTAM 1967*

(Akta 235)

Suatu Akta berhubungan dengan kastam.

[*2hb November 1967*]

BAHAGIAN I

PERMULAAN

1. Tajuk ringkas.

(1) Akta ini bolehlah dinamakan **Akta Kastam 1967**.

(2) (*Ditinggalkan*).

2. Tafsiran.

(1) Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"artikel pos" ertinya suatu surat, poskad, surat khabar, buku, dokumen, risalah, corak atau paket sampel, parcel, bungkusan atau apa-apa artikel atau benda lain yang boleh ditransmit, dipungut atau dihantar melalui pos; [*Mas. Akta A1593*]

"badan yang diberi kuasa" ertinya suatu agensi kerajaan yang diberi kuasa di bawah seksyen 99B; [*Mas. Akta A1593*]

"barang-barang" termasuklah binatang, burung, ikan, tumbuhan, mata wang dan instrumen boleh niaga pembawa dan apa-apa jenis harta alih yang lain; [*Gan. Akta A1593*]

"barang-barang berduti" ertinya semua barang-barang yang tertakluk kepada pembayaran duti kastam dan duti itu masih belum dibayar lagi;

---

* *Diperbuat dalam tahun 1952 sebagai Ord. P.T.M. Bil 42 tahun 1952. Disemak dalam tahun 1980 dan diterbitkan sebagai Undang-undang Malaysia Akta 235. Akta yang disemak telah mula berkuat kuasa pada 17.7.1980.*

[Pind. Akta A1593]

"barang-barang larangan" ertinya barang-barang yang mana import atau eksportnya dilarang, sama ada dengan mutlak atau dengan bersyarat oleh suatu perintah di bawah seksyen 31 dan mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta ini atau oleh mana-mana undang-undang bertulis lain;

"barang-barang tidak berkastam" ertinya barang-barang yang berkenaan dengannya pelanggaran terhadap peruntukan-peruntukan Akta ini atau mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawahnya telah dilakukan;

[Akta A1593]

"dalam transit" – (*Dipotong*);

"denaturasi" ertinya dengan berkesan menjadi tidak layak untuk digunakan oleh manusia dengan memuaskan hati Ketua Pengarah;

[Mas. Akta A783; Pind. Akta A921]

"depot pelepasan pedalaman" ertinya sesuatu kemudahan pedalaman guna-sama yang dilengkapi dengan pepasangan terlekap dan menawarkan perkhidmatan untuk mengendalikan penstoran dan penstoran sementara apa-apa jenis barang-barang yang dibawa melalui darat dan diletakkan di bawah kawalan kastam;

"dermaga yang dibenarkan" ertinya mana-mana tempat selain daripada suatu tempat yang diluluskan bagi memuat atau memunggah yang pegawai kanan kastam, menurut budi bicaranya, dan dengan apa-apa syarat dan mengikut apa-apa cara sebagaimana yang diarahkannya, sama ada secara am atau dalam sesuatu hal tertentu, boleh membenarkan apa-apa barang-barang dimuat atau dipunggah;

[Mas. Akta A873]

"dokumen" mempunyai maksud yang telah ditetapkan padanya dalam Seksyen 3 Akta Keterangan 1950[1];

[Gan. Akta A873; Pind. Akta A1279]

"duti kastam" bermaksud mana-mana duti import, duti eksport, cukai tokok, surcaj atau ses yang dikenakan oleh atau di bawah Akta ini, mana-mana duti timbal balas atau duti anti-lambakan yang dikenakan oleh atau di bawah Akta Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan 1993[2], mana-mana duti

---

[1] *Akta 56.*
[2] *Akta 504.*

pelindung yang dikenakan oleh atau di bawah Akta Pelindung 2006[1] dan termasuk mana-mana royalti yang kena dibayar sebagai ganti duti eksport di bawah mana-mana undang-undang bertulis, atau sesuatu kontrak, pajakan atau perjanjian kepada mana-mana Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan mana-mana Negeri merupakan satu pihak atau kepada mana kerajaan yang sedemikian telah memberi persetujuan;

"ejen", berhubungan dengan sesuatu vesel, termasuklah *chinchew* dan komprador;

"ejen kastam" ertinya mana-mana orang yang diluluskan di bawah seksyen 90 untuk mengusahakan sebarang transaksi kastam bagi pihak orang lain; [*Mas. Akta A1571*]

"eksport" ertinya untuk membawa atau menyebabkan dibawa keluar dari Malaysia, melalui darat, laut, udara, atau dengan apa-apa cara lain atau untuk meletakkan apa-apa barang-barang dalam suatu pengangkut untuk tujuan barang-barang itu dibawa keluar dari Malaysia melalui darat, laut, udara atau dengan apa-apa cara lain; [*Gan. Akta A1593*]

"eksport melalui jalan" termasuklah pengeksportan mengikut apa-apa cara atau dengan apa-apa alat melalui darat, dan termasuklah, khususnya, pengeksportan melalui darat melalui sesuatu saluran paip;

"eksport melalui laut" termasuklah pengeksportan mengikut apa-apa cara atau dengan apa-apa alat melalui laut, dan termasuklah, khususnya, pengeksportan melalui laut melalui sesuatu saluran paip;

"eksport melalui udara" termasuklah pengeksportan mengikut apa-apa cara atau dengan apa-apa alat melalui udara; [*Mas. Akta 578*]

"gudang berlesen" ertinya sesuatu gudang atau tempat lain yang dilesen bagi penggudangan barang-barang berduti di bawah seksyen 65;

"gudang kastam" ertinya sesuatu gudang atau tempat lain yang ditubuhkan oleh Menteri di bawah subseksyen 63(1) bagi menyimpan barang-barang berduti;

---

[1] *Akta 657.*

[Gan. Akta A1593]

"import" ertinya untuk membawa atau menyebabkan untuk dibawa masuk ke Malaysia, melalui darat, laut atau udara atau dengan apa-apa cara lain;

"import melalui jalan" termasuklah pengimportan mengikut apa-apa cara atau dengan apa-apa alat melalui darat, dan termasuklah, khususnya, pengimportan melalui darat melalui sesuatu saluran paip;

"import melalui laut" termasuklah pengimportan mengikut apa-apa cara atau dengan apa-apa alat melalui laut, dan termasuklah, khususnya, pengimportan melalui laut melalui sesuatu saluran paip;

[Mas. Akta 578]

"import melalui udara" termasuklah pengimportan mengikut apa-apa cara atau dengan apa-apa alat melalui udara;

"jalan raya" termasuklah mana-mana jalan darat yang ditetapkan;

"juruterbang pesawat udara" ertinya tiap-tiap orang yang menguasai atau bertanggungjawab bagi sesuatu pesawat udara;

[Mas. Akta A1593]

"kawalan kastam" ertinya langkah-langkah yang digunapakai oleh pegawai kastam sebelum pelepasan barang-barang untuk memastikan pematuhan Akta ini;

[Mas. Akta A960]

"kawasan pembangunan bersama" mempunyai erti yang diberi kepadanya dalam seksyen 2 Akta Pihak Berkuasa Bersama Malaysia-Thailand 1990[1];

[Mas. Akta A783]

"kedai bebas cukai" ertinya mana-mana tempat yang dilesenkan untuk penggudangan dan penjualan barang-barang berduti bebas cukai di bawah seksyen 65D;

[Mas. Akta A1593]

"ketetapan awam" ertinya ketetapan awam yang dibuat oleh Ketua Pengarah di bawah seksyen 10F;

[Mas. Akta A1282]

"ketetapan kastam" ertinya ketetapan kastam yang dibuat oleh Ketua Pengarah di bawah seksyen 10B;

"Ketua Pengarah" ertinya Ketua Pengarah Kastam dan Eksais yang dilantik di bawah subseksyen 3(1);

---

[1] *Akta 440.*

"komputer" mempunyai maksud yang telah ditetapkan padanya dalam Seksyen 3 Akta Keterangan 1950; [*Mas. Akta A873*]

"lapangan terbang kastam" ertinya mana-mana tempat yang telah ditetapkan sebagai suatu lapangan terbang kastam;

"laut" termasuklah perairan pedalaman;

"layanan tarif berkeutamaan" ertinya kadar duti import yang disiarkan dalam perintah yang dibuat di bawah seksyen 11 yang terpakai terhadap barang-barang asal negara pengeksport menurut perjanjian perdagangan yang relevan; [*Mas. Akta A1593*]

"liquor yang memabukkan" termasuklah apa-apa alkohol, atau apa-apa cecair yang mengandungi lebih daripada jumlah kuantiti 1.14 peratus berbanding jumlah alkohol, yang sesuai atau bermaksud untuk atau yang boleh dengan apa-apa cara diubah bagi digunakan sebagai suatu minuman; [*Gan. Akta A1580*]

"Menteri" ertinya Menteri yang bertanggungjawab bagi kewangan; [*Mas. Akta A1593*]

"nakhoda" ertinya mana-mana orang (kecuali malim atau syahbandar) yang pada masa itu menguasai atau bertanggungjawab bagi sesuatu vesel;

"nilai"— [*Gan. Akta A1593*]

(*a*) berhubung dengan barang-barang yang diimport, ertinya nilai kastam sebagaimana yang ditentukan di bawah peraturan yang dibuat di bawah subseksyen 142(35B); dan

(*b*) berhubung dengan barang-barang yang akan dieksport, ertinya harga yang seorang pengeksport akan terima bagi barang-barang itu yang dikira ke peringkat di mana barang-barang itu dilepaskan oleh Kastam di tempat eksport;

"orang yang diiktiraf" ertinya mana-mana orang yang telah diluluskan oleh Ketua Pengarah di bawah sekyen 88B; [*Mas. Akta A1593*]

[*Gan. Akta A1593*]

"pegawai kanan kastam" ertinya—

(*a*) Ketua Pengarah;

(*b*) mana-mana Timbalan Ketua Pengarah Kastam dan Eksais yang dilantik di bawah subseksyen 3(1);

(*c*) mana-mana Penolong Ketua Pengarah, Pengarah, Timbalan Pengarah, Penolong Kanan Pengarah dan Penolong Pengarah Kastam dan Eksais yang dilantik di bawah subseksyen 3(1);

(*d*) mana-mana Penguasa Kanan, Penguasa, Ketua Penolong Penguasa, Penolong Kanan Penguasa atau Penolong Penguasa Kastam dan Eksais yang dilantik di bawah subseksyen 3(4);

(*e*) mana-mana pegawai kastam yang diberikan kuasa seorang pegawai kanan kastam di bawah subseksyen 3(5) atau seksyen 5; dan

(*f*) mana-mana pegawai polis yang mempunyai kuasa seorang pegawai kanan kastam menurut seksyen 8;

[*Gan. Akta A1593*]

"pegawai kastam" ertinya—

(*a*) Ketua Pengarah;

(*b*) mana-mana Timbalan Ketua Pengarah Kastam dan Eksais yang dilantik di bawah subseksyen 3(1);

(*c*) mana-mana Penolong Ketua Pengarah, Pengarah, Timbalan Pengarah, Penolong Kanan Pengarah dan Penolong Pengarah Kastam dan Eksais yang dilantik di bawah subseksyen 3(1);

(*d*) mana-mana Penguasa Kanan, Penguasa, Ketua Penolong Penguasa, Penolong Kanan Penguasa atau Penolong Penguasa Kastam dan Eksais yang dilantik di bawah subseksyen 3(4); dan

(*e*) mana-mana Ketua Pegawai Kastam, Pegawai Kanan Kastam atau Pegawai Kastam yang dilantik di bawah seksyen 4;

"pegawai kastam yang hak" ertinya mana-mana pegawai kastam yang bertindak dalam melaksanakan tugasnya di bawah Akta ini, sama ada tugas itu diberi kepadanya secara khas atau am, atau secara nyata atau tersirat;

"pejabat kastam" ertinya unit pentadbiran kastam yang bertanggungjawab bagi fungsi dan tugas berkaitan dengan kastam, dan premis yang digunakan, atau mana-mana tempat lain yang diluluskan, yang dilesenkan atau yang ditetapkan, bagi tujuan itu di bawah Akta ini; [*Mas. Akta A1593*]

"pelabuhan kastam" ertinya mana-mana pelabuhan yang ditetapkan sebagai pelabuhan kastam;

"pelepasan" berhubung dengan barang-barang, ertinya tindakan oleh pegawai kastam yang hak untuk membenarkan barang-barang yang telah melalui pelepasan kastam itu diletakkan untuk dilepaskan kepada pemunya barang-barang itu; [*Mas. Akta A1593*]

"pelepasan kastam" ertinya penyempurnaan prosedur kastam yang relevan untuk membolehkan barang-barang— [*Mas. Akta A1593*]

(*a*) dilepaskan untuk kegunaan sendiri;

(*b*) dieksport; atau

(*c*) diletakkan di bawah prosedur kastam yang lain;

"pembawa yang berlesen" bermaksud seseorang yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah untuk membawa kenderaan melalui jalan untuk sebarang muatan dalam transit atau apa-apa barangan cukai di bawah Akta Eksais 1976[1]; [*Mas. Akta A1593*]

"pemunya"— [*Gan. Akta A1593*]

(*a*) berkenaan dengan barang-barang, termasuklah mana-mana orang (selain daripada seorang pegawai kastam yang bertindak atas kapasiti rasminya) yang adalah atau mengemukakan dirinya sebagai pemunya, pengimport, pengeksport, konsaini, ejen atau seorang yang memiliki, atau yang mempunyai kepentingan benefisial dalam, atau yang mempunyai apa-apa kawalan ke atas, atau kuasa untuk melupuskan, barang-barang itu; dan

---

[1] *Akta 176.*

(*b*) berkenaan dengan mana-mana pesawat udara, vesel atau kenderaan, termasuk penempah, penyewa dan mana-mana orang yang bertindak sebagai ejen bagi pemunya atau yang menerima muatan atau caj-caj lain yang kena dibayar berkenaan dengan pesawat udara, vesel atau kenderaan itu;

[*Mas. Akta A1593*]

"pengangkut" termasuklah apa-apa vesel, pesawat udara, kenderaan, kereta api, tongkang, saluran paip, grid elektrik dan apa-apa cara pengangkut lain;

"pengeksport" termasuklah mana-mana orang yang olehnya apa-apa barang-barang (termasuklah barang-barang yang dipindah dari pesawat udara atau kapal pengimport) dieksport dari Malaysia atau dibekalkan untuk diguna sebagai storan pesawat udara atau kapal, dan juga pemunya itu, atau mana-mana orang yang bertindak bagi pihaknya, dan mana-mana orang yang bagi maksud kastam, menandatangani apa-apa dokumen berhubungan dengan barang-barang yang dieksport atau dimaksudkan untuk dieksport atau dibekalkan atau dimaksudkan untuk dibekalkan sebagai storan pesawat udara atau kapal seperti yang disebut terdahulu;

[*Mas. Akta A1593*]

"pengeluar" ertinya seseorang yang terlibat dalam pengeluaran barang-barang yang termasuk menanam, memupuk, menaikkan, melombong, menuai, memancing, memerangkap, memburu, menangkap, memungut, membiak, mengeluarkan, akuakultur, mengumpul, mengilang, memproses atau memasang barang-barang itu;

"pengilangan" ertinya—

(*a*) dalam hal liquor yang memabukkan, menyuling, membru, menapai, membotolkan liquor yang memabukkan, dan termasuklah menambah apa-apa bahan (selain daripada air) kepada liquor yang memabukkan itu dan menggaul, mencampur, dan mengubah liquor yang memabukkan dengan niat supaya campuran yang dibuat itu boleh dijual bagi

kegunaan manusia, tetapi tidak termasuk apa-apa campuran sedemikian yang disediakan atas arahan pembeli, dan untuk digunakan olehnya dengan serta-merta;

(*b*) dalam hal tembakau, apa-apa proses menukar tembakau mentah atau daun tembakau kepada tembakau yang sesuai untuk dihisap, disedut atau dikunyah, dan termasuklah membuat rokok daripada tembakau yang dikilang;

(*c*) dalam hal petroleum, proses penapisan yang meliputi pemisahan, penukaran, penyucian, dan pengadunan aliran penapisan atau aliran petrokimia; dan [*Gan. Akta A1593*]

(*d*) dalam hal-hal lain, menukar dengan cara tangan atau jentera bahan organik atau tidak organik kepada keluaran baru dengan menukar saiz, bentuk, komposisi, jenis atau kualiti bahan itu dan termasuklah memasang bahagian-bahagian supaya menjadi suatu jentera atau keluaran lain, tetapi tidak termasuk pemasangan jentera atau kelengkapan bagi maksud pembinaan;

"pengimport" termasuklah — [*Gan. Akta A1593*]

(*a*) mana-mana pemunya atau orang lain yang pada masa itu memiliki atau mempunyai kepentingan benefisial ke atas apa-apa barang-barang pada dan dari masa pengimportan barang-barang itu sehingga barang-barang itu dipindah daripada kawalan kastam; dan

(*b*) berhubung dengan barang-barang yang diimport dengan cara suatu saluran paip, pemunya saluran paip itu;

"perairan wilayah" ertinya perairan wilayah Malaysia; [*Mas. Akta A873*]

"perakuan tempat asal berkeutamaan" ertinya suatu dokumen tertentu yang mengenal pasti barang-barang itu, di mana pihak berkuasa yang diberi kuasa untuk mengeluarkan dokumen itu memperakui dengan jelas bahawa barang-barang yang [*Mas. Akta A1593*]

dimaksudkan oleh perakuan itu berasal dari suatu negara tertentu menurut kaedah asal yang diguna pakai dalam rangka perjanjian antarabangsa atau perjanjian serantau yang berkuat kuasa;

[*Mas. Akta A1593*] "perakuan tempat asal bukan berkeutamaan" ertinya suatu dokumen tertentu yang mengenal pasti barang-barang, di mana pihak berkuasa yang diberi kuasa untuk mengeluarkan dokumen itu memperakui dengan jelas bahawa barang-barang yang dimaksudkan oleh perakuan itu berasal dari Malaysia;

[*Mas. Akta A1593*] "perisytiharan tempat asal" ertinya suatu penyataan yang sesuai mengenai tempat asal barang-barang itu berhubung dengan pengimportan atau pengeksportan barang-barang itu oleh pengimport, pengeluar atau pengeksport di atas invois komersial atau mana-mana dokumen berhubung dengan barang-barang itu;

"pertukaran data elektronik" bermaksud pemindahan, daripada komputer ke komputer, transaksi-transaksi pentadbiran serta komersial dengan menggunakan mesej standard yang telah dipersetujui bagi membentuk data berhubung dengan sesuatu transaksi;

"pesawat tempatan" ertinya mana-mana jong, tongkang, perahu, kumpit atau vesel lain yang sama jenis, dan mana-mana vesel stim atau bermotor di bawah tujuh puluh lima tan bersih berdaftar;

"pesawat udara" termasuklah apa-apa jenis pesawat yang boleh digunakan untuk pengangkutan penumpang atau barang-barang melalui udara;

[*Gan. Akta A1057*] "petroleum" ertinya mana-mana minyak mineral atau hidrokarbon relatif dalam bentuk pepejal, cecair atau gas yang terdapat dalam keadaan semulajadinya dan termasuk spirit petroleum kepala selongsong, syal bitumin, longgokan-longgokan berstrata lain daripadanya minyak boleh didapati secara komersial dan keluaran-keluaran petroleum yang dihasilkan daripada proses pembuatan;

"Pihak Berkuasa Kewangan" berhubungan dengan Sabah dan Sarawak ertinya mana-mana orang yang dilantik oleh Menteri, melalui pemberitahuan dalam *Warta* yang bersesuaian, untuk menjalankan di bawah arahan Menteri apa-apa fungsi yang Menteri diberi kuasa atau dikehendaki oleh Akta ini untuk menjalankannya di Sabah atau Sarawak;

"pihak berkuasa yang mengeluarkan" ertinya suatu badan atau agensi kerajaan yang dilantik di bawah seksyen 99C; [*Mas. Akta A1593*]

"pindah kapal" ertinya— [*Mas. Akta A1593*]

(*a*) pemindahan barang-barang daripada suatu vesel atau pesawat udara ke vesel atau pesawat udara lain; atau

(*b*) memunggah barang-barang daripada suatu vesel atau pesawat udara dan mendeposit barang-barang itu dalam suatu gudang kastam atau gudang berlesen atau di suatu gudang atau tempat lain yang diluluskan oleh Ketua Pengarah,

bagi tujuan penghantaran keluar dari Malaysia di atas vesel atau pesawat udara yang lain itu di dalam kawasan bidang kuasa pejabat kastam yang sama yang berkaitan dengan pengimportan dan pengeksportan itu;

"Semenanjung Malaysia" mempunyai erti yang diberi kepadanya dalam seksyen 3 Akta Tafsiran 1948 dan 1967[1], dan termasuklah Wilayah Persekutuan;

"stesen pemungutan" ertinya suatu gudang kastam yang ditubuhkan di Singapura di bawah subseksyen 63(2);

"surcaj" ertinya apa-apa caj yang perlu dan kena dibayar di bawah subseksyen 17B(2); [*Mas. Akta A1593*]

---

[1] *Akta 388.*

[*Mas. Akta A1593*] "tempat asal barang-barang"—

(*a*) berhubung dengan layanan tarif berkeutamaan, ertinya negara di mana barang-barang itu telah diperolehi sepenuhnya, dihasilkan atau dianggap sebagai telah dihasilkan menurut kaedah asal yang diguna pakai dalam rangka perjanjian antarabangsa atau perjanjian serantau yang berkuat kuasa; dan

(*b*) berhubung dengan layanan tarif bukan berkeutamaan, ertinya Malaysia di mana barang-barang itu telah diperolehi sepenuhnya, dihasilkan atau dianggap sebagai telah dihasilkan menurut kaedah yang diterima pakai di Malaysia;

"tempat pendaratan yang sah di sisi undang-undang" ertinya mana-mana tempat yang telah ditetapkan sebagai suatu tempat yang sah di sisi undang-undang bagi mendarat dan mengapal barang-barang;

"terapung-apung" dalam hal sesuatu vesel dalam perairan wilayah ertinya berlengah-lengah tanpa maksud yang jelas di sisi undang-undang, sama ada vesel itu bergerak atau tidak bergerak;

[*Mas. Akta A1593*] "transit" ertinya pergerakan barang-barang—

(*a*) di antara dua atau lebih pejabat kastam di Malaysia; atau

(*b*) dari satu pejabat kastam di mana-mana negara ke satu pejabat kastam di Malaysia (termasuk barang-barang dalam pindah kapal) dengan tujuan tunggal untuk membawanya ke negara lain;

[*Pind. Akta A1593*] "vesel pencegah" ertinya mana-mana vesel yang digunakan bagi pencegahan penyeludupan atau bagi apa-apa maksud lain yang berhubungan dengan kastam.

[*Gan. Akta A1593*] (1A) Bagi maksud Akta ini, suatu zon bebas hendaklah disifatkan sebagai suatu tempat di luar kawasan utama kastam, dan peruntukan sekyen 31 dan Bahagian IVA, V, VI dan VII Akta ini hendaklah terpakai bagi suatu zon bebas.

(1B) Bagi maksud subseksyen (1A)— [*Mas. Akta A1593*]

(*a*) "zon bebas" ertinya mana-mana kawasan di Malaysia yang telah diisytiharkan oleh Menteri untuk dijadikan suatu zon perdagangan bebas atau suatu zon perindustrian bebas di bawah Akta Zon Bebas 1990[1]; dan

(*b*) "kawasan utama kastam" ertinya mana-mana bahagian di Malaysia yang tidak termasuk suatu zon bebas, Labuan, Langkawi, Tioman dan Pangkor.

(2) Bagi maksud Akta ini, barang-barang hendaklah disifatkan sebagai berada di bawah kawalan kastam semasa ia didepositkan atau ditahan di mana-mana gudang kastam atau gudang berlesen, gudang atau tempat lain yang diluluskan oleh Ketua Pengarah, pangkalan bekalan petroleum, pejabat pos, atau dalam apa-apa pengangkut dari mana ia tidak boleh dipindahkan kecuali dengan kebenaran pegawai kastam yang hak. [*Pind. Akta A1057, A1593*]

[1] *Akta 438.*

BAHAGIAN II
PELANTIKAN DAN KUASA PEGAWAI

3. Pelantikan Ketua Pengarah, Timbalan Ketua Pengarah dan pegawai-pegawai lain.

[*Pind. Akta A1593*]

(1) Maka hendaklah dilantik seorang pegawai dengan gelaran Ketua Pengarah Kastam dan Eksais dan sekian bilangan Timbalan Ketua Pengarah, Penolong Ketua Pengarah, Pengarah, Timbalan Pengarah, Penolong Kanan Pengarah dan Penolong Pengarah Kastam dan Eksais sebagaimana yang difikirkan perlu bagi maksud Akta ini dan mana-mana undang-undang bertulis berhubungan dengan eksais.

(2) Ketua Pengarah adalah Ketua Pegawai Kastam dan hendaklah mempunyai pengawasan ke atas semua perkara berhubungan dengan kastam, tertakluk kepada arahan dan kawalan Menteri.

[*Pind. Akta A783, A921, A1593*]

(3) Timbalan Ketua Pengarah, Penolong Ketua Pengarah, Pengarah, Timbalan Pengarah, Penolong Kanan Pengarah dan Penolong Pengarah, adalah tertakluk kepada arahan dan pengawasan am Ketua Pengarah, dan, tertakluk kepadanya, hendaklah mempunyai dan menjalankan semua kuasa yang diberi kepada Ketua Pengarah oleh atau di bawah Akta ini, selain daripada kuasa yang diberi oleh seksyen-seksyen 10F, 13B, 22 dan 145 Akta ini.

[*Pind. Akta A1593*]

(4) Maka hendaklah dilantik seberapa ramai Penguasa Kanan, Penguasa Penguasa, Ketua Penolong Penguasa, Penolong Kanan Penguasa dan Penolong Penguasa Kastam dan Eksais sebagaimana yang difikirkan perlu bagi maksud Akta ini dan mana-mana undang-undang bertulis berhubungan dengan eksais.

(5) Menteri boleh, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, memberi kepada mana-mana pegawai kastam yang bukan seorang pegawai kanan kastam semua atau apa-apa kuasa seorang pegawai kanan kastam.

4. Pelantikan Pegawai Kastam.

Maka hendaklah dilantik seberapa ramai Ketua Pegawai Kastam, Pegawai Kanan Kastam, dan Pegawai Kastam sebagaimana yang difikirkan perlu bagi maksud Akta ini.

5. Pemberian kuasa pegawai kanan kastam oleh Ketua Pengarah.

Ketua Pengarah boleh melalui kebenaran secara bertulis memberi kepada mana-mana pegawai kastam yang bukan seorang pegawai kanan kastam semua atau apa-apa kuasa seorang pegawai kanan kastam bagi sesuatu tempoh tidak melebihi sembilan puluh hari berkenaan dengan tiap-tiap satu kebenaran.

6. Pegawai kastam adalah pekhidmat awam.

Semua pegawai kastam hendaklah disifatkan sebagai pekhidmat awam dalam erti Kanun Keseksaan[1].

7. Pegawai kastam dikecualikan daripada berkhidmat sebagai ahli juri atau pengapit.

Walau apa pun apa-apa peruntukan sebaliknya dalam mana-mana undang-undang bertulis tiada seorang pun pegawai kastam boleh dikenakan berkhidmat sebagai ahli juri atau pengapit.

8. Kuasa pegawai polis. [*Gan. Akta A1593*]

Bagi maksud Akta ini, semua pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Inspektor hendaklah mempunyai dan boleh menjalankan semua kuasa yang diberikan oleh Bahagian XII ke atas pegawai kanan kastam, dan semua pegawai polis di bawah pangkat Inspektor hendaklah mempunyai dan boleh menjalankan semua kuasa yang diberikan oleh Bahagian XII ke atas pegawai kastam.

8A. Menteri akan menetapkan pakaian seragam, dll. [*Mas. Akta A921*]

Menteri boleh, menurut perintah yang diterbitkan dalam *Warta,* menetapkan—

(*a*) pakaian seragam dan lambang-lambang pangkat bagi pegawai-pegawai kastam dari mana-mana pangkat; dan

[1] *Akta 574.*

(*b*) lencana dan kad kuasa hendaklah dibawa bersama oleh pegawai-pegawai kastam dari mana-mana pangkat.

[*Pind. Akta A921*]

9. Kad kuasa dan lencana hendaklah ditunjukkan.

[*Pind. Akta A921*]

(1) Tiap-tiap pegawai kastam apabila bertindak terhadap mana-mana orang di bawah Akta ini hendaklah, jika tidak berpakaian seragam, apabila diminta menyatakan jawatannya dan menunjukkan kepada orang yang terhadapnya dia bertindak kad kuasa atau lencana sebagaimana yang Ketua Pengarah atau, dalam hal seorang pegawai polis, Ketua Polis Negara, boleh mengarahkan supaya dibawa oleh pegawai itu.

[*Pind. Akta A921*]

(2) Adalah tidak menjadi suatu kesalahan bagi mana-mana orang yang enggan mematuhi apa-apa permintaan, tuntutan atau perintah yang dibuat oleh mana-mana pegawai kastam yang bertindak atau berupa sebagai bertindak di bawah Akta ini jika pegawai itu tidak berpakaian seragam dan enggan menyatakan jawatannya dan enggan menunjukkan kad kuasa atau lencana, apabila diminta oleh orang itu.

[*Mas. Akta A921*]

(3) Sesuatu lencana atau kad kuasa yang dikeluarkan kepada seorang pegawai kastam adalah menjadi harta Kerajaan dan hendaklah diserahkan oleh pegawai yang sedemikian kepada orang yang dilantik oleh Ketua Pengarah bagi tujuan itu bila mana pegawai yang sedemikian tidak lagi menjadi seorang pegawai kastam atau bila mana diarah untuk berbuat sedemikian.

[*Mas. Akta A921*]

9A. Penggunaan secara salah di sisi undang-undang dll. terhadap pakaian seragam, dll.

Mana-mana orang yang tidak merupakan seorang pegawai kastam, yang memakai, menggunakan, memiliki atau mempamerkan secara salah di sisi undang-undang, yang selain daripada suatu pementasan atau persembahan teater yang lain, mana-mana pakaian seragam, atau lencana atau kad kuasa yang ditetapkan, ataupun mana-mana pakaian yang kelihatan seperti atau mempunyai tanda-tanda yang tersendiri akan pakaian seragam yang sedemikian, adalah bersalah di bawah Akta ini.

10. Seseorang yang diambil bekerja bagi tugas kastam hendaklah disifatkan sebagai pegawai kastam yang hak bagi perkhidmatan itu.

Tiap-tiap orang yang diambil bekerja bagi apa-apa tugas atau perkhidmatan berhubungan dengan kastam melalui perintah atau dengan persetujuan Ketua Pengarah (sama ada dinyatakan dahulu atau kemudian) hendaklah disifatkan sebagai pegawai kastam yang hak bagi tugas atau perkhidmatan itu; dan tiap-tiap tindakan yang dikehendaki oleh undang-undang pada bila-bila masa supaya dilakukan oleh, atau bersama mana-mana pegawai tertentu yang dinamakan bagi maksud itu, jika dilakukan oleh atau dengan mana-mana orang yang dilantik oleh Ketua Pengarah untuk bertindak bagi pegawai tertentu itu, hendaklah disifatkan sebagai dilakukan oleh atau bersama pegawai tertentu itu.

Bahagian IIa

KETETAPAN KASTAM DAN KETETAPAN AWAM

[*Mas. Akta A1282*]
[*Pind. Akta A1593*]

10a. Pemakaian ketetapan kastam. [*Mas. Akta A1282*]

(1) Mana-mana orang boleh memohon, di dalam borang-borang yang ditetapkan bersama dengan fi yang ditetapkan, kepada Ketua Pengarah bagi suatu ketetapan kastam berkenaan dengan mana-mana satu atau lebih daripada perkara yang berikut:

(*a*) pengelasan barang-barang;

(*aa*) tempat asal barang-barang; [*Mas. Akta A1593*]

(*b*) prinsip yang perlu diambil bagi tujuan menentukan nilai barang-barang; atau

(*c*) mengenai apa-apa perkara lain yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah.

(2) Suatu permohonan di bawah subseksyen (1) boleh dibuat—

(*a*) berkenaan dengan barang-barang import—

(i) pada bila-bila masa sebelum barang-barang yang merupakan perkara dalam permohonan, diimport

atau dicadangkan untuk diimport ke dalam Malaysia; atau

(ii) pada bila-bila masa kemudian, sekiranya Ketua Pengarah boleh benarkan dalam budi bicaranya.

(3) Seorang pemohon boleh menarik balik permohonannya pada bila-bila masa sebelum suatu ketetapan kastam dibuat dan apa-apa bayaran yang dibuat berkaitan dengan permohonan bagi ketetapan kastam itu tidak akan dikembalikan oleh Ketua Pengarah.

[*Mas. Akta A1282*]

10B. Membuat ketetapan kastam.

(1) Tertakluk kepada subseksyen (3), Ketua Pengarah hendaklah membuat suatu ketetapan kastam berkenaan dengan mana-mana perkara yang dinyatakan di dalam permohonan yang dibuat di bawah seksyen 10A dan ketetapan itu hendaklah mengikat pemohon.

(2) Apa-apa ketetapan kastam boleh tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang boleh dikenakan oleh Ketua Pengarah sekiranya ia dianggap sesuai dari semasa ke semasa.

(3) Ketua Pengarah boleh menolak membuat ketetapan kastam jika, dia berpendapat—

(*a*) maklumat yang diberikan oleh pemohon adalah tidak mencukupi untuk membuatnya;

(*b*) permohonan itu adalah untuk keadaan hipotesis; atau

[*Pind. Akta A1580*]

(*c*) suatu semakan semula atau suatu rayuan di bawah Akta ini yang melibatkan perkara di dalam permohonan adalah ditunggu.

[*Pind. Akta A1282*]

10C. Pindaan, pengubahsuaian atau pembatalan ketetapan kastam.

(1) Suatu ketetapan kastam boleh dipinda, diubahsuai atau dibatal oleh Ketua Pengarah jika—

(*a*) ia mengandungi suatu kesilapan yang perlu dibetulkan;

(*b*) ketetapan kastam telah didasarkan atas suatu kesilapan fakta atau undang-undang;

(*c*) terdapat perubahan dalam undang-undang yang berkaitan dengan kastam;

(*d*) terdapat perubahan dalam fakta penting atau keadaan yang di atasnya suatu ketetapan telah didasarkan.

(2) Ketua Pengarah hendaklah, dengan serta-merta selepas membuat pindaan, pengubahsuaian atau pembatalan, memberi suatu notis bertulis kepada pemohon mengenai pindaan, pengubahsuaian atau pembatalan itu dan, tertakluk kepada subseksyen (3), pindaan, ubahsuaian atau pembatalan ketetapan kastam tersebut, hendaklah berkuat kuasa daripada tarikh yang dinyatakan dalam notis.

(3) Walau apa pun subseksyen (2), di mana suatu ketetapan kastam mempunyai kesan yang boleh menyebabkan atau menaikkan apa-apa liabiliti duti berkenaan mana-mana barang-barang, dan—

(*a*) barang-barang telah diimport dalam tempoh 3 bulan daripada tarikh pindaan, pengubahsuaian atau pembatalan itu diberi berikutan suatu kontrak mengikat yang dimasuki sebelum tarikh itu;

(*b*) barang-barang telah keluar daripada tempat pembuatan atau gudang dalam negara dari mana ianya dieksport untuk penghantaran terus ke Malaysia pada tarikh notis pindaan, pengubahsuaian atau pembatalan ketetapan diberikan; atau

(*c*) barang-barang diimport pada atau sebelum tarikh notis pindaan, pengubahsuaian atau pembatalan diberikan tetapi belum dikeluarkan untuk penggunaan dalaman,

maka, ketetapan kastam yang dibuat sebelum pindaan, pengubahsuaian atau pembatalan di bawah seksyen ini hendaklah terpakai untuk barang-barang itu.

(4) Walau apa pun subseksyen (2), dan tertakluk kepada seksyen 16, jika pindaan, pengubahsuaian atau pembatalan terhadap ketetapan kastam mempunyai kesan untuk mengurangkan mana-mana liabiliti duti berkenaan mana-mana barang-barang, mana-mana duti yang lebih tinggi yang telah

dibayar hendaklah disifatkan sebagai duti lebih tinggi yang telah dibayar dengan silap.

[*Mas. Akta A1282*]

10D. Ketua Pengarah hendaklah mengisytiharkan suatu ketetapan sebagai batal, *dll.*

Ketua Pengarah hendaklah melalui notis mengisytiharkan suatu ketetapan kastam yang dibuat di bawah seksyen 10B sebagai batal, tidak sah dan tidak ada kesan sekiranya ketetapan telah diperolehi oleh pemohon secara fraud, salah nyataan atau pemalsuan fakta.

[*Mas. Akta A1282*]

10E. Penerimaan dua ketetapan kastam.

Di mana seseorang pemohon menerima dua atau lebih ketetapan kastam yang berbeza atas perkara yang sama, ketetapan tersebut hendaklah disifatkan sebagai batal dan tidak sah dan pemohon tersebut hendaklah dengan segera maklumkan Ketua Pengarah yang hendaklah, dalam tempoh tiga puluh hari daripada tarikh pemberitahuan, mengeluarkan suatu ketetapan kastam yang baru.

[*Mas. Akta A1593*]

10F. Ketetapan awam.

(1) Ketua Pengarah boleh, pada bila-bila masa, membuat suatu ketetapan awam berkenaan pemakaian mana-mana peruntukan Akta ini.

(2) Ketua Pengarah boleh menarik balik, sama ada keseluruhan atau sebahagian, mana-mana ketetapan awam yang dibuat di bawah seksyen ini.

BAHAGIAN III

MELEVI DUTI KASTAM

11. Kuasa Menteri menentukan duti kastam melalui perintah yang hendaklah diluluskan oleh Dewan Rakyat.

(1) Menteri boleh, dari semasa ke semasa, melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*, menentukan duti kastam yang akan dilevi ke atas apa-apa barang-barang yang diimport ke

dalam atau dieksport dari Malaysia dan akan dibayar oleh pengimport atau pengeksport itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Apa-apa perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1) hendaklah, dibentangkan di Dewan Rakyat pada mesyuarat Dewan Rakyat yang akan datang dan hendaklah, pada akhir tempoh satu ratus dua puluh hari dari tarikh perintah itu dibentangkan atau suatu tempoh yang dilanjutkan sebagaimana yang diarahkan oleh Dewan Rakyat, melalui suatu ketetapan, terhenti daripada berkuat kuasa jika dan setakat mana ia tidak disahkan oleh suatu ketetapan yang diluluskan oleh Dewan Rakyat dalam masa satu ratus dua puluh hari tersebut atau, jika tempoh itu telah dilanjutkan, dalam masa tempoh yang dilanjutkan itu. [*Pind. Akta 293*]

(3) Jika sesuatu perintah terhenti daripada berkuat kuasa keseluruhannya atau sebahagiannya sebagaimana yang diperuntukkan oleh subseksyen (2), maka apa-apa duti kastam yang telah dilevi menurut perintah itu atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, sebahagian daripada perintah itu yang terhenti daripada berkuat kuasa hendaklah, tertakluk kepada subseksyen (4), kena dibayar balik kepada orang yang daripadanya duti itu telah dilevi.

(4) Melainkan jika Menteri mengarahkan selainnya, tiada duti kastam yang kena dibayar balik di bawah subseksyen (3) boleh dibayar balik, melainkan jika orang yang berhak ke atas pembayaran balik itu membuat suatu tuntutan terhadapnya kepada Ketua Pengarah dalam masa satu tahun dari tarikh perintah itu terhenti daripada berkuat kuasa keseluruhannya atau sebahagiannya sebagaimana yang diperuntukkan oleh subseksyen (2).

(5) Tuntutan itu hendaklah dibuat secara bertulis dan hendaklah mengandungi apa-apa butir sebagaimana yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah, melalui perintah am atau khas.

(6) (*Dipotong*). [*Akta A921*]

[*Mas. Akta A1593*] **11A. Tiada duti kastam dikenakan ke atas barang-barang *bona fide* dalam transit dan pindah kapal.**

Bagi maksud mengenakan duti kastam, barang-barang *bona fide* dalam transit, yang termasuk barang-barang dalam pindah kapal, hendaklah tidak boleh dianggap sebagai diimport melainkan jika ia adalah atau menjadi barang menyalahi kastam.

kenderaan ada AP

12. Kuasa menentukan nilai.

Menteri boleh, dari semasa ke semasa, melalui pemberitahuan dalam *Warta*, menentukan, bagi maksud melevi dan membayar duti kastam, nilai apa-apa barang-barang berduti.

kenderaan yg larangan @ x lulus kastam.

[*Pind. Akta A921*] **13. Pengkelasan dan penilaian oleh pegawai kastam yang hak.**

[*Gan. Akta A921*] (1) Pegawai-pegawai kastam yang hak boleh sehubungan dengan mana-mana barang-barang yang berduti atau tidak berkastam,—

(*a*) menentukan kelas barang-barang yang berduti dan tidak berkastam menurut kelasnya;

(*b*) menilai, menimbang, mengukur atau sebaliknya memeriksa atau menyebabkan supaya dinilai, ditimbang, diukur atau sebaliknya memeriksa barang-barang yang berduti atau tidak berkastam tersebut,

bagi tujuan menentukan duti kastam yang boleh dilevikan ke atasnya.

(2) Apabila suatu penilaian ke atas apa-apa barang-barang telah dibuat oleh pegawai kastam yang hak, penilaian itu hendaklah dianggap sebagai betul sehingga dibuktikan sebaliknya.

[*Mas. Akta A921*] **13A. Pembayaran duti kastam di bawah bantahan.**

Mana-mana orang yang tidak berpuas hati dengan keputusan seorang pegawai kastam yang hak di bawah subseksyen 13(1) berhubung dengan sama ada mana-mana barang-barang yang khusus adalah atau tidak termasuk dalam kelas barang-barang yang terdapat dalam aturan yang dibuat di bawah subseksyen 11(1) atau dengan penilaian, penimbangan, pengukuran atau

pemeriksaan mana-mana barang-barang, boleh membayar duti kastam yang dilevikan di bawah bantahan.

13B. Ketua Pengarah hendaklah menentukan persoalan mengenai pengkelasan dan penilaian. [*Mas. Akta A921*]

Di mana duti kastam telah dibayar di bawah bantahan, pegawai kastam yang hak akan, dalam tempoh tiga puluh hari dari pembayaran sedemikian dibuat, merujuk apa-apa soalan berhubung dengan pengkelasan atau penilaian barang-barang kepada Ketua Pengarah untuk mendapatkan keputusannya.

14. Kuasa Menteri untuk mengecualikan.

(1) Menteri boleh, melalui perintah, mengecualikan, tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkannya patut dikenakan, apa-apa kelas barang-barang atau mana-mana golongan orang daripada membayar keseluruhan atau mana-mana bahagian apa-apa duti kastam atau apa-apa fi atau caj lain yang ditetapkan yang kena dibayar. [*Pind. Akta 293*]

(2) Menteri boleh dalam apa-apa hal tertentu—

(*a*) mengecualikan mana-mana orang daripada membayar keseluruhan atau mana-mana bahagian duti kastam atau apa-apa fi atau caj lain yang ditetapkan yang kena dibayar oleh orang itu ke atas apa-apa barang-barang; atau

(*b*) mengarahkan dibayar balik kepada mana-mana orang keseluruhan atau mana-mana bahagian duti kastam atau apa-apa fi atau caj lain yang ditetapkan yang telah dibayar oleh orang itu ke atas apa-apa barang-barang,

dan dalam memberi pengecualian sedemikian atau mengarahkan pembayaran balik sedemikian, mengenakan apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkannya patut.

(3) Apa-apa barang-barang yang berkenaan dengannya suatu pengecualian daripada pembayaran duti kastam telah diberi di bawah subseksyen (1) atau (2) hendaklah disifatkan sebagai barang-barang berduti sehingga syarat-syarat, jika ada,

yang tertakluk kepadanya pengecualian daripada duti telah diberi dipenuhi dan hendaklah dikenakan semua caj lain, yang bukan duti kastam, yang barang-barang itu akan tertakluk jika pengecualian itu tidak diberi.

[*Mas. Akta 293, Pind. Akta A1593*]
[*Pind. Akta A1593*]

14A. Menteri boleh meremit duti kastam, dll.

(1) Menteri boleh, jika difikirkannya adil dan saksama untuk berbuat demikian, dan tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkannya patut dikenakan, meremit keseluruhan atau mana-mana bahagian duti kastam, surcaj, penalti, fi atau wang lain yang ditetapkan yang kena dibayar di bawah Akta ini.

[*Mas. Akta A1593*]

(2) Jika seseorang yang telah diberikan remitan di bawah subseksyen (1) telah membayar apa-apa duti kastam, surcaj, penalti, fi atau wang lain yang berhubung dengan remitan itu, dia adalah berhak mendapat bayaran balik amaun duti kastam, surcaj, penalti, fi atau wang lain yang telah diremitkan itu.

15. Pengenaan semula duti.

(1) Jika apa-apa barang-barang, yang ke atasnya duti kastam telah tidak dibayar oleh sebab suatu pengecualian yang diberi di bawah seksyen 14, terhenti daripada mematuhi syarat-syarat yang tertakluk kepadanya pengecualian itu telah diberi atau terhenti daripada disimpan atau digunakan oleh orang yang, atau untuk maksud yang melayakkan barang-barang itu bagi pengecualian sedemikian, barang-barang itu hendaklah, dengan keberhentian itu, boleh dikenakan duti kastam dan orang yang kepadanya pengecualian itu telah diberi dan mana-mana orang yang didapati memiliki barang-barang itu adalah bersesama dan berasingan bertanggungan untuk membayar duti kastam itu.

(2) Jika apa-apa barang-barang, yang boleh dikenakan duti kastam di bawah subseksyen (1) dan yang ke atasnya duti itu telah tidak dibayar, didapati dalam milikan atau di premis mana-mana orang selain daripada orang yang diberi kuasa memilikinya di bawah terma-terma pengecualian itu, barang-barang itu hendaklah, sehingga dibuktikan sebaliknya, disifatkan sebagai barang-barang tidak berkastam.

16. Bayaran balik duti atau caj-caj lain yang dibayar lebih atau silap bayar. [*Gan. Akta 293; Pind. Akta A1593*]

(1) Adalah sah di sisi undang-undang bagi Ketua Pengarah, jika dapat dibuktikan dengan memuaskan hatinya bahawa apa-apa wang telah dibayar lebih atau silap bayar sebagai duti kastam, surcaj, penalti, fi atau wang lain atau sebagai apa-apa fi atau caj lain di bawah Akta ini, memerintahkan pembayaran balik wang yang dibayar lebih atau silap bayar itu: [*Pind. Akta A1057, A1593*]

Dengan syarat bahawa— [*Gan. Akta A1057*]

(*a*) tiada pembayaran balik itu hendaklah dibenarkan melainkan jika suatu tuntutan berkenaan dengannya dibuat dalam borang yang ditetapkan dalam tempoh satu tahun selepas pembayaran lebih atau silap bayar itu dibuat; atau

(*b*) di dalam hal jika mana-mana duti kastam yang telah dibayar di bawah seksyen 13A atau perenggan 99H(2)(*b*) atau menunggu keputusan suatu semakan di bawah seksyen 143 atau rayuan di bawah seksyen 141T, tiada tuntutan atas pembayaran balik hendaklah dibenarkan kecuali tuntutan itu yang dibuat dalam borang yang ditetapkan dalam tempoh satu tahun daripada tarikh keputusan mengenai klasifikasi, penilaian, pengesahan tempat asal, semakan atau rayuan telah diberitahu kepada pihak yang menuntut. [*Pind. Akta A1593*]

(2) Suatu tuntutan di bawah subseksyen (1) hendaklah disokong dengan dokumen sedemikian sebagaimana yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah. [*Mas. Akta A1593*]

17. Pembayaran duti, dsb., dibayar dengan tidak cukup atau dibayar balik dengan silap.

(1) Apabila—

(*a*) kerana tidak sengaja, tersilap, atau kerana apa-apa sebab lain, salah tafsir bagi pihak mana-mana pegawai kastam, atau kerana pernyataan silap yang bukan dengan sengaja tentang nilai, kuantiti atau perihal oleh mana-mana orang, atau kerana apa-apa [*Pind. Akta A1593*]

sebab lain, keseluruhan atau mana-mana bahagian apa-apa duti kastam, surcaj, penalti, fi atau wang lain yang kena dibayar di bawah Akta ini telah tidak dibayar; atau

[Pind. Akta A1593]

(*b*) keseluruhan atau mana-mana bahagian apa-apa duti kastam, surcaj, penalti, fi atau wang lain, selepas telah dibayar, telah, kerana apa-apa sebab, dibayar balik dengan silap,

[Pind. Akta A1593]

orang yang kena membayar duti kastam, surcaj, penalti, fi atau wang lain itu atau orang yang kepadanya pembayaran balik itu telah dibuat dengan silap, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah membayar jumlah terkurang itu dan membayar balik amaun yang dibayar kepadanya dengan berlebihan, apabila tuntutan dibuat dalam tempoh enam tahun dari tarikh duti kastam, surcaj, penalti, fi atau wang lain adalah kena dibayar atau duti kastam, surcaj, penalti, fi atau wang lain yang terkurang itu telah dibayar atau pembayaran balik itu dibuat, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan tanpa menjejas apa-apa remedi lain bagi mendapatkan kembali amaun yang kena dibayar, apa-apa barang-barang kepunyaan orang itu yang mungkin berada dalam kawalan kastam boleh ditahan sehingga duti kastam, surcaj, penalti, fi atau wang lain itu atau jumlah terkurang itu dibayar atau pembayaran balik dibuat, mengikut mana-mana yang berkenaan.

[Akta A1593]

(2) (*Dipotong*).

[Mas. Akta A1593]

(3) Tiada apa-apa jua dalam subseksyen (1) yang boleh memprejudiskan pelaksanaan hak dan kuasa di bawah seksyen ini oleh Ketua Pengarah untuk menyita atau, tertakluk kepada subseksyen (4), menjual apa-apa barang-barang di bawah kawalan kastam yang dimiliki oleh orang yang bertanggungan untuk membayar duti kastam, surcaj, penalti, fi atau wang lain itu bagi mendapatkan balik amaun yang kena dibayar di bawah subseksyen (1) atau (7), atau apa-apa baki tertunggak daripadanya.

[Mas. Akta A1593]

(4) Jika duti kastam, surcaj, penalti, fi atau wang lain atau duti kastam, surcaj, penalti, fi atau wang lain yang terkurang itu, atau bayaran balik yang kena dibayar balik masih belum dibayar, mengikut mana-mana yang berkenaan, Ketua Pengarah

boleh menjual barang-barang yang telah disita itu di bawah subsekyen (3)—

(*a*) selepas memberi notis bertulis tidak kurang daripada tiga puluh hari dari tarikh penyitaan kepada orang itu atau ejennya jika nama dan alamat pemunya atau ejen itu diketahui oleh Ketua Pengarah; atau

(*b*) selepas memberi notis tidak kurang daripada tiga puluh hari di dalam *Warta* jika nama dan alamat pemunya atau ejennya itu tidak diketahui oleh Ketua Pengarah.

(5) Hasil jualan apa-apa barang-barang di bawah subseksyen (4) hendaklah digunakan untuk pembayaran— [*Mas. Akta A1593*]

(*a*) duti kastam, surcaj, penalti, fi atau wang lain; atau

(*b*) bagi mendapatkan balik apa-apa amaun atau caj yang mungkin kena dibayar berkenaan penjualan barang-barang itu,

dan lebihan itu, sekiranya ada, hendaklah dibayar kepada orang yang bertanggungan untuk membayar amaun yang kena dibayar di bawah subseksyen (1) dan jika orang itu tidak dapat dijumpai dalam tempoh satu bulan dari tarikh penjualan, lebihan itu hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang Disatukan.

(6) Jika semasa penjualan apa-apa barang-barang di bawah subseksyen (4) tiada tawaran yang mencukupi diterima untuk membayar duti kastam, surcaj, penalti, fi atau wang lain itu atau duti kastam, surcaj, penalti, fi atau wang lain yang terkurang itu yang kena dibayar atau bayaran balik yang telah dibayar secara silap, mengikut mana-mana yang berkenaan, barang-barang itu akan dilepaskan kepada kerajaan dan hendaklah dilupuskan mengikut cara sebagaimana yang diarahkan oleh Ketua Pengarah. [*Mas. Akta A1593*]

(7) Tiada apa-apa dalam subseksyen (1) hendaklah menghalang Ketua Pengarah daripada membuat tuntutan pada bila-bila masa selepas enam tahun apabila apa-apa pembayaran duti kastam, surcaj, penalti, fi atau wang lain tidak dibayar atau kurang dibayar disebabkan apa-apa bentuk fraud atau keingkaran yang dilakukan oleh atau bagi pihak mana-mana orang. [*Mas. Akta A1593*]

[*Mas. Akta A1057; Pind. Akta A1593*]

17A. Mendapat kembali duti kastam, dll. daripada orang yang meninggalkan Malaysia.

[*Pind. Akta A1593*]

(1) Jika Ketua Pengarah mempunyai sebab untuk percaya bahawa mana-mana orang hampir-hampir atau berkemungkinan untuk meninggalkan Malaysia tanpa membayar apa-apa duti kastam, surcaj, penalti, fi atau wang lain, yang kena dibayar di bawah Akta ini, maka bolehlah dikeluarkannya kepada Ketua Pengarah Imigresen suatu perakuan yang mengandungi butir-butir mengenai orang yang disyaki secara munasabah telah melakukan suatu kesalahan dengan suatu permohonan bahawa orang itu adalah dihalang daripada meninggalkan Malaysia kecuali dan sehingga orang itu membayar semua duti-duti, surcaj, penalti, fi atau wang lain yang kena dibayar atau memberikan jaminan yang memuaskan hati Ketua Pengarah bagi pembayaran tersebut.

[*Pind. Akta A1593*]

(2) Tertakluk kepada mana-mana perintah yang telah dikeluarkan atau dibuat di bawah mana-mana undang-undang bertulis berhubung dengan buang negeri atau imigresen, Ketua Pengarah Imigresen yang menerima suatu permohonan di bawah subseksyen (1) yang berkenaan dengan sesuatu orang hendaklah menjalankan semua langkah-langkah yang mana bolehlah termasuk pengalihan atau penahanan mana-mana perakuan berkenaan dengan identiti, pasport, permit keluar atau lain-lain dokumen perjalanan yang berhubung dengan orang tersebut sebagaimana yang diperlukan untuk memberi kesan kepada permohonan tersebut.

[*Pind. Akta A1593*]

(3) Ketua Pengarah hendaklah menyebabkan suatu notis mengenai pengeluaran suatu perakuan di bawah subseksyen (1) disampaikan secara sendiri atau dengan pos berdaftar pada alamat terakhir yang diketahui orang yang berkaitan dengan perakuan tersebut:

Dengan syarat bahawa ketidakperolehan notis tersebut oleh orang itu hendaklah tidak mentaksahkan apa-apa yang telah dilakukan di bawah seksyen ini.

[*Pind. Akta A1593*]

(4) Jika orang yang berkenaan dengan suatu perakuan yang telah dikeluarkan di bawah subseksyen (1) mengemukakan

pada atau selepas tarikh perakuan tersebut suatu penyataan bertulis yang telah ditandatangani oleh Ketua Pengarah menyatakan bahawa semua duti-duti, surcaj, penalti, fi atau wang lain telah dibayar atau jaminan tersebut diberikan berkenaan dengan pembayaran duti-duti tersebut penyataan tersebut hendaklah menjadi kuasa yang mencukupi untuk membenarkan orang itu untuk meninggalkan Malaysia.

(5) Tiada prosiding guaman hendaklah dimulakan atau dikendalikan terhadap Kerajaan, suatu Kerajaan Negeri atau mana-mana pegawai awam berkenaan dengan apa-apa perkara yang sah yang dilakukan di bawah seksyen ini.

(6) (*Dipotong*). [*Akta A1593*]

17B. Pembayaran secara ansuran. [*Mas. Akta A1593*]

(1) Jika apa-apa amaun kena dibayar mengikut subseksyen 17(1), Ketua Pengarah boleh membenarkan amaun itu dibayar secara ansuran, tertakluk kepada apa-apa syarat, dalam apa-apa amaun dan pada tarikh sebagaimana yang ditentukan olehnya.

(2) Jika terdapat keingkaran dalam bayaran apa-apa ansuran di bawah subseksyen (1) pada tarikh yang kena dibayar, keseluruhan baki tertunggak adalah menjadi terhutang dan kena dibayar pada tarikh itu dan hendaklah, tanpa apa-apa notis selanjutnya disampaikan kepada orang yang kena membayar amaun itu, adalah tertakluk kepada suatu surcaj yang bersamaan dengan sepuluh peratus daripada baki tertunggak itu dan surcaj itu boleh didapatkan balik seolah-olah ianya adalah terhutang dan kena dibayar di bawah Akta ini.

(3) Tiada apa-apa dalam subsekyen (1) dan (2) yang boleh memprejudiskan pelaksanaan hak dan kuasa di bawah seksyen ini oleh Ketua Pengarah untuk menyita atau menjual apa-apa barang-barang di bawah kawalan kastam yang dimiliki oleh orang yang kena bayar duti kastam, surcaj, penalti, fi atau wang lain itu mendapatkan balik amaun yang kena dibayar di bawah subseksyen (1) dan (2), atau apa-apa baki tertunggak itu.

[*Gan. Akta A1593*]

18. Remitan duti import ke atas barang-barang yang rosak, musnah atau hilang sebelum dipindahkan daripada kawalan kastam.

(1) Jika apa-apa barang-barang berduti yang telah diimport adalah rosak, musnah atau hilang disebabkan oleh kemalangan yang tidak dapat dielakkan pada bila-bila masa selepas tiba di Malaysia dan sebelum dipindahkan daripada kawalan kastam, Ketua Pengarah boleh, jika dia anggap patut, meremitkan keseluruhan atau mana-mana bahagian duti kastam yang kena dibayar jika notis bertulis mengenai kerosakan, kemusnahan atau kehilangan itu, disokong dengan dokumen yang mencukupi, telah dikemukakan pada masa itu atau sebelum pemindahan itu.

(2) Jika apa-apa barang-barang berduti rosak, musnah atau hilang disebabkan oleh kemalangan yang tidak dapat dielakkan selepas pemindahan barang-barang itu daripada kawalan kastam, tiada pengurangan duti kastam boleh dibenarkan ke atas barang-barang itu.

[*Pind. Akta A1109*]

19. Pengiraan duti kastam.

(1) Kadar duti kastam yang dipakai terhadap apa-apa barang-barang adalah:

(*a*) dalam hal barang-barang yang diimport dengan sahnya—

[*Pind. Akta A1109*]

(i) jika barang-barang itu (selain daripada petroleum dalam gudang berlesen) digudangkan, atau jika duti kastam dibayar di stesen pemungutan yang ditubuhkan di bawah subseksyen 63(2), kadar yang berkuat kuasa pada hari pemindahan barang-barang itu dibenarkan oleh pegawai kastam yang hak atau, dalam hal sesuatu stesen pemungutan, oleh seorang pegawai yang dilantik di bawah peruntukan mana-mana undang-undang yang sedang berkuat kuasa di Singapura berhubungan dengan pemungutan duti kastam yang kena dibayar kepada Kerajaan Malaysia;

(ii) jika barang-barang itu terdiri daripada petroleum yang berada di dalam gudang berlesen, kadar yang berkuat kuasa pada hari petroleum itu dipindahkan dari gudang itu;

(iii) jika barang-barang itu diimport melalui pos, kadar yang berkuat kuasa pada hari duti ditaksir oleh pegawai kastam yang hak; dan [*Pind. Akta A1109*]

(iv) dalam apa-apa hal lain, kadar yang berkuat kuasa pada hari barang-barang itu dilepaskan oleh pegawai kastam yang hak; [*Pind. Akta A1109*]

(*b*) dalam hal barang-barang tidak berkastam, kadar yang berkuat kuasa pada hari barang-barang itu menjadi barang-barang tidak berkastam, jika diketahui, atau kadar yang berkuat kuasa pada hari penyitaan, yang mana lebih tinggi.

(2) Untuk tujuan mengira duti kastam yang perlu dibayar, cara penilaian yang dikenakan ke atas mana-mana barang patut dibuat berasaskan cara yang ditentukan. [*Mas. Akta A1109*]

20. Pengiraan duti eksport.

Kadar duti eksport dan penilaian (jika ada) yang dipakai terhadap apa-apa barang-barang adalah—

(*a*) dalam hal barang-barang yang dieksport dengan sahnya, kadar dan penilaian yang berkuat kuasa pada hari sesuatu resit dikeluarkan bagi pembayaran duti:

Dengan syarat bahawa apabila pembayaran tunggakan duti telah dibenarkan di bawah seksyen 80 kadar dan penilaiannya ialah kadar dan penilaian yang berkuat kuasa pada hari barang-barang itu dilepaskan oleh pegawai kastam yang hak, atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, oleh seorang pegawai yang dilantik di bawah mana-mana undang-undang yang sedang berkuat kuasa di Singapura berhubungan dengan pemungutan duti eksport ke atas barang-barang yang dieksport dari Malaysia;

(*b*) dalam hal barang-barang tidak berkastam, kadar dan penilaian yang berkuat kuasa pada hari barang-barang itu menjadi barang-barang tidak berkastam, jika diketahui, atau kadar dan penilaian yang berkuat kuasa pada hari penyitaan, yang mana lebih tinggi.

[*Gan. Akta 578*]

21. Masa pengimportan dan pengeksportan apabila duti dikenakan atau dimansuhkan.

Apabila menurut kuasa suatu perintah yang dibuat di bawah subseksyen 11(1) suatu duti kastam telah ditentukan ke atas apa-apa barang-barang yang sebelumnya adalah barang-barang tidak berduti atau apa-apa duti kastam ke atas barang-barang dihapuskan atau apabila pengimportan atau pengeksportan apa-apa barang-barang dilarang atau apa-apa larangan itu dihapuskan oleh suatu perintah yang dibuat di bawah seksyen 31 dan adalah menjadi perlu bagi maksud Akta ini untuk menentukan masa sesuatu pengimportan atau pengeksportan apa-apa barang-barang dibuat dan disempurnakan adalah disifatkan sebagai telah mula berkuat kuasa, pengimportan atau pengeksportan itu hendaklah, walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam Akta mengandungi, disifatkan pada masa itu bahawa barang-barang dilepaskan oleh pegawai kastam yang hak.

22. Soalan berkenaan dengan barang-barang yang disifatkan sebagai berduti.

Jika apa-apa soalan berbangkit sama ada apa-apa barang-barang tertentu adalah atau tidak termasuk dalam sesuatu kelas barang-barang yang terdapat dalam perintah yang dibuat di bawah subseksyen 11(1), soalan itu hendaklah diputuskan oleh Ketua Pengarah.

[*Mas. Akta A921; Pind. Akta A1281*]

22A. Perakuan Ketua Pengarah boleh diterima dalam keterangan.

Tanpa menghiraukan apa-apa yang terkandung dalam mana-mana undang-undang bertulis yang lain atau kaedah keterangan yang bertentangan, di mana, dalam mana-mana prosiding,

sesuatu dokumen yang bermaksud sebagai suatu akuan yang telah ditandatangani oleh Ketua Pengarah berhubung dengan satu keputusan yang telah dibuat olehnya di bawah seksyen 10B, 13B atau 22 dikemukakan, dokumen yang sedemikian akan dapat diterima sebagai keterangan dan akan diterima sebagai keterangan fakta-fakta secukupnya yang dinyatakan di dalamnya dan Ketua Pengarah tidak akan dikehendaki untuk memberi keterangan berhubung dengan keputusan yang sedemikian kecuali diperintahkan oleh Mahkamah sebaliknya.

22B. Mendapatkan balik duti kastam, dll., sebagai suatu hutang sivil. [*Gan. Akta A1593*]

(1) Tanpa memprejudiskan mana-mana remedi yang lain dan walau apa pun apa-apa semakan atau rayuan terhadap apa-apa keputusan Ketua Pengarah di bawah seksyen 143, apa-apa duti kastam, surcaj, penalti, fi atau wang lain yang kena dibayar di bawah Akta ini, boleh didapatkan balik sebagai suatu hutang sivil yang kena dibayar kepada Kerajaan Malaysia, atau jika duti kastam itu adalah suatu duti dari satu kategori yang ditetapkan kepada Negeri tersebut oleh Perkara 112C Perlembagaan Persekutuan, kepada Kerajaan Negeri itu.

(2) Dalam apa-apa prosiding untuk mendapatkan balik duti kastam, surcaj, penalti, fi atau wang lain itu di bawah subseksyen (1), pengeluaran suatu perakuan yang ditandatangani oleh Ketua Pengarah—

(*a*) menyatakan bahawa apa-apa duti kastam, surcaj, penalti, fi atau wang lain dan amaun yang ditunjukkan di dalam perakuan itu sebagai kena dibayar, dalam apa-apa taksiran atau notis yang dibuat di bawah Akta ini daripada seseorang yang dinamakan dalam perakuan itu; dan

(*b*) memberikan alamat orang itu dan berupa suatu salinan atau cabutan daripada apa-apa notis taksiran,

hendaklah menjadi keterangan muktamad mengenai duti kastam, surcaj, penalti, fi atau wang lain dan amaun yang kena dibayar dalam apa-apa taksiran atau notis dan hendaklah menjadi bukti yang mencukupi bagi mahkamah untuk memberikan penghakiman bagi amaun itu.

(3) Apa-apa penalti yang dikenakan di bawah Akta ini hendaklah, bagi maksud Akta ini dan Akta Had Masa 1953[1], Ordinan Had Masa Sabah[2] atau Ordinan Had Masa Sarawak[3], mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh didapatkan balik seolah-olah penalti itu adalah duti kastam yang terhutang dan kena dibayar di bawah Akta ini dan sewajarnya subseksyen 6(4) Akta Had Masa 1953, seksyen 3 Ordinan Had Masa Sabah atau seksyen 3 Ordinan Had Masa Sarawak, mengikut mana-mana yang dikehendaki, hendaklah tidak terpakai bagi penalti itu.

[*Mas. Akta A1109*]

22C. Tanggungan bersesama dan masing-masing pengarah, dll.

[*Pind. Akta A1593*]

Jika apa-apa duti kastam, surcaj, penalti, fi atau wang lain perlu dibayar oleh—

(*a*) suatu syarikat;

(*b*) suatu firma; atau

(*c*) suatu persatuan, suatu pertubuhan atau kumpulan orang yang lain,

[*Pind. Akta A1593*]

maka, walau apa pun yang berlawanan dalam Akta ini atau dalam mana-mana undang-undang bertulis lain, pengarah-pengarah syarikat itu atau pekongsi-pekongsi firma itu atau ahli-ahli persatuan, pertubuhan atau kumpulan orang yang lain itu, mengikut mana yang berkenaan, hendaklah, bersama dengan syarikat, firma, persatuan, pertubuhan atau kumpulan orang yang lain itu, secara bersesama atau masing-masing bertanggungan bagi duti kastam, surcaj, penalti, fi atau wang lain yang perlu dibayar:

[*Pind. Akta A1593*]

Dengan syarat bahawa berhubung dengan suatu syarikat yang sedang digulungkan, pengarah-pengarah syarikat itu hanya bertanggungan sedemikian jika aset syarikat itu tidak mencukupi untuk menjelaskan amaun yang kena dibayar, selepas membayar apa-apa jumlah yang mempunyai keutamaan berbanding duti kastam, surcaj, penalti, fi atau wang lain di bawah Akta Syarikat 1965[4] berhubung dengan penggunaan aset syarikat itu dalam penggulungan itu.

---

[1] *Akta 254.*
[2] *Sabah Bab 72.*
[3] *Sarawak Bab 49.*
[4] *Akta 125. Dimansuhkan oleh Akta Syarikat 2016 (Akta 777).*

BAHAGIAN IV

PENGIMPORTAN DAN PENGEKSPORTAN

23. Masa dan tempat mendaratkan barang-barang ke dalam negeri.

(1) Tiada barang-barang yang diimport melalui laut atau diangkut melalui air dari mana-mana tempat di Malaysia boleh didaratkan—

(*a*) kecuali di sesuatu tempat mendarat yang sah di sisi undang-undang:

Dengan syarat bahawa di Sabah dan Sarawak barang-barang bolehlah didaratkan di sesuatu dermaga yang dibenarkan;

(*b*) sehingga kebenaran untuk berbuat sedemikian telah diterima daripada pegawai kastam yang hak; dan

(*c*) kecuali pada hari-hari dan masa yang ditetapkan, melainkan jika kebenaran untuk mendaratkan barang-barang pada hari-hari dan masa yang lain telah diberi oleh pegawai kastam yang hak.

(2) Kecuali dengan kebenaran pegawai kastam yang hak, tiada barang-barang sedemikian—

(*a*) setelah didaratkan atau diturunkan dari kapal boleh dipindahkapalkan; atau

(*b*) setelah diletakkan ke dalam mana-mana bot atau pesawat untuk didaratkan boleh dipindahkan ke dalam mana-mana bot atau pesawat lain sebelum ia didaratkan.

(3) Peruntukan-peruntukan terdahulu seksyen ini tidaklah terpakai bagi ikan basah, sama ada dibungkus dengan air batu atau tidak, yang didaratkan daripada mana-mana vesel yang dilesen bagi maksud menangkap ikan di bawah mana-mana undang-undang bertulis.

24. Tempat mendaratkan barang-barang yang diimport melalui udara.

Tiada barang-barang yang diimport melalui udara boleh didaratkan kecuali di sesuatu lapangan terbang kastam dan [*Pind. Akta 578, A1593*]

barang-barang itu mungkin dilepaskan di lapangan terbang kastam, depot pelepasan dalam negeri atau di stesen kastam dalam negeri.

25. Masa dan tempat mengimport melalui kereta api atau jalan.

Tiada barang-barang yang diimport melalui kereta api atau jalan boleh diimport—

(*a*) kecuali di suatu tempat import yang ditetapkan dan jika sesuatu jalan telah ditetapkan, melalui jalan itu; dan

(*b*) dalam hal barang-barang yang diimport melalui jalan, kecuali pada hari-hari dan masa yang ditetapkan bagi pengimportan itu melainkan jika kebenaran untuk mengimport barang-barang pada hari-hari dan masa yang lain telah diberi oleh pegawai kastam yang hak.

26. Masa dan tempat memuatkan barang-barang untuk dieksport melalui laut.

Tiada barang-barang boleh dimuatkan, atau diangkut melalui air untuk dimuatkan bagi pengeksportan melalui laut atau bagi pengangkutan melalui air dari mana-mana tempat ke suatu tempat lain dalam Malaysia—

(*a*) kecuali di sesuatu tempat mendarat yang sah di sisi undang-undang:

Dengan syarat bahawa di Sabah dan Sarawak barang-barang boleh dimuatkan atau diangkut melalui air untuk dimuatkan bagi pengeksportan melalui laut di sesuatu dermaga yang dibenarkan;

(*b*) sehingga kebenaran untuk berbuat sedemikian telah diterima daripada pegawai kastam yang hak; dan

(*c*) kecuali pada hari-hari dan masa yang ditetapkan, melainkan jika kebenaran untuk memuatkan barang-barang pada hari-hari dan masa yang lain telah diberi oleh pegawai kastam yang hak.

27. Pengangkutan melalui laut barang-barang yang dikenakan duti eksport ke suatu pelabuhan kastam yang lain.

(1) Tiada barang-barang yang berkenaan dengannya duti kastam kena dibayar apabila dieksport boleh dimuat, atau diangkut melalui air untuk dimuat, bagi pengangkutan melalui laut dari mana-mana tempat ke mana-mana tempat lain dalam Malaysia melainkan jika—

(*a*) duti eksport telah dibayar ke atas apa-apa barang-barang yang dicadangkan untuk dipindah kapal di tempat lain; atau

(*b*) dalam hal barang-barang yang akan didaratkan di sesuatu tempat mendarat yang sah di sisi undang-undang dalam Malaysia jaminan dalam amaun duti eksport itu telah diberi dengan memuaskan hati pegawai kanan kastam bahawa apa-apa barang-barang yang dicadangkan untuk didaratkan di tempat mendarat yang sah di sisi undang-undang yang lain akan didaratkan sedemikian:

Dengan syarat bahawa dalam hal Sarawak, duti eksport boleh dibayar pada masa dan mengikut cara sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri melalui peraturan di bawah seksyen 142.

(2) Tiada barang-barang yang berkenaan dengannya duti kastam kena dibayar apabila dieksport boleh dihantar melalui kereta api dari satu tempat ke tempat lain dalam Malaysia apabila perjalanan itu melibatkan laluan melalui wilayah di luar Malaysia melainkan jika—

(*a*) duti eksport kastam telah dibayar ke atasnya; atau

(*b*) jaminan dalam amaun duti itu telah diberi dengan memuaskan hati pegawai kanan kastam di stesen yang menghantar bahawa barang-barang itu akan ditunjukkan kepada pegawai kanan kastam di stesen yang dituju.

28. Masa dan tempat eksport melalui kereta api atau jalan.

Tiada barang-barang boleh dieksport melalui kereta api atau jalan—

(*a*) kecuali di suatu tempat eksport yang ditetapkan dan, jika sesuatu jalan telah ditetapkan, melalui jalan itu; dan

(*b*) dalam hal barang-barang yang dieksport melalui jalan kecuali pada hari-hari dan masa yang ditetapkan melainkan jika kebenaran mengeksport barang-barang pada hari-hari dan masa yang lain telah diberi oleh pegawai kastam yang hak.

29. Pengeksportan melalui udara.

[*Pind. Akta 578, A1593*]

Tiada barang-barang boleh dieksport melalui udara kecuali di sesuatu lapangan terbang kastam dan barang-barang itu mungkin dilepaskan di lapangan terbang kastam, depot pelepasan dalam negeri atau di stesen kastam dalam negeri.

[*Mas. Akta 293*]
[*Pind. Akta A1593*]

29A. Pengimportan atau pengeksportan melalui talian paip.

(1) Tiada barang-barang boleh diimport atau dieksport melalui saluran paip melainkan jika saluran paip itu telah diluluskan oleh Ketua Pengarah yang, semasa memberi kelulusan itu, boleh mengenakan apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkannya patut.

[*Mas. Akta A1593*]

(2) Barang-barang yang diimport melalui suatu saluran paip hendaklah dianggap sebagai telah diimport pada masa ianya dibawa—

(*a*) jika melalui laut, menyeberangi sempadan memasuki perairan wilayah; atau

(*b*) jika melalui darat, menyeberangi sempadan memasuki Malaysia.

[*Mas. Akta A1593*]

(3) Barang-barang yang dieksport melalui suatu saluran paip hendaklah dianggap sebagai telah dieksport pada masa barang-barang itu dimuatkan daripada suatu saluran paip ke pengangkut yang lain untuk dieksport.

[*Mas. Akta A1593*]

29B. Pengimportan atau pengeksportan melalui cara lain.

Tiada barang-barang boleh diimport atau dieksport melalui cara lain kecuali sebagaimana yang diluluskan oleh Ketua Pengarah tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkannya patut.

30. Pengecualian daripada peruntukan seksyen 23, 24, 25, 26, 28 dan 29.

Ketua Pengarah boleh mengecualikan mana-mana orang daripada semua atau mana-mana peruntukan seksyen 23, 24, 25, 26, 28 dan 29 dengan apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkannya patut untuk dikenakan.

31. Kuasa Menteri melarang import atau eksport.

(1) Menteri boleh, dengan perintah—

(*a*) melarang pengimportan ke dalam, atau pengeksportan dari, Malaysia atau mana-mana bahagian daripadanya, sama ada dengan mutlak atau bersyarat, atau dari atau ke mana-mana negeri, wilayah atau tempat yang dinyatakan di luar Malaysia, atau pemindahan dari satu tempat ke tempat lain dalam Malaysia apa-apa barang-barang atau kelas barang-barang; dan

(*b*) melarang pengimportan ke dalam, atau pengeksportan dari, Malaysia atau mana-mana bahagian daripadanya, atau pemindahan dari satu tempat ke tempat lain dalam Malaysia apa-apa barang-barang atau kelas barang-barang, kecuali di pelabuhan atau tempat yang dinyatakan.

(2) Jika apa-apa soalan berbangkit tentang sama ada apa-apa barang-barang tertentu adalah atau tidak termasuk dalam sesuatu kelas barang-barang yang terdapat dalam sesuatu perintah yang dibuat di bawah subseksyen (1), soalan sedemikian hendaklah diputuskan oleh Ketua Pengarah.

32. Pengangkutan melalui laut barang-barang daripada kelas yang pengeksportannya dilarang.

(1) Tiada barang-barang daripada sesuatu kelas yang pengeksportannya dilarang oleh suatu perintah yang dibuat di bawah seksyen 31 boleh dimuat, atau diangkut melalui air untuk dimuat, bagi pengangkutan melalui laut dari mana-mana tempat ke mana-mana tempat lain dalam Malaysia melainkan jika jaminan telah diberi dalam apa-apa amaun, tidak melebihi tiga kali ganda nilai barang-barang itu,

sebagaimana yang ditentukan oleh pegawai kanan kastam di tempat dari mana barang-barang itu akan diangkut dan pegawai itu berpuas hati bahawa apa-apa barang-barang yang dicadangkan untuk didaratkan di tempat lain itu akan didaratkan sedemikian.

(2) Tiada barang-barang daripada sesuatu kelas yang pengeksportannya dilarang oleh suatu perintah yang dibuat di bawah seksyen 31 boleh dihantar melalui kereta api dari satu tempat ke tempat lain dalam Malaysia apabila perjalanan itu melibatkan laluan melalui wilayah di luar Malaysia melainkan jika jaminan telah diberi dalam apa-apa amaun, tidak melebihi tiga kali ganda nilai barang-barang itu sebagaimana yang ditentukan oleh pegawai kanan kastam di stesen yang menghantar dan pegawai itu berpuas hati bahawa barang-barang itu akan ditunjuk kepada pegawai kanan kastam di stesen yang dituju.

33. Kecualian berkenaan dengan sungai tertentu yang boleh dilayari.

Jika berkenaan dengan apa-apa barang-barang, peruntukan-peruntukan Akta ini dan mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawahnya telah dipatuhi, maka walau apa pun peruntukan seksyen 23 dan 26, barang-barang itu boleh, tertakluk kepada apa-apa syarat dan bayaran apa-apa fi sebagaimana yang dikenakan oleh Ketua Pengarah, didaratkan atau dimuatkan di mana-mana tempat di tebing sesuatu sungai yang boleh dilayari ke hulu kepada suatu pelabuhan kastam atau tempat mendarat yang sah di sisi undang-undang.

[*Gan. Akta A1593*]

34. Kuasa Ketua Pengarah menghendaki jaminan.

(1) Ketua Pengarah boleh menghendaki mana-mana orang memberikan jaminan atau jaminan tambahan dalam suatu amaun dan mengikut cara sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah bagi bayaran apa-apa duti kastam yang mana atau yang boleh menjadi terhutang dan kena dibayar oleh orang itu.

(2) Jika apa-apa jaminan adalah dikehendaki diberikan di bawah subseksyen (1), tiada orang boleh memindah barang-barang yang di bawah kawalan kastam kecuali jika jaminan itu telah diberikan.

35. Anggapan tentang eksport.

Berhubungan dengan eksport, barang-barang hendaklah disifatkan sebagai dibawa atau disebabkan dibawa keluar dari Malaysia—

(*a*) jika ia telah dilepaskan oleh seorang pegawai kastam yang hak di stesen kastam yang terakhir dalam perjalanannya keluar dari Malaysia; [*Pind. Akta 578*]

(*b*) jika ia telah dimuatkan ke atas suatu vesel atau pesawat udara yang hampir bertolak dari suatu pelabuhan atau tempat di dalam Malaysia; [*Pind. Akta 578*]

(*c*) jika ia telah dilepaskan oleh seorang pegawai kastam di depot pelepasan dalam negeri atau di stesen kastam dalam negeri di dalam perjalanan keluar dari Malaysia melalui sesebuah pelabuhan atau lapangan terbang kastam. [*Mas. Akta 578*]

BAHAGIAN IVA [*Mas. Akta A1593*]

TRANSIT DAN PINDAH KAPAL

35A. Transit dibenarkan. [*Mas. Akta A1593*]

(1) Tertakluk kepada peruntukan Bahagian ini, transit berikut adalah dibenarkan:

(*a*) barang-barang yang diimport ke dalam negara—

(i) di atas vesel, pesawat udara, kenderaan atau gerabak kereta api yang akan diangkut melalui Malaysia dari tempat pengimportan di Malaysia sama ada atau tidak barang-barang itu dipunggah atau tidak dari vesel, pesawat udara, kenderaan atau gerabak kereta api ke suatu tempat keluar dari mana barang-barang tersebut itu akan diambil keluar dari Malaysia; atau

(ii) di atas vesel, pesawat udara, kenderaan atau kereta api untuk diangkut melalui Malaysia dari tempat pengimportan di Malaysia ke suatu tempat di bawah kawalan kastam;

(*b*) pergerakan barang-barang dari suatu tempat di bawah kawalan kastam ke suatu tempat keluar di Malaysia untuk tujuan eksport; dan

(*c*) pergerakan barang-barang di bawah kawalan kastam dari suatu tempat ke tempat lain di Malaysia.

(2) Bayaran duti kastam bagi barang-barang yang diimport atau yang dieksport yang dipindahkan dalam transit di bawah subseksyen (1) boleh digantung buat sementara waktu tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

[*Mas. Akta A1593*]

35B. Permulaan dan penyempurnaan prosedur transit.

(1) Tertakluk kepada subseksyen (4), prosedur transit bermula apabila barang-barang telah diluluskan untuk ditransit dan selesai apabila barang-barang itu telah diluluskan dan dilepaskan untuk prosedur kastam lain yang diluluskan oleh pegawai kastam yang hak atau untuk kegunaan sendiri.

(2) Barang-barang yang dipindahkan di bawah prosedur transit hendaklah sampai ke titik destinasi seperti yang dinyatakan di dalam pengisytiharan, dan dieksport dalam tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(3) Walau apa pun subseksyen (1) dan (2), prosedur transit itu, berhubung dengan apa-apa barang-barang, berakhir sebelum ianya disempurnakan jika ianya terganggu oleh mana-mana keadaan berikut:

(*a*) pelepasan barang-barang untuk prosedur transit ditarik balik;

(*b*) barang-barang itu telah —

(i) dilepaskan untuk kegunaan sendiri dengan tidak mengikut kelulusan yang diberikan oleh pegawai kastam yang hak;

(ii) dilepaskan untuk eksport dengan tidak mengikut kelulusan yang diberikan oleh pegawai kastam yang hak; atau

(iii) dipindahkan bukan di bawah kawalan kastam;

(*c*) barang-barang telah ditinggalkan;

(*d*) barang-barang telah disita di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain; atau

(*e*) barang-barang itu dimusnahkan, hilang atau tidak diambil kira.

(4) Tanpa prejudis kepada apa-apa prosiding di bawah Akta ini, jika barang-barang yang boleh dikenakan duti telah dipindahkan di bawah prosedur transit berakhir sebelum ianya selesai disebabkan keadaan-keadaan di bawah subseksyen (3), pemunya barang-barang atau ejennya hendaklah bertanggungan untuk membayar duti yang boleh dilevi ke atas barang-barang berduti itu dan apa-apa jaminan yang diberikan di bawah Akta ini boleh dilucuthakkan dan dibayar ke dalam Kumpulan Wang Disatukan.

(5) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (2) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan suatu denda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama suatu tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

35C. Perlindungan terhadap apa-apa gangguan yang tidak dibenarkan terhadap barang-barang dalam transit. [*Mas. Akta A1593*]

(1) Ketua Pengarah boleh menghendaki pemunya barang-barang untuk mengambil langkah yang perlu untuk melindungi daripada apa-apa gangguan yang tidak dibenarkan terhadap barang-barang dalam transit.

(2) Mana-mana orang yang gagal mematuhi permintaan yang dibuat oleh Ketua Pengarah di bawah subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan suatu denda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama suatu tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

[Mas. Akta A1593]

35D. Penentuan pelabuhan dan lapangan terbang kastam untuk transit.

(1) Ketua Pengarah boleh menentukan—

(*a*) pelabuhan dan lapangan terbang kastam di mana barang-barang boleh dipunggah dari vesel atau pesawat udara untuk transit; atau

(*b*) pelabuhan dan lapangan terbang kastam di mana barang-barang boleh dimuatkan ke atas vesel atau pesawat udara untuk dieksport dari Malaysia di bawah prosedur transit.

(2) Tiada seorang pun boleh memuat atau memunggah barang-barang untuk transit kecuali di pelabuhan atau lapangan terbang kastam sebagaimana yang ditentukan di bawah subseksyen (1).

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (2) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan suatu denda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama suatu tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

[Mas. Akta A1593]

35E. Penentuan laluan untuk transit.

(1) Ketua Pengarah boleh menentukan laluan, melalui jalan raya atau kereta api, melalui mana barang-barang boleh diangkut di bawah prosedur transit.

(2) Tiada seorang pun hendaklah mengangkut barang-barang bagi maksud operasi transit melalui laluan jalan raya atau kereta api selain daripada suatu laluan yang ditentukan di bawah subseksyen (1).

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (2) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan suatu denda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama suatu tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

35F. Orang-orang yang berhak mengemukakan pengisytiharan untuk transit. [*Mas. Akta A1593*]

Orang-orang berikut berhak untuk mengemukakan pengisytiharan dan dokumen sokongan untuk melepaskan barang-barang bagi tujuan transit:

(*a*) pemunya barang-barang itu;

(*b*) pengangkut berlesen atau mana-mana orang lain sebagaimana yang diluluskan oleh Ketua Pengarah di bawah subseksyen 35G(2); atau

(*c*) seorang ejen kastam.

35G. Pergerakan barang dalam transit. [*Mas. Akta A1593*]

(1) Tertakluk kepada subseksyen (2), tiada barang hendaklah dipindahkan dalam transit (termasuk pindah kapal) melalui jalan raya kecuali oleh pengangkut berlesen.

(2) Ketua Pengarah boleh, dalam keadaan khas dan tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang ditentukan olehnya, meluluskan mana-mana orang selain pengangkut berlesen untuk memindahkan barang-barang dalam transit dan pindah kapal.

(3) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) atau syarat-syarat di bawah subseksyen (2) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan suatu denda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama suatu tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

35H. Pengangkut berlesen. [*Mas. Akta A1593*]

(1) Ketua Pengarah boleh memberikan suatu lesen kepada mana-mana orang untuk bertindak sebagai pengangkut berlesen tertakluk kepada terma dan syarat sebagaimana yang difikirkannya patut dan dia boleh menggantung atau menarik balik lesen sedemikian.

(2) Dalam memberikan suatu lesen di bawah subseksyen (1), Ketua Pengarah boleh menghendaki suatu jaminan untuk diberikan sebagaimana yang difikirkannya mencukupi untuk menampung duti kastam yang kena dibayar ke atas barang-barang yang dipindah dan untuk kelakuan setia dan tidak korup pengangkut berlesen itu dan ejen atau pekerja pengangkut berlesen itu yang bertindak bagi pengangkut berlesen kedua-duanya berkenaan dengan kastam dan majikan pengangkut berlesen.

(3) Pengangkut berlesen yang menjalankan operasi transit atau pindah kapal hendaklah memastikan operasi itu dijalankan dan diselesaikan menurut Akta ini dan langkah-langkah yang diperlukan oleh Ketua Pengarah di bawah subseksyen 35C(1) atau 35K(1).

(4) Jika pengangkut berlesen yang menjalankan operasi transit atau pindah kapal itu bukanlah orang yang mengemukakan pengisytiharan atau dokumen lain untuk operasi itu, pengangkut berlesen dan orang yang mengemukakan pengisytiharan itu hendaklah secara bersama dan secara berasingan bertanggungan bagi duti kastam yang terhutang dan kena dibayar dan obligasi yang dirujuk dalam subseksyen (3).

(5) Jika pengangkut berlesen yang menjalankan operasi transit atau pindah kapal adalah orang yang telah subkontrak pengangkutan barang-barang itu kepada pengangkut yang lain, pengangkut berlesen itu dan pengangkut yang lain itu hendaklah secara bersama dan secara berasingan bertanggungan bagi duti kastam yang terhutang dan kena dibayar dan obligasi yang dirujuk dalam subseksyen (3).

(6) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (3) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan suatu denda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama suatu tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

35I. Barang-barang yang telah dipindah kapal akan didepositkan dalam gudang. [*Mas. Akta A1593*]

(1) Barang-barang yang tiba di Malaysia untuk pindah kapal dan yang berada di suatu pelabuhan atau lapangan terbang kastam semasa menunggu ketibaan vesel atau pesawat udara untuk dipindahkan hendaklah, jika ianya boleh dikenakan duti atau dilarang ketika diimport atau dieksport, mengikut mana-mana yang berkenaan, atau yang tergolong dalam suatu kelas barang-barang, diletakkan dalam gudang kastam atau gudang berlesen, atau suatu gudang atau tempat lain yang diluluskan oleh Ketua Pengarah, sehingga barang-barang itu dimuatkan ke atas vesel atau pesawat udara dan diangkut keluar dari Malaysia.

(2) Pemunya atau ejen barang-barang untuk pindah kapal itu boleh dikenakan caj penyimpanan, caj pengendalian, sewa gudang dan caj lain pada kadar yang dikenakan kepada barang-barang tersebut atau, jika kadar tersebut tidak ditetapkan, pada kadar yang ditetapkan bagi barang-barang sebegitu sebelum pengangkutan keluar dari Malaysia.

(3) Tiada barang-barang untuk pindah kapal boleh dipindahkan antara dua atau lebih tempat di bawah kawalan kastam di pelabuhan atau lapangan terbang kastam di mana barang-barang itu dipunggah tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada pegawai kastam yang hak.

(4) Ketua Pengarah boleh mengecualikan mana-mana barang-barang tertentu daripada operasi seksyen ini.

(5) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) atau (3) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan suatu denda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama suatu tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

35J. Permulaan dan penyempurnaan prosedur pindah kapal. [*Mas. Akta A1593*]

(1) Tertakluk kepada peruntukan Bahagian ini, Ketua Pengarah boleh membenarkan apa-apa barang-barang yang diimport untuk dipindahkan di bawah prosedur pindah kapal tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(2) Prosedur pindah kapal bermula apabila barang-barang itu telah diluluskan untuk pindah kapal dan selesai apabila barang-barang itu diluluskan untuk dieksport.

(3) Walau apa pun subseksyen (2), prosedur pindah kapal itu, berhubung dengan apa-apa barang-barang, berakhir sebelum ianya disempurnakan jika ianya terganggu oleh mana-mana keadaan berikut:

(*a*) pelepasan barang-barang untuk prosedur pindah kapal ditarik balik;

(*b*) barang-barang itu telah—

(i) dilepaskan untuk kegunaan sendiri dengan tidak mengikut kelulusan yang diberikan oleh pegawai kastam yang hak;

(ii) dilepaskan untuk dieksport dengan tidak mengikut kelulusan yang diberikan oleh pegawai kastam yang hak; atau

(iii) dipindahkan bukan di bawah kawalan kastam.

(*c*) barang-barang telah ditinggalkan;

(*d*) barang-barang telah disita di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain; atau

(*e*) barang-barang itu dimusnahkan, hilang atau tidak diambil kira.

(4) Tanpa prejudis kepada apa-apa prosiding di bawah Akta ini, jika mana-mana barang-barang yang boleh dikenakan duti telah dipindahkan di bawah pindah kapal berakhir sebelum ianya disempurnakan disebabkan keadaan-keadaan di bawah subseksyen (3), pemunya barang-barang atau ejennya hendaklah bertanggungan untuk membayar duti yang boleh dilevi ke atas barang-barang berduti itu dan apa-apa jaminan yang diberikan di bawah Akta ini boleh dilucuthakkan dan dibayar ke dalam Kumpulan Wang Disatukan.

35K. Perlindungan terhadap apa-apa gangguan tanpa kebenaran terhadap barang-barang dalam pindah kapal. [*Mas. Akta A1593*]

(1) Ketua Pengarah boleh menghendaki pemunya barang-barang untuk mengambil langkah yang perlu untuk melindungi daripada apa-apa gangguan tanpa kebenaran terhadap barang-barang dalam pindah kapal.

(2) Mana-mana orang yang gagal mematuhi permintaan yang dibuat oleh Ketua Pengarah di bawah subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan suatu denda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama suatu tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

35L. Ketidakpatuhan tempoh penyelesaian. [*Mas. Akta A1593*]

(1) Jika—

(*a*) prosedur pindah kapal tidak bermula atau tidak selesai menurut subseksyen 35J(2); atau

(*b*) barang-barang pindah kapal yang dimuatkan ke atas vesel atau pesawat udara untuk diangkut keluar dari Malaysia tidak dieksport menurut subseksyen 35J(2),

pemegang lesen gudang berlesen itu, atau gudang atau tempat lain yang diluluskan oleh Ketua Pengarah, atau nakhoda vesel atau juruterbang pesawat udara itu di atas mana barang-barang itu hendaklah dimuatkan untuk dieksport, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah—

(A) dengan segera memaklumkan pegawai kastam yang hak berkenaan kelewatan itu, dan sebab-sebab kelewatan; dan

(B) selepas itu memberitahu pegawai kastam yang hak dengan kerap, mengenai keadaan berkenaan dengan permulaan dan penyempurnaan prosedur pindah kapal tersebut.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan suatu denda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama suatu tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

[*Mas. Akta A1593*]

35M. Penghantaran barang-barang bagi pindah kapal untuk dimuatkan ke atas vesel atau pesawat udara yang keluar.

(1) Nakhoda suatu vesel atau juruterbang suatu pesawat udara atau ejen vesel atau pesawat udara itu di bawah Bahagian VII yang melaporkan ketibaan barang-barang pindah kapal hendaklah memastikan bahawa barang-barang itu dimuatkan ke atas vesel atau pesawat udara dan diangkut keluar dari Malaysia di pelabuhan atau lapangan terbang kastam di mana barang-barang pindah kapal itu dimaksudkan untuk dihantar di bawah seksyen 35I.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan suatu denda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama suatu tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

[*Mas. Akta A1593*]

35N. Tanggungjawab pemegang lesen, pemunya atau orang yang mengendalikan barang-barang untuk pindah kapal.

(1) Jika barang-barang adalah didepositkan di bawah seksyen 35I, pemegang lesen gudang berlesen, atau gudang atau tempat lain yang diluluskan oleh Ketua Pengarah, pemunya atau orang yang mengendalikan barang-barang itu untuk pindah kapal, hendaklah menyimpan rekod resit, pengendalian, penyimpanan dan penghantaran barang-barang itu sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(2) Pemegang lesen, pemunya atau orang yang mengendalikan barang-barang itu bagi pindah kapal yang dirujuk dalam subseksyen (1) hendaklah—

(*a*) dalam masa dua jam selepas barang-barang itu dimuatkan ke atas vesel atau pesawat udara, mengemukakan kepada pegawai kastam yang hak suatu pernyataan yang disahkan berhubung pengeluaran barang-barang daripada gudang berlesen, atau gudang atau tempat lain yang diluluskan oleh Ketua Pengarah; dan

(*b*) dengan serta-merta memberitahu pegawai kastam yang hak jika barang-barang dikeluarkan dari gudang berlesen, atau gudang atau tempat lain yang diluluskan oleh Ketua Pengarah, bagi tujuan selain daripada memuatkan barang-barang itu ke atas vesel atau pesawat udara itu.

(3) Penyataan yang disahkan yang dikemukakan di bawah perenggan (2)(*a*) hendaklah—

(*a*) menyatakan bahawa barang-barang itu adalah untuk pindah kapal; dan

(*b*) mengandungi semua maklumat sebagaimana yang diperlukan oleh Ketua Pengarah.

(4) Penyataan yang disahkan yang dikemukakan di bawah perenggan (2)(*a*) hendaklah dikemukakan secara elektronik melainkan jika diluluskan sebaliknya oleh Ketua Pengarah.

(5) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1), (2), (3) atau (4) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan suatu denda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama suatu tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

Bahagian V

PELEPASAN PELABUHAN

36. Vesel yang tiba, hendaklah dilaporkan dan menunjukkan surat melainkan jika dikecualikan.

(1) Nakhoda tiap-tiap vesel yang tiba di mana-mana pelabuhan kastam dan bukan suatu vesel di mana pengecualian di bawah seksyen 39 terpakai hendaklah sama ada dengan sendiri atau melalui ejen vesel tersebut—

(*a*) dengan serta-merta melaporkan ketibaan vesel tersebut kepada pegawai kastam yang hak;

(*b*) memberi apa-apa maklumat berhubungan dengan vesel, kargo, kru dan pelayaran, sebagaimana yang dikehendaki oleh pegawai kastam yang hak itu; dan

(*c*) apabila dikehendaki oleh pegawai tersebut, menunjukkan pelepasan pelabuhan, atau dokumen lain yang lazimnya diberi, yang diberi di pelabuhan persinggahan terakhir dan apa-apa dokumen lain berhubungan dengan vesel, kargo, kru dan pelayaran itu.

(2) Pegawai kastam yang hak itu boleh menahan pelepasan pelabuhan atau dokumen lain yang diberi di pelabuhan persinggahan terakhir itu.

[*Pind. Akta A1593*]

(3) Jika terdapat kegagalan untuk mematuhi subseksyen (1) nakhoda atau ejen vesel berkenaan adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama suatu tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

37. Tiada vesel boleh belayar tanpa pelepasan pelabuhan melainkan jika dikecualikan.

(1) Tiada vesel, sama ada bermuatan atau dalam balast atau kosong, yang bukan suatu vesel di mana pengecualian di bawah seksyen 39 terpakai, boleh bertolak atau cuba untuk bertolak dari mana-mana pelabuhan kastam sehingga suatu pelepasan

pelabuhan dalam borang yang ditetapkan telah diberi oleh pegawai kastam yang hak kepada nakhoda atau ejen vesel itu.

(2) Jika mana-mana vesel sedemikian, bertolak atau cuba untuk bertolak dari mana-mana pelabuhan kastam tanpa pelepasan pelabuhan tersebut, nakhoda vesel dan juga pemunya dan ejen vesel itu, jika menjadi suatu pihak atau bersubahat kepadanya, adalah melakukan suatu kesalahan, dan vesel itu, jika masih berada dalam perairan wilayah, boleh ditahan.

(3) Mana-mana orang yang melakukan suatu kesalahan di bawah seksyen ini, apabila disabitkan, boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama suatu tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya. [*Pind. Akta A1593*]

38. Pelepasan pelabuhan sebelum berlepas. [*Pind. Akta A1593*]

(1) Sebelum mana-mana vesel, selain daripada vesel yang baginya pengecualian di bawah seksyen 39 terpakai, bertolak dari mana-mana pelabuhan kastam, nakhoda atau ejen vesel tersebut hendaklah memberi apa-apa maklumat mengenai vesel, kargo, kru, penumpang dan pelayaran, sebagaimana yang dikehendaki oleh pegawai kastam yang hak dan hendaklah menyerahkan kepada pegawai tersebut suatu senarai semua barang-barang yang berkenaan dengannya duti kastam kena dibayar apabila dieksport, dan suatu senarai semua barang-barang daripada kelas yang mana pengeksportannya dilarang, yang akan diserah di pelabuhan lain dalam Malaysia. [*Pind. Akta A1593*]

Senarai barang-barang yang dibawa hendaklah diendors di atas atau dilampir dengan pelepasan pelabuhan.

(2) Jika pegawai kastam yang hak berpuas hati bahawa maklumat yang diberi di bawah subseksyen (1) adalah tepat, dia hendaklah mengeluarkan suatu pelepasan pelabuhan dalam borang yang ditetapkan kepada nakhoda atau ejen vesel itu dan hendaklah mengendors di atasnya atau, menurut budi bicaranya, melampirkan bersamanya, suatu salinan senarai barang-barang yang diserah kepada pegawai kastam yang hak mengikut subseksyen (1). [*Pind. Akta A1593*]

Pelepasan pelabuhan hendaklah dibawa di atas vesel ke pelabuhan persinggahan yang berikutnya.

(3) Pelepasan pelabuhan tersebut hendaklah dibawa di atas vesel itu sepanjang masa vesel itu berada dalam perairan wilayah.

39. Vesel yang dikecualikan daripada mendapatkan pelepasan pelabuhan.

(1) Seksyen 36, 37 dan 38 tidaklah terpakai bagi vesel daripada kelas berikut, iaitu—

(*a*) mana-mana vesel perang, kapal pengangkut tentera, atau vesel lain yang dimiliki, atau yang sedang dikendalikan oleh Kerajaan Malaysia atau mana-mana Negara asing dan digunakan dengan eksklusif bagi perkhidmatan Kerajaan dan perkhidmatan bukan-perdagangan;

(*b*) vesel yang digunakan semata-mata bagi menangkap ikan dan dilesen bagi maksud menangkap ikan di bawah mana-mana undang-undang bertulis;

(*c*) vesel yang pergerakannya terbatas kepada sungai yang boleh dilayari ke hulu suatu stesen kastam yang terletak di kuala atau dekat kuala sungai itu;

(*d*) vesel persiaran milik persendirian yang tidak disewa guna untuk belayar dan tidak membawa kargo;

(*e*) vesel daripada kelas yang berkenaan dengannya suatu perintah di bawah subseksyen (2) sedang berkuat kuasa.

(2) Menteri boleh, dengan perintah, mengecualikan sama ada secara mutlak atau bersyarat, mana-mana kelas vesel daripada kuat kuasa seksyen 36, 37 dan 38.

40. Nakhoda vesel yang tidak belayar dalam masa 48 jam selepas pelepasan pelabuhan dikeluarkan hendaklah melapor kepada pegawai kastam yang hak.

Jika sesuatu pelepasan pelabuhan dikeluarkan berkenaan dengan mana-mana vesel mengikut subseksyen 38(2), dan vesel itu tidak belayar dalam masa empat puluh lapan jam selepas

itu, nakhoda atau ejen vesel itu hendaklah melaporkan kepada pegawai kastam yang hak sebab vesel itu tidak belayar, dan hendaklah mendapatkan suatu pelepasan pelabuhan yang baru jika pegawai kastam yang hak mengarahkan sedemikian.

41. Bila pelepasan boleh ditolak.

(1) Pegawai kastam yang hak tidak boleh memberi suatu pelepasan pelabuhan berkenaan dengan mana-mana vesel—

(*a*) sehingga peruntukan-peruntukan Akta ini dan mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya mengenai vesel dan kargo yang dibawa di atas vesel itu telah dipatuhi; atau

(*b*) sehingga semua caj dan penalti yang kena dibayar oleh vesel itu atau oleh pemunya atau nakhoda vesel itu dan semua duti yang kena dibayar berkenaan dengan apa-apa barang-barang yang dikapalkan ke dalam vesel itu telah dibayar atau bayarannya dijamin dengan suatu deposit atau jaminan bertulis sebagaimana yang dikehendaki oleh pegawai kastam yang hak.

(2) Jika di bawah peruntukan mana-mana undang-undang bertulis seorang Pegawai Pelabuhan atau pihak berkuasa yang hak yang lain telah memberitahu pegawai kastam yang hak bahawa mana-mana vesel kena ditahan, pegawai kastam yang hak itu tidak boleh mengeluarkan pelepasan pelabuhan berkenaan dengan vesel itu tanpa persetujuan bertulis daripada Pegawai Pelabuhan atau pihak berkuasa yang hak yang lain itu.

42. Pemakaian kepada pesawat udara.

Peruntukan-peruntukan Bahagian ini hendaklah terpakai, dengan apa-apa ubahsuaian dan penyesuaian sebagaimana yang perlu, berkenaan dengan pesawat udara yang tiba di mana-mana lapangan terbang kastam, atau bertolak dari, mana-mana lapangan terbang kastam.

BAHAGIAN VI

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN AM MELIBATKAN VESEL DALAM PERAIRAN WILAYAH

43. Nakhoda vesel hendaklah mematuhi isyarat daripada vesel pencegah dan arahan oleh seorang pegawai kastam.

Nakhoda mana-mana vesel yang berada dalam perairan wilayah hendaklah mematuhi apa-apa isyarat yang dibuat kepadanya daripada sesuatu vesel pencegah atau apa-apa arahan yang diberi oleh seorang pegawai kastam yang berpakaian seragam daripada mana-mana vesel lain atau mana-mana tempat yang menghendakinya supaya berhenti atau supaya tidak bergerak lagi atau supaya melakukan apa-apa tindakan lain.

44. Terapung-apung.

(1) Jika mana-mana vesel berapungan dalam perairan wilayah dan apabila diperiksa didapati membawa barang-barang yang dikenakan duti apabila diimport atau barang-barang daripada suatu kelas di mana pengimportannya dilarang, nakhoda dan tiap-tiap anggota kru vesel itu adalah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, sebagai telah mengimport barang-barang tidak berkastam atau barang-barang larangan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Jika mana-mana vesel berapungan dalam perairan wilayah dan apabila diperiksa didapati tidak membawa apa-apa barang-barang yang disebut dalam subseksyen (1), vesel itu hendaklah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, sebagai terapung-apung bagi maksud menerima barang-barang berduti yang mana duti eksport telah tidak dibayar ke atasnya atau barang-barang larangan yang dieksport berlawanan dengan suatu larangan dan nakhoda dan tiap-tiap anggota kru vesel itu adalah melakukan kesalahan terhadap Akta ini.

[*Pind. Akta A783, A1593*]

(3) Nakhoda mana-mana vesel yang didapati tanpa alasan yang sah berada dalam perairan wilayah tanpa suatu pelepasan bagi sesuatu pelabuhan kastam di Malaysia, atau membawa kargo atau penumpang atau kedua-duanya tanpa suatu manifes

yang sesuai baginya, atau didapati telah melepasi pelabuhan kastam yang dinamakan dalam surat-surat vesel itu tanpa membuat kemasukan dan perisytiharan di pelabuhan itu, adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan suatu denda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama suatu tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

45. Barang-barang yang tidak dijelaskan hendaklah disifatkan sebagai tidak berkastam.

Jika barang-barang, selain daripada storan kapal *bona fide,* didapati oleh seorang pegawai kastam yang hak dalam mana-mana vesel yang berada dalam perairan wilayah dan barang-barang itu tidak dijelaskan dengan betul dalam manifes atau dokumen-dokumen lain yang sepatutnya berada atas vesel itu, maka barang-barang itu hendaklah disifatkan sebagai barang-barang tidak berkastam dan hendaklah disita.

46. Barang-barang yang hilang hendaklah disifatkan sebagai telah didaratkan dengan menyalahi undang-undang.

Jika dalam mana-mana vesel yang berada dalam perairan wilayah kuantiti apa-apa barang-barang yang dicatat dalam manifes atau dokumen-dokumen lain yang sepatutnya berada atas vesel itu, didapati oleh seorang pegawai kastam yang hak sebagai kurang, dan kekurangan itu tidak dijelaskan dengan memuaskan hati pegawai itu, maka barang-barang itu hendaklah disifatkan sebagai telah didaratkan di Malaysia dengan menyalahi undang-undang.

47. Pegawai kastam yang hak boleh menaiki vesel di sesuatu pelabuhan kastam.

Apabila pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Akta ini, seseorang pegawai kastam yang hak menaiki mana-mana vesel, nakhoda vesel itu hendaklah menyediakan bagi pegawai itu tempat berlindung dan tempat tinggal yang sesuai di atas vesel itu ketika vesel itu masih berada dalam perairan wilayah.

48. Kuasa untuk menutup rapat-rapat dan mengunci dengan rapi *hatchways,* barang-barang dsb., dan penggunaan storan kapal.

(1) Apabila pada menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh Akta ini, seseorang pegawai kastam yang hak menaiki mana-mana vesel, dia hendaklah mempunyai kuasa untuk menyelak *hatchways* atau pintu kepada bahagian bawah vesel tempat menyimpan barang-barang, untuk menanda apa-apa barang-barang sebelum pendaratan, dan untuk mengunci, menutup rapat-rapat, menanda atau selainnya mengunci apa-apa barang-barang, termasuk storan kapal, di atas vesel itu; dan tiada *hatchway* atau pintu boleh dibuka selepas diselak oleh pegawai itu dan tiada kunci, lak atau tanda boleh dibuka, dipecah atau diubah tanpa persetujuan pegawai kastam yang hak ketika vesel itu berada dalam kawasan pelabuhan kastam atau sebelum apa-apa barang-barang diserah untuk didaratkan.

(2) Ketua Pengarah boleh, menurut budi bicara mutlaknya, membenarkan atau enggan membenarkan apa-apa jua dibawa ke dalam kapal sebagai storan kapal tanpa bayaran duti kastam dan dalam memberi kebenaran untuk embarkasi apa-apa jua di bawah subseksyen ini mengenakan apa-apa syarat yang difikirkannya patut.

(3) Ketua Pengarah boleh, menurut budi bicara mutlaknya, membenarkan atau enggan membenarkan penggunaan, dalam perairan wilayah, apa-apa storan kapal yang duti kastam telah tidak dibayar ke atasnya.

[*Mas. Akta A1593*]

(4) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen 48(1) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dipenjarakan selama suatu tempoh tidak melebihi lima tahun atau dikenakan suatu denda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau kedua-duanya.

49. Larangan membawa barang-barang berduti dalam pesawat tempatan.

(1) Tiada barang-barang daripada suatu kelas berduti apabila diimport atau dieksport atau barang-barang larangan boleh

dibawa dalam mana-mana pesawat tempatan kecuali dengan kebenaran Ketua Pengarah dan tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang dikenakan oleh Ketua Pengarah.

(2) Kebenaran itu boleh diberi sama ada secara am, melalui pemberitahuan dalam *Warta,* berkenaan dengan semua pesawat tempatan atau mana-mana kelas atau kelas-kelas pesawat tempatan, atau secara khas, dengan bertulis di bawah tandatangan Ketua Pengarah atau seorang pegawai yang diberi kuasa olehnya bagi maksud tersebut, berkenaan dengan sesuatu pesawat tempatan tertentu.

(3) Tiada vesel boleh pergi ke tepi suatu tempat mendarat yang sah atau ke tepi suatu vesel yang akan ke laut kecuali dengan kebenaran pegawai kastam yang hak.

(4) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen 49(1) atau (3) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dipenjarakan selama suatu tempoh tidak melebihi lima tahun atau dikenakan suatu denda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau kedua-duanya. [*Mas. Akta A1593*]

50. Pukal tidak boleh dipecah, dsb.

Selepas ketibaan mana-mana vesel dalam perairan wilayah—

(*a*) pukal tidak boleh dipecah;

(*b*) tiada perubahan boleh dibuat dalam penyimpanan kargo bagi memudahkan pemunggahan mana-mana bahagian kargo itu, sebelum kebenaran untuk mendaratkan barang-barang yang dikehendaki oleh perenggan 23(1)(*b*) telah diterima oleh nakhoda vesel itu; dan

(*c*) tiada bungkusan boleh pada bila-bila masa dibuka di atas vesel itu,

tanpa memberi alasan yang sesuai kepada seorang pegawai kanan kastam.

51. Pemakaian kepada pesawat udara.

Peruntukan-peruntukan bahagian ini hendaklah terpakai, dengan apa-apa ubahsuaian dan penyesuaian sebagaimana yang perlu, berkenaan dengan pesawat udara yang tiba di mana-mana lapangan terbang kastam, atau bertolak dari mana-mana lapangan terbang kastam.

BAHAGIAN VII
MANIFES

[*Gan. Akta A1593*]

52. Nakhoda atau ejen untuk vesel yang tiba hendaklah menyerahkan manifes yang lengkap.

(1) Nakhoda atau ejen setiap vesel, selain daripada suatu lancang tempatan, yang tiba di mana-mana pelabuhan kastam hendaklah, dalam masa tidak kurang daripada dua puluh empat jam sebelum ketibaannya, atau suatu tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah, yang mana lebih kurang, memberikan kepada pegawai kastam yang hak di pejabat kastam suatu manifes yang benar dan lengkap mengenai keseluruhan kargo vesel itu dalam bahasa kebangsaan atau Bahasa Inggeris, dalam borang yang ditetapkan, dan diperakui oleh nakhoda atau ejen itu.

(2) Manifes di dalam subseksyen (1) hendaklah mengandungi—

(*a*) suatu senarai lengkap keseluruhan kargo yang kekal berada di atas kapal, yang dicadangkan untuk didaratkan dan dipindahkan ke kapal di pelabuhan kastam; dan

(*b*) suatu senarai lengkap stor atas vesel tersebut.

(3) Manifes itu hendaklah menyenaraikan semua butiran tentang penandaan, nombor, kandungan setiap pakej dalam kargo, destinasi, bersama-sama dengan nama pengirim dan penerima konsain kargo itu.

(4) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1), (2) atau (3) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah,

apabila disabitkan, dipenjarakan selama suatu tempoh tidak melebihi lima tahun atau dikenakan suatu denda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau kedua-duanya.

(5) Bagi maksud sekyen ini, "ejen setiap vesel" termasuklah penghantar muatan.

53. (*Dipotong*). [*Akta A1593*]

54. Orang yang bertanggungjawab ke atas lancang tempatan hendaklah membuat perisytiharan apabila tiba. [*Gan. Akta A1593*]

(1) Nakhoda atau ejen setiap lancang tempatan, sama ada membawa kargo atau tidak, yang tiba di mana-mana pelabuhan kastam hendaklah membuat, dalam suatu borang yang ditetapkan, suatu perisytiharan suatu senarai lengkap mengenai keseluruhan kargo di atas vesel kepada pegawai kastam yang hak.

(2) Tiada kargo hendaklah didaratkan atau diserahkan kepada pengimport atau penerima konsain, atau ejennya, kecuali dengan kebenaran seorang pegawai kastam yang hak.

55. Pembetulan hendaklah dibuat apabila pemunggahan selesai.

(1) Apabila selesai pemunggahan kargo atau dalam masa satu bulan selepas pemunggahan itu atau dalam tempoh selanjutnya yang dibenarkan oleh pegawai kastam yang hak, nakhoda atau ejen vesel itu hendaklah menyerahkan kepada pegawai kastam yang hak suatu pernyataan yang diperakui mengenai jumlah kargo itu dan hendaklah menyenaraikan dalam pernyataan itu apa-apa perubahan dalam manifes kerana dikapalkan dengan kurang, didaratkan dengan kurang, didaratkan dengan berlebihan atau apa-apa sebab lain. [*Pind. Akta A1593*]

(1A) Seorang pegawai kastam yang hak boleh enggan menerima apa-apa perubahan yang dibuat dalam manifes itu selepas dimaklumkan bahawa penyiasatan terhadap apa-apa kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis telah [*Mas. Akta A1593*]

dimulakan berkaitan dengan barang-barang yang berkaitan dengan manifes itu.

Liabiliti nakhoda atau ejen berkenaan dengan barang-barang yang tidak dijelaskan dengan memuaskan.

[*Pind. Akta A783; A1593*]

(2) Jika apa-apa barang-barang yang tercatat dalam manifes mana-mana vesel tidak dapat dijelaskan dengan memuaskan hati pegawai kastam yang hak dalam masa satu bulan dari tarikh penyerahan pernyataan itu atau dalam masa selanjutnya yang dibenarkan oleh pegawai itu, nakhoda atau ejen vesel itu adalah bertanggungjawab untuk membayar kepada pegawai itu apabila dikehendaki suatu jumlah wang yang tidak melebihi lima ribu ringgit, dan sebagai tambahan, dalam hal barang-barang berduti, ejen itu hendaklah bertanggungjawab untuk membayar kepada pegawai itu apabila dikehendaki, amaun duti kastam yang boleh dilevi ke atasnya atau, apabila duti yang betul tidak dapat ditaksir, suatu amaun yang tidak melebihi sepuluh ribu ringgit.

[*Pind. Akta A783*]

(3) Jika orang yang bertanggungan terhadap penalti yang diperuntukkan dalam subseksyen (2) enggan atau gagal membayar penalti yang dituntut daripadanya mana-mana pegawai kanan kastam boleh mendakwa bagi dan mendapatkan penalti itu di suatu mahkamah Majistret Kelas Satu.

[*Mas. Akta A1593*]

(4) Bagi maksud sekyen ini, "ejen vesel itu" termasuklah penghantar muatan.

[*Gan. Akta A1593*]

56. Juruterbang atau ejen pesawat udara yang tiba hendaklah menyerahkan manifes yang lengkap.

(1) Juruterbang atau ejen setiap pesawat udara yang tiba di lapangan terbang kastam hendaklah, dalam masa tidak kurang daripada dua jam sebelum ketibaannya atau suatu tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah, mengikut mana-mana yang kurang, mengemukakan kepada pegawai kastam yang hak di pejabat kastam suatu manifes yang benar dan lengkap mengenai keseluruhan kargo pesawat udara itu

dalam bahasa kebangsaan atau Bahasa Inggeris, dalam borang yang ditetapkan, dan yang diperakui oleh juruterbang atau ejen itu.

(2) Manifes di dalam subseksyen (1) hendaklah mengandungi—

(*a*) suatu senarai lengkap keseluruhan kargo yang kekal berada di atas kapal, yang dicadangkan untuk didaratkan dan dipindahkan di lapangan terbang kastam;

(*b*) suatu senarai lengkap stor atas pesawat udara itu.

(3) Manifes itu hendaklah menyenaraikan semua butiran tentang penandaan, nombor, kandungan setiap pakej dalam kargo, destinasi, bersama-sama dengan nama pengirim dan penerima konsain kargo itu.

(4) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1), (2) atau (3) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dipenjarakan selama suatu tempoh tidak melebihi lima tahun atau dikenakan suatu denda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau kedua-duanya.

(5) Bagi maksud sekyen ini, "ejen setiap pesawat udara" termasuklah penghantar muatan.

57. Manifes keluar vesel hendaklah diserahkan.

Pemunya atau ejen mana-mana vesel, selain daripada suatu pesawat tempatan, yang meninggalkan mana-mana pelabuhan kastam hendaklah, tidak kurang daripada dua puluh empat jam sebelum pelepasan vesel itu atau apa-apa tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah, mengikut mana-mana yang kurang, mengemukakan kepada pegawai kastam yang hak suatu manifes keluar yang betul mengenai vesel itu dalam Bahasa Kebangsaan atau dalam Bahasa Inggeris, di dalam borang yang ditetapkan dan diperakui oleh pemunya atau ejen itu, yang mengandungi semua butiran tentang penandaan, nombor dan kandungan setiap pakej yang dikapalkan di pelabuhan kastam dan nama pengapal. [*Pind. Akta 293, A1593*]

58. Orang yang bertanggungjawab ke atas pesawat tempatan hendaklah membuat akuan sebelum bertolak.

[*Pind. Akta A1593*]

(1) Nakhoda mana-mana pesawat tempatan, sama ada membawa kargo atau tidak, yang meninggalkan mana-mana pelabuhan kastam hendaklah, sebelum bertolaknya lancang tempatan itu, membuat suatu perisytiharan di dalam borang yang ditetapkan bagi semua kargo yang dibawa ke atas lancang tempatannya dan pelabuhan atau pelabuhan-pelabuhan destinasi kargo itu kepada pegawai kastam yang hak, dan jika tiada kargo dibawa dia hendaklah membuat suatu akuan dengan sewajarnya:

Dengan syarat bahawa dalam hal suatu pesawat tempatan yang dalam hal keadaan yang disebut dalam, dan di bawah peruntukan seksyen 61 adalah disifatkan sebagai meninggalkan pelabuhan kastam itu, tiada akuan dikehendaki jika pegawai kastam yang hak berpuas hati bahawa suatu akuan telah dibuat di suatu pelabuhan kastam yang lebih jauh di hulu sungai.

[*Mas. Akta A1593*]

(2) Tiada kargo hendaklah dimuat ke dalam lancang tempatan kecuali dengan kebenaran pegawai kastam yang hak.

59. Juruterbang pesawat udara yang bertolak hendaklah menyerahkan manifes keluar.

[*Pind. Akta A1593*]

Juruterbang atau ejen mana-mana pesawat udara yang meninggalkan mana-mana lapangan terbang kastam hendaklah, tidak kurang daripada dua jam sebelum pelepasan pesawat udara itu atau apa-apa tempoh sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah, mengikut mana-mana yang kurang, mengemukakan kepada pegawai kastam yang hak suatu manifes keluar yang betul mengenai pesawat udara itu dalam Bahasa Kebangsaan atau dalam Bahasa Inggeris, di dalam borang yang ditetapkan dan diperakui oleh juruterbang atau ejen itu, yang mengandungi semua butiran tentang penandaan, nombor dan kandungan setiap pakej yang dimuatkan di lapangan terbang kastam itu dan nama konsainor dan konsaini bungkusan itu.

60. Ketua stesen kereta api hendaklah menunjukkan invois dan bil angkutan kereta api.

(1) Ketua stesen kereta api di tempat import atau eksport barang-barang melalui kereta api dan di stesen kastam di mana barang-barang adalah dikonsainkan, hendaklah menunjukkan kepada pegawai kastam yang hak invois atau bil angkutan kereta api atau apa-apa dokumen lain yang diluluskan oleh Ketua Pengarah, mengikut mana-mana yang berkenaan, berkenaan dengan barang-barang itu. [*Pind. Akta A1593*]

(2) Tiada kargo hendaklah dimuat ke dalam atau dipunggah daripada kereta api kecuali dengan kebenaran pegawai kastam yang hak. [*Mas. Akta A1593*]

61. Pesawat tempatan yang tiba di sungai tertentu yang boleh dilayari atau meninggalkannya.

Tiap-tiap pesawat tempatan yang bergerak ke hulu atau ke hilir sesuatu sungai yang boleh dilayari, yang di kualanya atau berdekatan dengan kualanya ada suatu pelabuhan kastam, hendaklah berhenti di pelabuhan itu dan hendaklah, bagi maksud Bahagian ini, disifatkan sebagai tiba di pelabuhan kastam itu atau meninggalkan pelabuhan kastam itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

62. Kecualian berkenaan dengan vesel terkecuali dan pesawat udara tertentu.

Peruntukan-peruntukan Bahagian ini tidak terpakai bagi mana-mana vesel yang dikecualikan di bawah seksyen 39.

BAHAGIAN VIII

PENGGUDANGAN

63. Menteri boleh menubuhkan gudang kastam.

(1) Menteri boleh menubuh dan menyenggara gudang kastam, di mana barang-barang berduti boleh didepositkan dan disimpan tanpa bayaran duti kastam, di mana-mana pelabuhan kastam, lapangan terbang kastam, tempat mengimport atau mengeksport atau di mana-mana stesen kastam di darat dan boleh menetapkan amaun yang kena dibayar sebagai sewa gudang atas barang-barang yang didepositkan di dalam gudang itu dan meremit apa-apa amaun yang kena dibayar sebagai sewa.

Menteri boleh menubuhkan stesen pemungutan.

(2) Menteri boleh menubuhkan gudang kastam di Singapura yang dalam Akta ini disebut sebagai stesen pemungutan jika peruntukan-peruntukan bagi penubuhan sedemikian wujud menurut kuasa mana-mana undang-undang bertulis yang berkuat kuasa di Singapura atau menurut kuasa mana-mana perjanjian di antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Singapura.

64. Barang-barang yang diimport atau dieksport dari stesen pemungutan.

Jika stesen pemungutan telah ditubuhkan sebagaimana yang diperuntukkan oleh subseksyen 63(2), maka tertakluk kepada peruntukan-peruntukan lain Akta ini dan kepada apa-apa syarat dan sekatan sebagaimana yang Ketua Pengarah sama ada secara am dengan perintah atau dalam mana-mana hal tertentu boleh mengenakan—

(*a*) peruntukan-peruntukan Akta ini berhubungan dengan bayaran duti kastam tidaklah terpakai bagi barang-barang yang diimport dari sesuatu stesen pemungutan di mana duti ke atasnya telah pun dibayar sebelum barang-barang itu diimport; dan

(*b*) peruntukan-peruntukan Akta ini yang menghendaki bayaran duti ke atas barang-barang yang akan dieksport pada masa eksport tidaklah terpakai bagi barang-barang berduti yang dihantar ke sesuatu stesen pemungutan.

65. Gudang berlesen.

(1) Ketua Pengarah boleh, apabila dibayar fi sebagaimana yang ditetapkan, memberi suatu lesen kepada mana-mana orang, yang kemudian daripada ini disebut pemegang lesen dalam seksyen ini, dan apabila diberi menarik balik mana-mana lesen, untuk penggudangan barang-barang yang dikenakan duti kastam dalam sesuatu tempat atau tempat-tempat yang dinyatakan dalam lesen itu. [*Pind Akta 557, A1593*]

(1A) Ketua Pengarah boleh membenarkan barang-barang, selain daripada barang-barang yang dikenakan duti kastam, untuk disimpan di dalam gudang berlesen tertakluk kepada syarat-syarat yang difikirkannya patut. [*Mas. Akta A1593*]

(2) Mana-mana lesen itu hendaklah bagi sesuatu tempoh dan tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang dinyatakan oleh Ketua Pengarah dalam setiap hal dalam lesen itu.

(3) Pegawai kanan kastam atau mana-mana pegawai kastam yang diwakilkannya bagi maksud itu, hendaklah pada sepanjang masa ada akses pada mana-mana gudang berlesen.

(4) Jika didapati pada bila-bila masa bahawa dalam mana-mana gudang berlesen atau mana-mana bahagiannya ada kekurangan kuantiti barang-barang berduti yang sepatutnya didapati di dalam gudang berlesen itu, pemegang lesen gudang itu hendaklah, jika tiada bukti sebaliknya, dianggap telah memindahkan dengan menyalahi undang-undang barang-barang itu dan hendaklah, tanpa menyentuh mana-mana prosiding di bawah Akta ini, membayar kepada pegawai kastam yang hak duti kastam yang boleh dilevi ke atas barang-barang yang didapati berkurangan itu:

Dengan syarat bahawa jika dibuktikan dengan memuaskan hati Ketua Pengarah bahawa kekurangan itu adalah disebabkan oleh kebocoran, kepecahan yang tidak dapat dielakkan atau kemalangan lain, Ketua Pengarah boleh meremit keseluruhan atau mana-mana bahagian duti kastam yang boleh dilevi ke atas barang-barang yang didapati berkurangan itu.

[*Mas. Akta A1593*]

(5) Barang-barang yang dideposit di dalam gudang berlesen hendaklah dikosongkan dalam tempoh dua tahun daripada tarikh ia dideposit atau tempoh masa lanjutan sebagaimana yang diluluskan oleh Ketua Pengarah.

65A. Pengilangan dan operasi lain berhubungan dengan barang-barang dalam gudang berlesen.

[*Pind. Akta A1593*]

(1) Ketua Pengarah boleh, menurut budi bicara mutlaknya, apabila dibayar fi sebagaimana yang ditentukannya dalam setiap hal, memberi suatu lesen kepada mana-mana orang dan apabila diberi menarik balik, menggantung atau membatal mana-mana lesen itu, untuk meneruskan apa-apa proses pengilangan dan operasi lain berkenaan dengan barang-barang yang boleh dikenakan duti kastam dan apa-apa barang-barang lain.

[*Mas. Akta A1593*]

(1A) Suatu lesen di bawah subseksyen (1) hendaklah dianggap sebagai termasuk suatu lesen untuk penggudangan barang-barang sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 65.

(2) Mana-mana lesen itu hendaklah bagi sesuatu tempoh dan tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang dinyatakan oleh Ketua Pengarah dalam lesen itu.

[*Pind. Akta A1593*]

(3) (*a*) Tiada barang-barang yang telah melalui apa-apa proses pengilangan dalam gudang pengilangan berlesen itu boleh dikeluarkan bagi kegunaan sendiri atau eksport tanpa kelulusan terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah.

[*Pind. Akta A1593*]

(*b*) Tertakluk kepada subseksyen (4), jika barang-barang itu dikeluarkan dari gudang pengilangan berlesen itu bagi kegunaan sendiri duti kastam ke atasnya hendaklah dikira atas dasar seolah-olah barang-barang itu telah diimport:

Dengan syarat bahawa Menteri boleh dalam apa-apa hal tertentu mengecualikan mana-mana orang daripada membayar keseluruhan atau sebahagian daripada duti yang kena dibayar oleh orang itu atas apa-apa barang-barang sedemikian dan dalam memberi pengecualian itu Menteri boleh mengenakan apa-apa syarat sebagaimana yang difikirkannya patut.

(4) (*Dipotong*). [*Akta A1593*]

65AA. Peremitan untuk sisa buangan atau sampah daripada barang-barang yang menjalani proses. [*Mas. Akta A1593*]

(1) Jika dalam menjalankan apa-apa aktiviti yang diluluskan di bawah subseksyen 65A(1) terdapat sisa buangan atau sampah, duti kastam boleh diremitkan atas kuantiti barang-barang yang boleh dikenakan duti kastam sebanyak mana sisa buangan atau sampah itu telah timbul daripada aktiviti yang dijalankan berhubungan dengan barang-barang yang telah menjalani apa-apa proses.

(2) Jika duti kastam diremitkan di bawah subseksyen (1), Ketua Pengarah hendaklah mengarahkan supaya sisa buangan atau sampah itu dimusnahkan tertakluk kepada apa-apa syarat yang difikirkan patut oleh Ketua Pengarah.

(3) Jika tiada peremitan duti kastam diluluskan di bawah subseksyen (1), Ketua Pengarah hendaklah menghendaki duti kastam dibayar bagi sisa buangan atau sampah itu seolah-olah ia telah diimport dalam bentuk tersebut.

65AB. Pengurangan kuantiti barang-barang berduti di gudang pengilangan berlesen. [*Mas. Akta A1593*]

(1) Jika ternyata pada bila-bila masa bahawa di dalam mana-mana gudang pengilangan berlesen terdapat pengurangan dalam kuantiti barang-barang berduti yang sepatutnya dijumpai di dalamnya, pemegang lesen gudang pengilangan berlesen itu hendaklah—

(*a*) dalam ketiadaan bukti yang berlawanan, dianggap sebagai telah secara salah mengalihkan barang-barang itu; dan

(*b*) tanpa prejudis kepada apa-apa prosiding di bawah Akta ini, bertanggungan untuk membayar kepada pegawai kastam yang hak duti kastam yang boleh dilevikan ke atas barang-barang yang dijumpai kurang itu.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), jika dibuktikan hingga memuaskan hati Ketua Pengarah bahawa pengurangan tersebut disebabkan oleh apa-apa kebocoran, pecah atau kemalangan lain yang tidak dapat dielakkan, Ketua Pengarah boleh meremitkan keseluruhan atau mana-mana bahagian daripada duti kastam yang boleh dilevikan ke atas barang-barang yang dijumpai kurang itu.

[*Mas. Akta A1593*]

65AC. Pemegang lesen untuk menyediakan pejabat dan kemudahan kastam.

Pemegang lesen suatu gudang berlesen hendaklah menyediakan pejabat dan kemudahan kastam yang sesuai di dalam kawasan atau di perimeter gudang berlesen itu dengan perbelanjaan pemegang lesen itu.

65B. Pelikuidasi syarikat hendaklah memberi notis penggulungan dan mengetepikan duti.

[*Pind. Akta A1057, A1593*]

(1) Jika suatu ketetapan efektif diluluskan atau suatu perintah dibuat bagi penggulungan sesuatu syarikat yang dilesenkan di bawah Bahagian ini, pelikuidasi syarikat itu hendaklah memberi notis penggulungan itu kepada Ketua Pengarah dalam masa empat belas hari selepas itu, dan hendaklah sebelum melupuskan apa-apa aset syarikat itu mengetepikan sejumlah wang daripada aset itu yang didapati oleh Ketua Pengarah sebagai mencukupi bagi membayar apa-apa duti kastam yang adalah atau selepas itu akan menjadi kena dibayar berkenaan dengan syarikat itu, dan hendaklah selepas itu membayar duti kastam itu.

(2) Seseorang pelikuidasi mana-mana syarikat sedemikian yang gagal memberi notis kepada Ketua Pengarah dalam masa yang dinyatakan dalam subseksyen (1) atau gagal memperuntukkan bagi pembayaran duti kastam sebagaimana

yang dikehendaki oleh subseksyen itu adalah bertanggungan sendiri bagi apa-apa duti kastam yang adalah atau akan menjadi kena dibayar seperti yang disebut terdahulu.

(2A) Mana-mana pelikuidasi yang gagal untuk mematuhi subseksyen (1) atau (2B) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah apabila disabitkan boleh dikenakan suatu denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama suatu tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya. [*Mas. Akta A1057; Pind. Akta A1593*]

(2B) Pelikuidasi hendaklah mengemukakan semua dokumen, buku dan rekod yang berkaitan dalam milikannya kepada pegawai kastam yang hak bagi tujuan pengiraan kesemua duti yang kena dibayar di bawah Akta ini. [*Mas. Akta A1593*]

(3) Jika dua orang atau lebih dilantik menjadi pelikuidasi atau dikehendaki oleh undang-undang menjalankan penggulungan mana-mana syarikat sedemikian, tertakluk kepada hak sumbangan di antara mereka sebagaimana dalam hal kontrak, obligasi dan liabiliti yang mengikat seorang pelikuidasi di bawah seksyen ini hendaklah mengikat semua orang itu bersesama dan berasingan.

65C. Pelantikan penerima hendaklah diberitahu kepada Ketua Pengarah.

(1) Jika seorang penerima harta seorang pemegang lesen di bawah Bahagian ini dilantik, dia hendaklah memberi notis pelantikan itu kepada Ketua Pengarah dalam masa empat belas hari selepas itu, dan hendaklah sebelum melupuskan apa-apa aset pemegang lesen itu mengetepikan sejumlah wang daripada aset yang didapati oleh Ketua Pengarah sebagai mencukupi bagi membayar apa-apa duti kastam yang selepas itu akan menjadi kena dibayar berkenaan dengan barang-barang itu yang telah dijual oleh pemegang lesen itu sebelum pelantikan penerima itu, dan hendaklah selepas itu membayar duti kastam itu. [*Pind. Akta A1057, A1593*]

(2) Seseorang yang dilantik sebagai penerima yang gagal memberi notis kepada Ketua Pengarah dalam masa yang dinyatakan dalam subseksyen (1) atau gagal memperuntukkan

bagi pembayaran duti kastam sebagaimana yang dikehendaki oleh subseksyen itu adalah bertanggungan sendiri bagi apa-apa duti kastam yang adalah atau menjadi kena dibayar seperti yang disebut terdahulu.

[*Mas. Akta A1057; Pind. Akta A1593*]

(2A) Mana-mana penerima yang gagal untuk mematuhi subseksyen (1) atau (2B) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, boleh dikenakan suatu denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama suatu tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

[*Mas. Akta A1593*]

(2B) Seorang penerima hendaklah mengemukakan semua dokumen, buku dan rekod yang berkaitan dalam milikannya kepada pegawai kastam yang hak bagi tujuan pengiraan kesemua duti yang kena dibayar di bawah Akta ini.

(3) Jika dua orang atau lebih dilantik menjadi penerima, tertakluk kepada hak sumbangan di antara mereka sebagaimana dalam hal kontrak, obligasi dan liabiliti yang mengikat seorang penerima di bawah seksyen ini hendaklah mengikat semua orang itu bersesama dan berasingan.

[*Mas. Akta A783*]
[*Pind. Akta A1593*]

65D. Pelesenan kedai bebas cukai.

(1) Ketua Pengarah boleh, apabila dibayar apa-apa fi sebagaimana yang ditentukannya, memberi lesen untuk menjalankan kedai bebas cukai kepada mana-mana orang, yang kemudian daripada ini disebut "pemegang lesen" dalam seksyen ini, dan, apabila diberikan, boleh menarik balik, menggantung atau membatalkan lesen itu.

(2) Mana-mana lesen itu hendaklah bagi sesuatu tempoh dan tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang dalam setiap hal ditetapkan oleh Ketua Pengarah dalam lesen itu.

(3) Pemegang lesen hendaklah, bagi perjalanan yang wajar perniagaannya, memberikan apa-apa jaminan sebagaimana yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah.

(4) Jika pada bila-bila masa didapati bahawa mana-mana barang-barang telah dijual atau dipindahkan dari kedai bebas cukai dengan cara selain daripada cara mengikut segala syarat lesen yang diberikan di bawah seksyen ini, pemegang lesen kedai bebas cukai itu hendaklah, jika tiada bukti sebaliknya, dianggap telah memindahkan dengan menyalahi undang-undang barang-barang itu dan hendaklah, tanpa menyentuh mana-mana prosiding di bawah Akta ini, dikenakan membayar kepada pegawai kastam yang hak duti kastam yang boleh dilevi ke atas barang-barang yang telah dijual atau dipindahkan itu.

65E. Pelesenan depot pelepasan pedalaman. [Mas. Akta A783] [Pind. Akta A1593]

(1) Ketua Pengarah boleh, apabila dibayar apa-apa fi sebagaimana yang ditentukannya, memberi lesen untuk menjalankan depot pelepasan pedalaman kepada mana-mana orang, yang kemudian daripada ini disebut "pemegang lesen" dalam seksyen ini, dan, apabila diberikan, boleh menarik balik, menggantung atau membatalkan lesen itu.

(2) Mana-mana lesen itu hendaklah bagi sesuatu tempoh dan tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang boleh ditentukan dalam setiap hal oleh Ketua Pengarah dalam lesen itu.

(3) Pemegang lesen hendaklah, bagi perjalanan yang wajar perniagaannya, memberikan apa-apa jaminan sebagaimana yang dikehendaki oleh Ketua Pendaftar.

(4) Jika pada bila-bila masa didapati bahawa di dalam mana-mana depot pelepasan pedalaman terdapat kekurangan pada bilangan barang-barang berduti yang sepatutnya ditemui di dalamnya, pemegang lesen depot pelepasan pedalaman itu hendaklah, jika tiada bukti sebaliknya, dianggap telah memindahkan barang-barang itu dengan menyalahi undang-undang dan hendaklah, tanpa menyentuh mana-mana prosiding di bawah Akta ini, dikenakan membayar kepada pegawai kastam yang hak duti kastam yang boleh dilevi ke atas barang-barang yang didapati berkurangan itu:

Dengan syarat bahawa jika dibuktikan hingga memuaskan hati Ketua Pengarah bahawa kekurangan sedemikian disebabkan oleh apa-apa kebocoran, kepecahan atau kemalangan lain yang tidak dapat dielakkan, Ketua Pengarah boleh mengurangkan semua atau mana-mana bahagian duti kastam yang dikenakan ke atas barang-barang yang didapati berkurangan itu.

[*Mas. Akta A1593*]

65F. Deposit barang-barang di dalam suatu gudang atau tempat lain yang diluluskan oleh Ketua Pengarah.

(1) Ketua Pengarah boleh meluluskan mana-mana gudang, yang bukannya suatu gudang kastam atau gudang berlesen, atau tempat lain untuk didepositkan dengan barang-barang berduti, dan apabila dibenarkan boleh menarik balik, menggantung atau membatalkan kelulusan itu.

(2) Sebarang kelulusan sedemikian hendaklah bagi suatu tempoh dan tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang dinyatakan oleh Ketua Pengarah dalam setiap kes dalam kelulusan itu.

[*Gan. Akta A1593*]

66. Mendeposit barang-barang di dalam gudang.

(1) Apabila tiba atau didaratkan, apa-apa barang-barang yang diimport, selain daripada barang-barang terlarang, hendaklah didepositkan di dalam suatu gudang kastam atau gudang berlesen atau di dalam suatu gudang atau tempat lain yang diluluskan oleh Ketua Pengarah melainkan jika—

(*a*) duti kastam yang kena dibayar, jika ada, telah dibayar menurut seksyen 78A;

(*b*) barang-barang itu telah diluluskan bagi pemindahan dalam transit dan bayaran untuk duti kastam telah digantung di bawah seksyen 35A;

(*c*) barang-barang itu telah diluluskan untuk pindah kapal dan barang-barang itu adalah untuk dipunggah dengan segera ke vesel yang lain;

(*d*) barang-barang itu diimport melalui pos;

(*e*) barang-barang itu diimport melalui jalan raya atau laut di mana tidak ada gudang kastam atau gudang berlesen, atau gudang atau tempat lain yang diluluskan oleh Ketua Pengarah di tempat pengimportan; atau

(*f*) barang-barang itu adalah barangan peribadi yang dibawa atau dibawa masuk oleh penumpang dalam sebarang bagasi.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), barang-barang yang terlarang yang tertakluk kepada syarat-syarat tertentu boleh didepositkan ke dalam suatu gudang kastam atau gudang berlesen atau di dalam suatu gudang atau tempat lain yang diluluskan oleh Ketua Pengarah jika barang-barang itu disertakan dengan sebarang lesen, permit atau kelulusan yang diperlukan di bawah mana-mana undang-undang bertulis dan lesen, permit atau kelulusan itu dikemukakan kepada pegawai kastam yang hak.

(3) Jika Ketua Pengarah fikirkannya perlu bagi tujuan kepentingan awam bahawa apa-apa barang-barang yang diimport hendaklah disimpan dalam gudang, Ketua Pengarah boleh menghendaki barang-barang itu untuk didepositkan di dalam suatu gudang kastam atau gudang berlesen atau di dalam suatu gudang atau mana-mana tempat lain yang diluluskan oleh Ketua Pengarah.

(4) Barang-barang yang didepositkan di bawah subseksyen (3) hendaklah—

(*a*) didepositkan menggunakan perbelanjaan pemunya barang-barang itu sendiri;

(*b*) disifatkan berada di bawah kawalan kastam; dan

(*c*) tidak boleh dipindahkan kecuali dengan kebenaran pegawai kastam yang hak.

(5) Subseksyen (1) hendaklah tidak terpakai bagi barang-barang yang memasuki suatu kawasan utama kastam melalui jalan raya, laut atau udara daripada suatu zon bebas.

(6) Walau apa pun subseksyen (5), barang-barang yang dirujuk di dalam subseksyen itu hendaklah tidak boleh dilepaskan daripada kawalan kastam melainkan jika—

(*a*) duti kastam yang kena dibayar, jika ada, telah dibayar menurut seksyen 78A; atau

(*b*) barang-barang itu telah diluluskan bagi pemindahan dalam transit dan bayaran untuk duti kastam telah digantung di bawah seksyen 35A.

67. Resit deposit gudang.

(1) Suatu resit deposit gudang hendaklah dikeluarkan oleh pegawai kastam yang hak bagi semua barang-barang berduti yang didepositkan di suatu gudang kastam:

Dengan syarat bahawa dalam hal barang-barang berduti yang diimport melalui jalan raya tiada resit sedemikian boleh dikeluarkan kecuali atas permintaan pengimport atau ejennya.

(2) Jika resit deposit gudang hilang, suatu salinan resit itu yang diperakui dengan sempurna oleh pegawai kastam yang hak hendaklah diberi kepada pemunya barang-barang berduti itu atau ejennya apabila diserah bon tanggung rugi yang diluluskan oleh seorang pegawai kanan kastam dan diserahkan kepadanya di pejabat kastam, yang menjamin Kerajaan terhadap apa-apa tuntutan atas kerugian yang disebabkan oleh serahan salah barang-barang yang didepositkan itu.

(3) Pemegang atau endorsi seterusnya sesuatu resit deposit gudang atau suatu salinannya yang diperakui yang diberi di bawah subseksyen (2) hendaklah disifatkan, bagi maksud-maksud Akta ini, sebagai pemunya barang-barang yang didepositkan itu, dan serahan kepada pemegang atau endorsi atau ejen pemegang atau endorsi resit deposit gudang itu atau salinannya yang diperakui adalah suatu serahan yang sempurna dan sah di sisi undang-undang.

68. Kuasa membuka dan memeriksa bungkusan.

Seorang pegawai kanan kastam boleh, pada bila-bila masa, mengarahkan supaya mana-mana barang atau bungkusan yang diserah simpan di mana-mana gudang kastam atau gudang berlesen atau di dalam suatu gudang atau tempat lain yang diluluskan oleh Ketua Pengarah hendaklah dibuka, ditimbang atau selainnya diperiksa, dan selepas barang-barang atau bungkusan itu telah dibuka atau diperiksa sedemikian, boleh menyebabkan barang-barang atau bungkusan itu ditutup rapat atau ditanda mengikut cara yang difikirkannya patut. [Pind. Akta A1593]

69. Penahanan barang-barang jika terdapat keraguan.

(1) Pegawai kastam yang hak boleh menahan dalam sesuatu gudang kastam atau mana-mana tempat lain yang disifatkan sebagai berada di bawah kawalan kastam apa-apa barang-barang jika dia ragu-ragu sama ada barang-barang itu berduti atau tidak, atau bagi apa-apa sebab lain. [Gan. Akta 293]

(2) Dalam tiap-tiap hal sedemikian pegawai kastam yang hak hendaklah dengan serta-merta membuat suatu laporan kepada seorang pegawai kanan kastam, yang hendaklah, tanpa kelengahan tidak wajar memutuskan sama ada barang-barang itu berduti atau tidak.

(3) Jika apa-apa barang-barang itu didapati tidak berduti, tiada sewa gudang, bayaran pengurusan atau caj-caj lain kena dibayar berkenaan dengan barang-barang itu.

70. Perlindungan ke atas Kerajaan daripada liabiliti.

Kerajaan adalah tidak bertanggungan untuk membayar apa-apa kerugian yang dialami berkenaan dengan apa-apa barang-barang kerana kebakaran, kecurian, kerosakan atau sebab lain semasa barang-barang itu berada di mana-mana gudang kastam atau dalam jagaan atau kawalan yang sah di sisi undang-undang mana-mana pegawai kastam, melainkan jika kerugian itu disebabkan oleh pengabaian sengaja atau keingkaran seorang pegawai kastam atau orang yang diambil bekerja oleh Kerajaan berhubungan dengan kastam.

71. Perlindungan ke atas pegawai kastam daripada liabiliti.

Tiada seorang pun pegawai kastam atau orang lain yang diambil bekerja oleh Kerajaan berhubungan dengan kastam boleh bertanggungan untuk membayar apa-apa kerugian yang dialami berkenaan dengan apa-apa barang-barang kerana kebakaran, kecurian, kerosakan atau sebab lain semasa barang-barang itu berada dalam mana-mana gudang kastam atau dalam jagaan atau kawalan yang sah di sisi undang-undang pegawai itu atau mana-mana pegawai kastam lain atau orang yang diambil bekerja berhubungan dengan kastam melainkan jika kerugian itu disebabkan oleh pengabaian sengaja, atau keingkarannya.

72. Bayaran sewa gudang.

Pemunya atau ejennya hendaklah membayar kepada pegawai kastam yang hak sewa gudang atas kadar yang ditetapkan yang kena dibayar berkenaan dengan apa-apa barang-barang yang didepositkan dalam sesuatu gudang kastam atau sesuatu gudang yang diluluskan oleh Ketua Pengarah. Sewa itu hendaklah dibayar pada akhir tiap-tiap bulan sama ada suatu tuntutan berkenaan dengannya dibuat atau tidak dan jika tidak dibayar sedemikian boleh didapatkan kembali sebagai suatu hutang sivil yang kena dibayar kepada Kerajaan.

73. Barang-barang merbahaya.

Tiada barang-barang daripada suatu jenis yang mudah terbakar atau daripada suatu jenis yang berkemungkinan menyebabkan kerosakan pada barang-barang lain boleh didepositkan di dalam mana-mana gudang kastam tanpa sanksi seorang pegawai kanan kastam, dan jika apa-apa barang-barang sedemikian didaratkan ia bolehlah didepositkan, atas perbelanjaan dan risiko pengimportnya, di mana-mana tempat yang disifatkan sesuai oleh seorang pegawai kanan kastam, dan semasa didepositkan sedemikian barang-barang itu hendaklah disifatkan sebagai berada dalam suatu gudang kastam, dan melainkan jika dalam suatu tempoh empat belas hari ia dikeluarkan atau digudangkan dengan sempurna dalam mana-mana gudang yang diluluskan bagi maksud itu hendaklah, apabila tamat tempoh itu, boleh diuruskan mengikut cara yang sama seperti barang-barang yang

sama jenisnya yang didepositkan sebenarnya dalam sesuatu gudang kastam. Barang-barang sedemikian boleh dikenakan apa-apa perbelanjaan bagi melindungi, mengawal dan menjaganya hingga dijual, dikeluarkan atau digudangkan seperti yang disebut terdahulu, sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh pegawai kanan kastam itu.

74. Lien Kerajaan ke atas barang-barang yang didepositkan dalam suatu gudang kastam.

(1) Barang-barang daripada suatu jenis yang mudah musnah yang didepositkan dalam suatu gudang kastam hendaklah dikeluarkan dengan serta-merta, dan jika tidak dikeluarkan sedemikian seorang pegawai kanan kastam boleh menjual barang-barang itu.

(2) Barang-barang daripada suatu jenis yang mudah terbakar yang didepositkan dalam suatu gudang kastam hendaklah dikeluarkan dalam masa empat belas hari dari tarikh pendepositan.

(3) Barang-barang bukan daripada suatu jenis yang mudah musnah atau mudah terbakar yang didepositkan dalam suatu gudang kastam hendaklah dikeluarkan dalam masa satu bulan dari tarikh pendepositan:

Dengan syarat bahawa seorang pegawai kanan kastam boleh membenarkan mana-mana barang-barang supaya terus didepositkan bagi suatu tempoh lanjut tidak kurang dari satu bulan pada suatu masa dan tidak melebihi enam bulan pada agregatnya sebagaimana dia menurut budi bicaranya fikirkan patut.

(4) Jika mana-mana barang-barang tidak dikeluarkan dalam tempoh yang dinyatakan dalam subseksyen (2) atau (3) atau jika mana-mana sewa gudang berkenaan dengan apa-apa barang-barang tidak dibayar dengan wajar mengikut cara yang diperuntukkan oleh seksyen 72, seorang pegawai kanan kastam boleh selepas memberi notis secara bertulis tidak kurang dari empat belas hari kepada pemunyanya (jika nama dan alamat pemunya itu diketahuinya), atau selepas disiar notis yang wajar dalam *Warta* (jika nama dan alamat pemunya itu tidak diketahuinya), menjual barang-barang itu.

(5) Hasil jualan apa-apa barang-barang itu hendaklah digunakan bagi membayar apa-apa duti kastam, sewa gudang dan caj-caj lain dan tambang muatan kereta api yang kena dibayar berkenaan dengan barang-barang itu atau apa-apa barang-barang lain yang didepositkan oleh pemunya barang-barang itu, dan lebihannya, jika ada, hendaklah dibayar kepada pemunya barang-barang itu dan jika pemunya itu tidak dijumpai dalam masa satu bulan dari tarikh jualan, lebihan itu hendaklah dibayar ke dalam Kumpulan Wang Disatukan.

(6) Jika pada masa jualan apa-apa barang-barang tiada tawaran yang mencukupi diperolehi untuk membayar duti kastam, sewa gudang dan caj-caj lain yang kena dibayar berkenaan dengan barang-barang itu, barang-barang itu hendaklah dilucuthak kepada Kerajaan dan hendaklah dilupuskan mengikut cara sebagaimana yang diarahkan oleh Ketua Pengarah.

[*Gan. Akta A1593*]

(7) Setiap jualan lelong hendaklah dikendalikan—

(*a*) oleh atau dengan kehadiran pegawai kanan kastam; atau

(*b*) secara elektronik sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

75. Pemindahan barang-barang berduti dari sesuatu gudang.

Tiada apa-apa barang-barang berduti boleh dipindahkan daripada kawalan kastam kecuali—

(*a*) selepas pembayaran duti kastam yang kena dibayar ke atasnya; atau

[*Gan. Akta A1593*]

(*b*) jika barang-barang itu berada di suatu gudang kastam atau gudang berlesen, suatu gudang atau tempat lain yang diluluskan oleh Ketua Pengarah, atau suatu pangkalan bekalan petroleum di bawah apa-apa syarat sebagaimana yang dikenakan oleh Ketua Pengarah, untuk transit ke suatu gudang kastam atau gudang berlesen lain, gudang atau tempat lain yang diluluskan oleh Ketua Pengarah, atau suatu pangkalan bekalan petroleum;

(*c*) di bawah apa-apa syarat sebagaimana yang dikenakan oleh Ketua Pengarah, bagi eksport semula dari Malaysia,

dan apa-apa barang-barang tidak boleh dalam apa-apa hal dipindahkan dari sesuatu gudang kastam, atau gudang atau tempat lain yang diluluskan oleh Ketua Pengarah sehingga semua sewa gudang dan caj-caj lain yang kena dibayar berkenaan dengannya telah dibayar: [*Pind. Akta A1593*]

Dengan syarat bahawa petroleum atau apa-apa barang-barang berduti lain sebagaimana yang diluluskan oleh Ketua Pengarah boleh dikeluarkan dari gudang kastam atau gudang berlesen atau gudang atau tempat lain yang diluluskan oleh Ketua Pengarah sebelum bayaran duti kastam jika jaminan telah diberi dengan memuaskan hati Ketua Pengarah di mana bayaran duti dijamin dalam sesuatu tempoh yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah. [*Pind. Akta 293, A1593*]

76. (*Dipotong*). [*Akta A1593*]

77. Fi menimbang dan mengurus.

(1) Semua operasi perlu, berhubungan dengan memuat, mengapal, memunggah, menurun, mendarat, membawa, menimbang, membuka, membuka bungkusan, membungkus semula, memukal, menyisih dan menanda barang-barang, termasuk bagasi penumpang, sama ada digudang atau tidak, hendaklah dilakukan oleh atau atas perbelanjaan pemunya, pengimport, pengeksport, konsainor, konsaini atau ejen mengikut mana-mana yang berkenaan:

Dengan syarat bahawa pegawai kastam yang hak boleh, atas budi bicaranya, mengarahkan supaya apa-apa operasi sedemikian hendaklah dilakukan oleh pegawai-pegawai kastam atau orang-orang lain di bawah kawalannya, dan dalam apa-apa hal itu operasi sedemikian hendaklah dilakukan atas perbelanjaan pemunya, pengimport, pengeksport, konsainor, konsaini atau ejen, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Menteri boleh menetapkan caj yang kena dibayar bagi operasi yang dilakukan di bawah seksyen ini oleh pegawai-pagawai kastam atau orang-orang lain di bawah kawalan pegawai kastam yang hak dan boleh meremit apa-apa caj yang kena dibayar.

[Mas. Akta A1593]

BAHAGIAN VIIIA

PANGKALAN BEKALAN PETROLEUM

[Mas. Akta A1593]

77A. Tafsiran.

Bagi maksud Bahagian ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"pemegang lesen" ertinya mana-mana orang yang dilesenkan di bawah seksyen 77B;

"pangkalan bekalan petroleum" ertinya suatu kawasan yang dilesenkan di bawah seksyen 77B.

[Mas. Akta A1593]

77B. Pelesenan pangkalan bekalan petroleum.

(1) Ketua Pengarah boleh, apabila telah dibayar fi sebagaimana yang ditetapkan, mengeluarkan suatu lesen kepada mana-mana orang untuk mengurus dan mentadbir suatu pangkalan bekalan petroleum dan menjalankan aktiviti-aktiviti di dalam pangkalan bekalan petroleum itu sebagaimana yang diluluskan oleh Ketua Pengarah.

(2) Lesen yang dikeluarkan di bawah subseksyen (1)—

(*a*) hendaklah bagi suatu tempoh dan tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah dalam lesen itu; dan

(*b*) boleh ditarik balik, digantung atau dibatalkan oleh Ketua Pengarah.

(3) Pemegang lesen hendaklah, bagi menjalankan perniagaannya dengan wajar, memberikan jaminan seperti yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah.

(4) Pemegang lesen hendaklah menyediakan pejabat dan kemudahan kastam yang sesuai di dalam atau di perimeter pangkalan bekalan petroleum dengan menggunakan perbelanjaan pemegang lesen itu.

77C. Pelepasan barang-barang dari pangkalan bekalan petroleum. [Mas. Akta A1593]

(1) Tiada barang-barang yang telah menjalani apa-apa proses di dalam pangkalan bekalan petroleum boleh dilepaskan untuk kegunaan sendiri atau eksport tanpa kebenaran terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah.

(2) Tertakluk kepada seksyen 77E, jika barang-barang yang dirujuk dalam subseksyen (1) dilepaskan dari pangkalan bekalan petroleum untuk kegunaan sendiri, duti kastam atas barang-barang itu hendaklah dikira pada asas seolah-olah barang-barang itu telah diimport.

77D. Pengecualian daripada suatu pembayaran duti kastam. [Mas. Akta A1593]

Walau apa pun subseksyen 77C(2), Menteri boleh dalam mana-mana kes tertentu mengecualikan mana-mana orang daripada pembayaran keseluruhan atau sebahagian duti kastam yang mungkin kena dibayar oleh orang itu ke atas barang-barang itu tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana yang Menteri fikirkan patut.

77E. Peremitan duti kastam. [Mas. Akta A1593]

(1) Jika dalam menjalankan apa-apa aktiviti yang telah diluluskan di bawah subseksyen 77B(1) terdapat sisa buangan atau sampah, duti kastam boleh diremitkan ke atas kuantiti barang-barang yang dikenakan duti kastam sebanyak mana sisa buangan atau sampah itu telah terhasil daripada aktiviti yang dijalankan berhubungan dengan barang-barang yang telah menjalani apa-apa proses.

(2) Jika duti kastam adalah diremitkan di bawah subseksyen (1), Ketua Pengarah hendaklah mengarahkan supaya sisa buangan atau sampah itu dimusnahkan tertakluk kepada apa-apa syarat sebagaimana Ketua Pengarah fikirkan patut.

(3) Jika tiada peremitan diluluskan di bawah subseksyen (1), Ketua Pengarah hendaklah menghendaki duti kastam untuk dibayar ke atas sisa buangan atau sampah itu seolah-olah barang-barang itu telah diimport dalam bentuk tersebut.

[*Mas. Akta A1593*]

77F. Pengurangan kuantiti barang-barang yang boleh dikenakan duti di pangkalan bekalan petroleum.

(1) Jika ternyata pada bila-bila masa bahawa di dalam mana-mana pangkalan bekalan petroleum terdapat pengurangan dalam kuantiti barang-barang yang boleh dikenakan duti yang sepatutnya dijumpai di dalamnya, pemunya barang-barang itu atau penghuni premis itu hendaklah—

(*a*) dalam ketiadaan bukti yang menunjukkan sebaliknya, dianggap sebagai telah mengalihkan barang-barang itu secara salah; dan

(*b*) tanpa prejudis kepada apa-apa prosiding di bawah Akta ini, bertanggungan untuk membayar kepada pegawai kastam yang hak duti kastam yang boleh dilevi ke atas barang-barang yang dijumpai kurang itu.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), jika dibuktikan hingga memuaskan hati Ketua Pengarah bahawa pengurangan tersebut disebabkan oleh apa-apa kebocoran, pecah atau kemalangan lain yang tidak dapat dielakkan, Ketua Pengarah boleh meremitkan keseluruhan atau sebahagian daripada duti kastam yang boleh dilevikan ke atas barang-barang yang dijumpai kurang itu.

BAHAGIAN IX

PERISYTIHARAN TENTANG BARANG-BARANG

A—Barang-barang berduti

[*Gan. Akta A1593*]

78. Perisytiharan ke atas pengimportan barang-barang berduti.

(1) Setiap pengimport barang-barang berduti hendaklah membuat suatu perisytiharan mengenai barang-barang yang diimport itu, secara peribadi atau oleh ejennya, dalam suatu borang seperti yang boleh ditetapkan, kepada pegawai kastam yang hak—

(*a*) dalam hal barang-barang yang didepositkan dalam gudang kastam atau gudang berlesen, atau gudang atau

tempat lain yang diluluskan oleh Ketua Pengarah yang dirujuk di bawah subseksyen 66(1) atau (3), dalam tempoh satu bulan dari tarikh ketibaan atau pendaratan barang-barang sedemikian sebelum pengeluaran barang-barang itu atau mana-mana bahagian barang-barang itu dari kawalan kastam;

(*b*) dalam hal barang-barang yang tidak didepositkan dalam gudang kastam atau gudang berlesen, atau gudang atau tempat lain yang diluluskan oleh Ketua Pengarah yang dirujuk di bawah subseksyen 66(1) atau (3), selepas ketibaan atau pendaratan barang-barang sedemikian di suatu tempat pengimportan; atau

(*c*) dalam hal barang-barang yang memasuki kawasan utama kastam daripada suatu zon bebas, selepas ketibaan barang-barang tersebut di kawasan utama kastam.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), pegawai kastam yang hak boleh, melalui notis bertulis, menghendaki perisytiharan itu dikemukakan dalam masa tiga hari dari tarikh notis itu.

(3) Dalam hal barang-barang yang diimport melalui pos, perisytiharan itu hendaklah dibuat oleh penerima atau ejennya apabila diminta oleh pegawai kastam yang hak.

78A. Pembayaran duti ke atas barang-barang import. [*Mas. Akta A1593*]

Duti kastam dan caj lain yang dilevi ke atas barang-barang yang diimport hendaklah dibayar oleh pengimport barang-barang itu—

(*a*) dalam hal barang-barang yang dirujuk dalam perenggan 78(1)(*a*), dalam masa empat belas hari dari tarikh perisytiharan itu diluluskan oleh pegawai kastam yang hak kecuali bagi barang-barang dalam transit;

(*b*) dalam hal barang-barang yang dirujuk dalam perenggan 78(1)(*b*), dengan segera sebaik ketibaan barang-barang itu;

(c) dalam hal barang-barang yang dirujuk dalam perenggan 78(1)(c), dengan segera sebaik ketibaan barang-barang itu; dan

(d) dalam hal barang-barang yang dirujuk dalam subseksyen 78(3), dalam masa empat belas hari dari tarikh perisytiharan itu diluluskan oleh pegawai kastam yang hak.

[Mas Akta A1593]

78B. Perisytiharan barang-barang berduti sebelum ketibaan.

(1) Walau apa pun seksyen 78, mana-mana pengimport barang-barang berduti boleh membuat suatu perisytiharan, secara peribadi atau oleh ejennya, kepada pegawai kastam yang hak sebelum ketibaan barang-barang yang akan diimport itu tertakluk kepada apa-apa syarat yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(2) Pengimport barang-barang berduti hendaklah membayar duti kastam dan caj lain yang boleh dilevikan ke atas barang-barang itu dalam masa empat belas hari dari tarikh perisytiharan itu diluluskan oleh pegawai kastam yang hak.

[Mas Akta A1593]

78C. Barang-barang yang telah ditinggalkan.

(1) Apa-apa barang-barang yang diimport yang tidak diisytiharkan menurut seksyen 78 hendaklah disifatkan sebagai telah ditinggalkan dan Ketua Pengarah boleh memusnahkan atau melupuskan barang-barang itu sebagaimana yang difikirkannya patut.

(2) Sebarang hasil daripada pelupusan barang-barang itu di bawah subseksyen (1) hendaklah dipakai bagi pembayaran duti kastam atau wang lain, atau untuk mendapatkan semula apa-apa amaun atau caj yang mungkin kena dibayar berkenaan dengan pelupusan barang-barang itu.

(3) Apa-apa lebihan hasil yang dirujuk di bawah subseksyen (2), jika ada, hendaklah dibayar—

(a) kepada pengimport, jika diketahui; dan

(*b*) ke dalam Kumpulan Wang Disatukan, jika pengimport tidak boleh dijumpai dalam masa satu bulan daripada pelupusan itu.

79. Perisytiharan hendaklah memberi suatu laporan yang penuh dan benar.

(1) Perisytiharan yang disebut dalam seksyen 78 hendaklah memberi suatu laporan yang penuh dan benar tentang jumlah dan perihal bungkusan, tentang perihal, berat, ukuran atau kuantiti, dan nilai semua barang-barang berduti itu, dan negeri asal barang-barang itu. [*Pind. Akta A1593*]

(2) (*Dipotong*). [*Akta A1593*]

80. Perisytiharan tentang barang-barang berduti yang akan dieksport.

(1) Tiap-tiap pengeksport barang-barang berduti hendaklah sebelum sahaja mengeksport—

(*a*) dengan sendiri atau melalui ejennya membuat, di dalam borang yang ditetapkan dan kepada pegawai kastam yang dinyatakan dalam subseksyen (2), suatu perisytiharan tentang barang-barang yang akan dieksport;

(*b*) menunjukkan barang-barang itu kepada pegawai itu di mana-mana tempat sebagaimana yang diarahkan oleh pegawai itu; dan [*Pind. Akta A1593*]

(*c*) membayar duti eksport dan apa-apa caj lain yang boleh dilevi ke atasnya, jika ada, kepada pegawai itu. [*Pind. Akta A1593*]

(2) Perisytiharan yang disebut dalam perenggan (1)(*a*) hendaklah dibuat kepada pegawai kastam yang hak di tempat yang sesuai yang dinyatakan di bawah ini iaitu—

(*a*) di suatu depot pelepasan dalam negeri atau di stesen kastam dalam negeri atau di pelabuhan kastam tempat pengapalan jika eksport ialah melalui laut; [*Gan. Akta 578*]

(*b*) di suatu depot pelepasan dalam negeri atau di stesen kastam dalam negeri di mana barang-barang dimuatkan atau di tempat eksport jika eksport ialah melalui kereta api;

(*c*) di tempat eksport jika eksport ialah melalui jalan raya, tetapi Ketua Pengarah mestilah membenarkan perisytiharan dibuat kepada pegawai kastam di suatu depot pelepasan dalam negeri atau stesen kastam dalam negeri jika sesuatu eksport melalui jalan raya itu adalah di dalam perjalanan ke suatu pelabuhan atau lapangan terbang kastam atau mana-mana tempat yang diluluskan olehnya;

(*d*) di tempat suatu depot pelepasan dalam negeri atau di stesen kastam dalam negeri atau di lapangan terbang kastam di mana barang-barang dimuatkan jika eksport ialah melalui udara.

(3) Perisytiharan yang disebut dalam perenggan (1)(*a*) hendaklah memberi suatu laporan yang penuh dan benar tentang jumlah dan perihal bungkusan dan tentang perihal, berat, ukuran atau kuantiti, dan nilai semua barang berduti, dan negeri barang-barang itu ditujukan.

(4) Tiada barang-barang berduti boleh dipindahkan dari tempat di mana barang-barang itu ditunjukkan kepada pegawai kastam menurut subseksyen (1) melainkan jika kebenaran bagi maksud itu telah terlebih dahulu didapati daripada seorang pegawai kanan kastam.

B—Barang-barang tidak berduti

81. Perisytiharan tentang barang-barang tidak berduti yang diimport melalui laut atau udara.

(1) Apabila apa-apa barang-barang tidak berduti atas pengimportan diimport melalui laut atau udara pengimportnya hendaklah, sebelum menerima penyerahan barang-barang itu dan dalam apa-apa hal tidak lewat dari sepuluh hari selepas ketibaan vesel atau pesawat udara yang dengannya barang-barang itu diimport atau ketibaan selainnya barang-barang, membuat dengan sendiri atau melalui ejennya kepada pegawai kastam yang hak di pelabuhan kastam di mana barang-barang itu didaratkan atau di tempat lain yang ditetapkan, atau di lapangan terbang kastam di mana barang-barang itu diimport, suatu perisytiharan pada keseluruhan isinya mengikut borang yang

ditetapkan, dengan memberi butir-butir barang-barang yang diimport itu.

(2) Tiada seorang pun pemunya, nakhoda atau ejen mana-mana vesel, dan tiada seorang pun juruterbang atau ejen mana-mana pesawat udara yang tiba di mana-mana pelabuhan kastam atau lapangan terbang kastam boleh menyerah apa-apa kargo masuk yang terdiri daripada barang-barang tidak berduti sehingga dia telah diberi kuasa untuk berbuat demikian oleh pegawai kastam yang hak yang kepadanya perisytiharan yang disebut dalam subseksyen (1) telah dibuat.

82. Perisytiharan tentang barang-barang tidak berduti yang diimport melalui kereta api.

Apabila apa-apa barang-barang tidak berduti atas pengimportan diimport melalui kereta api, pengimport barang-barang itu hendaklah membuat dengan sendiri atau melalui ejennya kepada pegawai kastam yang hak di tempat import yang ditetapkan suatu perisytiharan, pada keseluruhan isinya mengikut borang yang ditetapkan, dengan memberi butir-butir barang-barang yang diimport itu, dan sehingga suatu perisytiharan sedemikian telah dibuat penyerahan atau pengangkutan selanjutnya barang-barang itu tidak boleh dibenarkan.

83. Perisytiharan tentang barang-barang tidak berduti yang diimport melalui jalan raya.

Apabila apa-apa barang-barang tidak berduti atas pengimportan diimport melalui jalan raya, pengimport barang-barang itu hendaklah membuat dengan sendiri atau melalui ejennya kepada pegawai kastam yang hak di tempat import atau di tempat lain yang ditetapkan suatu perisytiharan pada keseluruhan isinya mengikut borang yang ditetapkan, dengan memberi butir-butir barang-barang yang diimport, dan tidak boleh mengimport barang-barang itu sehingga ini telah dibuat.

84. Perisytiharan tentang barang-barang tidak berduti yang dieksport melalui laut atau udara.

(1) Apabila apa-apa barang-barang tidak berduti atas pengeksportan dieksport melalui laut atau udara, pengeksport

barang-barang itu hendaklah, sebelum barang-barang itu dikapalkan atau diangkut melalui air untuk dikapalkan atau selainnya diangkut untuk dikapalkan atau dimuatkan ke dalam suatu pesawat udara, membuat dengan sendiri atau melalui ejennya kepada pegawai kastam yang hak di pelabuhan kastam di mana barang-barang itu dikapalkan atau di lapangan terbang kastam di mana barang-barang itu akan dimuatkan atau di tempat lain yang ditetapkan, suatu perisytiharan pada keseluruhan isinya mengikut borang yang ditetapkan, dengan memberi butir-butir barang-barang yang akan dieksport itu.

(2) Tiada seorang pun pemunya, nakhoda atau ejen mana-mana vesel, dan tiada seorang pun juruterbang atau ejen mana-mana pesawat udara boleh membenarkan apa-apa barang-barang tidak berduti atas pengeksportan dikapalkan atau dimuatkan sehingga dia telah diberi kuasa untuk berbuat demikian oleh pegawai kastam yang hak.

85. Perisytiharan tentang barang-barang tidak berduti yang dieksport melalui kereta api.

Apabila apa-apa barang-barang tidak berduti atas pengeksportan dieksport melalui kereta api pengeksport barang-barang itu hendaklah membuat dengan sendiri atau melalui ejennya kepada pegawai kastam yang hak di tempat eksport yang ditetapkan suatu perisytiharan, pada keseluruhan isinya mengikut borang yang ditetapkan dengan memberi butir-butir barang-barang yang akan dieksport, dan sehingga perisytiharan itu telah dibuat barang-barang itu tidak boleh dilepaskan untuk dieksport.

86. Perisytiharan tentang barang-barang tidak berduti yang dieksport melalui jalan raya.

Apabila apa-apa barang-barang tidak berduti atas pengeksportan dieksport melalui jalan raya, pengeksport barang-barang itu hendaklah membuat dengan sendiri atau melalui ejennya kepada pegawai kastam yang hak di tempat eksport suatu perisytiharan, pada keseluruhan isinya mengikut borang yang ditetapkan, dengan memberi butir-butir tentang

barang-barang yang akan dieksport itu, dan tidak boleh mengeksport barang-barang itu sehingga ini telah dibuat.

87. Perisytiharan-perisytiharan hendaklah memberi suatu laporan yang penuh dan benar.

Perisytiharan-perisytiharan yang disebut dalam seksyen 81, 82, 83, 84, 85 dan 86 hendaklah memberi suatu laporan yang penuh dan benar tentang nombor dan perihalan bungkusan, keterangan, berat, ukuran atau kuantiti, dan nilai semua barang-barang, dan negara asal barang-barang itu. *[Pind. Akta A1593]*

C—Peruntukan Am *[Mas. Akta A1593]*

87A. Perisytiharan sementara. *[Gan. Akta A1593]*

(1) Walau apa pun seksyen 78, 78B, 80, 81, 82, 83, 84, 85 dan 86, pegawai kastam yang hak boleh, atas permohonan bertulis pengimport atau pengeksport, membenarkan suatu perisytiharan sementara jika—

(*a*) berhubung dengan barang-barang yang diimport—

(i) dokumen atau maklumat yang diperlukan mengenai barang-barang itu tidak dapat dikemukakan atau diberikan pada masa import;

(ii) barang-barang itu adalah tertakluk kepada pemeriksaan, ujian atau analisis; atau

(iii) barang-barang itu dikehendaki dengan segera untuk kegunaan sendiri; dan

(*b*) berhubung dengan barang-barang yang hendak dieksport—

(i) dokumen atau maklumat yang diperlukan mengenai barang-barang itu tidak dapat dikemukakan atau diberikan pada masa perisytiharan itu; atau

(ii) barang-barang itu tidak tertakluk kepada sebarang tuntutan pulang balik di bawah seksyen 93 dan 99.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), suatu perisytiharan sementara hendaklah tidak boleh dibenarkan jika barang-barang tersebut adalah tertakluk kepada apa-apa larangan.

(3) Apa-apa barang-barang yang diisytiharkan di bawah subseksyen (1) boleh dilepaskan daripada kawalan kastam tertakluk kepada—

(*a*) pembayaran duti kastam, jika ada, seperti yang dinilai sementara;

(*b*) pembayaran jaminan yang mencukupi sebagaimana yang dikehendaki oleh pegawai kastam yang hak tidak melebihi amaun duti yang dinilai sementara; dan

(*c*) pemberian suatu aku janji untuk mengemukakan suatu perisytiharan yang penuh dan betul dalam masa—

(i) dua bulan atau tempoh selanjutnya seperti yang dibenarkan oleh pegawai kastam yang hak untuk barang-barang yang diimport; atau

(ii) lima hari dari tarikh barang-barang itu telah dilepaskan untuk dieksport atau tempoh lebih lanjut sebagaimana yang boleh diluluskan oleh Ketua Pengarah.

(4) Setelah penyerahan suatu perisytiharan penuh dan betul dalam masa yang ditetapkan di bawah perenggan (3)(*c*)—

(*a*) jumlah duti kastam dan caj lain yang sewajarnya boleh dilevi hendaklah dinilai oleh pegawai kastam yang hak; dan

(*b*) apa-apa wang yang dibayar dan terjamin melebihi amaun duti kastam yang dinilai hendaklah dikembalikan kepada pengimport atau pengeksport atau ejennya.

(5) Jika penyerahan suatu perisytiharan penuh dan betul tidak dibuat dalam masa yang ditetapkan di bawah perenggan (3)(*c*), jaminan yang dirujuk dalam perenggan (3)(*b*) hendaklah dilucuthakkan dan dibayar ke dalam Kumpulan Wang Disatukan.

88. Barang-barang yang telah diisytiharkan di stesen pemungutan dikecualikan.

Peruntukan-peruntukan Bahagian ini tidak terpakai—

(*a*) tertakluk kepada apa-apa syarat dan sekatan sebagaimana yang Ketua Pengarah boleh, sama ada secara am melalui perintah atau dalam sesuatu hal tertentu, mengenakan, bagi barang-barang yang diimport dari sesuatu stesen pemungutan atau bagi barang-barang yang dihantar ke sesuatu stesen pemungutan;

Bagasi penumpang, dsb., dan barang-barang pos dikecualikan.

(*b*) bagi bagasi penumpang atau barang kegunaan sendiri yang dibawa bersama;

(*c*) bagi ikan basah yang ditangkap di perairan tempatan; dan

(*d*) kecuali sebagaimana yang diperuntukkan oleh subseksyen 78(3), bagi apa-apa barang-barang yang dihantar melalui pos.

88A. Bayaran tertunda. [*Mas. Akta A1593*]

(1) Ketua Pengarah boleh, tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat tersebut yang difikirkannya patut, meluluskan mana-mana orang untuk menunda pembayaran duti kastam yang genap masa dan kena dibayar di bawah seksyen 78A dan 80, dan bagi tujuan itu menentukan tarikh yang kena dibayar untuk duti kastam dibayar.

(2) Ketua Pengarah boleh menggantung atau menarik balik kelulusan sedemikian atau mengubah mana-mana terma atau syarat di bawah mana kelulusan itu telah diberikan dan mengubah tarikh yang kena dibayar di mana duti kastam kena dibayar.

(3) Mana-mana orang yang gagal membayar kepada Ketua Pengarah amaun duti kastam yang genap masa dan kena dibayar

pada tarikh yang kena dibayar di bawah subseksyen (1) atau (2) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan suatu denda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan selama suatu tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.

[*Mas. Akta A1593*]

88B. Prosedur yang dimudahkan untuk orang yang diiktiraf.

(1) Ketua Pengarah boleh meluluskan mana-mana orang menjadi orang yang diiktiraf untuk mendapat manfaat daripada prosedur yang dimudahkan untuk pelepasan kastam sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkannya patut dikenakan.

(2) Ketua Pengarah boleh menggantung atau menarik balik kelulusan yang diberikan di bawah subseksyen (1) atau mengubah atau membatalkan terma dan syarat itu.

89. Peruntukan kecualian.

Tiada apa-apa yang terkandung dalam Bahagian ini boleh melepaskan mana-mana orang daripada apa-apa obligasi yang dikenakan oleh atau di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang mengawal selia pergerakan apa-apa barang-barang khas atau mata wang.

[*Pind. Akta A1571*]

90. Ejen kastam.

[*Gan. Akta A1181; Pind. Akta A1571*]

(1) Mana-mana orang yang ingin untuk bertindak sebagai seorang ejen kastam—

[*Pind. Akta A1571*]

(*a*) hendaklah menghadiri suatu kursus mengenai perkara-perkara berkaitan dengan kastam dan lulus peperiksaan sebagaimana yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah;

[*Mas. Akta A1571*]

(*aa*) hendaklah seorang orang berdaftar di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018[1];

---

[1] *Akta 807.*

(*b*) hendaklah menunjukkan suatu kuasa bertulis daripada orang yang bagi pihaknya dia akan bertindak; [*Pind. Akta A1571*]

(*c*) hendaklah memberikan apa-apa jaminan yang difikirkannya cukup oleh seseorang pegawai kanan kastam bagi tingkah laku yang betul dan jujur ejen itu dan pekerja-pekerjanya yang bertindak baginya berkenaan pihak kastam dan majikannya kedua-duanya; dan [*Pind. Akta A1571*]

(*d*) hendaklah tidak dibuktikan terhadapnya atau disabitkan atas suatu tuduhan berkaitan dengan — [*Mas. Akta A1571*]

(i) suatu kesalahan yang melibatkan fraud atau ketidakjujuran;

(ii) suatu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan rasuah;

(iii) suatu kesalahan di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan percukaian; atau

(iv) sebarang kesalahan yang boleh dihukum dengan pemenjaraan selama lebih dari dua tahun.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (1), mana-mana permohonan bagi kelulusan untuk bertindak sebagai seorang ejen kastam hendaklah dibuat dalam borang seperti yang ditetapkan oleh Ketua Pengarah. [*Gan. Akta A1571*]

(3) Ketua Pengarah boleh meninggalkan keperluan perenggan (1)(*a*) jika dia berpuas hati bahawa orang itu mempunyai pengetahuan dan pengalaman yang mencukupi mengenai perkara-perkara berkaitan dengan kastam. [*Pind. Akta A1571*]

(3A) Ketua Pengarah boleh memberikan kelulusan sedemikian bagi permohonan yang dibuat di bawah subseksyen (2) tertakluk kepada terma dan syarat sedemikian sebagaimana yang difikirkannya patut. [*Mas. Akta A1571*]

(4) Ketua Pengarah boleh menggantung atau membatalkan apa-apa kelulusan yang diberikan di bawah subseksyen (3A) jika ejen kastam itu melakukan apa-apa pelanggaran terhadap [*Pind. Akta A1181, A1571*]

Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya atau jika dia gagal mematuhi terma-terma dan syarat-syarat yang dikenakan menurut subseksyen (3A) atau apa-apa arahan yang diberi oleh seorang pegawai kastam berkenaan dengan urusan yang dilakukan oleh ejen kastam itu.

[*Akta A1571*] (5) (*Dipotong*).

[*Pind. Akta A1571*] (6) Mana-mana orang yang bertindak sebagai ejen kastam sedangkan kelulusan tidak diberi kepadanya di bawah seksyen ini atau semasa kelulusan itu telah dibatalkan atau digantung, atau yang membuat atau menyebabkan dibuat suatu perisytiharan mengenai apa-apa barang-barang tanpa diberi kuasa dengan sempurna bagi maksud itu oleh tuan punya atau konsaini barang-barang itu adalah melakukan suatu kesalahan dan, apabila disabitkan, boleh dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau kedua-duanya.

[*Mas. Akta A1571*] (6A) Pengimport, pengeksport atau pengilang boleh melantik seorang ejen kastam untuk bertindak bagi pihaknya dalam hal yang berhubung dengan perisytiharan dan pelepasan barang-barang atau kemasukan atau pelepasan mana-mana vesel atau pesawat udara di bawah Akta ini.

[*Mas. Akta A1571*] (6B) Bagi maksud subseksyen (6A), seseorang adalah dianggap bertindak sebagai seorang ejen kastam tanpa kebenaran sewajarnya jika terdapat sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa pemilik atau penerima tidak wujud atau pewujudan pemilik atau penerima adalah tidak sah di sisi undang-undang.

[*Pind. Akta A1571*] (7) Pekerja bagi mana-mana orang atau firma boleh menjalankan urusan di mana-mana pejabat kastam bagi pihak orang atau firma itu.

[*Mas. Akta A1571*] (8) Walau apa pun subseksyen (7), seorang pegawai kanan kastam boleh enggan berurus niaga dengan pekerja tersebut kecuali orang atau firma tersebut telah memberikan suatu surat kuasa yang ditandatangani yang memberi kuasa kepada pekerja tersebut untuk berurus niaga bagi pihak orang atau firma tersebut.

91. Orang yang menjaga barang-barang yang diimport dsb., melalui jalan raya hendaklah disifatkan sebagai ejen. [*Pind. Akta A783, A1181*]

Walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam seksyen 90 orang yang menjaga apa-apa barang-barang yang diimport atau dieksport melalui jalan raya hendaklah disifatkan sebagai ejen pengimport atau pengeksport itu, mengikut mana-mana yang berkenaan dan hendaklah tidak tertakluk kepada peruntukan perenggan 90(1)(*a*).

91A. (*Dipotong*). [*Akta A1593*]

92. Perisytiharan hendaklah dibuat dalam salinan. [*Pind. Akta A1593*]

Tiap-tiap perisytiharan yang dikehendaki dibuat di bawah Bahagian ini hendaklah dalam bilangan salinan sebagaimana yang diarahkan oleh pegawai kastam yang hak, yang kepadanya perisytiharan itu dikehendaki dibuat. [*Pind. Akta A1593*]

BAHAGIAN X

BAYARAN BALIK DAN PULANG BALIK DUTI [*Pind. Akta A1593*]

92A. Takrifan "eksport semula" dalam seksyen-seksyen 93, 94 dan 99. [*Mas. Akta A873*]

Dalam seksyen-seksyen 93, 94 dan 99 Bahagian ini, ungkapan "eksport semula" adalah termasuk pergerakan barang-barang kepada sebuah gudang berlesen di bawah seksyen 65A dan kepada sebuah kedai bebas cukai berlesen di bawah seksyen 65D Akta tersebut. [*Pind. Akta A873*]

93. Syarat di mana pulang balik boleh dibayar.

(1) Apabila apa-apa barang-barang, selain daripada barang-barang yang disentuh oleh seksyen 96, yang ke atasnya duti kastam telah dibayar dieksport semula, Ketua Pengarah boleh membenarkan sembilan per sepuluh daripada duti yang dikira mengikut subseksyen (2) dibayar balik sebagai pulang balik jika— [*Pind. Akta 293, A1593, A1628*]

(*a*) barang-barang itu dicamkan dengan memuaskan hati seorang pegawai kanan kastam di pelabuhan kastam atau lapangan terbang kastam di mana barang-barang

itu dikapalkan atau dimuatkan bagi eksport semula, atau di tempat eksport semula;

[*Pind. Akta 293, A1593*] (*b*) pulang balik yang dituntut berkenaan dengan mana-mana satu konsainan barang-barang yang dieksport semula tidak kurang daripada dua ratus ringgit;

[*Pind. Akta A1593*] (*c*) barang-barang itu dieksport semula dalam masa tiga bulan dari tarikh duti kastam dibayar;

(*d*) bayaran pulang balik ke atas barang-barang yang termasuk dalam kelas barang-barang yang akan dieksport semula, yang tidak dilarang oleh peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta ini;

[*Pind. Akta 293*] (*e*) notis bertulis telah diberi kepada seorang pegawai kanan kastam ketika atau sebelum masa eksport semula bahawa suatu tuntutan untuk pulang balik akan dibuat, dan tuntutan itu dibuat dalam borang yang ditetapkan dan dibuktikan dengan memuaskan hati seorang pegawai kanan kastam dalam masa tiga bulan dari tarikh eksport semula; dan

(*f*) barang-barang itu telah tidak diguna selepas pengimportan.

[*Pind. Akta A1593*] (2) Amaun pulang balik yang dibenarkan hendaklah dikira pada kadar duti kastam yang dilevi pada masa import.

94. Perisytiharan oleh pihak menuntut.

[*Pind. Akta A1593*] Tiap-tiap orang yang menuntut pulang balik atas apa-apa barang-barang yang dieksport semula hendaklah, dengan sendiri atau melalui ejennya, membuat kepada seorang pegawai kanan kastam suatu perisytiharan mengikut borang yang ditetapkan, bahawa barang-barang itu telah dengan sebenarnya dieksport semula dan tidak didaratkan semula atau diturunkan dari kereta api dan tidak dimaksudkan untuk didaratkan semula atau diturunkan dari kereta api di mana-mana pelabuhan kastam, lapangan terbang kastam atau tempat dalam Malaysia atau dalam mana-mana pelabuhan di Malaysia.

[*Akta A1593*] **95. (*Dipotong*).**

96. Pembayaran balik kepada pelawat dan pemunya sampel.

Apabila apa-apa barang-barang kegunaan sendiri atau barang-barang lain yang telah diimport oleh pelawat ke Malaysia bagi kegunaan sendiri, atau sampel yang diimport oleh orang yang menjual dagangan dari setempat ke setempat, atau sampel dagangan atau apa-apa barang-barang lain yang ditentukan, yang duti kastam ke atasnya telah dibayar dieksport semula dalam masa tiga bulan dari tarikh pengimportan atau dalam apa-apa tempoh tambahan sebagaimana yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah, sama ada secara am atau dalam mana-mana hal tertentu, Ketua Pengarah boleh membenarkan suatu pulang balik terhadap duti kastam itu.

97. Pelepasan daripada duti ke atas barang-barang yang diimport untuk sementara.

Jika Ketua Pengarah berpuas hati bahawa barang-barang diimport hanya untuk sementara dengan suatu maksud pengeksportan semula yang berikut, dia boleh membenarkan barang-barang itu diserah ketika pengimportan tanpa pembayaran duti tertakluk kepada pembayaran suatu deposit senilai dengan tidak kurang daripada amaun duti yang akan kena dibayar jika barang-barang itu diimport bagi kegunaan sendiri atau jaminan diberi dengan memuaskan hati Ketua Pengarah bagi pembayaran duti itu. Deposit itu hendaklah dibayar balik atau jaminan itu dikembalikan jika barang-barang itu dieksport semula dalam masa tiga bulan dari tarikh pengimportan atau dalam apa-apa tempoh tambahan yang dibenarkan oleh Ketua Pengarah. [*Pind. Akta A1593*]

98. Eksport dan import semula sampel dagangan bebas daripada duti.

Ketua Pengarah boleh, dalam mana-mana hal, atas budi bicaranya dan tertakluk kepada apa-apa sekatan yang difikirkannya patut dikenakan, membenarkan apa-apa barang-barang, yang ketika pengimportannya telah diakui sebagai sampel dagangan, supaya diimport semula bebas daripada duti.

[Gan. Akta A783]

99. Pulangan balik ke atas barang-barang yang diimport yang digunakan dalam pengilangan atau pembungkusan.

(1) Jika apa-apa barang-barang yang diimport dieksport semula oleh pengilang sebagai bahagian atau perawis bagi apa-apa barang-barang yang dikilang di Malaysia atau sebagai pembungkusan atau suatu bahagian daripada atau ramuan bagi pembungkusan barang-barang dikilangkan itu, maka jika duti kastam atas barang-barang dikilang itu telah dibayar, Ketua Pengarah boleh, apabila dieksport semula sedemikian, membenarkan kepada pengilang itu suatu pulang balik duti yang dibayar sedemikian, jika—

(*a*) barang-barang siap yang dieksport itu telah dikilang di premis yang diluluskan oleh Ketua Pengarah;

(*b*) apa-apa buku dan akaun disimpan sebagaimana yang dikehendaki oleh Ketua Pengarah bagi maksud menentukan kuantiti barang-barang yang digunakan dalam pengilangan itu atau bagi atau dalam pembungkusan barang-barang yang dikilang itu;

(*c*) barang-barang itu dieksport semula dalam masa dua belas bulan dari tarikh duti import dibayar atau apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang diluluskan oleh Ketua Pengarah;

[*Pind. Akta A1593, A1628*]

(*d*) notis bertulis telah diberikan dalam borang akuan eksport yang ditetapkan bahawa tuntutan mendapatkan pulangan balik akan dibuat, dan tuntutan tersebut dibuat dalam borang yang ditetapkan hingga memuaskan hati pegawai kanan kastam dalam masa enam bulan dari tarikh eksport semula tersebut atau apa-apa tempoh lanjutan sebagaimana yang diluluskan oleh Ketua Pengarah;

[*Mas. Akta A1057; Pind. Akta A1628*]

(*e*) barang-barang siap hendaklah dieksport melalui tempat itu atau perjalanan sebagaimana yang diluluskan oleh Ketua Pengarah; dan

[*Mas. Akta A1628*]

(*f*) pulangan balik yang dituntut mengenai mana-mana suatu konsainan barang-barang yang dieksport semula adalah tidak kurang daripada dua ratus ringgit.

(1A) Dalam menentukan jumlah pulangan cukai bagi duti kastam yang telah dibayar, Ketua Pengarah boleh membenarkan pulangan cukai duti yang sedemikian ke atas buangan atau sampah hasil dari pengilangan yang sedemikian, sama ada dieksport semula atau sebaliknya:

Kecuali bahawa pulangan cukai yang sedemikian akan hanya dibenarkan di mana kuantiti buangan atau sampah yang sedemikian telah terbukti memenuhi kehendak Ketua Pengarah tersebut.

(2) Dalam seksyen ini, ungkapan "pengilang" termasuklah mana-mana orang yang kepadanya barang-barang dikilang telah dijual, atau selainnya dilupuskan.

99A. Mengimbangi pulang balik atau bayaran balik terhadap amaun yang terhutang. [*Mas. Akta A1593*]

Walau apa pun apa-apa peruntukan Akta ini, jika mana-mana orang telah gagal membayar, secara keseluruhannya atau sebahagiannya—

(*a*) apa-apa amaun duti kastam atau apa-apa surcaj terakru, atau apa-apa penalti, fi atau wang lain yang kena dibayar di bawah Akta ini;

(*b*) apa-apa amaun duti eksais atau apa-apa surcaj terakru, atau apa-apa penalti, fi atau wang lain yang kena dibayar di bawah Akta Eksais 1976;

(*c*) apa-apa amaun cukai jualan yang genap masa dan kena dibayar, apa-apa surcaj terakru, atau apa-apa penalti atau wang lain yang kena dibayar di bawah Akta Cukai Jualan 1972[1];

(*d*) apa-apa amaun cukai perkhidmatan yang genap masa dan kena dibayar, apa-apa surcaj terakru, atau apa-apa penalti atau wang lain yang kena dibayar di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 1975[2];

---

[1] *Akta 64.*
[2] *Akta 151.*

(e) apa-apa amaun cukai barangan dan perkhidmatan yang genap masa dan kena dibayar, apa-apa surcaj terakru, atau apa-apa penalti atau wang lain yang kena dibayar di bawah Akta Cukai Barangan dan Perkhidmatan 2014[1];

(f) apa-apa amaun cukai jualan yang genap masa dan kena dibayar, apa-apa surcaj terakru, atau apa-apa penalti, fi atau wang lain yang kena dibayar di bawah Akta Cukai Jualan 2018[2]; atau

(g) apa-apa amaun cukai perkhidmatan yang genap masa dan kena dibayar, apa-apa surcaj terakru, atau apa-apa penalti, fi atau wang lain yang kena dibayar di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 2018[3],

Ketua Pengarah boleh mengimbangi apa-apa amaun atau apa-apa bahagian mana-mana amaun pulang balik atau bayaran balik yang perlu dibayar kepada orang itu terhadap amaun yang belum dibayar yang dirujuk dalam perenggan (*a*), (*b*), (*c*), (*d*), (*e*), (*f*) dan (*g*), dan Ketua Pengarah hendaklah mengganggap amaun yang telah diimbangi sebagai bayaran atau bayaran sebahagian yang diterima daripada orang itu.

[*Mas. Akta A1593*]

*BAHAGIAN XA

TEMPAT ASAL BARANG-BARANG, DAN LAYANAN TARIF BERKEUTAMAAN DAN TARIF BUKAN BERKEUTAMAAN

[*Mas. Akta A1593*]

99B. Badan yang diberi kuasa.

(1) Menteri boleh memberi kuasa kepada mana-mana agensi Kerajaan untuk melaksanakan fungsi-fungsi di bawah seksyen 99E dan 99H.

(2) Pemberian kuasa di bawah subseksyen (1) hendaklah secara bertulis dan hendaklah tertakluk kepada terma-terma dan syarat-syarat sebagaimana yang difikirkan patut oleh Menteri.

---

[1] *Akta 762.*
[2] *Akta 806.*
[3] *Akta 807.*
**Bahagian XA (seksyen 99B-99F) belum berkuat kuasa pada tarikh percetakan buku ini.*

(3) Menteri boleh membatalkan apa-apa kuasa yang diberikan di bawah subseksyen (1) sebagaimana yang difikirkan patut oleh Menteri.

(4) Jika suatu agensi kerajaan terhenti menjadi badan yang diberi kuasa di bawah seksyen ini, agensi kerajaan itu hendaklah menyerahkan kepada Menteri semua artikel dan dokumen yang diterima berhubung dengan pemberian kuasa tersebut.

99C. Pihak Berkuasa yang mengeluarkan. [*Mas. Akta A1593*]

(1) Menteri boleh, selepas berunding dengan Menteri yang bertanggungjawab bagi perdagangan antarabangsa dan industri, melantik mana-mana badan atau agensi Kerajaan sebagai suatu pihak berkuasa yang mengeluarkan suatu perakuan tempat asal berkeutamaan atau bukan berkeutamaan jika Menteri berpuas hati bahawa badan atau agensi Kerajaan itu memenuhi kriteria yang ditetapkan tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat sebagaimana yang difikirkan patut oleh Menteri.

(2) Menteri boleh membatalkan pelantikan yang dibuat di bawah subseksyen (1) sebagaimana yang difikirkan patut oleh Menteri.

(3) Jika suatu badan atau agensi Kerajaan terhenti menjadi suatu pihak berkuasa mengeluarkan di bawah seksyen ini, badan atau agensi Kerajaan itu hendaklah menyerahkan kepada Menteri semua artikel dan dokumen yang diterima berhubung dengan pelantikan itu.

99D. Permohonan untuk dan pengeluaran perakuan tempat asal berkeutamaan dan bukan berkeutamaan. [*Mas. Akta A1593*]

(1) Seseorang pengeluar atau pengeksport boleh memohon untuk suatu perakuan tempat asal berkeutamaan dan bukan berkeutamaan kepada pihak berkuasa yang mengeluarkan.

(2) Pihak berkuasa yang mengeluarkan boleh, selepas menilai dan menentukan permohonan untuk perakuan tempat asal di bawah subseksyen (1), meluluskan permohonan itu dan mengeluarkan suatu perakuan tempat asal tertakluk kepada

terma-terma dan syarat-syarat sebagaimana yang difikirkan patut oleh pihak berkuasa, atau menolak permohonan itu.

[*Mas. Akta A1593*]

99E. Pendaftaran untuk mengeluarkan suatu perisytiharan tempat asal.

(1) Seorang pengimport, pengeluar atau pengeksport boleh memohon kepada badan yang diberi kuasa untuk pendaftaran bagi tujuan mengeluarkan suatu perisytiharan tempat asal.

(2) Selepas didaftarkan di bawah subseksyen (1)—

(*a*) seorang pengimport boleh mengemukakan suatu perisytiharan tempat asal bagi maksud menuntut layanan tarif berkeutamaan di bawah perenggan 99G(*c*); dan

(*b*) seorang pengeluar atau seorang pengeksport boleh mengemukakan suatu perisytiharan tempat asal bagi maksud menuntut layanan tarif berkeutamaan di bawah perjanjian perdagangan yang berkaitan.

[*Mas. Akta A1593*]

99F. Tanggungjawab pengimport, pengeluar atau pengeksport.

(1) Dalam mana-mana perisytiharan barang-barang yang diimport atau yang akan dieksport, pengimport, pengeluar atau pengeksport itu hendaklah memberi tempat asal yang benar dan betul bagi barang-barang yang diisytiharkan itu.

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan suatu denda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama suatu tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya.

[*Mas. Akta A1593*]

99G. Tuntutan untuk layanan tarif berkeutamaan.

Seorang pengimport layak menuntut layanan tarif berkeutamaan jika—

(*a*) dia telah mematuhi keperluan mengenai tempat asal barang-barang di bawah perintah yang berkaitan yang dibuat di bawah seksyen 11 yang berhubung dengan perjanjian perdagangan yang berkaitan;

(*b*) dia telah didaftarkan di bawah seksyen 99E, jika terpakai; dan

(*c*) dia telah mengemukakan suatu perisytiharan tempat asal atau suatu perakuan tempat asal berkeutamaan.

99H. Pengesahan dokumen dan maklumat. [*Mas. Akta A1593*]

(1) Apabila ada keraguan munasabah mengenai kesahihan dokumen atau ketepatan maklumat mengenai tempat asal barang-barang yang diimport atau barang-barang yang hendak dieksport atau bahagian tertentu barang-barang itu, pegawai kastam yang hak atau badan yang diberi kuasa boleh membuat pengesahan mengenai kesahihan dokumen dan ketepatan maklumat itu.

(2) Sementara menunggu pengesahan di bawah subseksyen (1), pegawai kastam yang hak boleh—

(*a*) menggantung pemberian layanan tarif berkeutamaan; dan

(*b*) melepaskan barang-barang itu kepada pengimport tertakluk kepada—

(i) pembayaran duti kastam yang kena dibayar di bawah perintah duti kastam yang dibuat di bawah seksyen 11; atau

(ii) pembayaran duti kastam yang kena dibayar berasaskan layanan tarif berkeutamaan dan jika layanan tarif berkeutamaan itu adalah kurang daripada jumlah duti kastam yang kena dibayar di bawah subperenggan (*b*)(i), suatu jaminan untuk perbezaannya perlu diberikan.

(3) Walau apa pun subseksyen (2), pegawai kastam yang hak boleh menahan barang-barang itu jika—

(*a*) barang-barang itu adalah barangan terlarang; atau

(*b*) terdapat sebab munasabah untuk mempercayai bahawa apa-apa bentuk fraud, salah nyataan, perisytiharan palsu atau tidak mendedahkan fakta material telah berlaku pada masa pengimportan.

(4) Apabila selesai pengesahan di bawah subseksyen (1), pegawai kastam yang hak hendaklah—

(*a*) dalam hal di mana dokumen itu adalah sahih atau maklumat itu adalah tepat, kembalikan jaminan yang diberikan di bawah subperenggan (2)(*b*)(ii); dan

(*b*) dalam hal di mana dokumen itu tidak sahih atau maklumat itu tidak tepat—

(i) menolak pemberian layanan tarif berkeutamaan; dan

(ii) melucuthak jaminan yang diberikan di bawah subperenggan (2)(*b*)(ii).

[*Mas. Akta A1593*]

99I. Pembatalan atau penggantungan perakuan tempat asal.

(1) Pihak berkuasa yang mengeluarkan boleh membatalkan atau menggantung perakuan tempat asal yang dikeluarkan di bawah seksyen 99D jika—

(*a*) apa-apa terma atau syarat yang dinyatakan dalam perakuan tempat asal telah dilanggar; atau

(*b*) pihak berkuasa yang mengeluarkan berpendapat bahawa pengeluar atau pengeksport yang telah dikeluarkan dengan perakuan tempat asal itu tidak lagi menjadi orang yang patut dan sesuai untuk memegang perakuan itu.

(2) Jika perakuan tempat asal telah dibatalkan atau digantung di bawah subseksyen (1), pengeluar atau pengeksport hendaklah diberitahu secara bertulis tentang pembatalan atau penggantungan itu.

(3) Mana-mana orang yang tidak berpuas hati dengan keputusan di bawah seksyen ini boleh, dalam masa tiga puluh hari dari tarikh di mana notis mengenai keputusan itu diberikan, merayu kepada pihak berkuasa yang mengeluarkan.

BAHAGIAN XI

PERUNTUKAN-PERUNTUKAN PELBAGAI

100. Dokumen-dokumen yang hendaklah ditunjukkan apabila dikehendaki.

Apabila dikehendaki oleh pegawai kastam yang hak pengimport atau pengeksport apa-apa barang-barang atau ejennya hendaklah menunjukkan kepada pegawai itu semua invois, bil muatan, perakuan tentang tempat asal atau tentang analisis dan apa-apa dokumen lain, yang dikehendaki oleh pegawai itu untuk memeriksa ketepatan apa-apa akuan yang dibuat oleh pengimport atau pengeksport itu kepada mana-mana pegawai kastam dan pegawai itu boleh menyimpan mana-mana invois, bil muatan, perakuan tentang tempat asal atau analisis atau dokumen-dokumen lain itu.

100A. Rekod berkaitan dengan perkara-perkara kastam. [*Gan. Akta A1593*]

(1) Setiap orang hendaklah menyimpan rekod terkini yang penuh dan benar mengenai semua urus niaga yang menjejaskan atau mungkin menjejaskan kewajipannya dalam apa-apa perkara di bawah Akta ini.

(2) Rekod-rekod yang disimpan hendaklah termasuk—

(*a*) semua rekod pengimportan dan pengeksportan barang-barang termasuk barang-barang dalam transit dan pindah kapal;

(*b*) semua pembayaran dan rekod bank termasuk surat kredit, permohonan pemindahan dana dan nasihat debit;

(*c*) semua rekod perakaunan, pengurusan dan kewangan;

(*d*) rekod jualan dan belian termasuk invois, resit, nota debit dan nota kredit;

(*e*) rekod perniagaan lain termasuk jualan, pengedaran dan kontrak atau perjanjian royalti;

(*f*) carta perakaunan, kod akses, dokumentasi program dan manual arahan sistem;

(*g*) rekod inventori; dan

(*h*) apa-apa rekod lain sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah.

(3) Apa-apa rekod yang disimpan di bawah seksyen ini hendaklah—

(*a*) dipelihara selama tempoh tujuh tahun dari tarikh terkini hingga ke tarikh rekod itu berkaitan; dan

(*b*) disimpan di Malaysia, kecuali sebagaimana diluluskan sebaliknya oleh Ketua Pengarah tertakluk kepada syarat sedemikian sebagaimana yang Ketua Pengarah fikirkan patut.

(4) Jika rekod itu dalam bentuk yang boleh dibaca secara elektronik, rekod itu hendaklah disimpan mengikut cara yang membolehkan rekod itu mudah diakses dan boleh ditukar kepada bentuk bertulis.

(5) Jika rekod itu pada asalnya dalam bentuk kertas dan ia kemudiannya diubah kepada bentuk elektronik, rekod itu hendaklah dikekalkan dalam bentuk asalnya seperti sebelum penukaran.

(6) Salinan rekod itu boleh diterima sebagai keterangan dalam apa-apa prosiding setakat yang sama dengan rekod itu sendiri.

(7) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1), (2), (3), (4) atau (5) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan suatu denda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama suatu tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

[*Mas. Akta A1593*]

100B. Keperluan untuk memberikan terjemahan.

(1) Jika seorang pegawai kanan kastam yang menyiasat suatu kesalahan mendapati, menyita, menahan, atau mengambil milik apa-apa barang-barang, rekod, laporan atau dokumen yang mana-mana keseluruhannya atau sebahagiannya, adalah dalam suatu bahasa selain bahasa kebangsaan atau Bahasa

Inggeris, atau ianya dalam apa-apa tanda atau kod, pegawai itu boleh, secara lisan atau secara bertulis, menghendaki orang yang mempunyai milikan, jagaan atau kawalan barang-barang, rekod, laporan atau dokumen itu untuk memberikan kepadanya terjemahan dalam bahasa kebangsaan atau Bahasa Inggeris dalam tempoh sebagaimana yang boleh ditentukan oleh pegawai itu.

(2) Tiada seorang pun boleh dengan sengaja memberikan suatu terjemahan di bawah subseksyen (1) yang tidak tepat, berfakta dan benar.

(3) Walau apa pun subseksyen (1), pegawai kanan kastam boleh menghendaki mana-mana orang lain untuk memberikan terjemahan itu kepadanya.

(4) Ketua Pengarah boleh membayar fi yang berpatutan kepada orang yang dikehendaki untuk memberikan terjemahan di bawah subseksyen (3)

101. Orang yang terikat di sisi undang-undang untuk memberi maklumat.

Tiap-tiap orang yang dikehendaki oleh pegawai kastam yang hak untuk memberi maklumat atau mengemukakan apa-apa dokumen mengenai apa-apa perkara yang menjadi kewajipan pegawai itu untuk menyiasat di bawah Akta ini dan yang berada dalam keupayaan orang itu untuk memberi adalah terikat di sisi undang-undang untuk memberi maklumat atau mengemukakan dokumen itu.

102. Penyampaian notis-notis. [*Gan. Akta A1057*]

(1) Tiap-tiap notis atau dokumen yang dikehendaki oleh Akta ini untuk disampaikan kepada mana-mana orang boleh disampaikan—

(*a*) dengan sendiri kepada orang tersebut; atau

(*b*) dengan menghantar notis itu atau dokumen kepada orang tersebut dengan pos berdaftar.

(2) Suatu notis atau dokumen yang telah dihantar dengan pos berdaftar kepada suatu orang hendaklah disifatkan sebagai telah disampaikan kepada orang tersebut pada masa ia dihantar serah kepada orang tersebut dengan mengikut perjalanan biasa pos jika notis atau dokumen itu telah dialamatkan—

[*Pind. Akta A1109*]

(*a*) di dalam hal suatu syarikat, firma, pertubuhan, persatuan atau kumpulan orang yang lain—

(i) ke pejabat berdaftarnya;

(ii) ke alamatnya yang terakhir diketahui; atau

(iii) kepada mana-mana orang yang diberi kuasa olehnya untuk menerima penyampaian proses; dan

[*Pind. Akta A1593*]

(*b*) di dalam hal suatu individu, ke alamat terakhirnya yang diketahui.

[*Mas. Akta A1593*]

102A. Penyerahan senarai penumpang dan anak kapal.

(1) Nakhoda setiap vesel atau juruterbang setiap pesawat udara, atau ejennya yang tiba di mana-mana lapangan terbang kastam, pelabuhan kastam atau pintu masuk atau keluar hendaklah menyerahkan kepada pegawai kastam yang hak suatu senarai penumpang yang betul dan lengkap yang berada atas—

(*a*) dalam hal suatu vesel, tidak kurang daripada dua puluh empat jam sebelum ketibaan; dan

(*b*) dalam hal suatu pesawat udara, tidak kurang daripada dua jam sebelum ketibaan.

(2) Nakhoda setiap vesel atau juruterbang setiap pesawat udara, atau ejennya yang meninggalkan mana-mana lapangan terbang kastam, pelabuhan kastam atau pintu masuk atau keluar hendaklah menyerahkan kepada pegawai kastam yang hak suatu senarai penumpang dan anak kapal—

(*a*) dalam hal suatu vesel, tidak kurang daripada dua puluh empat jam sebelum berlepas; dan

(*b*) dalam hal suatu pesawat udara, tidak kurang daripada dua jam sebelum berlepas.

(3) Pengangkut yang bertanggungjawab bagi setiap kereta api atau operator suatu bas, atau ejennya, tiba di atau meninggalkan mana-mana lapangan terbang kastam, pelabuhan kastam atau pintu masuk atau keluar hendaklah mengemukakan kepada pegawai kastam yang hak suatu senarai penumpang dan pekerja setiap kali diarahkan oleh pegawai kastam yang hak

103. Bagasi penumpang.

(1) Walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam Akta ini, tiap-tiap penumpang atau orang lain yang tiba di Malaysia atau meninggalkan Malaysia hendaklah mengisytiharkan semua barang-barang berduti atau barang-barang larangan dalam milikannya, sama ada pada tubuh badannya atau dalam mana-mana bagasi atau dalam mana-mana kenderaan, kepada pegawai kastam yang hak, dan jika dia gagal berbuat demikian barang-barang itu hendaklah disifatkan sebagai barang-barang tak berkastam.

(2) Bagasi penumpang atau mana-mana orang lain boleh diperiksa dan diserah mengikut apa-apa cara yang diarahkan oleh Ketua Pengarah, dan adalah menjadi tugas orang yang menjaga bagasi itu untuk mengemuka, membuka, membuka bungkusan dan membungkus semula bagasi itu. [*Pind. Akta A1593*]

104. Pegawai kastam yang hak boleh mengambil sampel.

(1) Pegawai kastam yang hak boleh pada bila-bila masa, jika tugasnya menghendaki dia berbuat demikian, mengambil sampel apa-apa barang-barang untuk menentukan sama ada ia adalah barang-barang daripada suatu perihal yang dikenakan duti kastam, atau untuk menentukan duti kastam yang kena dibayar atas barang-barang itu atau bagi maksud-maksud lain yang disifatkan oleh pegawai kastam yang hak itu sebagai perlu, dan sampel itu bolehlah dilupuskan mengikut apa-apa cara yang diarahkan oleh Ketua Pengarah.

[Pind. Akta A1593]

(2) Tiada bayaran boleh dibuat bagi kos apa-apa sampel yang diambil tetapi pegawai kastam yang hak itu hendaklah memberi suatu resit bagi apa-apa sampel itu.

105. Membungkus barang-barang berduti.

[Pind. Akta A1593]

(1) Tiada barang-barang berduti boleh dibungkus dalam apa-apa cara yang dimaksudkan untuk menipu seorang pegawai kastam supaya suatu akaun yang betul tidak boleh diambil.

[Mas. Akta A1593]

(2) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan suatu denda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama suatu tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

106. Tambahan atau potongan duti baru atau yang diubah dalam hal kontrak.

(1) Jika apa-apa duti kastam baru dikenakan atau jika apa-apa duti kastam dinaikkan, dan apa-apa barang-barang yang berkenaan dengannya duti itu kena dibayar diserah selepas hari di mana duti baru atau yang dinaikkan itu berkuat kuasa, menurut kontrak yang dibuat sebelum hari tersebut, penjual barang-barang itu boleh, dengan ketiadaan perjanjian sebaliknya, mendapatkan daripada pembeli barang-barang itu sebagai suatu tambahan kepada harga kontrak, suatu jumlah wang yang bersamaan dengan apa-apa amaun yang dibayar olehnya berkenaan dengan barang-barang itu kerana duti baru itu atau kenaikan duti, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Jika apa-apa duti kastam dibatalkan atau dikurangkan dan apa-apa barang-barang yang terlibat dengan duti itu diserah selepas hari di mana duti itu dibatalkan atau pengurangan duti itu berkuat kuasa, menurut suatu kontrak yang dibuat sebelum hari tersebut, pembeli barang-barang itu, dengan ketiadaan perjanjian sebaliknya, boleh jika penjual barang-barang itu telah mendapat faedah berkenaan barang-barang itu daripada pembatalan atau pengurangan duti itu, memotong

daripada harga kontrak suatu jumlah wang yang bersamaan dengan amaun duti atau pengurangan duti itu mengikut mana-mana yang berkenaan.

106A. Akses kepada tempat atau premis. [Mas. Akta A1109]

(1) Bagi maksud Akta ini, mana-mana pegawai kanan kastam hendaklah mempunyai akses pada bila-bila masa ke mana-mana tempat atau premis di mana— [Gan. Akta A1593]

(*a*) mana-mana pengimport, pengeksport, pengilang atau orang menjalankan perniagaannya; dan

(*b*) mana-mana orang yang mempunyai urusan dengan pengimport, pengeksport, pengilang atau orang yang dirujuk dalam perenggan (*a*) menjalankan perniagaannya.

(2) Jika mana-mana pegawai kanan kastam memasuki mana-mana premis mengikut seksyen ini, maka—

(*a*) dia boleh menghendaki pengimport, pengeksport, pengilang atau orang yang dirujuk dalam perenggan (1)(*a*), atau mana-mana orang yang mempunyai urusan dengan pengimport, pengeksport, pengilang atau orang yang dirujuk dalam perenggan (1)(*a*), untuk mengemukakan apa-apa buku, data, dokumen atau rekod lain, atau benda yang dikehendaki disimpan di bawah peruntukan Akta ini, atau yang berhubung dengan apa-apa barang-barang yang diimport, dieksport atau dikilang; [Gan. Akta A1593]

(*b*) dia boleh memeriksa apa-apa buku, data, dokumen atau rekod lain, atau benda dan membuat salinan-salinan atau membuat ekstrak dari apa-apa buku atau dokumen;

(*c*) dia boleh menyita dan menahan apa-apa buku, data, dokumen atau rekod lain, atau benda, jika pada pendapatnya ia boleh memberi keterangan mengenai apa-apa kesalahan yang dilakukan di bawah Akta ini;

[Gan. Akta A1593]

(*d*) dia boleh menghendaki—

(i) pengimport, pengeksport, pengilang atau orang yang dirujuk dalam perenggan (1)(*a*);

(ii) orang yang mempunyai urusan dengan pengimport, pengeksport, pengilang atau orang sedemikian yang dirujuk dalam perenggan (1)(*a*); atau

(iii) mana-mana orang yang diambil bekerja oleh pengimport, pengeksport, pengilang atau orang sedemikian yang dirujuk dalam perenggan (1)(*a*) atau orang yang pertama dirujuk dalam subperenggan (ii);

untuk menjawab soalan dengan benar berkaitan dengan—

(A) apa-apa buku, data, dokumen atau rekod, atau benda lain;

(B) apa-apa kemasukan dalam mana-mana buku, data, dokumen atau rekod lain; atau

(C) apa-apa barang-barang yang diimport, dieksport atau dikilang;

(*e*) dia boleh menghendaki dibuka apa-apa bekas, sampul atau tempat muatan lain dalam mana-mana premis itu;

[*Pind. Akta A1593*]

(*f*) dia boleh atas tanggungan dan perbelanjaan pengimport, pengeksport, pengilang atau orang yang dirujuk dalam perenggan (1)(*a*), atau mana-mana orang yang mempunyai urusan dengan pengimport, pengeksport, pengilang atau orang sedemikian yang dirujuk dalam perenggan (1)(*a*) membuka dan memeriksa mana-mana bungkusan, atau mana-mana barang atau bahan, dalam mana-mana premis itu.

[*Pind. Akta A1593*]

(3) Jika pegawai kanan kastam yang bertindak di bawah seksyen ini tidak dapat memasuki dengan bebas mana-mana premis di mana pengimport, pengeksport, pengilang atau orang yang dirujuk dalam perenggan (1)(*a*) menjalankan perniagaannya, atau di mana orang itu mempunyai urusan

dengan pengimport, pengeksport, pengilang atau orang sedemikian yang dirujuk dalam perenggan (1)(*a*) atau tidak dapat melihat dengan bebas mana-mana tempat muatan yang terkandung dalamnya dia boleh, pada bila-bila masa, memasuki premis itu dan membuka, jika perlu dengan kekerasan, mana-mana tempat muatan itu yang difikirkannya perlu.

(4) Jika, apabila memasuki mana-mana premis di bawah peruntukan seksyen ini dijumpai apa-apa barang kena cukai yang mengenainya suatu kesalahan di bawah peruntukan Akta ini telah dilakukan, maka barang-barang kena cukai itu boleh dirampas.

(5) Mana-mana orang yang enggan memberi akses ke mana-mana tempat atau premis kepada mana-mana pegawai kanan kastam di bawah subseksyen (1) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dipenjarakan selama suatu tempoh tidak melebihi lima tahun atau dikenakan suatu denda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau kedua-duanya. [*Mas. Akta A1593*]

106B. Kuasa penguatkuasaan, penyiasatan dan pemeriksaan. [*Gan. Akta A1580*]

Bagi maksud Akta ini, seorang pegawai kanan kastam hendaklah mempunyai segala kuasa seorang pegawai polis dari apa-apa pangkat seperti yang diperuntukkan di bawah Kanun Tatacara Jenayah[1] berhubung dengan penguatkuasaan, penyiasatan dan pemeriksaan, dan kuasa itu hendaklah sebagai tambahan kepada kuasa yang diperuntukkan di bawah Akta ini dan tidak mengurangkannya.

106C. Kuasa-kuasa tambahan. [*Mas. Akta A1628*]

(1) Sebagai tambahan kepada dan tanpa menjejaskan kuasa-kuasa yang sedia ada yang diberi di bawah Akta ini, apabila mengiringi dan menjaga mana-mana orang dalam tahanan, seorang pegawai kastam yang hak hendaklah mempunyai kesemua kuasa-kuasa seorang pegawai polis yang berpangkat

---

[1] *Akta 593.*

Korporal dan ke bawah dan kuasa-kuasa seorang pegawai penjara yang berpangkat Sarjan dan ke bawah di bawah Akta Penjara 1995[1].

(2) Bagi maksud Akta ini—

(*a*) sekiranya suatu perintah, suatu sijil atau mana-mana perbuatan lain dikehendaki diberi, dikeluarkan atau dibuat oleh seorang pegawai yang menjaga suatu Daerah Polis di bawah mana-mana undang-undang bertulis, perintah, sijil atau perbuatan itu boleh diberi, dikeluarkan atau dibuat oleh seorang pegawai kanan kastam, dan bagi maksud tersebut, tempat di mana perintah, sijil atau perbuatan itu telah diberi, dikeluarkan atau dibuat hendaklah disifatkan sebagai suatu Daerah Polis di bawah jagaannya; dan

(*b*) seorang pegawai kastam yang hak hendaklah mempunyai kesemua kuasa-kuasa yang diberikan kepada seorang pegawai yang menjaga suatu balai polis di bawah mana-mana undang-undang bertulis, dan bagi maksud tersebut pejabat pegawai tersebut hendaklah disifatkan sebagai suatu balai polis.

[*Pind. Akta A1109*]

BAHAGIAN XII

PEMERIKSAAN, PENYIASATAN, PENGGELEDAHAN, PENYITAAN DAN TANGKAPAN

107. Majistret boleh mengeluarkan waran geledah.

[*Pind. Akta A1593*]

(1) Apabila didapati oleh mana-mana Majistret, atas maklumat bertulis dengan bersumpah, dan selepas apa-apa siasatan yang difikirkannya perlu, bahawa terdapat sebab munasabah bagi mempercayai bahawa dalam mana-mana pengangkut, premis atau tempat, ada tersembunyi atau didepositkan apa-apa barang-barang larangan atau barang-barang tidak berkastam atau barang-barang yang boleh dilucut

---
[1] *Akta 537.*

hak di bawah Akta ini atau di bawah mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya, atau yang terhadapnya apa-apa kesalahan di bawah Akta ini atau peraturan sedemikian telah dilakukan, atau apa-apa buku atau dokumen yang berhubungan dengan apa-apa barang-barang itu Majistret tersebut boleh mengeluarkan suatu waran memberi kuasa kepada mana-mana pegawai kastam yang dinamakan di dalamnya, di waktu siang atau malam dan dengan atau tanpa bantuan—

(*a*) untuk memasuki pengangkut, premis atau tempat itu dan di situ menggeledah dan menyita apa-apa barang-barang yang disyaki dengan munasabah sebagai barang-barang larangan atau barang-barang tidak berkastam, atau barang-barang yang kena dilucut hak di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya, atau yang terhadapnya apa-apa kesalahan di bawah Akta ini atau peraturan sedemikian disyaki telah dilakukan, dan apa-apa buku atau dokumen yang dengan munasabah dipercayai mengandungi maklumat tentang apa-apa kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya; [*Pind. Akta A1593*]

(*b*) untuk menangkap mana-mana orang atau orang-orang yang berada dalam pengangkut, premis atau tempat itu, yang dalam milikannya barang-barang seperti yang disebut terdahulu dijumpai, atau yang disyaki dengan munasabah oleh pegawai itu sebagai telah menyembunyi atau mendepositkan barang-barang itu. [*Pind. Akta A1593*]

(2) Pegawai itu boleh jika perlu untuk berbuat demikian—

(*a*) memecah buka mana-mana pintu luar atau pintu dalam pengangkut, premis atau tempat itu, dan masuk ke dalamnya; [*Pind. Akta A1593*]

(*b*) masuk ke pengangkut, premis atau tempat itu dan tiap-tiap bahagian darinya dengan kekerasan; [*Pind. Akta A1593*]

(*c*) membuang dengan kekerasan apa-apa halangan kepada kemasukan, penggeledahan, penyitaan dan pemindahan itu yang dia diberi kuasa untuk melakukannya; dan [*Pind. Akta A1593*]

[Pind. Akta A1593]

(*d*) menahan tiap-tiap orang yang dijumpai berada dalam pengangkut, premis atau tempat itu sehingga carian telah selesai.

[Mas. Akta A1593]

(3) Jika disebabkan sifat, saiz atau amaunnya ianya adalah tidak praktik untuk mengalihkan apa-apa barang-barang, dokumen atau benda yang disita di bawah seksyen ini, pegawai kastam boleh, dengan apa jua cara, mengelak pengangkut, premis atau tempat itu atau barang-barang, dokumen atau benda di dalam pengangkut, premis atau tempat di mana ia dijumpai.

[Mas. Akta A1593]

(4) Seseorang yang, tanpa kuasa yang sah, memecahkan, mengganggu atau merosakkan lak yang dirujuk dalam subseksyen (3) atau mengalih barang-barang, dokumen atau benda yang di bawah lak itu, atau cuba untuk berbuat demikian, adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dipenjarakan selama suatu tempoh tidak melebihi lima tahun atau dikenakan suatu denda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau kedua-duanya.

108. Bila penggeledahan boleh dibuat tanpa waran.

[Pind. Akta A1593]

Apabila didapati oleh mana-mana pegawai kanan kastam bahawa ada sebab munasabah untuk mempercayai bahawa dalam mana-mana pengangkut, premis atau tempat ada tersembunyi atau didepositkan apa-apa barang-barang larangan atau barang-barang tidak berkastam, atau barang-barang yang kena dilucut hak di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya atau yang terhadapnya suatu kesalahan di bawah Akta ini atau peraturan sedemikian telah dilakukan, dan jika mempunyai sebab yang munasabah untuk mempercayai bahawa oleh sebab kelewatan dalam mendapatkan suatu waran barang-barang itu mungkin akan dipindahkan, pegawai itu boleh menggunakan dalam, atas dan berkenaan dengan pengangkut, premis atau tempat itu kuasa-kuasa yang disebutkan dalam seksyen 107 dengan suatu cara yang sepenuh dan secukupnya seolah-olah dia diberi kuasa untuk berbuat demikian oleh suatu waran yang dikeluarkan di bawah seksyen itu.

109. Kuasa menggeledah vesel atau pesawat udara.

(1) Seorang pegawai kastam yang hak boleh—

(*a*) menaiki mana-mana vesel atau pesawat udara dalam mana-mana pelabuhan kastam atau lapangan terbang kastam atau tempat atau dalam perairan wilayah;

(*b*) menghendaki nakhoda vesel itu atau juruterbang pesawat udara itu memberi apa-apa maklumat berhubungan dengan vesel atau pesawat udara, kargo, storan, anak kapal, penumpang atau pelayaran sebagaimana yang disifatkannya perlu;

(*c*) menyelongkar dan menggeledah semua bahagian vesel atau pesawat udara itu bagi mendapatkan barang-barang larangan atau barang-barang tidak berkastam;

(*d*) memeriksa semua barang-barang di atas vesel atau pesawat udara dan semua barang-barang yang dimuat atau dipunggah pada masa itu;

(*e*) meminta semua dokumen yang sepatutnya berada di atas vesel atau pesawat udara itu; dan

(*f*) menghendaki semua atau apa-apa dokumen itu dibawa kepadanya bagi pemeriksaan,

dan nakhoda mana-mana vesel dan juruterbang mana-mana pesawat udara yang enggan membenarkan pegawai itu menaiki atau menggeledah vesel atau pesawat udara itu, atau enggan memberi apa-apa maklumat atau menunjukkan apa-apa dokumen apabila diminta adalah melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini.

(2) Jika mana-mana tempat, kotak atau peti di atas vesel atau pesawat udara itu dikunci dan kunci tidak diberi, pegawai itu boleh memecah buka mana-mana tempat, kotak atau peti itu.

(3) Jika apa-apa barang-barang dijumpai tersembunyi atas mana-mana vesel atau pesawat udara, ia hendaklah disifatkan sebagai barang-barang tidak berkastam.

110. Pegawai kastam yang hak hendaklah menjalankan kuasa menggeledah.

(1) Bagi maksud Bahagian IX, seorang pegawai kastam yang hak boleh memasuki dan menjalankan dalam dan atas dan berkenaan mana-mana vesel, pesawat udara, tempat mendarat, dermaga, jeti, pemasangan pelabuhan, kereta api atau mana-mana tempat semua kuasa yang disebut dalam seksyen 107 dengan cara yang sepenuh dan secukupnya seolah-olah dia diberi kuasa berbuat demikian oleh suatu waran di bawah seksyen itu.

(2) Dalam seksyen ini ungkapan "kereta api" hendaklah mempunyai erti yang diberi kepadanya oleh mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan kereta api.

111. Pegawai kastam boleh menahan dan menggeledah pengangkut.

(1) Orang yang menjaga atau mengawal mana-mana kenderaan yang tiba di suatu tempat import dan eksport yang ditetapkan hendaklah, ketika tiba di tempat itu, mengemukakan kenderaannya kepada pegawai kastam yang hak, dan hendaklah, jika dikehendaki berbuat demikian, mengubah kenderaannya ke tempat lain untuk pemeriksaan, dan tidak boleh meneruskan perjalanan sehingga kebenaran berbuat demikian telah diberi oleh pegawai kastam yang hak.

(2) Mana-mana pegawai kastam boleh menahan dan memeriksa mana-mana kenderaan bagi maksud untuk menentukan sama ada apa-apa barang-barang tidak berkastam atau barang-barang larangan ada terkandung di dalamnya, dan orang yang mengawal atau menjaga kenderaan itu hendaklah jika dikehendaki berbuat demikian oleh pegawai itu, menghentikan kenderaan itu dan membenarkan pegawai itu memeriksanya.

(3) Orang yang mengawal atau menjaga mana-mana kenderaan yang diperiksa di bawah seksyen ini hendaklah apabila diminta oleh pegawai kastam yang hak membuka semua bahagian kenderaan itu untuk diperiksa oleh pegawai-pegawai itu dan mengambil semua langkah perlu untuk

membolehkan pemeriksaan itu dibuat sebagaimana yang dianggap perlu oleh pegawai itu.

111A. Kuasa untuk mengadakan sekatan jalan raya.

(1) Walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam mana-mana undang-undang lain, mana-mana pegawai kastam yang hak boleh, jika difikirkannya perlu untuk berbuat demikian bagi penguatkuasaan peruntukan-peruntukan Akta ini, mendirikan atau menempatkan atau menyebabkan didirikan atau ditempatkan apa-apa sekatan di atas atau melintang mana-mana jalan raya atau lebuh awam atau dalam mana-mana tempat awam dengan apa-apa cara yang difikirkannya patut; dan mana-mana pegawai kastam yang hak boleh mengambil semua langkah yang munasabah untuk menghalang mana-mana orang daripada melalui atau mana-mana kenderaan daripada dipandu melalui sekatan itu, termasuklah apa-apa langkah untuk mengejar dan menangkap mana-mana orang itu atau menghentikan mana-mana kenderaan itu di mana, setelah membuat pertimbangan terhadap hal keadaan yang menyertainya pada ketika itu, adalah jelas bahawa jika langkah sedemikian tidak diambil pelepasan orang dan kenderaan itu untuk mengelakkan daripada dikesan atau selainnya adalah ketara. *[Pind. Akta A1593]*

(2) Mana-mana orang yang gagal mematuhi apa-apa isyarat munasabah daripada seorang pegawai kastam yang hak yang menghendaki orang atau kenderaan itu untuk berhenti sebelum tiba di sesuatu sekatan sedemikian, atau cuba untuk melintas atau melanggar sesuatu sekatan sedemikian, adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah dikenakan suatu denda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama suatu tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya, dan mana-mana pegawai kastam yang hak boleh, tanpa waran, menangkap orang itu. *[Pind. Akta A1593]*

(3) Tiada seorang pun pegawai kastam yang hak boleh dipertanggungkan kerana apa-apa kerugian, kecederaan atau kerosakan yang berlaku terhadap mana-mana orang atau harta akibat daripada langkah yang diambilnya yang disebutkan dalam subseksyen (1). *[Pind. Akta A1593]*

[Mas. Akta A1109]

111B. Akses kepada maklumat berekod atau data berkomputer.

(1) Mana-mana pegawai kastam yang menjalankan kuasanya di bawah seksyen 106A, 107, 108, 109 dan 111 hendaklah diberi akses kepada apa-apa maklumat berekod atau data berkomputer, sama ada disimpan dalam komputer atau selainnya.

(2) Sebagai tambahan, seseorang pegawai kastam yang menjalankan kuasanya di bawah seksyen 106A, 107, 108, 109 dan 111—

[Pind. Akta A1593]

(*a*) boleh memeriksa dan meneliti pengendalian mana-mana komputer dan apa-apa perkakas atau bahan yang berkaitan yang dia mempunyai sebab yang munasabah untuk mengesyaki digunakan atau telah digunakan berkaitan dengan maklumat atau data itu;

[Mas. Akta A1593]

(*aa*) boleh membuat salinan atau mengambil cabutan daripada maklumat yang direkod atau data berkomputer yang dirujuk dalam subseksyen (1) sebagaimana yang difikirkannya patut; dan

(*b*) boleh menghendaki—

(i) orang yang pegawai kastam itu mempunyai sebab yang munasabah untuk mengesyaki menggunakan atau telah menggunakan komputer itu atau yang bagi pihaknya komputer itu digunakan atau telah digunakan sedemikian; atau

(ii) orang yang menjaga, atau selainnya terlibat dalam, pengendalian komputer, perkakas atau bahan itu,

supaya memberinya bantuan yang munasabah sebagaimana yang dikehendaki olehnya bagi maksud seksyen ini.

(3) Bagi maksud subseksyen (1), "akses" termasuklah diberi kata laluan, kod penyulitan, kod penyahsulitan, perisian atau perkakasan yang perlu dan apa-apa cara lain yang diperlukan untuk membolehkan maklumat berekod atau berkomputer itu difahami.

(4) Mana-mana orang yang melanggar subseksyen (1) atau permintaan untuk memberi sebarang bantuan yang munasabah di bawah perenggan (2)(*b*) adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dipenjarakan selama suatu tempoh tidak melebihi lima tahun atau dikenakan suatu denda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau kedua-duanya. [*Mas. Akta A1593*]

111c. Kuasa untuk memintas komunikasi. [*Mas. Akta A1593*]

(1) Walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang lain, Pendakwa Raya boleh, jika dia menganggap bahawa ada kemungkinan ia mengandungi sebarang maklumat yang diperlukan bagi tujuan penyiasatan terhadap apa-apa kesalahan di bawah Akta ini, atas permohonan seorang pegawai kanan kastam, memberi kuasa kepada mana-mana pegawai kastam yang hak—

(*a*) untuk memintas, menahan dan membuka apa-apa artikel pos yang dalam penghantaran melalui pos;

(*b*) untuk memintas sebarang mesej yang dihantar atau diterima oleh mana-mana telekomunikasi; atau

(*c*) untuk memintas atau mendengar apa-apa perbualan oleh mana-mana telekomunikasi.

(2) Apabila mana-mana orang dituduh atas suatu kesalahan di bawah Akta ini, apa-apa maklumat yang diperolehi oleh mana-mana pegawai kastam yang hak menurut subseksyen (1), sama ada sebelum atau selepas orang itu dituduh, hendaklah diterima sebagai keterangan dalam perbicaraannya.

(3) Suatu kebenaran oleh Pendakwa Raya di bawah subseksyen (1) boleh diberikan sama ada secara lisan atau secara bertulis, tetapi jika kebenaran lisan diberikan, Pendakwa Raya hendaklah, dengan seberapa segera yang praktik, menjadikan kebenaran itu menjadi kebenaran bertulis.

(4) Suatu perakuan oleh Pendakwa Raya yang menyatakan bahawa tindakan yang diambil oleh pegawai kastam yang hak mengikut subseksyen (1) telah diberi kuasa olehnya di bawah subseksyen (1) hendaklah menjadi bukti muktamad bahawa

ia telah diberi kuasa, dan perakuan itu boleh diterima sebagai keterangan tanpa bukti tandatangannya.

(5) Tiada seorang pun boleh di bawah apa-apa kewajipan, obligasi atau liabiliti, atau dengan apa-apa cara dipaksa, untuk mendedahkan di mana-mana prosiding, prosedur, kaedah, cara atau maksud, atau apa-apa perkara yang berkaitan dengannya, akan apa-apa yang dilakukan di bawah perenggan (1)(*a*), (*b*) atau (*c*).

112. Kuasa untuk membuka bungkusan dan memeriksa barang-barang.

[*Pind. Akta A1593*]

(1) Mana-mana pegawai kastam yang hak boleh memeriksa apa-apa barang-barang yang dalam perjalanan diimport atau dieksport atau bermaksud untuk diimport atau dieksport dan boleh bagi maksud pemeriksaan itu membawa barang-barang itu ke suatu pejabat kastam dan boleh membuka apa-apa bungkusan atau bekas.

[*Mas. Akta A1593*]

(2) Seorang pegawai kastam yang hak boleh menggunakan apa-apa alat pengesan dan penjejakan, peralatan yang tidak mengganggu, atau apa-apa bentuk alat bantuan lain dalam melaksanakan kewajipannya di bawah Akta ini.

[*Gan. Akta A1593*]

113. Memeriksa orang dll., yang tiba di Malaysia.

(1) Mana-mana orang yang mendarat, atau akan mendarat, atau baru telah mendarat, dari mana-mana vesel atau pesawat udara, atau meninggalkan mana-mana vesel di perairan wilayah atau pesawat udara, sama ada bagi maksud mendarat atau selainnya, atau memasuki atau setelah baru memasuki Malaysia melalui jalan raya atau kereta api hendaklah, apabila diminta oleh mana-mana pegawai kastam yang hak,—

(*a*) membenarkan dirinya, barang-barangnya dan bagasinya diperiksa oleh pegawai sedemikian atau sebalikya diperiksa dengan cara lain; atau

(*b*) pergi bersama-sama pegawai kastam yang hak bersama dengan barang-barang dan bagasinya ke suatu pejabat kastam atau balai polis dan di sana membenarkan

dirinya, barang-barangnya dan bagasinya diperiksa oleh pegawai kastam yang hak itu.

(2) Jika orang yang dirujuk dalam subseksyen (1) meminta supaya dirinya diperiksa dengan kehadiran seorang pegawai kanan kastam, dia hendaklah tidak boleh diperiksa kecuali di hadapan dan di bawah penyeliaan pegawai itu, tetapi orang itu boleh ditahan sehingga ketibaan pegawai itu atau dibawa ke mana-mana pejabat kastam atau balai polis di mana pegawai itu boleh berada.

(3) Jika orang yang dirujuk dalam subseksyen (1) meminta barang-barang dan bagasinya diperiksa dengan kehadirannya dan menghadirkan dirinya sendiri dalam masa yang munasabah, barang-barang dan bagasi itu tidak boleh diperiksa kecuali dengan kehadirannya.

(4) Tiada orang boleh diperiksa kecuali oleh orang lain yang jantinanya adalah sama, dan pemeriksaan sedemikian hendaklah dijalankan dengan menitikberatkan kesopanan.

114. Penyitaan barang-barang yang menjadi subjek kesalahan.

(1) Semua barang-barang yang berkenaan dengannya telah terdapat, atau terdapat, sebab munasabah untuk mengesyaki bahawa telah dilakukan apa-apa kesalahan terhadap Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya, atau apa-apa pelanggaran mana-mana peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya atau apa-apa sekatan atau syarat yang tertakluk kepada atau ke atasnya apa-apa lesen atau permit telah diberi, bersama-sama dengan apa-apa bekas, bungkusan, pengangkut selain daripada vesel yang melebihi dua ratus tan tanan berdaftar bersih atau pesawat udara yang digunakan dalam pengangkutan antarabangsa, yang mana di dalamnya barang-barang itu mungkin dijumpai atau yang telah digunakan berhubungan dengan kesalahan atau pelanggaran itu, dan apa-apa buku atau dokumen yang dengan munasabah dipercayai sebagai mempunyai kaitan terhadap kes itu, boleh disita oleh mana-mana pegawai kastam ke atas orang itu atau [*Pind. Akta A1593*]

dalam mana-mana tempat sama ada di darat atau dalam perairan wilayah.

[Pind. Akta A1593]

(2) Semua barang-barang dan bekas, bungkusan atau pengangkut sedemikian yang dirujuk dalam subseksyen (1) hendaklah, dengan secepat mungkin yang sesuai, diserahkan ke dalam jagaan seorang pegawai kastam yang hak yang tugasnya adalah untuk menerimanya.

[Pind. Akta A1593]

(3) Apabila apa-apa barang-barang dan bekas, bungkusan atau pengangkut sedemikian yang dirujuk dalam subseksyen (1) disita di bawah Akta ini, pegawai yang menyita hendaklah dengan serta-merta memberi notis bertulis tentang penyitaan itu dan alasan tentang penyitaan itu kepada pemunya barang-barang itu, jika diketahui, sama ada dengan menyerahkan notis itu kepadanya dengan sendiri atau melalui pos di alamat terakhir orang itu yang diketahui.

[*Mas. Akta A1628*]

(3A) Jika oleh sebab jenis, saiz atau amaunnya tidak praktikal untuk mengeluarkan mana-mana barang dan bekas, bungkusan atau pengangkut itu disita di bawah seksyen ini, pegawai yang menyita boleh, dengan apa cara sekalipun, melakkan barang-barang dan bekas, bungkusan atau pengangkut tersebut, atau premis atau tempat di mana barang-barang dan bekas, bungkusan atau pengangkut tersebut dijumpai.

[*Mas. Akta A1628*]

(3B) Seseorang yang, tanpa kuasa yang sah, memecahkan, mengganggu atau merosakkan lak yang dirujuk dalam subseksyen (3A) atau mengeluarkan mana-mana barang dan bekas, bungkusan atau pengangkut yang dilak itu, atau cuba berbuat demikian, adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan pemenjaraan bagi suatu tempoh tidak melebihi lima tahun atau suatu denda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau kedua-duanya.

(4) Seksyen ini yang berhubungan dengan penyitaan barang-barang adalah terpakai bagi semua kandungan apa-apa bungkusan atau bekas yang di dalamnya barang-barang itu dijumpai dan kepada apa-apa artikel yang digunakan untuk menyembunyikan barang-barang itu.

(5) (*Dipotong*). [*Akta A1593*]

(6) Seksyen ini yang berhubungan dengan penyitaan kenderaan adalah terpakai bagi semua takal, perkakas dan kelengkapan dan kepada mana-mana binatang yang menarik kenderaan itu. [*Pind. Akta A1593*]

114A. Tiada kos atau ganti rugi yang timbul daripada kemasukan, penggeledahan atau penyitaan boleh didapatkan balik. [*Ma*[illegible] *A1*[illegible]

Tiada seorang pun hendaklah, berkenaan dengan apa-apa kemasukan atau penggeledahan mana-mana premis, tempat atau pengangkut atau penyitaan apa-apa barang-barang, buku, rekod, dokumen atau benda dalam menjalankan apa-apa kuasa yang diberikan oleh Akta ini, berhak kepada kos apa-apa kemasukan, penggeledahan atau penyitaan, atau apa-apa ganti rugi atau relif lain melainkan jika kemasukan, penggeledahan atau penyitaan sedemikian itu dibuat tanpa sebab yang munasabah.

115. Pemulangan atau pelupusan barang-barang. [*Pi*[illegible] *A*[illegible]

(1) Jika mana-mana barang-barang telah disita di bawah Akta ini, seorang pegawai kanan kastam boleh, menurut budi bicaranya— [*Pind. Akta A1593*]

(*a*) memulangkan barang-barang itu secara sementara kepada pemunyanya atau kepada orang yang dari pemilikan, jagaan atau kawalannya barang-barang itu telah disita, atau kepada mana-mana orang yang dianggap oleh pegawai kanan kastam sebagai berhak terhadapnya, tertakluk kepada apa-apa terma dan syarat yang dikenakan oleh seorang pegawai kanan kastam, dan tertakluk, dalam apa-apa hal, kepada pemberian jaminan yang mencukupi dengan memuaskan hati seorang pegawai kanan kastam bahawa barang-barang itu hendaklah diserahkan kepada seorang pegawai kanan kastam apabila diminta oleh seorang pegawai kanan kastam dan bahawa terma dan syarat tersebut, jika ada, hendaklah dipatuhi; atau [*Pind. Akta A1593*]

[*Pind. Akta A1593*]

(*b*) memulangkan barang-barang kepada pemunyanya atau kepada orang yang dari pemilikan, jagaan atau kawalannya barang-barang itu telah disita, atau kepada mana-mana orang yang dianggap oleh pegawai kanan kastam sebagai berhak terhadapnya, dengan kebebasan bagi orang yang kepadanya barang-barang itu diserahkan untuk dilupuskan, penyerahan itu tertakluk kepada terma dan syarat sebagaimana yang boleh dikenakan oleh pegawai kanan kastam dan pemberian jaminan dengan memuaskan hati seorang pegawai kanan kastam dalam amaun tidak kurang daripada suatu amaun yang, pada pendapat seorang pegawai kanan kastam itu, menunjukkan—

[*Gan. Akta 578; Pind. Akta A1593*]

(i) untuk barang-barang selain daripada barang-barang yang berduti atau tidak berkastam, nilai pasaran terbukanya, dan untuk barang-barang yang berduti atau tidak berkastam, nilainya pada tarikh barang-barang itu dipulangkan;

(ii) duti kastam yang kena dibayar berkenaan dengannya, jika ada; dan

[*Pind. Akta A1593*]

(iii) apa-apa cukai yang dibayar berkenaan dengannya di bawah mana-mana undang-undang bertulis, jika ada,

[*Pind. Akta A1109*]

bagi pembayaran amaun yang dijaminkan itu kepada Ketua Pengarah sekiranya mahkamah membuat suatu perintah bagi melucut hak amaun itu di bawah subseksyen 127(1A) atau 128(4), atau sekiranya amaun itu dilucuthakkan di bawah seksyen 131, mengikut mana-mana yang berkenaan; atau

[*Pind. Akta A1109, A1593*]

(*c*) menjual atau memusnahkan barang-barang, mengikut mana-mana yang sesuai dalam hal keadaan, jika barang-barang itu adalah benda hidup atau jika, pada pendapat seorang pegawai kanan kastam, barang-barang itu daripada jenis yang cepat rosak atau merbahaya atau mungkin merosot dengan cepat dari segi kualiti atau nilai, dan jika barang-barang itu dijual sedemikian, dia hendaklah memegang hasil jualan itu untuk mematuhi

keputusan apa-apa pendakwaan atau tuntutan, atau suatu pelucuthakkan di bawah seksyen 131, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Mana-mana orang yang—

(*a*) gagal untuk menyerahkan kepada pegawai kanan kastam apabila diminta barang-barang yang dipulangkan kepadanya secara sementara di bawah perenggan (1)(*a*); atau [*Pind. Akta A1593*]

(*b*) gagal untuk mematuhi atau melanggar apa-apa terma atau syarat yang dikenakan di bawah perenggan (1)(*a*) atau (*b*), [*Pind. Akta A1593*]

adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dipenjarakan selama suatu tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau kedua-duanya. [*Pind. Akta A1593*]

(3) Liabiliti jenayah mana-mana orang di bawah subseksyen (2) adalah sebagai tambahan kepada apa-apa liabiliti lain yang orang tersebut atau mana-mana orang lain boleh menanggung di bawah terma dan syarat yang berhubungan dengan pemulangan barang-barang itu di bawah perenggan (1)(*a*) atau (*b*). [*Pind. Akta A1593*]

(4) Peruntukan-peruntukan subseksyen (2) tidak terpakai bagi mana-mana orang, jika ada, yang menjadi penggerenti atau penjamin kepada orang yang kepadanya barang-barang itu dikembalikan di bawah perenggan (1)(*a*) atau (*b*). [*Pind. Akta A1593*]

(5) Menteri boleh, dari semasa ke semasa, sama ada secara am atau dalam mana-mana hal tertentu atau kelas hal, memberi apa-apa arahan kepada Ketua Pengarah sebagaimana yang disifatkannya perlu atau mustahak berkenaan dengan penggunaan kuasa yang diberi kepada seorang pegawai kanan kastam di bawah subseksyen (1).

(6) Tiada seorang pun berhak mengambil apa-apa tindakan atas sebab apa-apa perbuatan yang dilakukan atau apa-apa keputusan dibuat oleh atau bagi pihak Menteri atau oleh atau bagi pihak seorang pegawai kanan kastam di bawah seksyen

ini, dan tiada suatu mahkamah pun mempunyai apa-apa bidang kuasa untuk mendengar mana-mana tindakan sedemikian.

[*Akta A1593*] (7) (*Dipotong*).

115A. Mengemukakan sesuatu perakuan seorang penganalisis atau pegawai kanan kastam, atau seseorang yang diberi kuasa oleh Menteri.

[*Pind. Akta A1593*] (1) Dalam mana-mana prosiding berkenaan dengan sesuatu kesalahan terhadap Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya yang mana kewujudan, perihalan, pengkelasan, komposisi, kuantiti, kualiti atau nilai, atau apa-apa perkara lain yang berhubungan dengan mana-mana barang-barang yang dipulangkan di bawah perenggan 115(1)(*a*) atau (*b*) atau dijual atau dimusnahkan di bawah perenggan (*c*) subseksyen tersebut, menjadi persoalan, apa-apa dokumen yang dikemukakan oleh pendakwaan berupa sebagai suatu perakuan berkenaan dengan apa-apa perkara sedemikian diberi dan ditandatangani oleh—

(*a*) seorang "penganalisis" dalam erti subseksyen 121(5); atau

(*b*) seorang pegawai kanan kastam; atau

(*c*) mana-mana orang, tidak kira sama ada dia adalah seorang pegawai awam, yang diberi kuasa oleh atau bagi pihak Menteri, sama ada secara am atau dalam apa-apa hal tertentu, bagi maksud seksyen ini,

[*Pind. Akta A1593*] hendaklah boleh diterima sebagai keterangan dan kemuktamadan keterangan itu tidak boleh dicabar atas alasan bahawa barang-barang yang berkenaan dengannya perakuan itu diberi belum dikemukakan di mahkamah sama ada sebahagiannya atau keseluruhannya, dan ia hendaklah menjadi keterangan tentang kandungannya, termasuklah fakta yang dinyatakan di dalamnya, tanpa membuktikan tandatangan di perakuan itu.

(2) Peruntukan-peruntukan seksyen ini adalah terpakai walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam mana-mana undang-undang bertulis atau kaedah keterangan lain yang memperuntukkan sebaliknya.

116. Kuasa tangkapan.

(1) Mana-mana pegawai kastam boleh menangkap tanpa waran—

(*a*) mana-mana orang yang didapati melakukan atau cuba melakukan, atau mengambil bekerja untuk atau menolong mana-mana orang, melakukan, atau bersubahat melakukan, sesuatu kesalahan terhadap Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya;

(*b*) mana-mana orang yang disyakinya dengan munasabah sebagai mempunyai dalam milikannya apa-apa barang-barang tidak berkastam atau barang larangan atau apa-apa barang-barang yang boleh disita di bawah Akta ini;

(*c*) mana-mana orang yang terhadapnya wujud syak yang munasabah bahawa dia adalah melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya,

dan boleh memeriksa, atau menyebabkan diperiksa, mana-mana orang yang ditangkap sedemikian:

Dengan syarat bahawa tiada seorang perempuan pun boleh diperiksa kecuali oleh seseorang perempuan lain dengan menitikberatkan kesopanan. [*Pind. Akta A1109*]

(2) Tiap-tiap orang yang ditangkap sedemikian hendaklah dibawa ke balai polis atau boleh ditahan dalam jagaan pegawai kastam yang hak.

(3) Pegawai kastam yang hak boleh mengambil atau menyebabkan diambil gambar-gambar dan cap jari dan ibu jari mana-mana orang yang ditangkap di bawah subseksyen (1). [*Pind. Akta A1593*]

(4) Jika mana-mana orang yang boleh ditangkap di bawah Akta ini tidak ditangkap pada masa melakukan kesalahan yang mana dia boleh ditangkap, atau selepas ditangkap melepaskan dirinya, dia boleh pada bila-bila masa selepas itu ditangkap dan diambil tindakan seolah-olah dia telah ditangkap pada masa melakukan kesalahan itu.

[*Mas. Akta A1109 Pind. Akta A1593*]

(5) Tertakluk kepada syarat-syarat sebagaimana yang difikirkan patut oleh Ketua Pengarah, tiap-tiap orang yang ditangkap boleh dilepaskan daripada jagaan—

(*a*) apabila dia mendepositkan apa-apa jumlah wang yang munasabah sebagaimana yang dikehendaki oleh seorang pegawai kastam yang hak;

(*b*) apabila dia menyempurnakan suatu bon, dengan suatu penjamin atau penjamin-penjamin, sebagaimana yang dikehendaki oleh seorang pegawai kastam yang hak; atau

(*c*) apabila dia mendepositkan apa-apa jumlah wang yang munasabah sebagaimana yang dikehendaki oleh seorang pegawai kastam yang hak dan dia menyempurnakan suatu bon, dengan suatu penjamin atau penjamin-penjamin, sebagaimana yang dikehendaki oleh seorang pegawai kastam yang hak.

[*Mas. Akta A1109*]

(6) Mana-mana orang yang telah dilepaskan daripada jagaan di bawah subseksyen (5) boleh ditangkap tanpa waran oleh mana-mana pegawai kastam—

(*a*) jika pegawai itu mempunyai alasan yang munasabah untuk mempercayai bahawa mana-mana syarat yang berdasarkannya atau yang tertakluk kepadanya orang itu telah dilepaskan atau selainnya dibenarkan dijamin telah atau mungkin dilanggar; atau

(*b*) apabila diberitahu secara bertulis oleh penjamin orang itu bahawa orang itu mungkin melanggar mana-mana syarat yang berdasarkannya atau yang tertakluk kepadanya orang itu telah dilepaskan dan bahawa penjamin itu hendak dibebaskan daripada obligasinya sebagai penjamin.

[*Mas. Akta A1593*]

(7) Jika seseorang yang ditangkap atas suatu kesalahan di bawah Akta ini sedang menjalani hukuman penjara atau sedang dalam tahanan di bawah mana-mana undang-undang yang berhubungan dengan penahanan pencegahan, atau sebaliknya dalam jagaan yang sah, dia hendaklah, atas suatu perintah

bertulis oleh seorang pegawai kanan kastam yang berpangkat atau berpangkat lebih tinggi daripada pangkat Penolong Kanan Pengarah, dikemukakan di hadapan pegawai itu atau di hadapan mana-mana pegawai kanan kastam yang lain bagi maksud penyiasatan, dan bagi maksud itu dia boleh disimpan dalam jagaan yang sah untuk suatu tempoh tidak melebihi empat belas hari.

(8) Seseorang yang ditahan dalam jagaan yang sah di bawah subseksyen (7) atau sebaliknya di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang lain boleh— [*Mas. Akta A1593*]

(*a*) pada bila-bila masa dikemukakan kepada pegawai kanan kastam bagi maksud penyiasatan; atau

(*b*) dibawa ke mana-mana tempat lain bagi maksud penggeledahan tempat itu, atau penyitaan apa-apa barang-barang, atau mengenal pasti mana-mana orang bagi apa-apa maksud lain yang berhubungan dengan penyiasatan di bawah Akta ini.

116A. Kuasa untuk memeriksa orang. [*Mas. Akta A1109*]

(1) Seorang pegawai kanan kastam yang menyiasat sesuatu kesalahan di bawah Akta ini boleh—

(*a*) memerintahkan mana-mana orang yang mempunyai pengetahuan tentang fakta dan hal keadaan sesuatu kes supaya hadir di hadapannya bagi maksud diperiksa secara lisan berhubung dengan apa-apa perkara yang mungkin dapat, pada pendapatnya, membantu dalam penyiasatan kesalahan itu;

(*b*) memerintahkan mana-mana orang supaya mengemukakan di hadapannya apa-apa buku, dokumen atau apa-apa salinan diperakuinya, atau apa-apa benda lain yang mungkin dapat, pada pendapatnya, membantu dalam penyiasatan kesalahan itu.

(2) Perenggan (1)(*b*) tidaklah terpakai bagi buku jurubank.

(3) Seseorang yang kepadanya suatu perintah di bawah perenggan (1)(*a*) telah diberikan hendaklah—

(a) hadir mengikut terma perintah itu untuk diperiksa, dan hendaklah terus hadir dari hari ke hari jika diarahkan sedemikian sehingga pemeriksaan itu selesai; dan

(b) semasa pemeriksaan itu, dia diwajibkan menjawab semua soalan yang berkenaan dengan kes itu yang telah ditujukan kepadanya, sama ada jawapan itu adalah dibuat keseluruhannya atau sebahagiannya dalam menjawab soalan-soalan tetapi dia boleh menolak daripada menjawab jika jawapan itu akan menyebabkan dia disabitkan dengan suatu tuduhan jenayah atau penalti atau pelucuthakan.

(4) Seseorang yang telah diberi suatu perintah di bawah perenggan (1)(b) tidak boleh menyembunyikan, memusnahkan, mengubah, memindahkan dari Malaysia, atau membuat urusan tentang, menggunakan, atau melupuskan apa-apa buku, dokumen atau barang yang dinyatakan dalam perintah itu, atau mengubah atau mencacatkan apa-apa catatan dalam mana-mana buku atau dokumen itu, atau menyebabkan perbuatan itu dilakukan, atau membantu atau berkomplot untuk melakukan perbuatan itu.

(5) Seseorang yang telah diberi suatu perintah di bawah subseksyen (1) hendaklah mematuhi perintah itu, dan dengan kehendak-kehendak subseksyen (3) dan (4), walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis yang berlawanan.

(6) Satu kenyataan yang dibuat oleh mana-mana orang semasa sesuatu penyiasatan di bawah Akta ini sama ada atau tidak suatu amaran telah diberi kepadanya di bawah subseksyen 116B(3) hendaklah direkodkan secara bertulis oleh pegawai kanan kastam yang memeriksanya dan penyataan yang direkodkan sedemikian hendaklah dibacakan semula kepada dan ditandatangani oleh orang itu, dan jika orang itu enggan menandatangani rekod itu, pegawai kanan kastam hendaklah mencatatkan pada rekod itu di bawah tandatangannya hakikat keengganan itu dan sebab-sebabnya, jika ada, yang dinyatakan oleh orang yang diperiksa itu.

(7) Rekod sesuatu pemeriksaan yang dibuat dalam penyiasatan di bawah Akta ini atau apa-apa buku, dokumen atau barang yang dikemukakan di bawah perenggan (1)(*b*) atau selainnya semasa pemeriksaan di bawah perenggan (1)(*a*), hendaklah, walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis yang berlawanan, boleh diterima sebagai keterangan dalam mana-mana prosiding di bawah Akta ini di mana-mana mahkamah—

(*a*) bagi sesuatu kesalahan di bawah Akta ini;

(*b*) bagi pelucuthakan barang-barang menurut seksyen 127, 128 atau 131, [*Pind. Akta A1593*]

tidak kira sama ada prosiding itu adalah terhadap orang yang diperiksa, atau yang mengemukakan buku, dokumen atau barang itu, atau yang membuat pernyataan bertulis dengan bersumpah atau berikrar itu, atau terhadap mana-mana orang lain.

116B. Penerimaan pernyataan sebagai keterangan. [*Mas. Akta A1109*]

(1) Dalam mana-mana perbicaraan atau siasatan oleh sesuatu mahkamah tentang suatu kesalahan di bawah Akta ini, apa-apa pernyataan, sama ada pernyataan itu merupakan suatu pengakuan salah atau tidak atau sama ada secara lisan atau bertulis, yang dibuat pada bila-bila masa, sama ada sebelum atau selepas orang itu dipertuduh dan sama ada semasa penyiasatan di bawah Akta ini atau tidak, dan sama ada atau tidak dalam keseluruhannya atau sebahagiannya pada menjawab soalan, oleh seseorang orang tertuduh kepada atau dengan didengar oleh mana-mana pegawai kastam, sama ada atau tidak diterjemahkan kepadanya oleh mana-mana pegawai kastam lain atau mana-mana orang, hendaklah, walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis yang berlawanan, boleh diterima sebagai keterangan dalam perbicaraannya dan, jika orang yang dipertuduh itu mengemukakan dirinya sebagai seorang saksi, mana-mana pernyataan sedemikian boleh digunakan semasa pemeriksaan balas dan bagi tujuan mencabar kebolehpercayaannya.

(2) Tiada pernyataan yang dibuat di bawah subseksyen (1) boleh diterima atau digunakan dalam pemeriksaan balas atau untuk tujuan mencabar kebolehpercayaan orang yang membuat pernyataan itu jika pembuatan pernyataan itu ternyata pada mahkamah telah disebabkan oleh apa-apa dorongan, ugutan atau janji yang berkaitan dengan pertuduhan terhadap orang itu yang datang daripada orang yang berkuasa dan mencukupi, pada pendapat mahkamah itu, untuk memberi orang itu alasan yang pada pendapatnya munasabah untuk menjangkakan bahawa dengan membuat pernyataan itu dia akan mendapat apa-apa faedah atau mengelakkan apa-apa kemudaratan yang bersifat duniawi berkenaan dengan prosiding terhadapnya.

(3) Di mana seseorang itu ditangkap bagi suatu kesalahan di bawah Akta ini, dia hendaklah diberi amaran dalam perkataan-perkataan berikut atau dalam perkataan-perkataan yang bermaksud seperti yang berikut:

> "Menjadi tugas saya untuk memberikan amaran kepada anda bahawa anda tidak berkewajipan untuk menyatakan apa-apa atau untuk menjawab apa-apa soalan, tetapi apa-apa yang anda nyatakan, sama ada sebagai jawapan kepada suatu soalan atau tidak, boleh diberikan sebagai keterangan".

(4) Satu pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang yang dituduh bagi suatu kesalahan di bawah Akta ini sebelum ada masa untuk memberi amaran kepadanya tidaklah menjadi tidak boleh diterima sebagai keterangan semata-mata kerana tiada amaran sedemikian telah disampaikan jika amaran sedemikian disampaikan padanya dengan seberapa segera yang mungkin.

(5) Walau apa pun yang berlawanan terkandung dalam mana-mana undang-undang bertulis, seseorang yang dituduh di atas satu kesalahan di bawah Akta ini di mana subseksyen (1) dipakai tidak diwajibkan menjawab apa-apa soalan mengenai kes itu selepas amaran yang dirujukkan dalam subseksyen (3) telah diberikan kepadanya.

116c. Tatacara di mana penyiasatan tidak dapat disempurnakan dalam tempoh dua puluh empat jam. [*Mas. Akta A1109*]

(1) Apabila mana-mana orang ditangkap dan ditahan dalam tahanan dan nampaknya penyiasatan itu tidak dapat disempurnakan dalam tempoh dua puluh empat jam, dan ada sebab-sebab untuk mempercayai bahawa tuduhan atau maklumat itu adalah berasas, pegawai kanan kastam yang menjalankan penyiasatan di bawah Akta ini hendaklah dengan segera menghantar kepada Majistret satu salinan catatan harian yang ditentukan di bawah seksyen 116D berkenaan kes itu dan pada masa yang sama mengemukakan orang itu di hadapan Majistret itu.

(2) Majistret di mana orang itu telah dibawa berhadapan dengannya di bawah Akta ini boleh, sama ada mempunyai bidang kuasa untuk membicara kes itu boleh dari semasa ke semasa memberi kuasa untuk menahan orang yang dituduh itu di dalam mana-mana tahanan yang Majistret itu fikirkan patut untuk tidak lebih daripada lima belas hari pada keseluruhannya.

(3) Sekiranya Majistret itu tidak ada bidang kuasa untuk membicarakan kes itu dan berpendapat bahawa penahanan lanjut adalah tidak perlu, maka dia hendaklah memerintah supaya orang itu dibawa ke hadapan Majistret yang mempunyai bidang kuasa atau, jika kes itu hanya boleh dibicarakan di Mahkamah Tinggi, di hadapannya atau Majistret yang lain yang mempunyai bidang kuasa membicarakannya dengan tujuan menghantar kes itu untuk dibicarakan oleh Mahkamah Tinggi.

(4) Seorang Majistret yang memberi kuasa penahanan di bawah seksyen ini hendaklah merekod sebab-sebab dia berbuat demikian.

116D. Catatan harian prosiding penyiasatan. [*Mas. Akta A1109*]

(1) Setiap pegawai kastam yang membuat satu siasatan di bawah Akta ini hendaklah mencatat prosiding penyiasatannya dari sehari ke sehari di dalam buku hariannya mengenai perjalanan penyiasatannya dengan menghuraikan:

(*a*) waktu perintah menyiasat, jika ada, diterima olehnya;

(*b*) waktu dia mulakan dan menamatkan penyiasatan;

(*c*) tempat atau tempat-tempat yang dilawatinya; dan

(*d*) suatu pernyataan mengenai pendapat-pendapat yang ditentukan melalui penyiasatannya.

(2) Walau apa pun yang terkandung dalam Akta Keterangan 1950[1], seorang orang dituduh tidaklah berhak, sama ada sebelum ataupun semasa penjalanan mana-mana prosiding di bawah Akta ini, untuk mendapatkan atau memeriksa sebarang buku harian itu:

Dengan syarat jika pegawai kastam yang menjalankan penyiasatan itu telah merujuk kepada buku harian itu bagi maksud seksyen 159 dan 160 Akta Keterangan 1950, maka catatan yang dirujuk oleh pegawai itu sahajalah boleh ditunjukkan kepada orang tertuduh, dan mahkamah hendaklah dengan permintaan pegawai itu menyebabkan mana-mana catatan yang lain itu disembunyikan daripada penglihatan ataupun dipadamkan.

[*Mas. Akta A1628*]

116E. Keterangan ejen provokasi boleh diterima.

(1) Walau apa pun mana-mana peraturan undang-undang atau peruntukan Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang bertentangan, tiada ejen provokasi hendaklah dianggap tidak layak hanya kerana dia telah cuba bersubahat atau telah bersubahat melakukan suatu kesalahan oleh mana-mana orang di bawah Akta ini jika cubaan bersubahat atau persubahatan itu adalah semata-mata untuk mendapatkan bukti terhadap orang tersebut.

(2) Walau apa pun mana-mana peraturan undang-undang atau peruntukan Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis yang bertentangan, dan bahawa ejen provokasi itu adalah seorang pegawai kastam atau seorang pegawai polis tidak kira apa jua pangkatnya, apa-apa kenyataan, sama ada lisan atau bertulis, yang dibuat kepada seorang ejen provokasi oleh mana-mana orang yang kemudiannya dipertuduh atas suatu kesalahan di bawah Akta ini hendaklah diterima sebagai keterangan di perbicaraannya.

---

[1] *Akta 56.*

Bahagian XIII
PERUNTUKAN-PERUNTUKAN MENGENAI PERBICARAAN DAN PROSIDING

117. (*Dipotong*). [*Akta A1109*]

118. Majistret Kelas Satu hendaklah mempunyai bidang kuasa penuh.

Walau apa pun peruntukan mana-mana undang-undang bertulis yang berlawanan, suatu mahkamah Majistret Kelas Satu hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk membicarakan apa-apa kesalahan di bawah Akta ini dan untuk menjatuhkan hukuman penuh bagi apa-apa kesalahan itu.

119. Beban membukti.

Jika dalam mana-mana pendakwaan berkenaan dengan apa-apa barang-barang yang disita kerana tidak membayar duti atau kerana apa-apa sebab perlucuthakan yang lain atau kerana mendapatkan apa-apa penalti atau surcaj di bawah Akta ini, mana-mana pertikaian yang berbangkit sama ada duti kastam telah dibayar berkenaan dengan barang-barang itu, atau sama ada barang-barang itu telah diimport atau dieksport dengan sah atau didaratkan atau dimuatkan dengan sah, atau mengenai tempat dari mana barang-barang itu telah dibawa atau di mana barang-barang itu dimuat, atau sama ada apa-apa barang-barang dikecualikan daripada duti di bawah seksyen 14 maka dan dalam tiap-tiap hal sedemikian beban membukti kes itu terletak pada defendan dalam pendakwaan itu. [*Pind. Akta A1593*]

119A. Perintah mahkamah. [*Mas. Akta A1580*]

(1) Jika mana-mana orang didapati bersalah atas suatu kesalahan di bawah Akta ini, mahkamah yang di hadapannya orang itu didapati bersalah hendaklah memerintahkan orang itu supaya membayar kepada Ketua Pengarah amaun duti kastam yang wajar dan kena dibayar atau penalti yang kena dibayar di bawah Akta ini, jika ada, sebagaimana yang diperakui oleh

Ketua Pengarah dan duti kastam atau penalti itu hendaklah boleh didapatkan semula mengikut cara yang sama seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 283 Kanun Tatacara Jenayah.

(2) Bagi maksud subseksyen (1), mahkamah mempunyai bidang kuasa sivil setakat amaun duti kastam yang wajar dan kena dibayar, dan perintah itu boleh dikuatkuasakan dalam semua aspek sebagai penghakiman terakhir mahkamah yang memihak kepada Ketua Pengarah.

(3) Jika mana-mana orang yang didapati tidak bersalah atas suatu kesalahan di bawah Akta ini telah membayar jumlah duti kastam yang wajar dan kena dibayar atau penalti yang kena dibayar menurut seksyen 145A berkenaan dengan kesalahan yang dipertuduhkan, mahkamah boleh memerintahkan amaun yang dibayar sedemikian untuk dikembalikan kepada orang itu di mana tidak ada notis rayuan difailkan.

[Ganti. *Akta A1109*]

120. Pemeriksaan sebahagian barang-barang yang disita hendaklah diterima oleh mahkamah.

(1) Apabila apa-apa barang-barang yang disyaki sebagai dilarang atau tidak berkastam atau selainnya boleh kena disita telah disita, maka memadailah dibuka dan diperiksa lima peratus sahaja daripada setiap jenis bungkusan atau bekas yang mengandungi barang-barang itu.

(2) Jika didapati perlu untuk menguji mana-mana barang-barang yang disita di bawah Akta ini, maka memadailah diuji hanya suatu contoh yang tidak melebihi lima peratus isipadu atau berat barang-barang yang diperiksa di bawah subseksyen (1).

(3) Mahkamah hendaklah menganggap bahawa barang-barang yang terkandung dalam bungkusan-bungkusan atau bekas-bekas yang tidak dibuka itu adalah sama jenis, kuantiti dan kualitinya dengan barang-barang yang didapati dalam bungkusan-bungkusan atau bekas-bekas seumpamanya yang telah dibuka itu.

121. Keterangan analisis boleh diberi dengan bertulis.

(1) Dalam mana-mana pendakwaan kerana sesuatu pelanggaran suatu peruntukan Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya, suatu perakuan analisis berupa sebagai dibuat oleh seorang penganalisis hendaklah, apabila dikemukakan oleh pendakwa itu, menjadi keterangan yang mencukupi tentang fakta yang dinyatakan di dalamnya melainkan jika defendan menghendaki supaya penganalisis itu dipanggil sebagai seorang saksi, dalam hal yang demikian dia hendaklah memberi notis tentang perkara itu kepada pendakwa tidak kurang dari tiga hari genap sebelum hari saman itu kena dikembalikan.

(2) Mengikut cara yang sama suatu perakuan analisis yang berupa sebagai dibuat oleh seorang penganalisis adalah, apabila perakuan itu dikemukakan oleh defendan, menjadi keterangan yang cukup tentang fakta yang dinyatakan di dalamnya, melainkan jika pendakwa menghendaki supaya penganalisis itu dipanggil sebagai seorang saksi.

(3) Satu salinan perakuan yang disebut dalam subseksyen (1) dan (2) hendaklah dihantar kepada defendan atau pendakwa tidak kurang dari sepuluh hari genap sebelum hari yang ditetapkan bagi perbicaraan saman itu, dan jika ia tidak dihantar sedemikian mahkamah boleh menangguhkan perbicaraan itu dengan apa-apa syarat yang difikirkannya patut. [*Pind. Akta 293*]

(4) Penganalisis-penganalisis adalah terikat oleh Akta ini untuk menyatakan yang benar dalam perakuan analisis yang dibuatnya.

(5) Dalam seksyen ini, "penganalisis" ertinya— [*Gan. Akta A1593*]

(*a*) seorang ahli kimia berdaftar di bawah Akta Ahli Kimia 1975[1] atau seorang yang diberi kuasa di bawah seksyen 23A Akta itu, atau pekerjanya yang bekerja di bawah pengawasannya;

---

[1] *Akta 158.*

(b) seorang ahli farmasi berdaftar di bawah Akta Pendaftaran Ahli Farmasi 1951[1] atau pekerjanya yang bekerja di bawah pengawasannya;

(c) seorang jurutera berdaftar di bawah Akta Pendaftaran Jurutera 1967[2]; atau

(d) seorang ahli geologi berdaftar di bawah Akta Ahli Geologi 2008[3].

[*Mas. Akta A1593*] (5A) Menteri boleh, selepas berunding dengan Menteri yang berkenaan, melantik mana-mana orang berkelayakan atau kelas orang yang berkelayakan melalui pemberitahuan dalam *Warta* untuk menjadi seorang penganalisis bagi maksud seksyen ini.

(6) Jika seorang penganalisis dipanggil oleh defendan sebagaimana yang diperuntukkan oleh subseksyen (1), dia hendaklah dipanggil atas perbelanjaan defendan melainkan jika diarahkan selainnya oleh mahkamah.

(7) Jika dalam mana-mana perbicaraan atau prosiding yang dibuat di bawah Akta ini adalah perlu untuk menentukan kandungan alkohol apa-apa liquor, perakuan daripada seorang pegawai kanan kastam tentang kandungan alkohol tersebut hendaklah disetuju terima seolah-olah pegawai itu seorang penganalisis dan dalam apa-apa hal sedemikian subseksyen (1), (4) dan (6) adalah terpakai mengikut cara yang sama pada takat yang sama seolah-olah pegawai itu seorang penganalisis.

[*Mas. Akta A1593*]

121A. Kebolehterimaan pernyataan dan dokumen seseorang yang mati atau tidak dapat dikesan, dsb.

Walau apa pun mana-mana undang-undang bertulis yang berlawanan —

(a) apa-apa pernyataan yang dibuat oleh mana-mana orang kepada seorang pegawai kastam semasa penyiasatan di bawah Akta ini; dan

---

[1] *Akta 371.*
[2] *Akta 138.*
[3] *Akta 689.*

(*b*) apa-apa dokumen atau salinan mana-mana dokumen yang disita daripada mana-mana orang oleh seorang pegawai kastam dalam menjalankan kuasanya di bawah Akta ini,

hendaklah diterima sebagai keterangan dalam apa-apa prosiding terhadap mana-mana orang bagi suatu kesalahan di bawah Akta ini di hadapan mana-mana mahkamah jika—

(A) orang yang membuat pernyataan atau dokumen atau salinan dokumen itu telah mati, atau tidak dapat dikesan atau dijumpai;

(B) orang yang membuat pernyataan atau dokumen atau salinan dokumen itu menjadi tidak mampu memberi keterangan; atau

(C) kehadiran orang yang membuat pernyataan atau dokumen atau salinan dokumen itu tidak boleh diperoleh tanpa sebarang kelewatan atau perbelanjaan yang pada pendapat mahkamah adalah tidak munasabah.

121B. Peruntukan keterangan. [*Mas. Akta A1593*]

(1) Bagi maksud apa-apa prosiding di bawah Akta ini, apa-apa pernyataan yang berupa sebagai ditandatangani oleh Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai kastam yang diberi kuasa oleh Ketua Pengarah yang menjadi sebahagian daripada atau dilampirkan kepada maklumat, tuntutan, pernyataan tuntutan, hendaklah menjadi keterangan *prima facie* mengenai apa-apa fakta yang dinyatakan di dalamnya.

(2) Jika suatu transkrip apa-apa butiran yang terkandung dalam suatu perisytiharan atau dokumen lain yang berhubungan dengan duti kastam diperakui oleh Ketua Pengarah atau mana-mana pegawai kastam yang diberi kuasa oleh Ketua Pengarah untuk menjadi salinan diperakui sah butir-butir itu, transkrip itu hendaklah menjadi keterangan *prima facie* sebagai bukti butir-butir tersebut.

(3) Tiada pernyataan yang dibuat atau dokumen yang dihasilkan oleh atau bagi pihak mana-mana orang hendaklah boleh diterima sebagai keterangan terhadap orang itu dalam apa-apa prosiding terhadapnya yang kepadanya seksyen ini adalah terpakai oleh sebab hanya kerana dia telah atau mungkin telah didorong untuk membuat pernyataan itu atau mengemukakan dokumen itu oleh apa-apa dorongan atau janji yang diberikan dengan sah atau dibuat oleh mana-mana orang yang mempunyai tugas rasmi di bawah, atau diambil kerja dalam pentadbiran Akta ini.

(4) Tiada apa-apa jua dalam Akta ini yang boleh menyentuh penjalanan Bab IX Bahagian III Akta Keterangan 1950.

(5) Bagi maksud perenggan 135(1)(*g*) atau seksyen 135B atau 135C, jika dalam apa-apa prosiding ia dibuktikan bahawa apa-apa pernyataan atau kemasukan palsu telah dibuat dalam mana-mana perisytiharan yang diberikan di bawah Akta ini oleh atau bagi pihak mana-mana orang, atau dalam mana-mana buku akaun atau rekod mana-mana orang—

(*a*) orang itu hendaklah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, telah membuat pernyataan atau kemasukan palsu atau telah menyebabkan pernyataan atau kemasukan palsu itu dibuat atau telah membenarkannya dibuat dengan niat untuk mengelakkan pembayaran duti kastam atau apa-apa larangan import atau eksport, atau untuk mendapatkan bayaran balik atau pulang balik duti kastam yang mana orang itu tidak berhak, mengikut mana-mana yang berkenaan; dan

(*b*) mana-mana orang lain yang membuat apa-apa pernyataan atau kemasukan palsu hendaklah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, telah membuat pernyataan atau kemasukan palsu itu dengan niat untuk membantu orang yang dirujuk dalam perenggan (*a*) untuk mengelakkan pembayaran duti kastam atau apa-apa larangan import atau eksport, atau untuk mendapatkan bayaran balik atau pulang balik duti kastam yang mana orang yang dirujuk dalam perenggan (*a*) adalah tidak berhak.

(6) Walau apa pun apa-apa yang bertentangan dalam mana-mana undang-undang bertulis, jika mana-mana pegawai kastam telah memperoleh apa-apa dokumen atau keterangan lain dalam menjalankan kuasanya di bawah Akta ini, dokumen atau salinan dokumen atau keterangan lain itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah menjadi keterangan *prima facie* dalam apa-apa prosiding di bawah Akta ini.

(7) Jika mana-mana dokumen yang akan digunakan dalam apa-apa prosiding terhadap mana-mana orang bagi suatu kesalahan di bawah Akta ini adalah dalam suatu bahasa lain selain bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris, suatu terjemahan dokumen itu ke dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris adalah boleh diterima sebagai keterangan di mana terjemahan itu disertakan dengan perakuan orang yang menterjemahkan dokumen itu menyatakan bahawa ia adalah suatu penterjemahan yang tepat, boleh dipercayai dan benar dan penterjemahan itu telah dilakukan oleh orang itu atas permintaan mana-mana pegawai kastam.

(8) Subseksyen (7) hendaklah terpakai bagi suatu dokumen yang telah diterjemahkan, tanpa mengira sama ada dokumen itu dibuat di dalam atau di luar Malaysia, atau sama ada penterjemahan itu telah dilakukan di dalam atau di luar Malaysia, atau sama ada pemilikan dokumen itu telah diperoleh oleh mana-mana pegawai kastam di dalam atau di luar Malaysia.

122. Bukti tentang pendaftaran atau pelesenan pengangkut di Malaysia atau Singapura. [*Pind. Akta A1593*]

Jika dalam mana-mana pendakwaan di bawah Akta ini adalah relevan ditentukan butir-butir tentang pendaftaran atau pelesenan mana-mana pengangkut yang didaftar atau dilesen di mana-mana pelabuhan atau tempat dalam Malaysia atau Singapura, suatu perakuan yang berupa sebagai ditandatangani oleh pegawai yang bertanggungjawab di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang sedang berkuat kuasa di Malaysia atau mana-mana bahagian di dalamnya atau di Singapura bagi pendaftaran atau pelesenan itu hendaklah menjadi [*Pind. Akta A1593*]

keterangan *prima facie* tentang semua butir mengenai pendaftaran atau pelesenan yang terkandung di dalamnya, dan beban membuktikan tidak betulnya apa-apa butir yang dinyatakan dalam perakuan itu adalah terletak atas orang yang menafikannya.

[*Mas. Akta 293*]

122A. Bukti tentang tanan atau buatan sesuatu pesawat.

(1) Jika di dalam mana-mana pendakwaan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya, adalah relevan ditentukan tanan atau buatan atau butir-butir lain yang memperihalkan identiti sesuatu pesawat, dan jika mana-mana daripada butir ini yang berhubungan dengan identiti pesawat itu dipersoalkan, maka apa-apa dokumen yang dikemukakan oleh pendakwaan berupa sebagai suatu perakuan berkenaan dengan apa-apa perkara sedemikian yang diberi dan ditandatangani oleh mana-mana pegawai yang bertanggungjawab bagi perakuan itu di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang sedang berkuat kuasa di Malaysia adalah boleh diterima dalam keterangan, dan ia hendaklah menjadi keterangan bagi kandungannya, termasuklah fakta-fakta yang dinyatakan di dalamnya, tanpa bukti tandatangan kepada perakuan itu.

(2) Peruntukan-peruntukan seksyen ini hendaklah terpakai walau apa pun yang terkandung sebaliknya dalam mana-mana undang-undang bertulis atau kaedah keterangan lain.

[*Mas. Akta 293*]

122B. Bukti tentang ketepatan kompas, radar dll.

Jika dalam mana-mana prosiding adalah perlu untuk dibuktikan ketepatan sesuatu kompas, radar atau apa-apa alat navigasi lain, suatu perakuan berupa sebagai ditandatangani oleh seorang syahbandar atau mana-mana pegawai yang dilantik oleh Menteri yang bertanggungjawab berkenaan dengan kompas, radar atau apa-apa alat navigasi lain itu, hendaklah diterima oleh mahkamah sebagai bukti *prima facie* fakta-fakta yang diperakukan di dalam perakuan itu.

122c. Bukti duti-duti timbal balas, anti-lambakan dan pelindung yang kena dibayar. [*Mas. Akta A873, Pind. Akta A1279*]

Di mana dalam mana-mana prosiding ianya perlu bagi membuktikan jumlah duti timbal balas, duti pelindung atau duti anti-lambakan yang kena dibayar, pengeluaran satu perakuan yang ditandatangani oleh Ketua Pengarah yang menyatakan jumlah duti yang kena dibayar adalah merupakan pemberian kuasa yang secukupnya bagi Mahkamah memberikan penghakiman untuk jumlah itu.

122d. Bukti tentang ketepatan suatu meter atau mana-mana alat untuk mengukur petroleum. [*Mas. Akta A1057*]

Di mana dalam mana-mana prosiding di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya adalah perlu dibuktikan ketepatan suatu meter atau mana-mana alat untuk mengukur petroleum, suatu perakuan yang bermaksud sebagai telah ditandatangani oleh mana-mana pegawai yang bertanggungjawab di bawah mana-mana undang-undang bertulis yang sedang berkuat kuasa di Malaysia yang mana ukuran sedemikian akan dapat diterima sebagai keterangan dan akan diterima oleh Mahkamah sebagai keterangan *prima facie* mengenai fakta-fakta yang diperakukan oleh perakuan itu.

123. Penjara kerana tidak bayar denda.

Walau apa pun peruntukan Kanun Tatacara Jenayah tempoh penjara yang dikenakan oleh mana-mana mahkamah berkenaan dengan tidak bayar denda di bawah Akta ini, atau berkenaan dengan keingkaran terhadap suatu distres yang sempurna bagi membayar apa-apa denda sedemikian, adalah sesuatu tempoh daripada sesuatu perihal, yang pada pendapat mahkamah akan mencapai keadilan dalam kes itu tetapi tidak boleh dalam mana-mana kes melebihi tempoh maksimum yang ditetapkan oleh skala berikut:

[*Gan. Akta A1593*]

Amaun denda	Tempoh maksimum
Tidak melebihi lima ribu ringgit	Dua bulan
Melebihi lima ribu ringgit tetapi tidak melebihi sepuluh ribu ringgit	Empat bulan
Melebihi sepuluh ribu ringgit tetapi tidak melebihi dua puluh ribu ringgit	Enam bulan

[*Pind. Akta A1593*]

dengan dua bulan tambahan bagi tiap-tiap sepuluh ribu ringgit selepas dua puluh ribu ringgit yang pertama denda itu sehingga sampai pada tempoh maksimum enam tahun.

124. Cara penyitaan tidak boleh dipersoalkan di mahkamah atau dalam rayuan di Mahkamah Tinggi.

Dalam mana-mana perbicaraan di mana-mana mahkamah dan dalam mana-mana prosiding ketika merayu di Mahkamah Tinggi, berhubungan dengan penyitaan barang-barang yang kena dilucut hak di bawah Akta ini, mahkamah itu hendaklah menjalankan perbicaraan itu atau mendengar rayuan itu atas merit kes itu sahaja, tanpa mempersoalkan tentang cara atau bentuk mana-mana penyitaan dibuat kecuali setakat mana cara dan bentuk penyitaan itu menjadi keterangan tentang merit kes itu.

[*Mas. Akta A1109*]
[*Pind. Akta A1593*]

124A. Kewajipan kerahsiaan.

(1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 125, nama, alamat, nombor kad pengenalan dan nombor pasport seseorang pemberi maklumat dan isi maklumat yang diterima daripada seseorang pemberi maklumat hendaklah dirahsiakan dan tidak boleh dizahirkan oleh mana-mana pegawai kastam yang hak atau mana-mana orang yang dalam penjalanan biasa tugasnya memperoleh atau mengawal atau mendapat akses kepada maklumat itu kepada mana-mana orang kecuali pegawai kastam ditetapkan yang diberi kuasa oleh Ketua Pengarah.

[*Pind. Akta A1593*]

(2) Mana-mana orang yang tidak mematuhi subseksyen (1) adalah bersalah atas suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan suatu denda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama suatu tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya.

125. Perlindungan bagi pemberi maklumat daripada diketahui.

(1) Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan, kemudian daripada ini, tiada seorang saksi pun dalam mana-mana prosiding sivil atau jenayah adalah diwajibkan atau dibenarkan untuk memberitahu nama atau alamat pemberi maklumat atau bahan maklumat yang diterima daripadanya atau untuk menyatakan apa-apa perkara yang boleh membawa kepada diketahuinya pemberi maklumat itu.

(2) Jika apa-apa buku, dokumen atau kertas yang menjadi keterangan atau boleh diperiksa dalam mana-mana prosiding sivil atau jenayah mengandungi apa-apa catatan di mana seorang pemberi maklumat dinamakan atau diperihalkan atau yang mungkin membawa kepada diketahuinya pemberi maklumat itu, mahkamah hendaklah menyebabkan semua petikan tersebut disembunyikan daripada penglihatan atau dipadamkan setakat mana yang perlu sahaja untuk melindungi pemberi maklumat itu daripada diketahui.

(3) Jika dalam perbicaraan mana-mana kesalahan terhadap Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya mahkamah selepas siasatan penuh atas kes itu mempercayai bahawa pemberi maklumat itu dengan sengaja membuat dalam pengaduannya suatu pernyataan material yang diketahuinya atau dipercayainya sebagai palsu atau tidak mempercayai sebagai benar, atau jika dalam mana-mana prosiding lain mahkamah adalah berpendapat bahawa keadilan tidak dapat dilakukan dengan sepenuhnya di antara pihak-pihak terhadap prosiding itu tanpa diketahui pemberi maklumat itu, adalah sah bagi mahkamah untuk menghendaki supaya ditunjukkan pengaduan asal, jika bertulis, dan membenarkan siasatan, dan menghendaki pendedahan sepenuhnya berkaitan pemberi maklumat itu.

125A. Kerahsiaan maklumat. [*Gan. Akta A1593*]

(1) Mana-mana orang yang mempunyai apa-apa tugas rasmi atau dilantik atau diambil kerja di bawah Akta ini

hendaklah mengambil kira dan berurusan dengan semua maklumat, dokumen atau perisytiharan yang berkaitan dengan pengimportan, pengeksportan, penilaian, klasifikasi atau penentuan tempat asal apa-apa barang-barang sebagai rahsia.

(2) Tertakluk kepada subseksyen (4), mana-mana orang yang memiliki atau mempunyai kawalan ke atas apa-apa dokumen, maklumat atau perisytiharan, atau salinannya, yang berkaitan dengan pengimportan, pengeksportan, penilaian, klasifikasi atau penentuan tempat asal mana-mana barang-barang, yang pada bila-bila masa, selain bagi maksud Akta ini atau dengan kuasa ekspres Ketua Pengarah—

(*a*) menyampaikan akan maklumat itu atau apa-apa yang terkandung dalam dokumen atau perisytiharan itu, atau salinannya, kepada mana-mana orang; atau

(*b*) menderita atau membenarkan mana-mana orang untuk mendapatkan akses kepada maklumat itu atau kepada apa-apa yang terkandung dalam dokumen atau perisytiharan itu, atau salinannya,

adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dipenjarakan selama suatu tempoh tidak melebihi lima tahun atau dikenakan suatu denda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau kedua-duanya.

(3) Tiada seorang pun yang mempunyai apa-apa tugas rasmi atau dilantik atau diambil kerja di bawah Akta ini dikehendaki—

(*a*) untuk mengemukakan dalam apa-apa perkara atau prosiding dalam mana-mana mahkamah atau tribunal apa-apa maklumat, dokumen atau perisytiharan; atau

(*b*) untuk mendedahkan atau menyampaikan dalam perkara atau prosiding itu apa-apa perkara atau benda, yang adalah di bawah perhatiannya dalam pelaksanaan tugasnya di bawah Akta ini,

kecuali sebagaimana yang perlu bagi maksud melaksanakan peruntukan Akta ini, atau untuk memulakan suatu pendakwaan, atau dalam penjalanan suatu pendakwaan bagi apa-apa kesalahan yang dilakukan di bawah Akta ini.

(4) Ketua Pengarah boleh menghantar atau menyampaikan apa-apa maklumat atau dokumen yang dirujuk dalam subseksyen (2) sebagaimana yang difikirkannya wajar atau perlu untuk membenarkan pendedahan maklumat tertentu kepada mana-mana orang.

(5) Walau apa pun subseksyen (4), Ketua Pengarah hendaklah tidak menghantar atau menyampaikan apa-apa maklumat atau dokumen kepada suatu pihak berkuasa yang sama di suatu negara asing melainkan jika—

(*a*) suatu perjanjian atau pengaturan telah dimasuki dengan negara asing itu mengenai pertukaran maklumat itu; dan

(*b*) Ketua Pengarah berpuas hati bahawa pihak berkuasa yang sama itu telah memberikan aku janji yang sesuai untuk melindungi kerahsiaan apa-apa yang disampaikan kepadanya dan untuk mengawal penggunaannya, termasuk suatu aku janji yang ia tidak akan digunakan sebagai keterangan dalam apa-apa prosiding.

(6) Ketua Pengarah hendaklah merekodkan secara bertulis semua keputusan untuk menghantar atau menyampaikan apa-apa maklumat atau dokumen ke suatu negara asing.

126. Barang-barang yang boleh disita adalah boleh dilucut hak.

Semua barang-barang yang boleh disita di bawah Akta ini adalah boleh dilucuthakkan dan semua barang-barang yang telah dilucut hak hendaklah dilupuskan mengikut arahan Ketua Pengarah. [*Pind. Akta A1593*]

127. Mahkamah akan memerintahkan pelupusan barang-barang yang disita.

(1) Suatu perintah bagi melucut hak atau bagi melepaskan apa-apa jua yang boleh dilucut hak di bawah Akta ini hendaklah dibuat oleh mahkamah yang di hadapannya pendakwaan tentangnya telah diadakan, dan suatu perintah bagi melucut

hak barang-barang itu hendaklah dibuat jika dibuktikan dengan memuaskan hati mahkamah bahawa suatu kesalahan terhadap Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya telah dilakukan dan bahawa barang-barang itu adalah hal perkara atau digunakan dalam melakukan kesalahan itu walaupun tiada seorang pun mungkin disabitkan atas kesalahan itu.

[Pind. Akta A783, A1593]

(1A) Amaun yang terjamin di bawah perenggan 115(1)(*a*) atau (*b*) atau amaun yang didapati daripada jualan di bawah perenggan (1)(*c*) tersebut hendaklah dilucut hak oleh mahkamah jika dibuktikan dengan memuaskan hati mahkamah bahawa suatu kesalahan terhadap Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya telah dilakukan dan bahawa barang-barang yang berkenaan dengannya amaun itu terjamin atau didapati daripada jualan, mengikut mana-mana yang berkenaan, adalah hal perkara atau digunakan dalam melakukan kesalahan itu walaupun tiada seorang pun mungkin disabitkan atas kesalahan itu.

(2) Semua benda yang dilucut hak hendaklah diserahkan kepada pegawai kastam yang hak dan hendaklah dilupuskan menurut arahan Ketua Pengarah.

[Gan. Akta A783]

128. Barang-barang yang disita atau yang berkenaan dengannya tiada pendakwaan dibuat atau hasil jualannya terlucut hak jika tidak dituntut dalam masa satu bulan.

[Pind. Akta A1593]

(1) Jika tiada pendakwaan dibuat berkenaan dengan apa-apa barang-barang yang disita di bawah Akta ini, barang-barang itu atau hasil jualan barang-barang itu yang dipegang menurut perenggan 115(1)(*c*), hendaklah diambil dan disifatkan terlucut hak apabila tamat tempoh tiga puluh hari dari tarikh notis penyitaan barang-barang itu melainkan jika sebelum tamat tarikh itu—

(*a*) tuntutan tersebut terhadap barang-barang itu atau hasil jualan barang-barang itu dibuat di bawah subseksyen (2);

(*b*) permohonan bertulis dibuat bagi pemulangan barang-barang itu di bawah perenggan 115(1)(*a*) atau (*b*); atau

(*c*) barang-barang itu dipulangkan di bawah perenggan (*a*) atau (*b*) yang tersebut.

(2) Mana-mana orang yang menuntut bahawa dialah pemunya barang-barang itu atau hasil jualan barang-barang itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan bahawa barang-barang atau hasil jualan itu tidak boleh dikenakan perlucuthakan boleh memberi notis bertulis kepada seorang pegawai kanan kastam bahawa dia menuntut barang-barang atau hasil jualan itu.

(3) Jika terdapat suatu tuntutan atau suatu permohonan bertulis dibuat dalam tempoh tiga puluh hari yang dirujuk dalam subseksyen (1) dan tiada pendakwaan berhubungan dengan barang-barang itu, pegawai kanan kastam hendaklah, apabila tamat tempoh tiga puluh hari itu, merujuk tuntutan atau permohonan itu kepada Ketua Pengarah. [*Gan. Akta A1593*]

(3A) Apabila dirujuk oleh pegawai kanan kastam di bawah subseksyen (3), Ketua Pengarah boleh mengarahkan pegawai kanan kastam itu— [*Mas. Akta A1593*]

(*a*) untuk melepaskan barang-barang itu atau hasil penjualan barang-barang atau jaminan yang diberikan di bawah perenggan 115(1)(*a*) atau (*b*); atau

(*b*) dengan maklumat dalam borang yang ditetapkan, untuk merujuk perkara itu kepada seorang Majistret Kelas Pertama bagi keputusannya.

(4) Majistret Kelas Satu itu hendaklah mengeluarkan saman menghendaki orang yang menuntut bahawa dialah pemunya barang-barang itu atau hasil jualan barang-barang itu, dan orang yang daripadanya barang-barang itu disita supaya hadir di hadapannya, dan apabila mereka hadir atau ingkar hadir, selepas penyampaian sewajarnya saman itu telah dibuktikan, Majistret Kelas Satu itu hendaklah menjalankan pemeriksaan mengenai

perkara itu, dan apabila ada bukti bahawa suatu kesalahan terhadap Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya telah dilakukan dan barang-barang itu menjadi hal perkara, atau telah digunakan dalam melakukan kesalahan tersebut, hendaklah memerintahkan barang-barang atau hasil jualan barang-barang tersebut atau amaun yang terjamin di bawah perenggan 115(1)(*a*) atau (*b*) itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, dilucuthakkan, atau jika tiada bukti sedemikian, boleh memerintahkan supaya dilepaskan barang-barang itu atau hasil jualan barang-barang atau jaminan sedemikian yang diberikan di bawah perenggan 115(1)(*a*) atau (*b*), mengikut mana-mana yang berkenaan.

(5) Dalam mana-mana prosiding di bawah subseksyen (4), seksyen 119 adalah terpakai bagi orang yang menuntut bahawa dialah pemunya barang-barang itu dan bagi orang yang daripadanya barang-barang itu disita seolah-olah pemunya atau orang itu adalah defendan dalam sesuatu pendakwaan di bawah Akta ini.

[*Gan. Akta A783*]

129. Barang-barang atau amaun yang dilucut hak boleh diserahkan atau dibayar balik kepada pemunya atau orang lain.

Menteri boleh, apabila permohonan bertulis dibuat kepadanya melalui Ketua Pengarah, memerintahkan—

(*a*) apa-apa barang-barang yang disita di bawah Akta ini; atau

(*b*) apa-apa amaun yang dijamin di bawah perenggan 115(1)(*a*) atau (*b*) atau amaun yang dihasilkan melalui jualan di bawah perenggan (1)(*c*) tersebut,

[*Pind. Akta A921, A1593*]

sama ada dilucuthakkan, atau diambil dan disifatkan dilucuthakkan menurut seksyen 127, 128 atau 131, supaya diserahkan atau dibayar balik, mengikut mana-mana yang berkenaan, kepada pemunya atau orang lain yang berhak kepadanya ketika pembayaran jumlah yang sedemikian dan atas apa-apa terma dan syarat yang disifatkannya patut:

Dengan syarat bahawa apa-apa permohonan sedemikian hendaklah dibuat sebelum tamat tempoh satu bulan kalendar dari tarikh barang-barang atau amaun itu dilucuthakkan atau diambil dan disifatkan sebagai dilucut hak, mengikut mana-mana yang berkenaan.

130. Sabitan di bawah undang-undang lain.

Tiada apa-apa jua yang terkandung dalam Akta ini boleh disifatkan sebagai menghalang pendakwaan, sabitan dan hukuman terhadap mana-mana orang menurut peruntukan mana-mana undang-undang bertulis lain; tetapi supaya tiada seorang pun boleh dihukum lebih daripada sekali bagi kesalahan yang sama.

131. Mengkompaun kesalahan.

[Ga[illegible] A1593]

(1) Menteri boleh, dengan kelulusan Pendakwa Raya, membuat peraturan yang menetapkan—

(*a*) apa-apa kesalahan di bawah Akta ini atau perundangan subsidiarinya sebagai suatu kesalahan yang boleh dikompaun;

(*b*) kriteria untuk mengkompaun kesalahan itu; dan

(*c*) kaedah dan prosedur untuk mengkompaun kesalahan itu.

(2) Mana-mana pegawai kanan kastam boleh, dengan kebenaran bertulis Pendakwa Raya, mengkompaun mana-mana kesalahan yang dilakukan oleh mana-mana orang di bawah Akta ini dan ditetapkan sebagai suatu kesalahan yang boleh dikompaun dengan membuat suatu tawaran bertulis kepada orang yang disyaki telah melakukan kesalahan itu untuk mengkompaun kesalahan itu setelah dibayar kepada Ketua Pengarah suatu amaun wang yang tidak melebihi lima puluh peratus daripada amaun denda maksimum bagi kesalahan itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu.

(3) Suatu tawaran di bawah subseksyen (2) boleh dibuat pada bila-bila masa selepas kesalahan itu telah dilakukan tetapi sebelum apa-apa pendakwaan baginya telah dimulakan, dan jika amaun yang dinyatakan dalam tawaran itu tidak dibayar dalam tempoh yang dinyatakan dalam tawaran itu atau dalam mana-mana tempoh lanjutan yang Ketua Pengarah boleh berikan, pendakwaan bagi kesalahan itu boleh dimulakan pada bila-bila masa selepas itu terhadap orang yang kepadanya tawaran itu dibuat.

(4) Jika suatu kesalahan telah dikompaunkan di bawah subseksyen (2), tiada pendakwaan hendaklah selepas itu dimulakan berkenaan kesalahan itu terhadap orang yang kepadanya tawaran untuk mengkompaun itu dibuat.

(5) Tertakluk kepada subseksyen (6) dan (7), setelah pembayaran jumlah wang sebagaimana yang dinyatakan di bawah subseksyen (1), apa-apa barang-barang yang disita dan amaun yang terjamin di bawah perenggan 115(1)(*a*) atau (*b*) atau amaun yang didapati daripada penjualan di bawah perenggan 115(1)(*c*) hendaklah dilepaskan dan tiada prosiding lanjut hendaklah diambil terhadap barang-barang tersebut.

(6) Jika barang-barang berduti disita di bawah Akta ini, barang-barang itu atau amaun yang terjamin di bawah perenggan 115(1)(*a*) atau (*b*) atau amaun yang didapati daripada penjualan di bawah perenggan 115(1)(*c*), mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah dilucuthakkan kecuali jika duti kastam yang kena dibayar, dibayar dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh pembayaran jumlah amaun sedemikian.

(7) Jika barang-barang terlarang disita di bawah Akta ini, barang-barang itu atau amaun yang terjamin di bawah perenggan 115(1)(*a*) atau (*b*) atau amaun yang didapati daripada penjualan di bawah perenggan 115(1)(*c*), mengikut mana-mana yang berkenaan, hendaklah dilucuthakkan.

(8) Walau apa pun subseksyen (7), jika larangan ke atas barang-barang itu bersyaratkan suatu lesen dikeluarkan, seorang pegawai kanan kastam boleh melepaskan barang-barang itu

jika suatu lesen dikeluarkan oleh mana-mana pihak berkuasa yang berkaitan dan dikemukakan kepada pegawai kanan kastam itu dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh jumlah amaun sedemikian itu dibayar.

131A. Kos memegang barang-barang, dokumen atau benda yang disita. [Mas. Akta A1593]

Jika apa-apa barang-barang, dokumen atau benda yang disita di bawah Akta ini dipegang dalam jagaan pegawai kastam sementara menunggu penyelesaian apa-apa prosiding berkenaan dengan suatu kesalahan di bawah Akta ini, kos untuk memegang barang-barang, dokumen atau benda itu dalam jagaan hendaklah, sekiranya mana-mana orang yang didapati bersalah melakukan suatu kesalahan, menjadi hutang yang kena dibayar kepada Kerajaan oleh orang itu dan hendaklah didapatkan kembali dengan sewajarnya.

132. Tiada kos bagi kerosakan yang berbangkit daripada penyitaan boleh didapatkan melainkan jika penyitaan dibuat tanpa sebab yang munasabah atau sebab yang mungkin.

Tiada seorang pun dalam mana-mana prosiding di mana-mana mahkamah berkenaan dengan penyitaan apa-apa barang-barang pada menjalankan atau berupa sebagai menjalankan apa-apa kuasa yang diberi di bawah Akta ini, berhak terhadap kos prosiding itu atau apa-apa ganti rugi atau relief lain selain daripada suatu perintah bagi pemulangan barang-barang itu atau pembayaran nilainya melainkan jika penyitaan itu dibuat tanpa sebagai yang munasabah atau sebab yang mungkin.

132A. Perintah untuk membayar kos kerosakan kepada harta Kerajaan. [Mas. Akta A1593]

Jika mana-mana orang disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya, dan ia ternyata kepada mahkamah di mana dia disabitkan bahawa pelakuan kesalahan itu telah menyebabkan

kerosakan kepada mana-mana harta Kerajaan, mahkamah boleh, sebagai tambahan kepada apa-apa hukuman yang ditentukan untuk kesalahan itu, mengarahkan orang yang disabitkan itu membayar kepada Ketua Pengarah kos dan perbelanjaan yang berbangkit untuk membaiki atau menggantikan harta itu dan apa-apa kos dan perbelanjaan lain yang berbangkit berkenaan dengan kerosakan ke atas harta itu.

BAHAGIAN XIV

KESALAHAN DAN PENALTI

133. Penalti kerana membuat perisytiharan tidak betul dan kerana memalsukan dokumen.

(1) Barang siapa—

(*a*) membuat, secara lisan atau bertulis, atau menandatangani apa-apa perisytiharan, perakuan atau dokumen lain yang dikehendaki oleh Akta ini yang tidak benar atau tidak betul dalam apa-apa perkara;

[*Gan. Akta A1580*]

(*b*) membuat, secara lisan atau bertulis, atau menandatangani apa-apa perisytiharan atau dokumen, yang dibuat bagi pertimbangan mana-mana pegawai kastam berkenaan apa-apa permohonan yang disampaikan kepadanya, yang tidak benar atau tidak betul dalam apa-apa perkara;

(*c*) melancung atau menyebabkan dilancung atau memalsukan atau menyebabkan dipalsukan apa-apa dokumen yang adalah atau boleh dikehendaki di bawah Akta ini atau digunakan dalam transaksi mana-mana perniagaan atau perkara yang berhubungan dengan kastam, atau menggunakan atau menyebabkan untuk digunakan atau dengan apa-apa cara membantu dalam penggunaan dokumen yang dilancung atau palsu itu;

(*d*) secara fraud dan menukar apa-apa dokumen, atau melancung meterai, tandatangan, tandatangan ringkas atau tanda lain kepunyaan, atau digunakan oleh, mana-mana pegawai kastam bagi penentusahan apa-apa

dokumen atau bagi memperolehi apa-apa barang-barang atau apa-apa maksud lain dalam penjalanan urusan berhubungan dengan kastam;

(*e*) yang dikehendaki oleh Akta ini untuk membuat suatu perisytiharan barang-barang berduti yang diimport atau dieksport, gagal membuat perisytiharan itu sebagaimana yang dikehendaki;

(*f*) gagal atau enggan menunjukkan kepada seorang pegawai kastam yang hak apa-apa dokumen yang dikehendaki supaya ditunjukkan di bawah seksyen 100; atau

(*g*) sepertimana dikehendaki di bawah seksyen 87A gagal untuk membuat suatu perisytiharan di dalam borang yang ditetapkan, dalam tempoh yang ditetapkan di bawahnya untuk barang-barang yang diimport atau dieksport, [*Mas. Akta 578; Pind. Akta A1593*]

adalah bersalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya. [*Pind. Akta A1109, A1580*]

(2) Apabila apa-apa perisytiharan sedemikian sama ada secara lisan atau bertulis, atau apa-apa perakuan sedemikian atau dokumen lain sebagaimana yang disebut dalam perenggan (1)(*a*), (*b*) dan (*c*) telah dibuktikan sebagai tidak benar atau tidak betul atau dilancung atau dipalsukan pada keseluruhan atau sebahagiannya, adalah bukan suatu pembelaan untuk menyatakan bahawa perisytiharan, perakuan atau dokumen lain itu dibuat atau diguna dengan tidak sengaja atau tanpa niat jenayah atau fraud, atau bahawa orang yang menandatanganinya, tidak mengetahui, atau tidak memahami kandungan dokumen itu, atau jika apa-apa perisytiharan dibuat atau direkod dalam Bahasa Kebangsaan atau dalam Bahasa Inggeris melalui terjemahan daripada mana-mana bahasa lain, bahawa perisytiharan itu telah disalahterjemahkan atau tidak diterjemahkan sepenuhnya oleh mana-mana penterjemah yang disediakan oleh pembuat perisytiharan itu.

(3) Bagi maksud seksyen ini, "dipalsukan" berhubungan dengan sesuatu dokumen hendaklah disifatkan sebagai meliputi

sesuatu dokumen yang tidak benar atau tidak betul dalam apa-apa perkara material dan "memalsukan" mempunyai suatu erti yang sama.

134. Penalti kerana enggan menjawab soalan atau kerana memberi maklumat palsu.

[Pind. Akta A1580]

(1) Barang siapa, yang dikehendaki oleh Akta ini untuk memberi apa-apa maklumat yang mungkin munasabah dikehendaki oleh seorang pegawai kastam yang hak dan yang berada dalam keupayaannya untuk memberi, enggan untuk memberi maklumat itu atau memberi sebagai benar maklumat yang diketahuinya atau mempunyai sebab untuk mempercayai sebagai palsu, hendaklah, apabila disabitkan, dipenjarakan selama suatu tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau kedua-duanya.

(2) Jika apa-apa maklumat sedemikian dibuktikan sebagai tidak benar atau tidak betul pada keseluruhan atau sebahagiannya adalah bukan suatu pembelaan untuk mengatakan bahawa maklumat itu atau mana-mana bahagian daripadanya diberi dengan tidak sengaja atau tanpa niat jenayah atau fraud, atau disalahterjemahkan atau tidak diterjemahkan dengan sepenuhnya oleh penterjemah yang disediakan oleh pemberi maklumat itu.

135. Penalti yang berhubungan dengan kesalahan penyeludupan, pengelakan duti, fraud, dsb.

(1) Barang siapa—

(*a*) yang terlibat dalam mengimport atau mengeksport apa-apa barang-barang tidak berkastam atau apa-apa barang-barang larangan berlawanan dengan sesuatu larangan sama ada barang-barang tidak berkastam atau barang-barang larangan itu dikapalkan, diturunkan dari kapal, dihantar serah atau tidak;

(*b*) mengapalkan, menurunkan dari kapal, menghantar serah atau membantu atau terlibat dalam mengapalkan, menurunkan dari kapal atau menghantarserahkan apa-apa barang-barang tidak berkastam atau apa-apa

barang-barang larangan berlawanan dengan sesuatu larangan;

(*c*) dengan menyalahi undang-undang memindah atau mengeluarkan atau dengan apa-apa cara membantu atau terlibat dalam memindah atau mengeluarkan apa-apa barang-barang daripada kawalan kastam dengan menyalahi undang-undang;

(*d*) dengan disedarinya melindungi, menyimpan, menyembunyi, atau mempunyai dalam milikannya, atau membenarkan, membiarkan, menyebabkan atau mendapatkan untuk dilindungi, disimpan atau disembunyi, apa-apa barang-barang tidak berkastam atau barang larangan;

(*e*) yang dalam apa-apa cara dengan disedarinya terlibat dalam mengangkut, memindah, mendeposit atau berurusan dengan apa-apa barang berduti, tidak berkastam atau larangan dengan niat memfraud Kerajaan terhadap apa-apa duti ke atasnya, atau mengelak daripada mana-mana peruntukan Akta ini atau mengelak daripada apa-apa larangan yang terpakai bagi barang-barang itu;

(*f*) selaku seorang penumpang atau orang lain, yang didapati mempunyai dalam bagasinya atau pada dirinya atau selainnya dalam milikannya, apa-apa barang-barang berduti atau larangan, selepas menafikan bahawa dia mempunyai apa-apa barang-barang berduti atau larangan dalam bagasinya atau pada dirinya atau selainnya dalam milikannya; atau

(*g*) yang dalam apa-apa cara dengan disedarinya terlibat dalam apa-apa pengelakan fraud atau cuba mengelak dengan fraud apa-apa duti kastam, atau dalam pengelakan atau percubaan mengelakkan apa-apa larangan import atau eksport;

adalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan—

[Gan. Akta A1282]

(i) dalam hal barangan yang termasuk dalam suatu kelas barangan yang dinyatakan dalam satu perintah yang dibuat di bawah subseksyen 11(1)—

[Gan. Akta A1580]

(*aa*) bagi kesalahan pertama didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda amaun duti kastam itu atau lima puluh ribu ringgit, amaun mana yang lebih besar, dan tidak lebih daripada dua puluh kali ganda amaun duti kastam itu atau lima ratus ribu ringgit, amaun mana yang lebih besar, atau pemenjaraan selama suatu tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya; dan

[Gan. Akta A1580]

(*bb*) bagi kesalahan kedua atau kali kemudiannya didenda tidak kurang daripada dua puluh kali ganda amaun duti kastam itu atau satu ratus ribu ringgit, amaun mana yang lebih besar, dan tidak lebih daripada empat puluh kali ganda amaun duti kastam itu atau satu juta ringgit, amaun mana yang lebih besar, atau pemenjaraan selama suatu tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya:

Dengan syarat bahawa di mana amaun duti kastam itu tidak dapat dipastikan, penalti boleh terjumlah kepada denda yang tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya;

[Pind. Akta A1109]

(ii) dalam hal barang-barang tidak berkastam, barang-barang itu bukan yang berduti atau dilarang, boleh didenda tidak melebihi dua kali ganda nilai barang-barang itu atau sepuluh ribu ringgit, amaun mana yang lebih besar:

[Pind. Akta A1580]

Dengan syarat bahawa jika nilai itu tidak dapat ditentukan penalti boleh terjumlah kepada denda tidak melebihi sepuluh ribu ringgit;

(iii) dalam hal barangan larangan selain daripada rokok yang mengandungi tembakau dan liquor yang memabukkan— [*Gan. Akta A1282; Pind Akta A1580*]

(*aa*) boleh bagi kesalahan pertama didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda nilai barangan itu atau lima puluh ribu ringgit, amaun mana yang lebih besar, dan tidak lebih daripada dua puluh kali ganda nilai barangan itu atau lima ratus ribu ringgit, amaun mana yang lebih besar, atau pemenjaraan selama suatu tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya; dan [*Gan. Akta A1580*]

(*bb*) boleh bagi kesalahan kedua atau kali kemudiannya didenda tidak kurang daripada dua puluh kali ganda nilai barangan itu atau satu ratus ribu ringgit, amaun mana yang lebih besar, dan tidak lebih daripada empat puluh kali ganda nilai barangan itu atau satu juta ringgit, amaun mana yang lebih besar, atau pemenjaraan selama suatu tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya: [*Gan. Akta A1580*]

Dengan syarat bahawa di mana nilai barangan itu tidak dapat dipastikan, penalti boleh terjumlah kepada denda yang tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya; [*Pind. Akta A1580*]

(iv) dalam hal rokok yang mengandungi tembakau atau liquor yang memabukkan yang termasuk dalam suatu kelas barangan yang terdapat dalam suatu perintah yang dibuat di bawah subseksyen 11(1)— [*Mas. Akta A1580*]

(*aa*) bagi kesalahan pertama didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda

amaun duti kastam itu atau satu ratus ribu ringgit, amaun mana yang lebih besar, dan tidak lebih daripada dua puluh kali ganda amaun duti kastam itu atau lima ratus ribu ringgit, amaun mana yang lebih besar, atau pemenjaraan selama suatu tempoh tidak kurang dari enam bulan dan tidak lebih dari lima tahun atau kedua-duanya; dan

[*Pind. Akta A1593*]

(*bb*) bagi kesalahan kedua atau kali kemudiannya didenda tidak kurang daripada dua puluh kali ganda amaun duti kastam itu atau dua ratus ribu ringgit, amaun mana yang lebih besar, dan tidak lebih daripada empat puluh kali ganda amaun duti kastam itu atau satu juta ringgit, amaun mana yang lebih besar, atau pemenjaraan selama suatu tempoh tidak kurang dari enam bulan dan tidak lebih dari tujuh tahun atau kedua-duanya; dan

[*Mas. Akta A1580*]

(v) dalam hal rokok yang mengandungi tembakau atau liquor yang memabukkan yang adalah barangan larangan—

(*aa*) bagi kesalahan pertama didenda tidak kurang daripada sepuluh kali ganda nilai barangan itu atau satu ratus ribu ringgit, amaun mana yang lebih besar, dan tidak lebih daripada dua puluh kali ganda nilai barangan itu atau lima ratus ribu ringgit, amaun mana yang lebih besar, atau pemenjaraan selama suatu tempoh tidak kurang dari enam bulan dan tidak lebih dari lima tahun atau kedua-duanya; dan

[*Pind. Akta A1593*]

(*bb*) bagi kesalahan kedua atau kali kemudiannya didenda tidak kurang daripada dua puluh kali ganda nilai barangan itu atau dua ratus ribu ringgit,

amaun mana yang lebih besar, dan tidak lebih daripada empat puluh kali ganda nilai barangan itu atau satu juta ringgit, amaun mana yang lebih besar, atau pemenjaraan selama suatu tempoh tidak kurang dari enam bulan dan tidak lebih dari tujuh tahun atau kedua-duanya.

(2) Dalam mana-mana pendakwaan di bawah seksyen ini atau seksyen 139, apa-apa barang-barang berduti, tidak berkastam atau larangan hendaklah disifatkan sebagai barang-barang berduti, tidak berkastam atau larangan, mengikut mana-mana yang berkenaan, dengan disedari oleh defendan melainkan jika dibuktikan sebaliknya oleh defendan itu.

135A. Penalti bagi kesalahan yang berhubungan dengan data yang disimpan dalam komputer. [*Mas. Akta A1593*]

(1) Mana-mana orang yang, tanpa kuasa Ketua Pengarah—

(*a*) memusnahkan, merosakkan, memadamkan atau mengubah atau memanipulasi data yang disimpan, atau digunakan berhubungan dengan, suatu komputer;

(*b*) memperkenalkan ke dalam, atau merekod atau menyimpan data dalam suatu komputer dengan apa-apa cara bagi tujuan—

(i) memusnahkan, merosakkan, memadamkan, mengubah atau memanipulasi data lain yang disimpan dalam komputer itu; atau

(ii) campurtangan, mengganggu atau menghalang penggunaan sah komputer itu, atau data yang disimpan dalam komputer itu; atau

(*c*) selain menggunakan suatu komputer,

bagi maksud atau efek yang adalah untuk mengurangkan, menghindar atau mengelakkan apa-apa liabiliti untuk duti kastam yang dikenakan atau yang selainnya akan dikenakan oleh Akta, atau untuk mengalahkan mana-mana peruntukan Akta,

adalah bersalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan suatu denda tidak melebihi satu ratus ribu ringgit atau dipenjarakan selama suatu tempoh tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

(2) Dalam seksyen ini, "data" termasuk mana-mana program komputer atau sebahagian daripada program komputer.

[*Mas. Akta A1593*]

135B. Penalti bagi kesalahan yang berhubungan dengan tuntutan pulang balik.

Mana-mana orang yang memperoleh, atau melakukan apa-apa yang menyebabkan mana-mana orang lain untuk mendapatkan, apa-apa amaun dengan cara pulang balik apa-apa duti kastam berkenaan dengan apa-apa barang-barang yang tidak perlu dibayar secara sah atau dibenarkan berkenaan dengannya, atau yang mana adalah lebih tinggi daripada amaun yang kena dibayar atau yang dibenarkan adalah bersalah melakukan suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan suatu denda tidak melebihi tiga kali ganda amaun duti tersebut atau lima ratus ribu ringgit, yang mana lebih besar, atau dipenjarakan selama suatu tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya.

[*Mas. Akta A1593*]

135C. Penalti bagi kesalahan yang berhubungan dengan tuntutan untuk bayaran balik.

Mana-mana orang yang memperoleh, atau melakukan apa-apa yang menyebabkan mana-mana orang lain untuk mendapatkan, bayaran balik apa-apa wang di bawah seksyen 16 apa-apa amaun yang melebihi amaun yang betul yang boleh dikembalikan adalah bersalah atas suatu kesalahan dan hendaklah, apabila disabitkan, dikenakan suatu denda tidak melebihi tiga kali ganda amaun yang dikembalikan melebihi amaun yang betul yang boleh dikembalikan atau lima ratus ribu ringgit, yang mana lebih besar, atau dipenjarakan selama suatu tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau kedua-duanya.

136. Penalti kerana menyerang atau menghalang pegawai kastam dan membebaskan barang-barang.

Tiap-tiap orang yang—

(*a*) menyerang, menghalang, menggalang, mengancam atau mengganggu mana-mana pegawai kastam atau pekhidmat awam lain atau mana-mana orang yang bertindak bagi menolong atau membantunya atau diambil bekerja dengan sempurnanya bagi pencegahan penyeludupan, ketika menjalankan tugasnya atau ketika menyita dengan sempurnanya apa-apa barang-barang yang boleh disita di bawah Akta ini; atau [*Pind. Akta A1580*]

(*b*) membebaskan atau cuba untuk membebaskan, atau menyebabkan untuk dibebaskan, apa-apa barang-barang yang telah disita dengan sempurnanya atau mana-mana orang yang telah ditahan; atau [*Pind. Akta A1580*]

(*c*) sebelum atau selepas apa-apa penyitaan menebuk, memecah atau selainnya memusnahkan apa-apa bungkusan atau barang-barang untuk menghalangnya daripada disita atau untuk menentukan bungkusan atau barang-barang itu tidak disita,

bagi mana-mana kesalahan sedemikian boleh—

(i) atas sabitan pertama, dipenjarakan selama suatu tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau kedua-duanya; dan [*Pind. Akta A1109, A1580*]

(ii) atas sabitan kedua atau kali kemudiannya dipenjarakan selama suatu tempoh tidak melebihi tujuh tahun atau didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau kedua-duanya. [*Pind. Akta A1109, A1580*]

137. Penalti kerana menawarkan atau menerima rasuah.

(1) Jika mana-mana pegawai kastam atau orang lain yang diambil bekerja dengan sempurnanya bagi pencegahan penyeludupan—

[Pind. Akta A1593]

(*a*) membuat apa-apa penyitaan kolusif atau menyerah atau membuat apa-apa perjanjian untuk menyerah atau tidak menyita mana-mana pengangkut, atau apa-apa barang-barang yang boleh disita;

(*b*) menerima, bersetuju untuk menerima, atau cuba mendapatkan, apa-apa rasuah, ganjaran, balasan atau upah kerana mengabaikan atau tidak menjalankan tugasnya; atau

[Pind. Akta A1593]

(*c*) berkomplot dengan, atau membiarkan mana-mana orang, mengimport atau mengeksport atau dalam apa-apa cara terlibat dalam pengimportan atau pengeksportan apa-apa barang-barang yang boleh dikenakan duti kastam atau apa-apa barang-barang yang dilarang supaya diimport atau dieksport bagi maksud menyita mana-mana pengangkut atau apa-apa barang-barang dan mendapatkan apa-apa upah kerana penyitaan itu atau selainnya,

[Pind. Akta 293, A1580]

tiap-tiap pegawai itu yang melanggar sedemikian adalah melakukan suatu kesalahan terhadap Akta ini dan, apabila disabitkan, boleh dipenjarakan selama suatu tempoh tidak melebihi lima tahun atau didenda tidak melebihi lima ratus ribu ringgit atau kedua-dua penjara dan denda, dan hendaklah ditahan daripada memegang jawatan dalam perkhidmatan awam Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan mana-mana Negeri, dan tiap-tiap orang yang memberi atau menawar atau berjanji untuk memberi atau menawar atau berjanji untuk memberi atau menyebabkan untuk diberi apa-apa rasuah, ganjaran, balasan atau upah kepada, atau membuat apa-apa perjanjian kolusif dengan, mana-mana pegawai sedemikian atau orang yang disebut terdahulu untuk mendorongnya dalam apa-apa cara supaya mengabaikan tugasnya atau melakukan, merahsiakan atau membiarkan apa-apa perbuatan di mana sesuatu peruntukan mana-mana undang-undang lain yang berhubungan dengan import atau eksport mungkin dielak, adalah bersalah sebagai seorang pensubahat dan oleh itu boleh dihukum di bawah Akta ini.

(2) Mana-mana pegawai kastam yang didapati mempunyai dalam milikannya ketika bertugas apa-apa wang berlanggaran dengan mana-mana peraturan jabatan yang dikeluarkan secara bertulis hendaklah dianggap, sehingga dibuktikan sebaliknya, sebagai menerimanya dengan melanggari perenggan (1)(*b*).

(3) Jika seorang pegawai kastam mempunyai syak yang munasabah bahawa pegawai kastam lain yang lebih rendah pangkat daripadanya mempunyai dalam milikannya apa-apa wang yang diterima berlanggaran dengan perenggan (1)(*b*) dia boleh memeriksa pegawai lain itu.

138. Penalti kerana kesalahan yang selainnya tidak diperuntukkan. [*Pind. Akta 293, A783, A921, A1109, A1580*]

Tiap-tiap peninggalan atau pengabaian untuk mematuhi, dan tiap-tiap perbuatan yang dilakukan atau cuba dilakukan berlawanan dengan, peruntukan-peruntukan Akta ini, atau apa-apa pelanggaran syarat dan sekatan yang tertakluk kepadanya, atau berdasarkannya, apa-apa lesen atau permit dikeluarkan atau sebarang pengecualian diberikan di bawah Akta ini, adalah suatu kesalahan terhadap Akta ini dan berkenaan dengan mana-mana kesalahan sedemikian di mana penalti tidak diperuntukkan dengan nyata pesalah itu boleh didenda tidak melebihi lima puluh ribu ringgit atau dipenjarakan tidak melebihi lima tahun atau kedua-duanya.

139. Percubaan dan pensubahatan.

Barang siapa yang cuba melakukan apa-apa kesalahan yang boleh dihukum di bawah Akta ini, atau bersubahat melakukan kesalahan itu, boleh dihukum dengan hukuman yang diperuntukkan bagi kesalahan itu.

140. Kesalahan oleh sekumpulan orang dan oleh pekhidmat dan ejen.

(1) Jika sesuatu kesalahan terhadap Akta ini atau mana-mana peraturan yang dibuat di bawahnya telah dilakukan oleh suatu syarikat, suatu firma, suatu persatuan, suatu pertubuhan [*Pind. Akta A1109*]

atau lain-lain kumpulan orang, mana-mana orang yang pada masa berlakunya kesalahan itu adalah seorang pengarah, pengurus, setiausaha atau pegawai lain yang serupa atau seorang pekongsi syarikat, firma, persatuan, pertubuhan atau lain-lain kumpulan orang itu atau berupa sebagai bertindak atas sifat itu hendaklah disifatkan sebagai melakukan kesalahan itu melainkan jika dia membuktikan bahawa kesalahan itu dilakukan tanpa persetujuannya atau pembiarannya dan bahawa dia telah menjalankan segala usaha untuk menghalang kesalahan itu daripada dilakukan sebagaimana yang dia patut jalankan, dengan memberi pertimbangan pada jenis fungsinya atas sifat itu dan pada semua hal keadaan.

(2) Jika mana-mana orang boleh dikenakan di bawah Akta ini apa-apa hukuman, penalti atau pelucuthakan bagi apa-apa perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran dia boleh dikenakan hukuman, penalti atau pelucuthakan yang sama bagi tiap-tiap perbuatan, peninggalan, pengabaian atau keingkaran mana-mana kerani, pekhidmat atau ejen, atau kerani atau pekhidmat bagi ejen itu dengan syarat bahawa perbuatan, ketinggalan, pengabaian atau keingkaran itu dilakukan oleh kerani, atau pekhidmat itu dalam perjalanan penggajiannya atau oleh ejen itu ketika bertindak bagi pihak orang itu atau oleh kerani atau pekhidmat bagi ejen itu ketika bertindak dalam perjalanan penggajiannya dalam hal keadaan di mana jika perbuatan, ketinggalan, pengabaian atau keingkaran itu dilakukan oleh ejen itu prinsipalnya akan bertanggungan di bawah seksyen ini.

141. Upah.

Ketua Pengarah boleh memerintahkan supaya apa-apa upah sebagaimana yang disifatkannya patut dibayar kepada mana-mana pegawai atau orang lain kerana perkhidmatan yang diberi berhubungan dengan pengesanan kes-kes penyeludupan atau kesalahan di bawah Akta ini, atau berhubungan dengan apa-apa penyitaan yang dibuat di bawah Akta ini.

BAHAGIAN XIVA

TRIBUNAL RAYUAN KASTAM

[*Mas. Akta A1282*]

141A. Tafsiran. [*Mas. Akta A1282*]

Dalam Bahagian ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"Pengerusi" ertinya Pengerusi Tribunal yang dilantik di bawah perenggan 141C(1)(*a*);

"Timbalan Pengerusi" ertinya Timbalan Pengerusi Tribunal yang dilantik di bawah perenggan 141C(1)(*a*);

"Setiausaha" ertinya Setiausaha Tribunal yang dilantik di bawah Seksyen 141H;

"Tribunal" ertinya Tribunal Rayuan Kastam yang ditubuhkan di bawah seksyen 141B.

141B. Penubuhan Tribunal. [*Mas. Akta A1282*]

Tribunal yang akan dikenali sebagai "Tribunal Rayuan Kastam" adalah ditubuhkan.

141C. Keahlian Tribunal. [*Mas. Akta A1282*]

(1) Tribunal hendaklah mengandungi ahli-ahli berikut yang hendaklah dilantik oleh Menteri:

(*a*) seorang Pengerusi dan tidak lebih daripada dua orang Timbalan Pengerusi daripada kalangan ahli Perkhidmatan Kehakiman dan Perundangan; dan [*Pind. Akta A1571*]

(*b*) tidak kurang daripada tujuh orang anggota lain sebagaimana yang Menteri fikirkan layak daripada orang yang, pada pendapat Menteri, mempunyai pengetahuan yang luas atau pengalaman yang luas dalam mana-mana bidang aktiviti yang berkaitan dengan kastam atau cukai. [*Gan. Akta A1571*]

(2) Ahli-ahli yang dimaksudkan dalam perenggan (1)(*b*)—

(*a*) hendaklah memegang jawatan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun; dan

(*b*) hendaklah berkelayakan untuk dilantik semula selepas tamat tempoh jawatannya tetapi hendaklah tidak boleh dilantik lebih daripada tiga penggal berturut-turut.

[*Mas. Akta A1571*]

(3) Menteri hendaklah menentukan terma dan syarat pelantikan Pengerusi, Timbalan Pengerusi dan anggota Tribunal yang lain.

[*Mas. Akta A1282*]

141D. Pelaksanaan sementara fungsi-fungsi Pengerusi.

Di mana Pengerusi atas apa-apa sebab tidak dapat melaksanakan fungsinya atau dalam mana-mana tempoh kekosongan jawatan Pengerusi, maka Timbalan Pengerusi hendaklah melaksanakan fungsi-fungsi Pengerusi.

[*Mas. Akta A1282*]

141E. Pembatalan pelantikan.

Menteri boleh membatalkan pelantikan seseorang ahli Tribunal yang dilantik di bawah perenggan 141C(1)(*b*) jika—

(*a*) kelakuannya, sama ada berkaitan dengan tugasnya sebagai ahli Tribunal atau sebaliknya, telah membawa kesangsian terhadap Tribunal;

(*b*) dia telah menjadi tidak berupaya untuk melaksanakan tugasnya sebagai ahli Tribunal dengan baik;

(*c*) ianya telah dibuktikan terhadapnya, atau dia telah disabit atas, suatu tuduhan berkenaan dengan—

(i) suatu kesalahan yang melibatkan fraud, ketidakjujuran atau keburukan akhlak;

(ii) suatu kesalahan di bawah undang-undang yang berkaitan dengan rasuah;

[*Pind. Akta A1571*]

(iii) suatu kesalahan di bawah Akta ini, Akta Eksais 1976[1], Akta Cukai Jualan 2018[2] atau Akta Cukai

---

[1] *Akta 176.*

[2] *Akta 806.*

Perkhidmatan 2018[1], atau Akta Cukai Jualan 1972[2], Akta Cukai Perkhidmatan 1975[3] atau Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014[4] yang telah dimansuhkan; atau

(iv) apa-apa kesalahan lain yang boleh dihukum penjara lebih daripada dua tahun;

(*d*) diputuskan sebagai bankrap;

(*e*) dia telah didapati atau diisytihar sebagai tidak sempurna akal atau sebaliknya menjadi tidak berupaya menguruskan urusannya; atau

(*f*) dia tidak hadir dalam tiga persidangan Tribunal berturut-turut tanpa kebenaran Pengerusi.

141F. Peletakan jawatan. [*Gan. Akta A1571*]

(1) Tertakluk kepada subseksyen (2), seorang anggota Tribunal boleh pada bila-bila masa meletakkan jawatannya dengan memberi notis bertulis kepada Menteri.

(2) Bagi tujuan peletakan jawatan, seorang anggota Tribunal yang dilantik di bawah perenggan 141C(1)(*b*) hendaklah memberikan notis tiga bulan secara bertulis kepada Menteri.

141FA. Pengosongan jawatan. [*Mas. Akta A1571*]

(1) Jawatan mana-mana anggota Tribunal hendaklah dikosongkan selepas—

(*a*) kematiannya;

(*b*) peletakan jawatannya;

(*c*) tamat tempoh pelantikannya; atau

(*d*) pembatalan pelantikannya oleh Menteri.

---

[1] *Akta 807.*
[2] *Akta 64.*
[3] *Akta 151.*
[4] *Akta 762.*

(2) Menteri hendaklah melantik mana-mana orang menurut seksyen 141C untuk menggantikan Pengerusi, Timbalan Pengerusi atau mana-mana anggota lain semasa pengosongan jawatan Pengerusi, Timbalan Pengerusi atau anggota lain itu.

(3) Pelaksanaan kuasa atau pelaksanaan fungsi Tribunal tidak akan terjejas hanya kerana terdapat kekosongan dalam keanggotaan Tribunal.

[*Mas. Akta A1282*]

141G. Ganjaran.

Semua ahli Tribunal hendaklah dibayar ganjaran seperti yang boleh ditentukan oleh Menteri.

[*Mas. Akta A1282*]

141H. Setiausaha Tribunal dan pegawai-pegawai lain.

(1) Setiausaha kepada Tribunal dan bilangan pegawai-pegawai hendaklah dilantik sepertimana yang perlu untuk menjalankan fungsi-fungsi Tribunal.

(2) Pengerusi hendaklah mempunyai kuasa menyeluruh terhadap Setiausaha dan pegawai-pegawai Tribunal.

(3) Setiausaha Tribunal hendaklah disifatkan sebagai pegawai Tribunal.

[*Mas. Akta A1282*]

141I. Kakitangan awam.

Semua ahli, pegawai dan Setiausaha Tribunal ketika melaksanakan tugas mereka hendaklah disifatkan sebagai kakitangan awam dalam maksud Kanun Keseksaan.

[*Gan. Akta A1571*]

141J. Pendengaran rayuan.

(1) Persidangan setiap rayuan hendaklah terdiri daripada panel tiga orang anggota.

(2) Dalam setiap prosiding rayuan, Tribunal hendaklah dipengerusikan oleh—

(*a*) Pengerusi;

(*b*) seorang Timbalan Pengerusi; atau

(*c*) mana-mana anggota lain yang dilantik oleh Pengerusi.

(3) Keputusan Tribunal hendaklah ditentukan menurut pendapat majoriti anggota panel tersebut.

(4) Jika seorang anggota panel di bawah subseksyen (1), selain daripada orang yang mempengerusikan prosiding yang dirujuk dalam subseksyen (2), meninggal dunia atau menjadi tidak berupaya menjalankan fungsinya sebagai seorang anggota, prosiding itu hendaklah diteruskan di hadapan, dan keputusan hendaklah diberikan oleh, baki anggota panel, dan panel itu hendaklah, bagi tujuan prosiding tersebut, disifatkan sebagai ditubuhkan degan sewajarnya walau apa pun kematian atau ketidakupayaan anggota itu seperti yang disebut terdahulu.

(5) Dalam hal di mana dua orang anggota panel di bawah subseksyen (1), selain daripada orang yang mempengerusikan prosiding yang dirujuk dalam subseksyen (2), meninggal dunia atau menjadi tidak berupaya menjalankan fungsi mereka sebagai anggota, prosiding hendaklah diteruskan oleh orang yang mempengerusikan prosiding itu secara seorang diri.

(6) Dalam hal di bawah subseksyen (4), keputusan hendaklah ditentukan menurut pendapat majoriti baki anggota panel, dan jika tiada majoriti, orang yang mempengerusikan prosiding itu hendaklah mempunyai undi pemutus.

(7) Jika orang yang mempengerusikan prosiding yang dirujuk dalam subseksyen (2) meninggal dunia atau menjadi tidak berupaya, atau atas apa-apa sebab lain tidak dapat menyelesaikan atau membereskan prosiding itu, rayuan itu hendaklah didengar semula, kecuali pihak-pihak bersetuju bahawa orang yang mempengerusikan boleh diganti—

(*a*) dalam hal di mana orang yang mempengerusikan adalah Pengerusi, oleh seorang Timbalan Pengerusi, atau mana-mana anggota lain yang dilantik oleh Timbalan Pengerusi;

(*b*) dalam hal di mana orang yang mempengerusikan adalah seorang Timbalan Pengerusi, oleh Pengerusi

atau seorang Timbalan Pengerusi lain, atau mana-mana anggota lain yang dilantik oleh Pengerusi; atau

(*c*) dalam hal di mana orang yang mempengerusikan adalah anggota yang dilantik oleh Pengerusi, oleh Pengerusi atau seorang Timbalan Pengerusi, atau mana-mana anggota lain yang dilantik oleh Pengerusi.

(8) Jika tempoh pelantikan mana-mana anggota panel tamat semasa penjalanan mana-mana prosiding berkenaan dengan suatu rayuan, tempoh pelantikannya hendaklah disifatkan sebagai dilanjutkan sehingga pemberesan akhir rayuan itu.

(9) Tribunal boleh bersidang dalam satu atau lebih persidangan pada hari dan pada waktu dan tempat sebagaimana yang ditentukan oleh Pengerusi.

[*Gan. Akta A1571*]

141K. Pendengaran oleh seorang anggota.

Walau apa pun seksyen 141J, sekiranya Pengerusi menganggapnya patut demi kepentingan untuk mencapai pengendalian cepat dan efisien rayuan itu, prosiding rayuan itu hendaklah dipengerusikan oleh mana-mana orang yang berikut secara seorang diri:

(*a*) Pengerusi;

(*b*) mana-mana Timbalan Pengerusi; atau

(*c*) mana-mana anggota Tribunal lain sebagaimana yang ditentukan oleh Pengerusi.

[*Mas. Akta A1282*]

141L. Pendedahan kepentingan.

(1) Seseorang ahli Tribunal yang mempunyai, sama ada secara langsung atau tidak langsung, oleh dirinya sendiri atau ahli keluarganya, apa-apa kepentingan dalam suatu rayuan yang dibawa di hadapannya sebagai ahli, ahli itu hendaklah, dengan segera, mendedahkan fakta dan sifat kepentingannya kepada Pengerusi.

(2) Selepas menerima pendedahan kepentingan di bawah subseksyen (1), Pengerusi hendaklah melantik ahli lain untuk mendengar dan melupuskan rayuan itu.

141M. Bidang kuasa Tribunal. [*Mas. Akta A1282*] [*Pind. Akta A1571*]

(1) Tribunal hendaklah mempunyai bidang kuasa untuk menentukan mana-mana rayuan yang dibuat di bawah seksyen 143 Akta, seksyen 47 Akta Eksais 1976, subseksyen 96(5) Akta Cukai Jualan 2018, seksyen 81 Akta Cukai Perkhidmatan 2018, dan seksyen 126 Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014 yang dimansuhkan seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 5 Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pemansuhan) 2018[1].

(2) Tanpa menjejaskan subseksyen (1), Menteri boleh melalui perintah menentukan mana-mana perkara tambahan ke dalam bidang kuasa Tribunal.

(3) Seseorang perayu boleh membuat suatu rayuan dengan Tribunal dalam borang yang ditetapkan bersama dengan fi yang ditetapkan.

141N. Pengecualian bidang kuasa mahkamah. [*Mas. Akta A1282*]

(1) Apabila suatu rayuan dibuat kepada Tribunal dan rayuan itu adalah di dalam bidang kuasa Tribunal, isu-isu yang dipertikaikan dalam rayuan itu, sama ada seperti yang ditunjukkan dalam rayuan awal atau seperti yang timbul dalam masa perjalanan pendengaran, hendaklah tidak boleh menjadi subjek dalam prosiding di antara pihak-pihak yang sama dalam mana-mana mahkamah kecuali jika—

(*a*) prosiding di hadapan mahkamah telah pun dimulakan sebelum rayuan dibuat dengan Tribunal; atau

(*b*) rayuan di hadapan Tribunal telah ditarik balik, ditinggalkan atau dibatalkan.

---
[1] *Akta 805.*

(2) Di mana perenggan (1)(*a*) terpakai, isu-isu yang dipertikaikan dalam rayuan di mana prosiding tersebut adalah berkenaan, sama ada seperti yang ditunjukkan dalam rayuan awal atau seperti yang timbul dalam masa perjalanan pendengaran, hendaklah tidak menjadi subjek dalam prosiding di antara pihak-pihak yang sama di hadapan Tribunal kecuali rayuan di hadapan mahkamah ditarik balik, ditinggalkan atau dibatalkan.

[*Mas. Akta A1282*]

141O. Notis rayuan dan pendengaran.

Selepas suatu rayuan dibuat di bawah seksyen 141M, Setiausaha hendaklah memberi notis mengenai butir-butir hari, waktu dan tempat pendengaran di dalam borang yang ditetapkan kepada Ketua Pengarah dan perayu.

[*Mas. Akta A1282*]

141P. Rundingan untuk penyelesaian.

(1) Tribunal hendaklah, berkenaan dengan setiap rayuan dalam bidang kuasanya, menilai sama ada, dalam kesemua keadaan, ianya adalah wajar bagi Tribunal untuk membantu pihak-pihak dalam prosiding untuk berunding dan mencapai suatu penyelesaian persetujuan berkenaan dengan rayuan itu.

(2) Tanpa mengehadkan perkara-perkara umum subseksyen (1), Tribunal hendaklah dalam membuat suatu penilaian, memberi perhatian kepada mana-mana faktor yang dalam pendapat Tribunal, kemungkinan boleh merosakkan kebolehan mana-mana satu pihak atau kedua-dua pihak untuk berunding untuk mencapai suatu penyelesaian persetujuan.

(3) Di mana pihak-pihak telah mencapai suatu penyelesaian persetujuan, Tribunal hendaklah meluluskan dan merekod penyelesaian itu dan penyelesaian itu hendaklah berkuat kuasa seolah-olah ianya adalah keputusan Tribunal.

(4) Di mana—

(*a*) Tribunal berpendapat bahawa ianya tidak wajar untuk Tribunal membantu pihak-pihak untuk berunding

mencapai penyelesaian persetujuan berkaitan dengan rayuan itu; atau

(*b*) pihak-pihak tidak dapat mencapai suatu penyelesaian persetujuan berkaitan dengan rayuan itu,

Tribunal hendaklah meneruskan untuk memutuskan rayuan itu.

141Q. Perwakilan di pendengaran. [*Gan. Akta A1571*]

Bagi maksud suatu rayuan di hadapan Tribunal—

(*a*) Ketua Pengarah boleh diwakili oleh mana-mana pegawai yang diberi kuasa olehnya; dan

(*b*) perayu boleh menjalankan rayuan itu sendiri atau boleh diwakili oleh mana-mana orang yang diberi kuasa olehnya.

141R. Prosiding ditutup. [*Mas. Akta A1282*] [*Pind. Akta A1571*]

(1) Kecuali dipersetujui oleh pihak-pihak kepada rayuan itu, semua prosiding di hadapan Tribunal hendaklah ditutup daripada orang awam.

(2) Walau apa pun subseksyen (1), jika Tribunal itu berpendapat bahawa ia adalah demi kepentingan orang ramai, Tribunal itu boleh membenarkan penerbitan fakta rayuan itu, keputusan rayuan itu dan sebab-sebab keputusan itu. [*Mas. Akta A1571*]

(3) Walau apa pun subseksyen (2), Tribunal itu hendaklah tidak boleh menerbitkan maklumat yang pendedahannya adalah dilarang atau dihadkan oleh atau di bawah Akta ini atau mana-mana undang-undang bertulis lain. [*Mas. Akta A1571*]

141S. Keterangan. [*Mas. Akta A1282*]

(1) Apa-apa prosiding di hadapan Tribunal hendaklah dijalankan tanpa memberi perhatian kepada formaliti dan keteknikan dan Tribunal boleh—

(*a*) mendapat dan menerima semua keterangan dengan mengangkat sumpah atau ikrar, sama ada secara

bertulis atau lisan, dan memeriksa semua orang sebagai saksi, sepertimana yang Tribunal berpendapat perlu untuk mendapat, menerima atau memeriksa;

(*b*) memerlukan supaya ditunjukkan kepadanya buku, kertas, dokumen, rekod dan benda;

(*c*) mengendalikan sumpah, ikrar atau surat akuan, mengikut mana-mana yang berkenaan;

(*d*) mencari dan menerima bukti lain dan membuat pertanyaan yang difikirkannya sesuai;

(*e*) menyaman pihak-pihak kepada prosiding atau mana-mana orang lain untuk hadir di hadapannya untuk memberi keterangan atau mengemukakan mana-mana dokumen, rekod atau lain-lain benda di dalam miliknya atau sebaliknya untuk membantu Tribunal dalam pertimbangannya;

(*f*) menerima keterangan pakar; dan

(*g*) secara am mengarah dan membuat semua perkara yang perlu atau suai manfaat bagi penentuan rayuan dengan cekap dan cepat.

(2) Suatu saman yang dikeluarkan di bawah seksyen ini hendaklah diserahkan dan dikuatkuasakan seolah-olah saman telah dikeluarkan oleh mahkamah rendah.

[*Mas. Akta A1282*]

141T. Keputusan Tribunal.

(1) Tribunal hendaklah membuat keputusan tanpa berlengah dan di mana praktik, dalam tempoh enam puluh hari daripada hari pertama pendengaran di hadapan Tribunal bermula.

(2) Tribunal hendaklah mempunyai kuasa—

(*a*) untuk mengesahkan keputusan Ketua Pengarah;

(*b*) untuk mengubah keputusan Ketua Pengarah; atau

(*c*) untuk mengetepikan keputusan Ketua Pengarah dan menggantikannya dengan keputusan yang baru.

(3) Tribunal hendaklah memberi alasan bagi keputusannya dalam mana-mana rayuan yang didengar di hadapannya.

141TA. Peruntukan yang berhubungan dengan kos dan perbelanjaan. [*Mas. Akta A1571*]

Tribunal boleh membuat suatu award berkenaan kos dan perbelanjaan sebagaimana yang ditetapkan dan boleh menentukan sejauh mana kos dan perbelanjaan yang perlu dibayar—

(*a*) oleh perayu, jika Tribunal itu berpuas hati bahawa perayu telah menjalankan kesnya dengan cara yang remeh atau menyusahkan; atau

(*b*) oleh mana-mana pihak kepada rayuan itu, jika Tribunal itu berpuas hati bahawa dalam semua hal keadaan kes itu adalah tidak adil dan tidak saksama untuk tidak mengaward kos dan perbelanjaan.

141U. Keputusan dan penyelesaian hendaklah direkodkan secara bertulis. [*Mas. Akta A1282*]

Tribunal hendaklah membuat atau menyebabkan suatu rekod bertulis terma-terma—

(*a*) setiap penyelesaian persetujuan yang dicapai oleh pihak-pihak di bawah subseksyen 141P(3); dan

(*b*) setiap keputusan yang dibuatnya di bawah seksyen 141T.

141V. Keputusan Tribunal adalah muktamad. [*Mas. Akta A1282*]

(1) Keputusan Tribunal hendaklah—

(*a*) muktamad dan mengikat semua pihak-pihak dalam prosiding; dan

(*b*) disifatkan sebagai suatu perintah Mahkamah Sesyen dan dikuatkuasakan oleh pihak-pihak kepada prosiding.

(2) Bagi tujuan perenggan (1)(*b*), Setiausaha hendaklah menghantar satu salinan keputusan Tribunal kepada Mahkamah

Sesyen yang mempunyai bidang kuasa di tempat di mana keputusan itu berkaitan atau tempat di mana keputusan itu dibuat dan Mahkamah hendaklah menyebabkan salinan itu direkodkan.

[*Mas. Akta A1282*]

141w. Rayuan ke Mahkamah Tinggi.

Mana-mana orang yang terkilan dengan keputusan Tribunal boleh membuat rayuan ke Mahkamah Tinggi mengenai persoalan undang-undang atau campuran undang-undang dan fakta.

[*Mas. Akta A1282*]

141x. Tribunal perlu terima pakai tatacara.

Tertakluk kepada Akta ini, Tribunal boleh terima pakai tatacara yang ia berpendapat perlu dan patut.

[*Mas. Akta A1282*]

141y. Kemahuan bentuk.

Tidak ada prosiding, keputusan atau dokumen Tribunal yang boleh diketepikan atau dibatalkan kerana ketiadaan bentuk.

[*Mas. Akta A1282*]

141z. Pelupusan dokumen, *dll.*

(1) Tribunal boleh, di akhir prosiding di hadapannya, memerintahkan supaya mana-mana dokumen, rekod, material, benda, barangan atau lain-lain harta yang dikemukakan semasa perjalanan prosiding diserahkan kepada pemilik sah atau dilupuskan dalam cara yang difikirkannya sesuai.

(2) Di mana tiada mana-mana orang yang menerima dokumen, rekod, material, benda, barangan atau lain-lain harta yang dinyatakan di dalam subseksyen (1) selepas tempoh enam bulan, pemilikan atas dokumen, rekod, material, benda, barangan atau lain-lain harta adalah disifatkan telah beralih dan diletak hak kepada Kerajaan.

141AA. Tindakan atau peninggalan yang dilakukan dengan niat baik. [Mas. Akta A1282]

Tiada tindakan atau guaman boleh dimulakan atau dikekalkan di mana-mana mahkamah terhadap—

(*a*) Tribunal;

(*b*) seorang ahli Tribunal; atau

(*c*) mana-mana orang yang diberi kuasa untuk bertindak bagi atau bagi pihak Tribunal,

bagi mana-mana tindakan atau peninggalan yang dibuat dengan niat baik dalam pelaksanaan fungsinya dan penjalanan kuasanya di bawah Akta ini.

141AB. Peraturan-peraturan berkaitan dengan Tribunal. [Mas. Akta A1282]

(1) Menteri boleh membuat peraturan-peraturan yang perlu atau suai manfaat berkaitan dengan Tribunal.

(2) Tanpa menjejaskan perkara-perkara umum subseksyen (1), peraturan-peraturan boleh dibuat bagi—

(*a*) menentukan tanggungjawab ahli-ahli Tribunal;

(*b*) menentukan prosedur Tribunal;

(*c*) menetapkan borang-borang untuk digunakan di dalam prosiding di bawah Bahagian ini;

(*d*) menetapkan dan mengenakan fi dan menyediakan cara-cara untuk memungut dan membayar fi-fi berkenaan;

(*e*) menetapkan apa-apa yang diperlukan untuk ditetapkan di bawah Bahagian ini.

BAHAGIAN XV

PERATURAN-PERATURAN

142. Kuasa membuat peraturan-peraturan.

Menteri boleh membuat peraturan-peraturan—

(1) untuk mengawal selia kuasa dan tugas yang akan dijalankan dan dilaksanakan oleh pegawai kastam;

(2) untuk mengawal selia perjalanan semua perkara berhubungan dengan pemungutan duti kastam termasuk masa pembayarannya dan pengenaan surcaj kerana pembayaran lewat;

(3) untuk menetapkan masa dan cara pembayaran duti kastam di Sarawak;

(4) untuk menetapkan pelabuhan kastam dan tempat mendarat yang sah di sisi undang-undang di dalam pelabuhan kastam itu bagi mendarat dan mengapalkan barang-barang yang diimport, dieksport atau diangkut melalui laut, dan untuk menentukan had pelabuhan dan tempat mendarat yang sah di sisi undang-undang itu dan untuk menetapkan barang-barang yang boleh di darat atau dikapalkan di situ;

[*Mas. Akta A1593*] (4A) untuk mengawal selia pendaratan dan pemuatan barang-barang di bawah seksyen 33;

(5) untuk menetapkan tempat import dan eksport melalui jalan raya dan kereta api dan laluan yang akan digunakan bagi import dan eksport barang-barang melalui jalan raya;

(6) untuk menetapkan lapangan terbang kastam bagi import atau eksport barang-barang melalui udara;

(7) untuk menetapkan stesen kastam di darat di mana duti kastam boleh dipungut;

(7A) untuk menetapkan, bagi apa-apa maksud di bawah Akta ini, tempat-tempat selain daripada yang disebut dalam subseksyen (4), (5), (6) dan (7);

(8) untuk menetapkan hari dan masa bila sesuatu pejabat kastam, stesen kastam atau gudang kastam atau gudang berlesen boleh dibuka untuk urusan dan masa bila apa-apa barang-barang boleh didaratkan, dikapalkan atau dimuatkan di mana-mana pelabuhan kastam atau lapangan terbang kastam atau diimport atau dieksport melalui jalan raya di mana-mana tempat import dan eksport;

(9) untuk menetapkan kadar fi kerja lebih masa yang akan dibayar oleh nakhoda atau ejen vesel atau oleh juruterbang pesawat udara atau ejen pesawat udara atau oleh orang-orang yang menjaga kenderaan atau oleh pengimport atau pengeksport barang-barang atau ejen mereka berkenaan dengan perkhidmatan pegawai kastam yang diberi apabila diminta di luar waktu kerja biasa yang ditetapkan dan syarat-syarat di mana kerja lebih masa itu boleh dibenarkan;

(9A) untuk mengawal selia apa-apa perkara yang berhubungan dengan pelepasan di pelabuhan; [*Mas. Akta A1593*]

(10) untuk memperuntukkan bagi kawalan trafik oleh pegawai kastam vesel penyusur yang dijalankan dalam perairan wilayah;

(11) untuk menetapkan bendera yang akan dikibarkan oleh vesel yang diguna khidmatnya bagi pencegahan penyeludupan;

(12) untuk menetapkan borang-borang yang akan digunakan di bawah Akta ini;

(13) untuk mengawal selia pendepositan, penjagaan dan pengeluaran barang-barang dalam dan dari gudang kastam dan gudang berlesen, gudang atau tempat lain yang diluluskan oleh Ketua Pengarah atau pangkalan bekalan petroleum, dan pengurusan dan kawalan terhadapnya; [*Pind. Akta A1593*]

(14) untuk mengawal selia pengeluaran lesen;

(15) untuk menetapkan fi, jika ada, yang akan dibayar bagi permit dan lesen; [*Pind. Akta A1593*]

(16) untuk menetapkan buku stok yang akan disimpan oleh pemegang lesen dan cara menyimpannya;

(17) untuk menetapkan cara mengimport, mengeksport, mengangkut atau memindah apa-apa barang-barang di bawah sesuatu lesen atau permit;

(18) untuk menetapkan cara bagaimana hendak menanda dan menombor bungkusan barang-barang yang diimport atau dieksport dan cara bagaimana invois hendak disediakan;

[*Pind. Akta A1593*]

(19) untuk mengawal selia cara dan memberikan syarat-syarat bagaimana barang-barang yang dipindah-kapalkan atau barang-barang dalam transit boleh digerakkan;

[*Mas. Akta A1580*]

(19A) untuk mengawal selia apa-apa perkara yang berhubungan dengan ejen kastam;

[*Mas. Akta A1593*]

(19B) untuk mengawal selia apa-apa perkara yang berhubungan dengan manifes;

(20) untuk menetapkan kawasan kastam dan untuk mengawal selia atau melarang, sama ada secara mutlak atau bersyarat, pergerakan barang-barang atau orang-orang dalam kawasan sedemikian bagi maksud Akta ini;

(21) untuk menetapkan cara mendenaturasikan minuman keras yang memabukkan dalam gudang kastam atau gudang berlesen;

(22) untuk mengawal selia penggaulan, pencampuran, pengubahan dan pembotolan liquor yang memabukkan dalam gudang kastam atau gudang berlesen;

(23) untuk melarang pembayaran pulang balik ketika pengeksportan semula apa-apa barang-barang yang dinyatakan atau kelas barang-barang;

(24) untuk menyatakan barang-barang yang boleh dikenakan duti atas pengimportan yang berkenaan

dengannya pulang balik boleh dibenarkan ketika pengeksportan semula sebagai bahagian atau perawis bagi apa-apa barang-barang yang dikilang di Malaysia dan untuk menetapkan kadar pulang balik ke atasnya;

(25) (*Dipotong*); [*Akta A1593*]

(26) untuk menetapkan kesalahan-kesalahan yang boleh dikompaun, kriteria untuk mengkompaun kesalahan yang boleh dikompaun dan cara bagaimana, dan pegawai kastam yang boleh mengkompaun kesalahan-kesalahan itu; [*Pind. Akta A1593*]

(27) untuk mentafsirkan bagi maksud-maksud Akta ini apa-apa barang-barang;

(28) untuk menetapkan penalti kerana pelanggaran atau kegagalan mematuhi mana-mana peruntukan mana-mana peraturan yang dibuat di bawah seksyen ini atau sekatan syarat-syarat mana-mana lesen atau kebenaran yang diberi di bawah mana-mana peraturan sedemikian:

Dengan syarat bahawa tiada penalti boleh melebihi penalti yang ditetapkan di bawah seksyen 138;

(29) untuk menetapkan permit dan dokumen-dokumen lain yang akan dibawa oleh pesawat tempatan atau tongkang yang mengangkut kargo daripada atau vesel di sesuatu pelabuhan kastam;

(30) untuk menetapkan cara bagaimana barang-barang berduti atau barang-barang larangan boleh atau tidak boleh dibungkus, dan untuk mengawal selia atau melarang dimasukkan barang-barang berduti atau barang-barang larangan dalam bungkusan atau bekas yang sama dengan barang-barang tidak berduti;

(31) untuk menetapkan piawai bekas yang di dalamnya barang-barang berduti boleh dieksport;

(32) untuk mengawal selia pembinaan, pemeriksaan, penyeliaan, pengurusan dan pengawalan premis yang dilesen di bawah seksyen 65A dan pemasangan alat, jentera dan radas yang disenggara di dalamnya;

(33) untuk mengawal selia waktu-waktu bila pengilangan boleh atau tidak boleh dilakukan dan bila mana barang-barang boleh dipindahkan dari premis yang dilesen di bawah Akta ini;

(34) untuk menetapkan tempat kediaman yang hendak disediakan dengan percuma oleh mana-mana orang yang dilesen di bawah seksyen 65A bagi pegawai yang hak sebagaimana yang disifatkan perlu oleh Ketua Pengarah bagi pengawalan premis berlesen itu;

[*Mas. Akta A783*]

(35) untuk mengawal selia pengendalian semua perkara yang berhubungan dengan kedai bebas cukai;

[*Mas. Akta A960*]

(35A) untuk mengawal selia pergerakan barang-barang ke dalam dan dari Kawasan Pembangunan Bersama;

[*Mas. Akta 578*]

(35B) untuk menentukan bahawa nilai kastam barang-barang yang diimport;

[*Mas. Akta A1282*]

(35C) mengawal selia penjalanan semua perkara yang bekaitan dengan ketetapan kastam;

[*Mas. Akta A1282*]

(35D) menetapkan dan mengenakan fi berkaitan dengan ketetapan kastam dan menyediakan cara-cara untuk memungut dan membayar fi-fi berkenaan;

[*Mas. Akta A1282*]

(35E) menetapkan borang-borang untuk digunakan bagi maksud ketetapan kastam;

[*Mas. Akta A1593*]

(35F) untuk mengawal selia apa-apa perkara yang berhubungan dengan tempat asal barang-barang termasuk—

(i) untuk menetapkan kriteria bagi kebenaran atau pelantikan badan yang diberi kuasa atau pihak berkuasa yang mengeluarkan, mengikut mana-mana yang berkenaan;

(ii) untuk menetapkan prosedur dan syarat yang berkaitan dengan pengeluaran suatu perakuan tempat asal atau perisytiharan tempat asal berkeutamaan atau bukan berkeutamaan;

(iii) untuk menetapkan kriteria bagi pengimport, pengeluar atau pengeksport yang didaftarkan di bawah seksyen 99E;

(iv) untuk menetapkan barang-barang atau jenis barang-barang yang berhak mendapatkan layanan tarif berkeutamaan;

(v) untuk menetapkan peraturan tempat asal barang-barang bagi layanan tarif berkeutamaan atau bukan berkeutamaan; dan

(vi) pada amnya untuk memberi efek kepada peruntukan Bahagian XA;

(35G) untuk mengawal selia operasi pangkalan bekalan petroleum dan apa-apa perkara yang berhubungan dengannya; [*Mas. Akta A1593*]

(36) secara amnya bagi melaksanakan peruntukan-peruntukan Akta ini.

BAHAGIAN XVI

AM

143. Semakan semula dan rayuan terhadap keputusan Ketua Pengarah. [*Gan. Akta A1580*]

(1) Tertakluk kepada subseksyen (4), mana-mana orang yang terkilan dengan apa-apa keputusan Ketua Pengarah boleh memohon kepada Ketua Pengarah untuk menyemak semula mana-mana keputusannya dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh orang itu telah dimaklumkan mengenai keputusan itu dengan syarat bahawa tidak ada rayuan telah dibuat mengenai keputusan yang sama kepada Tribunal atau Mahkamah Tinggi.

(2) Suatu permohonan di bawah subseksyen (1) hendaklah dibuat di dalam borang yang ditetapkan.

(3) Jika suatu permohonan untuk semakan semula telah dibuat di bawah subseksyen (1), Ketua Pengarah hendaklah, di mana praktik dalam tempoh enam puluh hari dari tarikh penerimaan permohonan tersebut, menjalankan semakan semula dan memberitahu keputusan semakan semula kepada orang itu.

[*Pind. Akta A1593*]

(4) Tiada semakan semula boleh dibuat dalam apa-apa perkara yang berhubungan dengan kompaun atau subseksyen 128(3A).

[*Pind. Akta A1593*]

(5) Mana-mana orang yang terkilan dengan apa-apa keputusan Ketua Pengarah di bawah subseksyen (3) atau mana-mana peruntukan lain Akta ini, kecuali apa-apa perkara yang berhubungan dengan kompaun atau subseksyen 128(3A), boleh merayu kepada Tribunal dalam tempoh tiga puluh hari dari tarikh pemberitahuan secara bertulis mengenai keputusan itu kepada orang yang terkilan itu.

(6) Apa-apa duti kastam yang kena dibayar di bawah Akta ini hendaklah dibayar pada tarikh ianya kena dibayar walau apa pun apa-apa semakan semula atau rayuan telah dibuat di bawah seksyen ini.

[*Akta A1282*] **143A. (*Dipotong*).**

144. Kuasa Ketua Pengarah mengenakan fi.

Ketua Pengarah boleh mengenakan apa-apa fi yang difikirkannya munasabah berkenaan dengan apa-apa perbuatan atau perkhidmatan yang dilakukan atau diberikan oleh Jabatan Kastam yang tidak dikehendaki untuk dilakukan atau diberikan di bawah Akta ini dan tidak ada fi ditetapkan baginya oleh mana-mana undang-undang bertulis.

145. Borang yang hendak digunakan.

Jika apa-apa borang telah ditetapkan di bawah peruntukan subseksyen 142(12), tiada seorang pun bagi maksud Akta ini boleh menggunakan apa-apa borang yang tidak dicetak atau dikeluarkan dengan kebenaran Ketua Pengarah:

Dengan syarat bahawa Ketua Pengarah boleh, atas budi bicaranya dan tertakluk kepada apa-apa syarat yang disifatkannya patut dikenakan, membenarkan mana-mana orang menggunakan borang-borang yang tidak dicetak atau dikeluarkan sedemikian seperti yang tersebut di atas, atau membenarkan penggunaan mana-mana borang yang dikemukakan melalui satu pertukaran data elektronik. [*Pind. Akta A873*]

145A. Duti kastam, dsb., kena dibayar walau apa pun apa-apa prosiding, dsb. [*Mas. Akta A1580*]

Permulaan prosiding atau pengenaan suatu penalti, denda atau tempoh pemenjaraan di bawah Akta ini, atau pengkompaunan suatu kesalahan di bawah seksyen 131, hendaklah tidak melepaskan mana-mana orang daripada liabiliti untuk membayar duti kastam, surcaj, penalti, fi atau wang lain di bawah Akta ini. [*Pind. Akta A1593*]

145B. Perlindungan terhadap guaman dan prosiding undang-undang. [*Mas. Akta A1593*]

Tiada tindakan, guaman, pendakwaan atau prosiding lain hendaklah terletak atau dibawa, dimulakan atau dikekalkan di mana-mana mahkamah terhadap—

(*a*) mana-mana pegawai kastam;

(*b*) mana-mana pegawai polis yang mempunyai kuasa seorang pegawai kanan kastam atau pegawai kastam di bawah seksyen 8;

(*c*) mana-mana orang yang diambil kerja di bawah seksyen 10; dan

(*d*) badan yang diberi kuasa dan pihak berkuasa yang mengeluarkan,

bagi atau berkenaan dengan apa-apa perbuatan, pengabaian atau keingkaran yang dibuat atau dilakukan olehnya atau ia dengan niat baik atau apa-apa peninggalan yang ditinggalkan olehnya atau ia dengan niat baik dalam kapasiti tersebut.

Bahagian XVII

PERUNTUKAN KHAS BERHUBUNGAN DENGAN PULAU PINANG

[*Akta 329*] **146-153.** (***Dipotong***).

Bahagian XVIII

PERUNTUKAN KHAS BERHUBUNGAN DENGAN LABUAN

154. Tafsiran.

Dalam Bahagian ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

[*Pind. Akta 329, A1162, A1593*]

"kawasan utama kastam" ertinya Malaysia tidak termasuk Labuan, Langkawi, Tioman dan Pangkor;

"Labuan" ertinya Pulau Labuan dan pulau-pulau tanggungannya, iaitu Rusukan Besar, Rusukan Kecil, Keraman, Burong, Papan dan Daat.

155. Duti kastam ke atas barang-barang yang diimport dari kawasan utama kastam ke Labuan atau dieksport dari Labuan ke kawasan utama kastam atau diangkut dari kawasan utama kastam ke Labuan atau dari Labuan ke kawasan utama kastam.

(1) Walau apa pun apa-apa jua yang memperuntukkan sebaliknya yang terkandung dalam Akta ini—

[*Gan. Akta A1162*]

(*a*) tiada duti import boleh kena dibayar ke atas apa-apa barang-barang yang diimport ke Labuan, selain daripada yang Menteri boleh isytiharkan dari semasa ke semasa mengisytiharkan melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*;

(*b*) tiada duti eksport boleh kena dibayar atas apa-apa barang yang dieksport dari Labuan;

(*c*) duti import hendaklah dibayar atas semua barang-barang berduti yang diangkut ke kawasan utama

kastam dari Labuan bagi segala maksud seolah-olah pengangkutan ke kawasan utama kastam itu adalah pengimportan ke dalam Malaysia;

(*d*) duti eksport hendaklah dibayar atas semua barang-barang berduti yang diangkut dari kawasan utama kastam ke Labuan bagi segala maksud seolah-olah pengangkutan dari kawasan utama kastam itu adalah eksport dari Malaysia;

(*e*) Menteri boleh, melalui perintah, menetapkan erti perkataan "nilai" berhubungan dengan barang-barang yang diangkut dari Labuan ke kawasan utama kastam.

(2) Subseksyen 11(2), (3), (4) dan (5) adalah terpakai bagi apa-apa perintah yang dibuat oleh Menteri di bawah perenggan (1)(*a*). [*Pind. Akta A1162*]

(3) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh menjadikan tidak terpakai bagi Labuan apa-apa duti kastam lain yang boleh ditetapkan oleh Menteri di bawah subseksyen 11(1).

156. Pengangkutan barang-barang dari kawasan utama kastam ke Labuan atau dari Labuan ke kawasan utama kastam.

Jika barang-barang diangkut—

(*a*) dari Labuan ke kawasan utama kastam; atau

(*b*) dari kawasan utama kastam ke Labuan,

peruntukan-peruntukan Akta ini adalah terpakai, dengan apa-apa ubah suaian dan penyesuaian sebagaimana yang perlu, seolah-olah barang-barang itu diimport ke dalam, atau mengikut mana-mana yang berkenaan, dieksport dari, kawasan utama kastam dari atau ke suatu tempat di luar Malaysia, dan tanpa menjejaskan keluasan makna di atas, peruntukan-peruntukan Bahagian XII adalah terpakai bagi barang-barang yang diangkut ke Labuan dari kawasan utama kastam atau dari Labuan ke kawasan utama kastam dan terhadap orang-orang dan vesel dan pesawat udara yang mengangkut barang-barang itu. [*Pind. Akta A1593*]

157. Perisytiharan tentang barang-barang yang diangkut dari Labuan ke kawasan utama kastam.

Orang yang menjaga mana-mana vesel atau pesawat udara yang di atasnya barang-barang diangkut dari Labuan ke kawasan utama kastam hendaklah membuat suatu perisytiharan yang pada keseluruhan isinya mengikut borang yang ditetapkan dengan memberi butir-butir barang-barang yang diangkut dalam vesel atau pesawat udara itu.

[*Pind. Akta 451*]

158. Barang-barang berduti hendaklah disifatkan sebagai tidak berduti semasa berada di Labuan.

[*Pind. Akta A1162*]

Kecuali bagi maksud seksyen 48, apa-apa barang-barang berduti, selain daripada barang-barang yang diisytiharkan oleh Menteri di bawah perenggan 155(1)(*a*) atau disifatkan sebagai telah diisytiharkan oleh Menteri di bawah seksyen itu, hendaklah, semasa berada di Labuan, disifatkan sebagai barang-barang tidak berduti dan peruntukan Akta ini hendaklah ditakrifkan dengan sewajarnya.

159. Pemungutan duti di Labuan.

Dalam membuat peraturan-peraturan di bawah seksyen 142 Menteri boleh memperuntukkan—

(*a*) mengenai pemungutan di Labuan duti kastam yang kena dibayar berkenaan dengan barang-barang yang diangkut atau hampir hendak diangkut dari Labuan ke kawasan utama kastam atau ke Labuan dari kawasan utama kastam;

(*b*) mengenai batasan atau sekatan vesel dan pesawat udara yang boleh digunakan bagi mengangkut barang-barang itu; dan

(*c*) mengenai pelesenan atau pengawalan orang-orang atau vesel-vesel atau pesawat udara yang mengangkut barang-barang itu.

160. Pemakaian Bahagian X bagi barang-barang yang diangkut ke Labuan.

[Pind. Akta 451, A1162]

Peruntukan-peruntukan Bahagian X (yang berhubungan dengan pulang balik) adalah terpakai bagi barang-barang (selain daripada barang-barang yang diisytiharkan oleh Menteri di bawah perenggan 155(1)(*a*) atau disifatkan sebagai telah diisytiharkan oleh Menteri di bawah seksyen tersebut), yang diangkut dari kawasan utama kastam ke Labuan seolah-olah barang-barang itu telah dieksport semula.

Bahagian XIX

PERUNTUKAN KHAS BERHUBUNGAN DENGAN SABAH DAN SARAWAK

161. Perjanjian di antara Sabah dan Sarawak berhubungan dengan pergerakan barang-barang.

Walau apa pun apa-apa jua yang memperuntukkan sebaliknya dalam Akta ini apa-apa perjanjian yang berkuat kuasa berkenaan dengan Sabah dan Sarawak berhubungan dengan pergerakan barang-barang di antara Negeri-Negeri itu hendaklah, sehingga Menteri mengarahkan sebaliknya, berkuat kuasa dengan pengubahsuaian sebagaimana yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta-warta* Kerajaan Sabah dan Sarawak.

162. Kecualian berkenaan dengan vesel yang memasuki perairan wilayah disebabkan oleh hal-keadaan di luar kawalan Nakhoda atau berkenaan dengan pesawat tempatan dari mana-mana tempat lain tanpa pelepasan atau manifes.

Walau apa pun apa-apa jua yang memperuntukkan sebaliknya yang terkandung dalam Akta ini, seksyen 44 dan 45 tidak terpakai bagi Sabah dan Sarawak kepada:

(*a*) mana-mana vesel, yang Nakhodanya telah memuaskan hati pegawai kastam yang hak bahawa kemasukan vesel itu ke perairan Malaysia adalah disebabkan oleh

hal-keadaan di luar kawalannya, dan bahawa kemasukan vesel itu dan sebab kemasukannya dilaporkan kepada pihak berkuasa kastam atau pihak berkuasa polis yang berhampiran sekali sebaik sahaja dia mendapat peluang yang sesuai, dan bahawa selepas kemasukan itu tiada seorang pun di atas vesel itu atau yang berkaitan dengan vesel itu telah melakukan apa-apa perbuatan yang berlawanan dengan mana-mana undang-undang bertulis; atau

(*b*) mana-mana pesawat tempatan jika orang yang menjaganya boleh menunjukkan dengan memuaskan hati seorang pegawai kastam yang hak bahawa dia telah datang dari suatu tempat bertolak yang tidak lazim memberi atau dibawa darinya pelepasan atau manifes.

163. Masa dan cara pembayaran duti di Sarawak.

Walau apa pun apa-apa jua yang memperuntukkan sebaliknya yang terkandung dalam Akta ini, semua duti kastam yang kena dibayar di Sarawak di bawah Akta ini hendaklah dibayar dalam sesuatu tempoh selepas tarikh pengimportan atau pengeksportan, atau pemuatan barang-barang bagi pemindahan kapal untuk eksport, mengikut mana-mana yang berkenaan, sebagaimana yang diperuntukkan oleh Menteri melalui peraturan yang dibuat di bawah Akta ini, atau jika tiada apa-apa peraturan sedemikian, sebelum barang-barang itu dipindahkan dari kawalan kastam:

[*Pind. Akta A1593*]

Dengan syarat bahawa duti kastam ke atas barang-barang yang distor dalam sesuatu gudang kastam atau gudang berlesen, atau gudang atau tempat lain yang diluluskan oleh Ketua Pengarah menurut mana-mana peraturan yang dibuat di bawah Akta ini bagi maksud itu hendaklah dibayar pada masa dan mengikut cara sebagaimana yang ditetapkan oleh peraturan-peraturan itu.

BAHAGIAN XIXA [Mas. Akta 329]

PERUNTUKAN KHAS BERHUBUNGAN DENGAN LANGKAWI

163A. Tafsiran. [Mas. Akta 329]

Dalam Bahagian ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"kawasan utama kastam" ertinya Malaysia tidak termasuk Labuan, Langkawi, Tioman dan Pangkor; [Pind. Akta A1162, A1593]

"Langkawi" ertinya Pulau Langkawi dan semua pulau berdampingan yang terletak lebih dekat dengan Pulau Langkawi daripada dengan tanah besar.

163B. Duti kastam berhubungan dengan Langkawi. [Mas. Akta 329]

(1) Walau apa pun apa-apa jua yang memperuntukkan sebaliknya yang terkandung dalam Akta ini—

(*a*) tiada duti import boleh kena dibayar ke atas barang-barang yang diimport ke Langkawi, selain daripada barang-barang yang Menteri boleh isytiharkan dari semasa ke semasa melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta;* [Gan. Akta A1162]

(*b*) tiada apa-apa duti eksport boleh kena dibayar ke atas apa-apa barang-barang yang dieksport daripada Langkawi, selain daripada apa-apa barang yang Menteri boleh isytiharkan dari semasa ke semasa melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta;*

(*c*) duti import hendaklah kena dibayar ke atas semua barang-barang berduti yang diangkut ke kawasan utama kastam dari Langkawi seolah-olah pengangkutan ke kawasan utama kastam itu ialah pengimportan ke Malaysia;

(*d*) duti eksport hendaklah kena dibayar ke atas semua barang-barang berduti yang diangkut dari kawasan utama kastam ke Langkawi bagi semua maksud seolah-olah pengangkutan dari kawasan utama kastam itu ialah pengeksportan dari Malaysia; dan

(*c*) Menteri boleh melalui perintah, menetapkan erti perkataan "nilai" berhubungan dengan barang-barang yang diangkut dari Langkawi ke kawasan utama kastam.

[*Pind. Akta A1162*]

(2) Subseksyen 11(2), (3), (4) dan (5) hendaklah terpakai bagi apa-apa perintah yang dibuat oleh Menteri di bawah perenggan (1)(*a*) atau (*b*).

(3) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh menjadikan tidak terpakai bagi Langkawi apa-apa duti kastam yang ditentukan oleh Menteri di bawah subseksyen 11(1).

[*Mas. Akta 329*]

163C. Pengangkutan barang-barang ke Langkawi dari kawasan utama kastam atau dari Langkawi ke kawasan utama kastam.

Jika barang-barang diangkut—

(*a*) dari Langkawi ke kawasan utama kastam; atau

(*b*) dari kawasan utama kastam ke Langkawi,

[*Pind. Akta A1162, A1593*]

peruntukan-peruntukan Akta ini, selain daripada seksyen 81, 82, 83, 84, 85, 86 dan 87 dan perenggan 87A(1)(*b*), hendaklah dengan apa-apa pengubahsuaian dan penyesuaian sebagaimana yang perlu, terpakai seolah-olah barang-barang itu diimport ke dalam, atau mengikut mana-mana yang berkenaan, dieksport dari, kawasan utama kastam dari atau ke sesuatu tempat di luar Malaysia, dan tanpa menjejaskan keluasan makna di atas, peruntukan-peruntukan Bahagian XII hendaklah terpakai bagi barang-barang yang diangkut ke Langkawi dari kawasan utama kastam atau dari Langkawi ke kawasan utama kastam dan bagi orang dan kenderaan, vesel dan pesawat udara yang mengangkut barang-barang sedemikian.

[*Mas. Akta 329*]

163D. Perisytiharan tentang barang-barang yang diangkut dari Langkawi ke kawasan utama kastam.

[*Pind. Akta A1593*]

Orang yang menjaga mana-mana kenderaan, vesel atau pesawat udara yang di atasnya barang-barang diangkut dari

Langkawi ke kawasan utama kastam hendaklah membuat suatu perisytiharan yang pada keseluruhan isinya mengikut borang yang ditetapkan dengan memberi butir-butir tentang barang-barang yang diangkut dalam kenderaan, vesel atau pesawat udara itu.

163E. Barang-barang berduti hendaklah disifatkan sebagai tidak berduti semasa berada di Langkawi. [*Mas. Akta 329*]

Kecuali bagi maksud seksyen 48, apa-apa barang-barang berduti, selain daripada barang-barang yang diisytiharkan oleh Menteri di bawah perenggan 163B(1)(*a*) atau yang disifatkan sebagai telah pun diisytiharkan oleh Menteri di bawah seksyen itu hendaklah, semasa berada di Langkawi, disifatkan sebagai barang-barang tidak berduti dan peruntukan-peruntukan Akta ini hendaklah ditafsirkan sewajarnya. [*Pind. Akta A1162*]

163F. Pemungutan duti di Langkawi. [*Mas. Akta 329*]

Dalam membuat peraturan-peraturan di bawah seksyen 142, Menteri boleh memperuntukkan pemungutan duti kastam yang kena dibayar di Langkawi berkenaan dengan barang-barang yang diangkut atau hampir hendak diangkut dari Langkawi ke kawasan utama kastam atau ke Langkawi dari kawasan utama kastam.

163G. Pemakaian Bahagian X bagi barang-barang yang diangkut ke Langkawi. [*Mas. Akta 329*]

Peruntukan Bahagian X berhubung dengan pulang balik hendaklah terpakai bagi barang-barang selain daripada barang-barang yang diisytiharkan oleh Menteri di bawah perenggan 163B(1)(*a*) atau disifatkan sebagai telah diisytiharkan oleh Menteri dibawah seksyen itu, yang diangkut dari kawasan utama kastam ke Langkawi seolah-olah barang-barang itu telah dieksport semula. [*Pind. Akta A1162*]

[*Mas. Akta A960*]

BAHAGIAN XIXB

PERUNTUKAN KHAS BERHUBUNGAN DENGAN KAWASAN PEMBANGUNAN BERSAMA

[*Mas. Akta A960*]

163H. Pergerakan barang-barang ke dalam atau dari Kawasan Pembangunan Bersama.

(1) Pergerakan barang-barang dari suatu negara selain daripada Malaysia atau Kerajaan Thailand atau dari suatu gudang yang berlesen di Malaysia atau di Kerajaan Thailand ke dalam Kawasan Pembangunan Bersama hendaklah disifatkan sebagai suatu pengimportan barang-barang itu ke dalam Kawasan Pembangunan Bersama.

(2) Pergerakan barang-barang yang dihasilkan di Kawasan Pembangunan Bersama dari Kawasan Pembangunan Bersama ke dalam Malaysia, Kerajaan Thailand atau mana-mana negara lain hendaklah disifatkan sebagai suatu pengeksportan barang-barang itu dari Kawasan Pembangunan Bersama.

(3) Pergerakan barang-barang dari Malaysia atau Kerajaan Thailand ke dalam Kawasan Pembangunan Bersama bagi kegunaan dalam Kawasan Pembangunan Bersama dan pergerakan barang-barang itu dari Kawasan Pembangunan Bersama ke dalam Malaysia atau Kerajaan Thailand hendaklah disifatkan sebagai suatu pergerakan dalaman barang-barang itu.

[*Mas. Akta A960*]

163I. Duti kastam yang kena dibayar terhadap pengimportan ke dalam atau pengeksportan dari Kawasan Pembangunan Bersama.

(1) Duti import hendaklah kena dibayar terhadap semua barang-barang yang telah diimport ke dalam Kawasan Pembangunan Bersama.

(2) Duti eksport hendaklah kena dibayar terhadap semua barang-barang yang telah dieksport dari Kawasan Pembangunan Bersama.

BAHAGIAN XIXC

[Mas. Akta A1162]

PERUNTUKAN KHAS BERHUBUNGAN DENGAN TIOMAN

163J. Tafsiran.

[Mas. Akta A1162]

Dalam Bahagian ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"Tioman" ertinya Pulau Tioman dan pulau-pulau Soyak, Rengis, Tumok, Tulai, Chebeh, Labas, Sepoi dan Jahat;

"kawasan utama kastam" ertinya Malaysia tidak termasuk Labuan, Langkawi, Tioman dan Pangkor. [Pind. Akta A1593]

163K. Duti kastam berhubungan dengan Tioman.

[Mas. Akta A1162]

(1) Walau apa pun apa-apa jua yang memperuntukkan sebaliknya yang terkandung dalam Akta ini—

(*a*) tiada duti import boleh kena dibayar ke atas apa-apa barang-barang yang diimport ke Tioman, selain daripada barang-barang yang Menteri boleh isytiharkan dari semasa ke semasa melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*;

(*b*) tiada duti eksport boleh kena dibayar ke atas apa-apa barang-barang yang dieksport dari Tioman, selain daripada barang-barang yang Menteri boleh isytiharkan dari semasa ke semasa melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*;

(*c*) duti import hendaklah kena dibayar ke atas semua barang-barang berduti yang diangkut dari Tioman ke kawasan utama kastam seolah-olah pengangkutan ke kawasan utama kastam itu ialah pengimportan ke Malaysia;

(*d*) duti eksport hendaklah kena dibayar ke atas semua barang-barang berduti yang diangkut dari kawasan utama kastam ke Tioman bagi semua maksud seolah-olah pengangkutan dari kawasan utama kastam itu ialah pengeksportan dari Malaysia; dan

(*e*) Menteri boleh melalui perintah, menetapkan erti perkataan "nilai" berhubungan dengan barang-barang yang diangkut dari Tioman ke kawasan utama kastam.

(2) Subseksyen 11(2), (3), (4) dan (5) hendaklah terpakai bagi apa-apa perintah yang dibuat oleh Menteri di bawah perenggan (1)(*a*) atau (*b*).

(3) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh menjadikan tidak terpakai bagi Tioman apa-apa duti kastam lain yang boleh ditetapkan oleh Menteri di bawah subseksyen 11(1).

[*Mas. Akta A1162*]

163L. Pengangkutan barang-barang dari Tioman ke kawasan utama kastam atau dari kawasan utama kastam ke Tioman.

Jika barang-barang diangkut—

(*a*) dari Tioman ke kawasan utama kastam; atau

(*b*) dari kawasan utama kastam ke Tioman,

[*Pind. Akta A1593*]

peruntukan-peruntukan Akta ini, selain daripada seksyen-seksyen 81, 82, 83, 84, 85, 86 dan 87 dan perenggan 87A(1)(*b*), hendaklah dengan apa-apa pengubahsuaian dan penyesuaian sebagaimana yang perlu, terpakai seolah-olah barang-barang itu diimport ke dalam, atau mengikut mana-mana yang berkenaan, dieksport dari, kawasan utama kastam dari atau ke suatu tempat di luar Malaysia, dan tanpa menjejaskan keluasan makna di atas, peruntukan-peruntukan Bahagian XII hendaklah terpakai bagi barang-barang yang diangkut ke Tioman dari kawasan utama kastam atau dari Tioman ke kawasan utama kastam dan bagi orang dan kenderaan, vesel dan pesawat udara yang mengangkut barang-barang itu.

[*Mas. Akta A1162*]

163M. Perisytiharan tentang barang-barang yang diangkut dari Tioman ke kawasan utama kastam.

[*Pind. Akta A1593*]

Orang yang menjaga mana-mana kenderaan, vesel atau pesawat udara yang di atasnya barang-barang diangkut dari Tioman ke kawasan utama kastam hendaklah membuat suatu

perisytiharan yang pada keseluruhan isinya mengikut borang yang ditetapkan dengan memberi butir-butir tentang barang-barang yang diangkut dalam kenderaan, vesel atau pesawat udara itu.

163N. Barang-barang berduti hendaklah disifatkan sebagai tidak berduti semasa berada di Tioman. [*Mas. Akta A1162*]

Kecuali bagi maksud seksyen 48, apa-apa barang-barang berduti, selain daripada barang-barang yang diisytiharkan oleh Menteri di bawah perenggan 163K(1)(*a*) atau yang disifatkan sebagai telah pun diisytiharkan oleh Menteri di bawah seksyen itu hendaklah, semasa berada di Tioman, disifatkan sebagai barang-barang tidak berduti dan peruntukan-peruntukan Akta ini hendaklah ditafsirkan sewajarnya.

163O. Pemungutan duti di Tioman. [*Mas. Akta A1162*]

Dalam membuat peraturan-peraturan di bawah seksyen 142, Menteri boleh memperuntukkan pemungutan duti kastam yang kena dibayar di Tioman berkenaan dengan barang-barang yang diangkut atau hendak diangkut dari Tioman ke kawasan utama kastam atau ke Tioman dari kawasan utama kastam.

163P. Pemakaian Bahagian X bagi barang-barang yang diangkut ke Tioman. [*Mas. Akta A1162*]

Peruntukan-Peruntukan Bahagian X yang berhubung dengan pulang balik hendaklah terpakai bagi barang-barang selain daripada barang-barang yang diisytiharkan oleh Menteri di bawah perenggan 163K(1)(*a*) atau disifatkan sebagai telah diisytiharkan oleh Menteri di bawah seksyen itu, yang diangkut dari kawasan utama kastam ke Tioman seolah-olah barang-barang itu telah dieksport semula.

[Mas. Akta A1593]

BAHAGIAN XIXD

PERUNTUKAN KHAS BERHUBUNGAN DENGAN PANGKOR

[Mas. Akta A1593]

163Q. Tafsiran.

Dalam Bahagian ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

"Pangkor" ertinya Pulau Pangkor, Pulau Mentagor, Pulau Giam, Pulau Simpan, Pulau Tukun Terindak, Pulau Pelanduk, Pulau Anak Pelanduk, Pulau Landak, Batu Orang Tua dan Batu Jambal;

"kawasan utama kastam" ertinya Malaysia, tidak termasuk Labuan, Langkawi, Tioman dan Pangkor.

[Mas. Akta A1593]

163R. Duti kastam berhubungan dengan Pangkor.

(1) Walau apa pun apa-apa jua yang memperuntukkan sebaliknya yang terkandung dalam Akta ini—

(*a*) tiada duti import hendaklah kena dibayar ke atas apa-apa barang-barang yang diimport ke Pangkor, selain daripada barang-barang yang Menteri boleh isytiharkan dari semasa ke semasa melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*;

(*b*) tiada duti eksport hendaklah kena dibayar ke atas apa-apa barang-barang yang dieksport dari Pangkor, selain daripada barang-barang yang Menteri boleh isytiharkan dari semasa ke semasa melalui perintah yang disiarkan dalam *Warta*;

(*c*) duti import hendaklah kena dibayar ke atas semua barang-barang berduti yang diangkut ke kawasan utama kastam dari Pangkor seolah-olah pengangkutan ke kawasan utama kastam ialah pengimportan ke Malaysia;

(*d*) duti eksport hendaklah kena dibayar ke atas semua barang-barang berduti yang diangkut dari kawasan utama kastam ke Pangkor seolah-olah pengangkutan

dari kawasan utama kastam ialah pengeksportan dari Malaysia; dan

(*e*) Menteri boleh melalui perintah, menetapkan erti perkataan "nilai" berhubungan dengan barang-barang yang diangkut dari Pangkor ke kawasan utama kastam.

(2) Subseksyen 11(2), (3), (4) dan (5) hendaklah terpakai bagi apa-apa perintah yang dibuat oleh Menteri di bawah perenggan (1)(*a*) atau (*b*).

(3) Tiada apa-apa jua dalam seksyen ini boleh menjadikan tidak terpakai bagi Pangkor apa-apa duti kastam lain yang boleh ditetapkan oleh Menteri di bawah subseksyen 11(1).

163S. Pengangkutan barang-barang ke atau dari Pangkor dari atau ke kawasan utama kastam. [*Mas. Akta A1593*]

Jika barang-barang diangkut—

(*a*) dari Pangkor ke kawasan utama kastam; atau

(*b*) dari kawasan utama kastam ke Pangkor,

peruntukan Akta ini, selain daripada seksyen 81, 82, 83, 84, 85, 86 dan 87 dan perenggan 87A(1)(*b*), hendaklah dengan pengubahsuaian dan penyesuaian sebagaimana yang perlu, terpakai seolah-olah barang-barang itu diimport ke dalam atau, mengikut mana-mana yang berkenaan, dieksport dari, kawasan utama kastam dari atau ke suatu tempat di luar Malaysia, dan tanpa prejudis kepada keluasan makna di atas, Bahagian XII hendaklah terpakai bagi barang-barang yang diangkut ke atau dari Pangkor dari atau ke kawasan utama kastam dan bagi orang dan kenderaan, vesel dan pesawat udara yang mengangkut barang-barang itu.

163T. Perisytiharan barang-barang yang diangkut dari Pangkor ke kawasan utama kastam. [*Mas. Akta A1593*]

Orang yang bertanggungjawab bagi mana-mana kenderaan, vesel atau pesawat udara yang di atasnya barang-barang diangkut dari Pangkor ke kawasan utama kastam hendaklah

membuat suatu perisytiharan yang pada keseluruhan isinya di dalam borang yang ditetapkan dengan memberi butiran barang-barang yang diangkut dalam kenderaan, vesel atau pesawat udara itu.

[*Mas. Akta A1593*]

163U. Barang-barang berduti hendaklah disifatkan sebagai tidak berduti semasa berada di Pangkor.

Kecuali bagi maksud seksyen 48, apa-apa barang-barang berduti, selain daripada barang-barang yang diisytiharkan oleh Menteri di bawah perenggan 163R(1)(*a*), hendaklah semasa berada di Pangkor, disifatkan sebagai barang-barang tidak berduti dan peruntukan Akta ini hendaklah ditafsirkan sewajarnya.

[*Mas. Akta A1593*]

163V. Pungutan duti di Pangkor.

Dalam membuat peraturan-peraturan di bawah seksyen 142, Menteri boleh memperuntukkan pemungutan duti kastam yang kena dibayar di Pangkor berkenaan dengan barang-barang yang diangkut atau hendak diangkut dari atau ke Pangkor ke atau dari kawasan utama kastam.

[*Mas. Akta A1593*]

163W. Pemakaian Bahagian X bagi barang-barang yang diangkut ke Pangkor.

Peruntukan Bahagian X yang berhubung dengan pulang balik hendaklah terpakai bagi barang-barang, selain daripada barang-barang yang diisytiharkan oleh Menteri di bawah perenggan 163R(1)(*a*), diangkut dari kawasan utama kastam ke Pangkor seolah-olah barang-barang tersebut telah dieksport.

BAHAGIAN XX

VESEL PENCEGAH SINGAPURA

(*Dipotong*) [*Akta A1593*]

164. – 168. (*Dipotong*). [*Akta A1593*]

BAHAGIAN XXI

PEMANSUHAN

169. Pemansuhan dan kecualian.

(1) Undang-undang bertulis yang dinyatakan dalam Jadual adalah dengan ini dimansuhkan.

(2) Melainkan jika maksud sebaliknya terdapat dalam Akta ini—

(*a*) semua orang, benda dan hal keadaan yang dilantik atau diwujudkan oleh atau di bawah mana-mana undang-undang yang dimansuhkan oleh subseksyen (1) atau wujud atau berterusan di bawah mana-mana undang-undang itu sebelum sahaja Akta ini mula berkuat kuasa hendaklah, di bawah dan tertakluk kepada Akta ini dan peraturan-peraturan yang dibuat di bawahnya, terus mempunyai taraf kuat kuasa dan kesan yang sama yang mungkin akan dipunyai oleh mereka masing-masing seolah-olah undang-undang itu tidak dimansuhkan sedemikian; dan

(*b*) khususnya dan tanpa menyentuh keluasan makna perenggan (*a*) pemansuhan itu tidaklah menyentuh lesen, permit, pelantikan, perintah, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan yang dikeluarkan atau dibuat di bawah atau menurut kuasa undang-undang yang disebut terdahulu dan yang berkuat kuasa sebelum sahaja Akta ini mula berkuat kuasa dan lesen, permit, pelantikan, perintah, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan itu hendaklah terus berkuat kuasa dan kekal berkuat kuasa seolah-olah tiap-tiap lesen,

permit, pelantikan, perintah, kaedah atau peraturan itu dikeluarkan atau dibuat di bawah dan menurut kuasa Akta ini sehingga diganti atau dibatalkan oleh mana-mana lesen, permit, pelantikan, perintah, kaedah atau peraturan yang dibuat di bawah atau menurut kuasa Akta ini.

JADUAL
(Seksyen 169)

Ordinan Kastam 1952, Negeri-Negeri Tanah Melayu	P.T.M. Ordinan No. 42 Tahun 1952.
Ordinan Kastam Sabah	Sabah Bab 33.
Ordinan Kastam Sarawak ...	Sarawak Bab 26.

AKTA KASTAM 1967

(Akta 235)

SENARAI PINDAAN

Undang-undang yang meminda		*Tajuk ringkas*	*Berkuat kuasa dari*
Akta A12	...	Akta Kastam (Pindaan) 1969	s. 2: 2.11.1967; s.3: 28.3.1969
PU(A) 92/1970		Ordinan Darurat (Kuasa-Kuasa Perlu) No. 26, 1970 (Bahagian VI, Jadual Kedua)	8.3.1970
Akta 24	...	Akta Zon Perdagangan Bebas 1971	20.1.1972
Akta A147	...	Akta Kastam (Pindaan) 1972	6.10.1972
Akta A161	...	Akta Kastam (Pindaan) 1973	1.1.1973
Akta A187	...	Akta Kastam (Pindaan) (No. 2) 1973	30.3.1973
Akta A241	...	Akta Kastam (Pindaan) 1974	15.3.1974
Akta A313	...	Akta Kastam (Pindaan) 1975	15.8.1975
Akta 160	...	Akta Matawang Malaysia (Ringgit) 1975	29.8.1975
Akta A352	...	Akta Kastam (Pindaan) 1976	1.6.1976
Akta A434	...	Akta Mahkamah Rendah (Pindaan) 1978	1.7.1978
Akta 293	...	Akta Kewangan 1983	21.10.1983
Akta 329	...	Akta Kewangan (No. 2) 1986	1.1.1987
Akta A783	...	Akta Kastam (Pindaan) 1990	31.8.1990
Akta 438	...	Akta Zon Bebas 1990	5.9.1991
Akta 451	...	Akta Kewangan 1991	14.12.1990
Akta A873	...	Akta Kastam (Pindaan) 1994	4.3.1994
Akta A921	...	Akta Kastam (Pindaan) 1995	21.7.1995
Akta A960	...	Akta Kastam (Pindaan) 1996	13.9.1996
Akta 557	...	Akta Kewangan 1997	25.10.1996

Undang-undang yang meminda	*Tajuk ringkas*	*Berkuat kuasa dari*
Akta 578 ...	Akta Kewangan 1998	17.10.1997; (Kecuali perenggan 38(d) ss. 47, 48, 49, 51, 52, 53); 1.1.2000: [PU(B) 516/1999]
Akta A1057 ...	Akta Kastam (Pindaan) 1999	9.7.1999
Akta A1109 ...	Akta Kastam (Pindaan) 2001	6.7.2001
Akta A1162 ...	Akta Kastam (Pindaan) 2002	1.9.2002: [PU(B) 260/2002]
Akta A1181 ...	Akta Kastam (Pindaan) (No. 2) 2002	1.1.2003
Akta A1282 ...	Akta Kastam (Pindaan) 2007	1.4.2007: [PU(B) 108/2007] (kecuali s. 6, 8, 9 dan subseksyen 10(2), 10(3) dan 10(4)); 1.6.2007: [PU(B) 214/2007] – (s. 6, 8, 9 dan subseksyen 10(2), 10(3) dan 10(4)
Akta A1279 ...	Akta Kastam (Pindaan) 2006	22.11.2007: [PU(B) 430/2007]
Akta A1571 ...	Akta Kastam (Pindaan) 2018	1.9.2018: [PU(B) 511/2018]
Akta A1580 ...	Akta Kastam (Pindaan) (No.2) 2018	2.1.2019: [PU(B) 6/2019]
Akta A1593 ...	Akta Kastam (Pindaan) 2019	1.1.2020: [PU(B) 666/2019] (kecuali seksyen 69)
Akta A1628 ...	Akta Kastam (Pindaan) 2020	1.1.2021: [PU(B) 717/2020]

SENARAI UNDANG-UNDANG ATAU BAHAGIANNYA YANG DIGANTI

No.	*Tajuk*
62 tahun 1967	Akta Kastam 1967

Seksyen 10 Akta Kastam (Pindaan) 2007 (Akta A1282) adalah seperti berikut:

10. Kecualian dan peralihan.

(1) Walau apa pun peruntukan seksyen 3 Akta ini, apa-apa ketetapan kastam yang dibuat oleh Ketua Pengarah sebelum berkuatkuasanya seksyen itu, adalah disifatkan telah dibuat di bawah seksyen itu dan sah bagi tempoh tiga tahun dari tarikh berkuatkuasanya seksyen itu.

(2) Apa-apa rayuan di bawah seksyen 143 Akta ibu kepada Menteri yang dibuat sebelum tarikh ditetapkan dan masih belum selesai pada tarikh itu hendaklah, selepas tarikh ditetapkan, diteruskan seolah-olah Akta ibu tidak dipinda oleh Akta ini.

(3) Apa-apa rayuan di bawah seksyen 143A Akta ibu kepada Menteri yang dibuat sebelum tarikh ditetapkan dan masih belum selesai pada tarikh itu hendaklah, diteruskan seolah-olah Akta ibu tidak dipinda oleh Akta ini.

(4) Bagi maksud subseksyen (2) dan (3), "tarikh ditetapkan" ertinya tarikh yang ditetapkan oleh Menteri di bawah subseksyen 1(2).

Seksyen 14 Akta Kastam (Pindaan) 2018 (Akta A1571) adalah seperti berikut:

14. Kecualian.

Apa-apa rayuan di hadapan Tribunal yang didengar oleh anggota Tribunal yang bersidang seorang diri atau panel tiga orang anggota yang belum selesai sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini hendaklah, pada atau selepas tarikh permulaan kuat kuasa Akta ini, diteruskan untuk didengar dan diputuskan oleh anggota Tribunal yang bersidang seorang diri atau panel tiga orang anggota itu, mengikut mana-mana yang berkenaan, seolah-olah Akta ibu tidak dipinda oleh Akta ini.

Seksyen 125 Akta Kastam (Pindaan) 2019 (Akta A1593) adalah seperti berikut:

125. Peruntukan kecualian dan peralihan.

(1) Apa-apa lesen—

(*a*) yang diberikan di bawah seksyen 65A untuk menjalankan apa-apa proses pengilangan dan operasi lain berkenaan dengan barang yang boleh dikenakan duti kastam dan apa-apa barang lain; atau

(*b*) yang telah diberikan di bawah seksyen 91A kepada mana-mana orang yang bertindak sebagai pengangkut berlesen,

sebelum tarikh yang ditetapkan dan berkuat kuasa sebaik sebelum tarikh yang ditetapkan hendaklah, pada tarikh yang ditetapkan, terus kekal berkuat kuasa dan mempunyai kesan sehingga lesen habis tempoh, atau ditarik balik atau dibatalkan oleh Ketua Pengarah.

(2) Apa-apa kelulusan yang diberikan oleh Ketua Pengarah kepada mana-mana orang untuk menjadi orang yang diiktiraf untuk mendapat manfaat daripada prosedur pelepasan kastam yang dimudahkan sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah sebelum tarikh yang ditetapkan dan berkuat kuasa sebaik sebelum tarikh yang ditetapkan hendaklah, pada tarikh yang ditetapkan, disifatkan telah diberikan di bawah Akta ibu sebagaimana yang telah dipinda oleh Akta ini.

(3) Apa-apa perakuan tempat asal yang dikeluarkan atas nama Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri atau dewan perniagaan atau persatuan perniagaan yang dilantik oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri sebelum tarikh yang ditetapkan dan berkuat kuasa sebaik sebelum tarikh yang ditetapkan hendaklah, pada tarikh yang ditetapkan, terus kekal berkuat kuasa dan mempunyai kesan sehingga perakuan tempat asal itu habis tempoh, atau ditarik balik atau dibatalkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri atau dewan perniagaan atau persatuan perniagaan yang dilantik oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

(4) Apa-apa permohonan untuk—

(*a*) suatu lesen untuk menjalankan apa-apa proses pengilangan dan operasi lain berkenaan dengan barang yang boleh dikenakan duti kastam dan apa-apa barang lain di bawah seksyen 65A;

(*b*) suatu lesen untuk bertindak sebagai pengangkut berlesen di bawah seksyen 91A;

(*c*) suatu kelulusan untuk menjadi orang yang diiktiraf untuk mendapat manfaat daripada prosedur pelepasan kastam yang dimudahkan sebagaimana yang ditentukan oleh Ketua Pengarah; atau

(*d*) suatu perakuan tempat asal untuk dikeluarkan atas nama Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri atau dewan perniagaan atau persatuan perniagaan yang dilantik oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri,

yang dibuat sebelum tarikh yang ditetapkan dan yang belum selesai di hadapan Ketua Pengarah, atau Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri atau dewan perniagaan atau persatuan perniagaan yang dilantik oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, mengikut mana-mana yang berkenaan, sebaik sebelum tarikh yang ditetapkan hendaklah, pada tarikh yang ditetapkan, diuruskan mengikut peruntukan Akta ibu sebagaimana yang dipinda oleh Akta ini.

(5) Mana-mana pengimport, pengeluar atau pengeksport yang berdaftar dengan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri bagi maksud mengeluarkan suatu perakuan tempat asal sebelum tarikh yang ditetapkan hendaklah, pada tarikh yang ditetapkan, disifatkan telah berdaftar di bawah Akta ibu sebagaimana yang dipinda oleh Akta ini.

(6) Apa-apa pengkompaunan kesalahan di bawah seksyen 131 Akta ibu yang sedia ada yang belum selesai sebaik sebelum tarikh yang ditetapkan hendaklah, pada atau selepas tarikh yang ditetapkan, diteruskan sebagai kesalahan yang boleh dikompaun seolah-olah Akta ibu tidak dipinda oleh Akta ini.

(7) Dalam seksyen ini, "tarikh yang ditetapkan" ertinya tarikh yang ditetapkan oleh Menteri di bawah subseksyen 1(2) Akta ini bagi permulaan kuat kuasa Akta ini.